DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 5, 6, 7 dan 8 MEI 2008

bersamaan

28 DAN 29 RABIUL AKHIR 1429
- 1 DAN 2 JAMADIL AWAL 1429

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

Dicetak oleh:

PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD. Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-666 4611/4652/3601 Fax: 09-666 2611/1063 E-mail: spyit@tm.net.my

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 5 MEI 2008

Hari ISNIN,
5 MEI 2008

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 1]
2.	Perisytiharan Pembukaan Penggal	[Muka 5]
3.	Pemilihan Yang Dipertua	[Muka 8]
4.	Upacara Mengangkat Sumpah	[Muka 11]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Marilah kita sama-sama memulakan majlis ini dengan membaca ummul kitab Al-Fatihah.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Majlis Pelantikan Yang Dipertua Dewan dan Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada pagi ini akan dimulakan dengan - **Membaca Perisytiharan Memanggil Mesyuarat dan diikuti dengan Pemilihan Yang Dipertua Dewan serta Upacara Mengangkat Sumpah Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Selepas itu akan diadakan Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.**

Sekarang saya akan teruskan dengan membaca **PERISYTIHARAN:**

PERISYTIHARAN

OLEH **MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA** PADA MELAKSANAKAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN **PEMANGKU RAJA** DI BAWAH UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU.

xxx t.t. xxx

1. YANG TERAMAT MULIA
TENGKU SRI PANGLIMA RAJA, DK., SSMT.
(TENGKU BADERULZAMAN IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH)
Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja

Mohor Negeri

xxx t.t. xxx

2. YANG AMAT MULIA
TENGKU SRI LAKSAMANA RAJA, DK., SPMT.
(TENGKU SULAIMAN IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH)
Ahli Majlis Penasihat Pemangku Raja

xxx t.t. xxx

3. YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' ABDUL KADIR BIN SULAIMAN,
SPMT., PGDK., DMPN., PJK.
Ahli Majlis Penasihat Pemangku Raja

BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Kesebelas telah dibubarkan pada 13 Februari 2008:

DAN BAHAWASANYA Syarat (4) Fasal 44 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) memperuntukkan bahawa Dewan Undangan Negeri yang baharu hendaklah dipanggil untuk bermesyuarat pada suatu tarikh tidak lewat daripada sembilan puluh hari daripada tarikh pembubaran itu:

DAN BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah dipilih ke jawatan Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa mulai 13 Disember 2006:

DAN BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah melantik **KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TENGKU MUHAMMAD ISMAIL IBNI SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**, Waris Ganti, sebagai **PEMANGKU RAJA**, selama tempoh Baginda memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, dan selagi tempoh itu berterusan, untuk mewakili Baginda pada menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Raja Negeri ini sebagaimana yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu:

DAN BAHAWASANYA oleh sebab **PEMANGKU RAJA** adalah Waris Ganti yang belum *mukallaf*, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantik suatu **MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA** untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan **PEMANGKU RAJA** mengikut Syarat (2) Fasal 16AA Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua):

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN KAMI, **MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA**, pada melaksanakan kewajipan **PEMANGKU RAJA** di bawah Fasal 44 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Undangan Negeri bermesyuarat

dan menetapkan 5 Mei 2008 bersamaan dengan 28 Rabiul Akhir 1429 pada pukul 9.30 pagi sebagai tarikh dan masa bagi Mesyuarat Pertama dalam Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Kedua belas yang akan diadakan di dalam Dewan Undangan Negeri di Kuala Terengganu.

Dibuat di Istana Tetamu, Kuala Terengganu

pada 30 April 2008 bersamaan dengan 23 Rabiulakhir 1429.

[SUK.TR.637/ (C) BHG.5]

Dengan Titah Perintah,

xxx t.t. xxx

DATO' AHMAD BIN SAID
Menteri Besar Terengganu

PEMILIHAN YANG DIPERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 27A Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dan mengikut Fasal 1 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini akan diteruskan dengan memilih seorang Yang Dipertua Dewan.

Saya telah menerima satu surat daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bertarikh 27 April 2008 memberitahu cadangan Yang Amat Berhormat Dato' hendak mengemukakan calon untuk dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan dan calon yang akan dicadangkan itu juga telah memberikan kesanggupan berkhidmat sekiranya beliau dipilih. Ini adalah menepati dengan kehendak Fasal 2(1) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mengemukakan cadangan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan hormatnya memohon membuat cadangan seperti berikut:

> **Bahawa saya cadangkan Yang Mulia Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang mengambil tempat di dalam Dewan ini sebagai Yang Dipertua Dewan.**

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menyokong cadangan itu. Terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Fasal 2(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan, saya dengan ini memasyhurkan bahawa **Yang Mulia Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang** dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan.

Saya mempersilakan **Yang Berhormat Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang** untuk mengangkat sumpah dan mengambil tempatnya sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG MULIA DATO' TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG SEBELUM MENGAMBIL TEMPAT YANG DIPERTUA DEWAN, MENGANGKAT SUMPAH MEMEGANG JAWATAN YANG DIPERTUA DEWAN DI HADAPAN SETIAUSAHA DEWAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Pertama-tamanya saya bersyukur kepada Allah S.W.T. dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian yang sudi memilih dan menyokong pelantikan saya sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu pada kali ini.

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, inilah satu amanah dan insya Allah saya berikrar juga marilah sama-sama kita berikrar untuk melaksanakan amanah yang diberikan ini dengan sebaik-baik, dengan sesempurna-sempurnanya dan sedaya kemampuan, insya Allah kemampuan saya dan kemampuan kita semua. Walau bagaimanapun, saya memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan penuh keikhlasan supaya sama-sama kita menjadikan sidang Dewan yang kita muliakan ini dengan penuh sempurna, berjaya dan mencapai hasrat rakyat yang kita wakili.

Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, kita rasa sangat bertuah pada sidang Dewan kali ini kita mempunyai satu ataupun seorang Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di Dewan kita juga mempunyai dua orang bekas Menteri Besar, kitapun mempunyai jugak bekas-bekas Exco daripada dua-dua belah pihak, Ahli Parlimen juga, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpengalaman dan dalam bidang-bidang profesional masing-masing. Dengan gandingan yang terbaik ini, insya Allah kita percaya ia akan dapat menyumbangkan suatu sumbangan yang terbaik untuk Negeri Terengganu yang kita kasihi ini. Marilah kita gunakan Dewan ini dengan penuh saksama, dengan mengikut peraturan-peraturan Dewan yang telah sedia kita maklum. Mari kita berbincang dan kita bertindak mengikut kebijaksanaan, mengikut akal yang waras dan insya Allah akan menjadi kebanggaan rakyat dan Negeri Terengganu yang kita cintai.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga berikrar insya Allah akan cuba dan tidak akan teragak-agak akan menggunakan kuasa-

kuasa Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri untuk mempastikan peraturan-peraturan kita patuhi demi menjaga mesyuarat kita sehingga berjaya mencapai matlamatnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, di belakang kita semua ini kalau dilihat ialah ketua-ketua jabatan yang mempastikan pelaksanaan yang kita putuskan di sini tapi bukan sahaja mereka ini daripada jabatan-jabatan yang tertentu tapi mereka juga adalah pengundi kita, rakyat kita malah sidang kita ini dipertontonkan, diperlihatkan kepada rakyat di seluruh negeri, seluruh negara, malah saya difahamkan ke seluruh dunia. Maka menjadi tanggungjawab kita, menjadi pegangan kita untuk mempastikan insya Allah penilaian ataupun penghargaan yang akan diberikan oleh rakyat adalah yang terbaik kepada Ahli Yang Berhormat sekalian. Jangan kita lihat peristiwa-peristiwa sekarang ini hangat diperkatakan seolah-olah Ahli-ahli Yang Berhormat ini mempunyai kepentingan ataupun tidak mempunyai etika dan sebagainya. Insya Allah tidak akan berlaku di Dewan Undangan Negeri kita ini.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan yang saya hormati sekalian. Ibarat kata pantun lama:

Ilmu memikat guna-guna,
Banyak dipakai kelana teruna,
Selamat bermesyuarat penuh bijaksana,
Kita dihormat lagi berguna.

Terima kasih, wallahuwa'lam. Wabilahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Sebelum Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan dimulakan, saya mohon izin untuk menangguhkan sekejap Dewan ini. Pohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat agar kekal di tempat kerusi masing-masing.

BENTARA MESYUARAT, SETIAUSAHA DEWAN DAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN BERARAK KELUAR DEWAN DAN MASUK SEMULA DIDAHULUI DENGAN BENTARA MESYUARAT MEMBAWA COKMAR.

UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, majlis disambung semula.

Sekarang saya akan mulakan **UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN**. Bagi memulakan upacara ini, saya dengan segala hormatnya menjemput dan kepada ahli-ahli yang belum dijemput saya harap bersedia:

1. Yang Amat Berhormat Menteri Besar
   Dato' Ahmad bin Said
   (Wakil Kijal)

2. Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
   (Wakil Seberang Takir)

3. Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad
   (Wakil Pengkalan Berangan)

4. Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said
   (Wakil Teluk Pasu)

5. Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera
   (Wakil Cukai)

6. Y.B. Haji Asha'ari bin Idris
   (Wakil Langkap)

7. Y.B. Toh Chin Yaw
   (Wakil Bandar)

8. Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd Adib
   (Wakil Rantau Abang)

9. Y.B. Haji Khazan bin Che Mat
   (Wakil Batu Rakit)

10. Y.B. Rozi bin Mamat
    (Wakil Telemong)

11. Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar
(Wakil Kuala Besut)

12. Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh
(Wakil Jertih)

13. Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid
(Wakil Ajil)

14. Y.B. Dato' Haji Din bin Adam
(Wakil Bukit Besi)

15. Y.B. Haji Alias bin Abdullah
(Wakil Alur Limbat)

16. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad
(Wakil Hulu Besut)

17. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)

18. Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah
(Wakil Paka)

19. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh
(Wakil Tepoh)

20. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail
(Wakil Kuala Berang)

21. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Kota Putera)

22. Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
(Wakil Permaisuri)

23. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)

24. Y.B. Ir. Rosli bin Othman
(Wakil Kemasik)

25. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)

26. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)

27. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)

28. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)

29. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)

30. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
(Wakil Sura)

31. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)

32. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dan kesempurnaan yang kita langsungkan sebentar tadi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada peraturan, Perkara 30 yang saya pohon izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk menangguhkan Dewan yang mulia ini bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu, perkara yang mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Dan saya ingin membawa Usul, bahawa Dewan hendaklah sebelum meneruskan urusan yang telah dijadualkan ditangguhkan untuk membahaskan secara khusus dan terperinci mengenai kepatuhan kepada Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri bagi Negeri Terengganu khususnya Fasal 26(1), (2) dan (4) yang telah tidak dipatuhi dan dibelakangkan.

Saya pohon izin Dato' Yang Dipertua Dewan agar saya dapat memberikan penjelasan mengenai Usul yang saya bawa ini. Yang pertamanya, hak mengemukakan soalan di bawah Fasal 24(1). Mana-mana Ahli Dewan mempunyai hak dan kepentingan untuk mengemukakan soalan dengan menyampaikan soalan-soalan kepada Setiausaha Dewan dan alhamdulillah, saya telah menyempurnakannya mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan yang kemudiannya daripada ini dipanggil Peraturan Dewan. Soalan-soalan saya dan juga soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah ditolak dengan tidak menepati peraturan dan peruntukan Dewan, kegunaan Fasal 26(2) dan *subclause* di bawahnya tidak menepati maksud dan pengertian yang sebenar. Saya akan memberikan beberapa contoh satu persatu tentang penolakan soalan-soalan yang telah dibuat. Hak menolak soalan-soalan di bawah Fasal 26(4). Fasal 26(4) hanya memberi kuasa kepada Yang Dipertua iaitu Speaker dan hanya Yang Dipertua Dewan sahaja yang boleh memutuskan sama ada soalan daripada Ahli Dewan akan diterima ataupun soalan itu ditolak. Seperti mana yang Dewan dan Ahli-ahli Dewan tersedia maklum kita baru sahaja selesai memilih Yang Dipertua Dewan ini bagi penggal pertama, Dewan Undangan Negeri Bagi Kali Yang Kedua Belas. Tiada Yang Dipertua yang memiliki kuasa hakiki mengikut penafsiran Peraturan Dewan selepas Pembubaran Dewan Yang Kesebelas yang lepas. Yang Dipertua Dewan dalam *Caretaker* dengan izin, pentadbiran tidak memiliki kuasa. Mengikut surat yang saya terima daripada Setiausaha Dewan yang secara mentah-mentah menolak 10 daripada 11 soalan saya berbunyi bahawa:

> **"Soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat telah diteliti dan didapati soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini ditolak."**

Ianya tidak menyatakan siapa yang membuat telitian yang dibuat ini. Peraturan Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Baru disebut tadi oleh Yang Berhormat Batu Burok, Yang Dipertua baru dilantik, jadi saya ingat izinkan saya tangguhkan sebentar mesyuarat kita ini kerana urusan agenda mesyuarat kita hari ini telah kita

putuskan. Jadi saya mintak tangguhkan oleh kerana Yang Berhormat bangkitkan Usul sebentar tadi, jadi untuk saya kaji dan perihalkan perkara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sebentar Dewan yang mulia ini.

BENTARA MESYUARAT, SETIAUSAHA DEWAN DAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN BERARAK KELUAR DEWAN DAN MASUK SEMULA DIDAHULUI DENGAN BENTARA MESYUARAT MEMBAWA COKMAR.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah saya meneliti separuh ataupun Usul yang belum penuh diusulkan oleh Wakil Batu Burok sebentar tadi. Saya dapati untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telahpun menghantar dan juga memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa urusan mesyuarat pada hari ini adalah hanya untuk urusan pelantikan Yang Dipertua Dewan dan mengangkat sumpah Ahli-ahli Dewan dan besok, 6hb ialah untuk Perasmian Dewan. Maka sekiranya ada sebarang Usul selain daripada dinotis dan sebagaimana mengikut peraturan, maka boleh Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan pada 7hb. hari Rabu ataupun 8hb hari Khamis. Jadi itulah, setelah saya menerima Usul daripada ini, saya ingat Yang Berhormat boleh membangkitkan pada hari berkenaan. Kemudian urusan kita selepas ini adalah untuk bergambar sepenuhnya Ahli-ahli Dewan yang kita telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Dan saya harap .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Usul yang saya bawa ini berkaitan dengan soalan. Jadi kalau saya nak bawa pada hari Rabu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... siapa yang akan menjawab soalan-soalan saya? Soalan yang ditolak pada saya ini adalah soalan-soalan yang mengenai Negeri Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Pertanian Negeri, Kadar Jenayah Negeri Terengganu, Kesihatan, Pendidikan. Perkara-perkara yang kita kira *basic* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... tapi ditolak mentah-mentah oleh Setiausaha Dewan. Jadi kalau saya nak bawak hari Rabu, macam mana, siapa yang nak buat pertimbangan kepada soalan-soalan *basic* yang saya kemukakan kepada Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ucap terima kasih Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, urusan yang kita telah atur, yang kita hormati dan insya Allah saya akan meneliti ruang dan waktu yang sebaik-baiknya mengikut peraturan. Jadi kita putuskan hari ini majlis kita ini sebenarnya dah selesai. Ya, saya sudah ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi atas urusan, kerjasama dan kesempurnaan yang diberikan kepada Dewan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas ini saya pohon terus sebelum kita minum, saya pohon terus ke Foyer depan untuk kita bergambar termasuk semua Ahli Yang Berhormat dan insya Allah Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput lepas itu untuk bergambar secara individu di Bilik Rehat sebelah kanan saya. Ini jugak penting kerana ini urusan penyediaan Kad Kenal Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya difahamkan Ahli-ahli Exco telahpun bergambar. Jadi sambil kita bergilir, Yang Berhormat bolehlah minum ketika itu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah selesai dengan sempurnanya Majlis Angkat Sumpah Ahli-ahli Dewan dan saya memohon kepada Allah S.W.T. mudah-mudahan limpah kurniaNya pada kita semua dan urusan kita semua sepanjang perjalanan mesyuarat nanti. Dengan itu saya menangguhkan Persidangan ini kepada hari esok, 6hb. Mei 2008 tepat jam 9.30 dengan urusan yang telah diberitahu dan marilah kita bersama-sama membaca Surah Wal'asri untuk mempastikan keuntungan kita dapat perbincangan ataupun urusan kita ini.

Terima kasih. Saya tangguhkan mesyuarat ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 6 MEI 2008

Hari SELASA,
6 MEI 2008

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 17]
2.	Doa.	[Muka 21]
3.	Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja	[Muka 21]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

UCAPAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan dan berkat petunjuk serta limpah rahmat-Nya dapat kita menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini.

Kita bersyukur kerana Pilihan Raya Umum ke 12 telah dapat diadakan pada 8 Mac 2008 yang lalu dengan aman. Rakyat telah dapat menunaikan kewajipan mereka memilih pemimpin dan kerajaan selaras dengan Sistem Demokrasi Raja Berparlimen. Kita mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dan Y.A.B. Menteri Besar Terengganu kerana Barisan Nasional telah dapat mengekalkan kemenangan dalam Pilihan Raya Umum tersebut sekaligus mengekalkan kesinambungan kerajaan bagi memastikan dasar dan polisi pembangunan negara dan negeri dapat diteruskan. Keputusan Pilihan Raya lepas memberi mesej yang jelas mengenai kehendak rakyat yang mahukan perubahan, pelaksanaan dasar dan polisi yang lebih telus dan penyelesaian terhadap kepelbagaian tuntutan rakyat semasa. Oleh itu, pemimpin yang dipilih dan kerajaan yang dibentuk hendaklah menunaikan semua amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan adil, saksama dan jujur.

Lanjutan daripada keputusan Pilihan Raya tersebut, isu-isu yang berbentuk perkauman seperti hak keistimewaan orang-orang Melayu dan Perlembagaan Malaysia telah diungkit kembali dan telah sedikit sebanyak menggugat kestabilan

politik negara. Oleh itu, segala usaha hendaklah diambil bagi mengekalkan kestabilan politik dan hubungan baik antara kaum di negara ini. Tanpa keharmonian kaum, ketenteraman awam dan kestabilan politik, usaha-usaha pembangunan negeri akan terjejas. Justeru, kita menggesa seluruh lapisan rakyat terus mengekalkan semangat muhibah dan hormat-menghormati antara kaum yang merupakan asas keamanan dan kemajuan yang dinikmati selama ini.

Satu perkara lagi yang boleh menjejaskan keharmonian hidup masyarakat ialah isu kenaikan harga barangan akibat kenaikan harga minyak. Di dalam hubungan ini, kita berharap sekalian rakyat agar menghadapi isu ini dengan penuh bijaksana dengan berbelanja secara berhemah. Kepada para peniaga pula janganlah mengambil kesempatan ini dengan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya atau menyorok barang-barang keperluan harian bagi mengaut keuntungan berlebihan.

Bagi memastikan kehidupan rakyat terus selesa, aspek kebersihan hendaklah terus diberi perhatian. Justeru kita mahu semua rakyat, jabatan serta agensi awam terutama Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO mempergiatkan usaha supaya budaya bersih dan indah sentiasa menjadi amalan harian penduduk. Selain dari menceriakan keadaan sekitar, kebersihan juga akan mencegah dari berlakunya wabak penyakit seperti penyakit denggi.

Cabaran paling utama Kerajaan kita ialah untuk mengubah mind-set rakyat supaya mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Membudayakan elemen "Beri, Cipta dan Laksana" dengan semangat "Kita Boleh" bertepatan bagi merealisasi perubahan ini. Oleh itu, rakyat seharusnya mengamalkan budaya memberi, mencipta dan bukannya meminta. Mentaliti subsidi perlulah dikikis sama sekali oleh setiap lapisan rakyat. Budaya "Kita Boleh" pula mengajak kita supaya berani untuk melakukan sesuatu perubahan khususnya yang akan memberi kebaikan kepada kita semua.

Kita berbangga kerana halacara pembangunan negeri yang terkandung di dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu [RPNT] Tahun 2004-2008 telah dan sedang dilaksanakan bagi memacu kemajuan negeri dan masyarakat ke arah menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Kita percaya matlamat Kerajaan untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran bagi mewujudkan masyarakat yang syumul duniawi dan ukhrawi di negeri ini akan tercapai melalui pengamalan nilai-nilai sebagaimana terkandung di dalam konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari. Di dalam merancang aktiviti-aktiviti pembangunan ini kita berharap Kerajaan akan memberi penekanan kepada aspek berikut:

- Memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta mempelbagaikan asas ekonomi negeri khususnya di dalam sektor pelancongan, pertanian, perkhidmatan serta inovasi dan kreativiti;

- Meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan mereka terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar;

- Mempertingkatkan program-program modal insan dengan mewujudkan gunatenaga berkemahiran dan berpengetahuan;

- Mengurangkan ketidak seimbangan tahap sosio ekonomi antara kawasan;

- Membentuk masyarakat yang lebih inovatif, dan meninggikan daya pengeluaran dan kecekapan ke arah peningkatan produktiviti dan daya saing di dalam semua sektor.

Mengimbas kembali pencapaian Kerajaan dalam tempoh RPNT, kita merasa amat bangga kerana banyak kejayaan telah dicapai di dalam berbagai sektor dan rakyat telah mengalami perubahan melalui pelaksanaan pelbagai program dan projek. Kerajaan telah memberi penekanan kepada empat (4) teras tema pembangunan iaitu Pendidikan, Pertanian, Sains & Teknologi dan Pelancongan seiring dengan Tahun Melawat Terengganu. Paling menyerlah ialah kejayaan dalam bidang pendidikan. Ia memperlihatkan kesungguhan Kerajaan dalam membangunkan modal insan. Kita juga turut berbangga melihat kejayaan mengekalkan tradisi kecemerlangan di dalam peperiksaan UPSR. Kita berharap usaha-usaha dapat diambil bagi memastikan kejayaan yang sama dicapai bagi peperiksaan PMR, SPM dan STPM.

Bagi sektor Sains & Teknologi pula, pelbagai program dilaksanakan dalam usaha membentuk sebuah masyarakat saintifik dan berteknologi dengan menyemai budaya kreativiti dan inovatif di kalangan rakyat negeri. Program-program seperti Bestari.Comm, penambahan keupayaan infrastruktur Terengganu*Net, Terengganu Electronic Government yang meliputi eAduan, ePBT, ePayment, ePMS [Program Monitoring System], eKemiskinan, eZakat, dan eMunakahat di samping sistem sedia ada di Pejabat Tanah seperti eMohon dan eConsent. Program ini adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sebagai usaha untuk menstrukturkan semula asas ekonomi negeri daripada industri berasaskan sumber kepada industri perkhidmatan berasaskan pengetahuan Kerajaan pula telah memperkenalkan e-Farm iaitu Program Pembangunan Tenaga Mahir Multimedia yang bermatlamat mewujudkan 4,000 orang tenaga kerja dalam bidang ICT.

Pertumbuhan ekonomi negara yang baik turut memberi kesan positif kepada Negeri Terengganu. Pada tahun 2007, pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu

adalah pada kadar 5.5%. Bagi tahun 2008, Kerajaan Negeri mensasarkan pertumbuhan ekonomi negeri pada kadar 5.8%. Bagi melaksanakan pelbagai program dan projek di Terengganu Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM7.2 billion di dalam RMK-9. Bagi tempoh yang sama, Kerajaan Negeri pula memperuntukkan RM4.1 billion. Memandangkan peruntukan yang begitu besar disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kita berharap penyelarasan dan kerjasama yang berkesan di antara setiap agensi Kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat akan wujud dan bertambah kukuh supaya peruntukan yang telah diluluskan itu dapat dibelanja dan dimanfaat sepenuhnya oleh rakyat negeri.

Tahap pembangunan Negeri Terengganu akan bertambah pesat lagi berikutan dengan pelancaran Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur [ECER] pada 29 Oktober 2007 yang lalu. Dengan visi menjadi Wilayah Maju Menjelang 2020, Pelan Induk Pembangunan ini adalah untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi negeri-negeri di Pantai Timur, yang sekian lama ketinggalan dalam banyak aspek berbanding dengan negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung. Dengan peruntukan RM112 billion, 227 projek yang telah dikenal pasti dan 560,000 peluang pekerjaan yang dijangka dapat diwujudkan di mana 164,000 daripadanya adalah di Negeri Terengganu, pelaksanaan ECER akan dapat memberi manafaat yang besar kepada setiap lapisan masyarakat di negeri kita. Oleh yang demikian, seharusnya para usahawan dan tenaga kerja memanfaatkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan yang akan diwujudkan ini.

Bagi memastikan pelaksanaan ECER, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan melantik seorang CEO serta menubuhkan sekretariat ECER dan Jawatankuasa Penyelarasan & Pelaksanaan ECER Negeri Terengganu. Empat [4] teras utama pembangunan ECER juga telah dikenalpasti iaitu:

[i] Pendidikan
[ii] Pelancongan
[iii] Petroleum, Gas & Petrokimia
[iv] Pertanian.

Di bawah teras Pendidikan dan Pelancongan, Negeri Terengganu telah dikenali sebagai Gerbang Kecemerlangan Pendidikan dan Pelancongan. Sehubungan itu, kita mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang berketerampilan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan menerusi penubuhan lebih banyak pusat pendidikan seperti universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran dan taman ilmu. Pembinaan UDM dan Taman Ilmu sebagai contoh adalah menepati tuntutan ini di samping bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi daerah utara khususnya Besut.

Satu sektor yang masih belum dieksploitasi sepenuhnya ialah pelancongan. Dalam konteks ECER, Kuala Terengganu telah dikenalpasti sebagai gerbang masuk pelancongan [tourism gateway]. Oleh itu, kita berharap penekanan pembangunan akan diberi kepada pelancongan persisiran pantai dan pulau, pelancongan mesra alam dan pelancongan, kebudayaan dan warisan selaras dengan kelebihan negeri kita dari segi alam semulajadi, warisan dan budaya.

Sempena Tahun Melawat Terengganu kita gembira kerana Kerajaan telah merangka pelbagai program bagi sepanjang tahun 2008 sebagaimana yang tertera di Calendar of Events. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sekurang-kurang RM61.59 juta dalam tahun semasa bagi membiayai pelbagai program dan projek pelancongan. Kita berpuas hati kerana terdapatnya peningkatan kedatangan pelancong baik pelancong asing mahupun pelancong tempatan ke negeri ini. Pada tahun lepas kita dimaklumkan jumlah kedatangan pelancong adalah 2.80 juta orang dan tahun ini disasarkan kepada 3.5 juta orang.

Kita sedar pembangunan sukan berprestij boleh menarik pelancong. Acara seperti Monsoon Cup Terengganu, Rainforest Challenge Terengganu dan World Endurance telah meletakkan nama Negeri Terengganu di peta dunia. Ia membuktikan bahawa rakyat tempatan mampu menjayakan program-program bertaraf dunia. Pada tahun ini, Negeri Terengganu bakal menjadi tuan rumah untuk World Endurance Championship 2008. Oleh itu, kita berharap Kerajaan akan dapat mengatur persiapan dengan sewajarnya dan menyediakan program-program tertentu bagi membolehkan para pengunjung mengambil peluang mengunjungi tempat-tempat menarik yang lain semasa menghadiri kejuaraan Endurance tersebut. Kita turut merasa bangga kerana Negeri Terengganu satu-satunya negeri di dunia yang mempunyai taman tema berunsurkan Islam iaitu Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man. Kita difahamkan Bazar Warisan, Kompleks Perniagaan Paya Keladi dan Kompleks Perniagaan Paya Bunga telah siap pembinaannya dan akan dibuka tidak lama lagi. Ini akan menambah daya tarikan kepada pengunjung untuk membeli belah di Bandar Kuala Terengganu sekaligus memperlihatkan peningkatan akitiviti ekonomi di bandar ini.

Satu lagi sektor yang penting ialah perkilangan yang memberi sumbangan kepada KDNK sebanyak 18.9% pada tahun 2007. Pelaburan langsung ke negeri ini yang berjumlah melebihi RM6 billion tahun 2007 mampu mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan. Bagi menarik dan meningkatkan pelaburan langsung sama ada pelabur asing mahupun tempatan Kerajaan Negeri telah menubuhkan Invest Terengganu sebagai one stop centre. Di bawah inisiatif ECER pula, kita berharap Projek Kelompok Industri Plastik Kertih [KIPK] di Lot Q akan segera dilaksanakan kerana ia akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri plastik dan IKS di samping menjadi daya penarik kepada pelabur domestik dan

pelabur asing menceburi industri plastik dan industri berkaitan plastik di ECER. Projek ini akan membuka peluang perniagaan kepada para penyedia perkhidmatan di samping membantu pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran kepada IKS tempatan yang menceburi industri plastik dan bidang-bidang berkaitan.

Kerajaan Negeri juga terus memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk memajukan sektor IKS. Kita dimaklumkan antara projek yang dilaksanakan ialah Desa Ukiran Kayu di Besut, Pembinaan Kompleks Usahawan Terengganu di Kg. Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu dan Galeri Songket Seri Endon di Tanjung Bunut, Kuala Terengganu yang akan menjadi 'hot spot' baru pelancongan Negeri Terengganu. Projek-projek ini menjadi platform kepada usahawan untuk memajukan dan mengukuhkan serta memperluaskan pasaran produk-produk mereka melalui pameran, pusat rekabentuk, R&D, konsep perkedaian francais dan perkedaian khusus.

Menyentuh mengenai kedudukan petani, nelayan dan penternak di negeri ini, kita gembira kerana Kerajaan terus memberi keutamaan kepada sektor pertanian. Dalam hubungan ini kita sarankan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengubah kaedah pengeluaran pertanian secara tradisional dan tidak berteraskan komersial kepada satu kaedah berteraskan komersial dan moden bagi membantu petani dan pekebun meningkatkan daya saing dan pendapatan mereka. Selaras dengan usaha membangunkan sektor pertanian, kita mendapat tahu Kerajaan telah menubuhkan Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn. Bhd. [TADC] yang menjadi sebuah syarikat 'trading house' berasaskan pertanian dengan keupayaan bertaraf dunia. Beberapa projek yang sedang dilaksanakan telah mencapai kejayaan. Antaranya Program Sutratani di Telaga Papan, Setiu, Program Eksport Melon ke Eropah dan 'High Impact Project' ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir. Kita mengharapkan dan menyaran agar program-program pertanian dan perikanan ini dapat dituruti bersama oleh golongan miskin dan TADC bertindak sebagai 'marketing agent' kepada pengeluaran hasil pertanian dan perikanan.

Salah satu agenda utama pembangunan negeri kita ialah membasmi kemiskinan. Dengan pelbagai usaha yang telah dilakukan, kita gembira mendapat tahu kadar kemiskinan Negeri Terengganu telah dapat dikurangkan daripada 15.4% pada tahun 2004 kepada 6.5% pada tahun 2007. Dalam tempoh yang sama kadar Miskin Tegar pula telah menurun daripada 4.4% kepada 0.8%. Oleh itu, kita yakin matlamat untuk mengurangkan kadar kemiskinan mutlak dari 15.4% pada tahun 2004 kepada 2.8% dan bilangan Miskin Tegar disifarkan pada tahun 2010 akan tercapai. Bagaimanapun, ini memerlukan usaha dan tumpuan yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Negeri. Bagi mencapai objektif ini program yang disasarkan terus kepada kumpulan miskin tertentu hendaklah diteruskan dan ditingkatkan.

Kita menyarankan supaya penekanan menyeluruh dasar dan program membasmi kemiskinan diberi kepada peningkatan pendapatan isi rumah miskin supaya dapat berdikari. Dengan peruntukan yang besar iaitu RM287 juta bagi RMK-9 dan RM30 juta peruntukan tahunan Kerajaan Negeri bagi pelbagai program dan projek, kita mahu penyampaian dan pemantauan program pembasmian kemiskinan serta penyelarasan antara agensi pelaksana dipertingkatkan bagi memastikan objektif dicapai dengan lebih berjaya. Pada masa yang sama rakyat juga perlu memainkan peranan untuk menyokong usaha-usaha membasmi masalah kemiskinan ini. Golongan miskin mesti mengubah mentaliti supaya tidak terbelenggu dalam kemiskinan dan minda kerana Kerajaan telah menghulurkan pelbagai bantuan termasuk kewangan dan tempat tinggal yang lebih baik. Oleh itu golongan miskin janganlah sentiasa mengharapkan bantuan Kerajaan tanpa berusaha untuk mengubah kehidupan dan meningkatkan ekonomi masing-masing.

Mengenai kemudahan asas dan prasarana, Kita dapati Kerajaan telah meningkatkan kemudahan tersebut. Antaranya Pembinaan LPT II akan meningkatkan kemudahsampaian dan menjadi pemangkin untuk merancakkan pembangunan Negeri Terengganu yang secara tidak langsung akan menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan. Penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Mahmud pula akan memudah dan mengalakkan kedatangan pelancong serta pelabur di samping memenuhi keperluan penduduk tempatan. Kita dimaklumkan bakal-bakal haji daripada negeri kita akan berpeluang ke Mekah pada tahun ini melalui penerbangan terus daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud ini. Bagaimanapun selain daripada melaksanakan projek-projek perdana ini, kita berharap Kerajaan akan melaksanakan projek-projek lain bagi kepentingan awam seperti masjid, jambatan, jalan-jalan kampung, telekomunikasi, bekalan air, lektrik dan sebagainya. Tindakan ini perlu memandangkan kepada pertambahan penduduk dan meningkatnya keperluan kepada kemudahan-kemudahan tersebut.

Bagi meningkatkan pengangkutan awam, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Negeri [MAPAN] bagi menyelaras dan merancang perkhidmatan pengangkutan awam di Terengganu. Sebuah syarikat pula ditubuhkan untuk mengendalikan perkhidmatan bas bandar dan bas antara daerah yang dikenali sebagai 'Cas Ligas'. Sebagai usaha penjenamaan semula, pengusaha teksi dan kereta sewa diberi bantuan dengan harapan akan meningkatkan imej negeri kerana penganjuran beberapa festival seperti Tahun Melawat Terengganu, SUKMA 2008 dan sebagainya.

Mengenai perumahan, kita dapati Kerajaan telah memberi penumpuan yang bersungguh-sungguh bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal yang selesa terutama kepada golongan berpendapatan rendah. Kita mendapat tahu sehingga kini Kerajaan telah membina hampir 5,000 buah rumah PPRT dan 5,000 unit

lagi telah dibaik pulih untuk golongan miskin. Di samping itu, termasuk dalam cadangan ialah pembinaan 4,500 buah rumah awam kos rendah di seluruh negeri.

Dalam merencanakan pembangunan, pembangunan pusat-pusat pertumbuhan desa telah diberi penekanan semula oleh Kerajaan. Bagaimanapun, kita dapati pelaksanaan pembangunan ini belum mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mempercepatkan pelaksanaannya kerana ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan setempat khususnya pekan serta kampung-kampung sekitarnya.

Kita juga akui pentingnya peranan Pihak Berkuasa Tempatan [PBT] dalam pembangunan bandar dan luar bandar. Kita gembira kerana Kerajaan Persekutuan telah memberi pengiktirafan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu sebagai Majlis Bandaraya Kuala Terengganu [MBKT] dengan moto Bandaraya Warisan Pesisir Air mulai 1 Januari 2008. Sejajar dengan pengiktirafan ini maka MBKT perlulah meningkatkan kualiti perkhidmatan perbandarannya bagi memastikan pentadbiran bandar berada dalam tahap yang sempurna dan persekitaran yang selesa bagi menjamin kualiti hidup warga bandarayanya. Di samping itu, kita berharap usaha-usaha akan dibuat bagi menaiktaraf Majlis Daerah Dungun sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Kita juga sedar proses perbandaran senantiasa meningkat dan bertambah kompleks dan ini mengundang kepada kepelbagaian masalah urbanisasi. Oleh itu, PBT dalam melaksanakan tanggungjawabnya, hendaklah bertindak mengikut perundangan dan garis panduan perancangan yang telah diterimapakai. Sebagai usaha memantapkan garis panduan perancangan ini kita mendapat tahu Kerajaan sedang menjalankan kajian Rancangan Tempatan Daerah bagi Besut, Marang dan Dungun dan Rancangan Kawasan Khas bagi Kuala Besut serta Tepoh-Batu Enam.

Seiring dengan garis panduan perancangan, kita berharap perhatian akan diberi kepada pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber asli. Kedua-dua perkara ini perlu sentiasa berada di dalam keadaan mampan bagi membolehkan khazanah alam sekitar dan sumber asli dimanfaatkan seoptimum mungkin dan juga dikekalkan untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Khusus untuk sektor awam, kita mengucapkan terima kasih kepada semua anggota pentadbiran awam dan anggota keselamatan di Negeri Terengganu yang terus memberi perkhidmatan cemerlang bagi kesejahteraan rakyat. Kita berharap tahap perkhidmatan akan senantiasa dipertingkatkan terutama dari aspek penyampaian perkhidmatan supaya halacara pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan akan sampai kepada kumpulan sasaran. Namun, semua usaha ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan penerimaan semua pihak serta kesediaan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah. Oleh itu, kita menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai

Kerajaan, pemimpin-pemimpin sektor swasta dan NGO serta semua golongan masyarakat mengeratkan hubungan di antara satu sama lain tanpa mengira fahaman politik dan bekerjasama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk bersama-sama mengharungi cabaran-cabaran yang bakal diatasi kelak.

Di kesempatan ini juga, kita mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Haji Abdullah bin Ahmad Badawi yang telah memberi segala bantuan dan kerjasama bagi menjayakan program pembangunan negeri ini.

Kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Ahmad bin Said.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim kita merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja untuk membuat perbahasan seterusnya, saya menangguhkan Persidangan Dewan sehingga hari esok, Rabu 7 Mei 2008, jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 7 MEI 2008

Hari RABU,
7 MEI 2008

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 30]

2. Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. [Muka 34]

3. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 36]

4. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Bertulis [Muka 37]
   (ii) Soalan-soalan Lisan [Muka 38]

5. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:

   (i) *Usul Ucapan Penghargaan Dan Terima Kasih.* [Muka 62]

   [Perbahasan Usul]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

Sebelum kita mulakan Persidangan Dewan kita pada pagi ini marilah sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

[Al-Fatihah]

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin. Wabihi Nastain. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama-tamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sama-sama kita berada di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu hari yang ketiga Mesyuarat Pertama Penggal Pertama bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Dalam kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah mencadang dan memberi kepercayaan kepada saya dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu yang kedua belas ini. Saya berikrar untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan sebaik-baiknya, sesempurna-sempurnanya dan sedaya kemampuan saya, insya Allah.

Persidangan kali ini berlangsung selama empat hari iaitu pada 5, 6, 7 dan 8 Mei 2008. Pada 5hb. telah selamat disempurnakan Majlis Pelantikan Yang Dipertua dan Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan sekalian. Pada 6hb. telah juga selamat disempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Dan pada hari ini 7hb. dan esok 8hb. akan diteruskan dengan Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti biasa sesi Soalan-soalan Lisan akan diberi masa selama satu jam dan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5). Soalan tambahan bagi

setiap soalan hanya tiga soalan dibenarkan. Persidangan seterusnya akan diikuti dengan Perbahasan di atas Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu yang akan berlangsung selama dua hari iaitu sehingga besok 8hb. ini bergantung kepada sama ada, ada atau sebaliknya Yang berhormat-Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan yang akan dibukakan nanti. Esok adalah merupakan hari terakhir dan sekiranya Persidangan berjalan sebagaimana Tertib Pekerjaan Dewan yang telah ditetapkan, pihak Kerajaan akan membuat penggulungan dan diikuti dengan Usul Pelantikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri dan juga Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri, seterusnya Rang Undang-Undang sehingga selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengambil perhatian di sini, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati, setiap Ahli Yang Berhormat telah dibekalkan dengan Buku Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan. Saya mengharapkan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat semoga Persidangan kali ini akan berjalan lancar, teratur, bertertib dan harmoni serta menjaga nama baik Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai biasa juga izinkan saya membaca ataupun membaca sedikit pantun, saya percaya untuk kita semua:-

Hikayat lama Si Raja Haji
Bahasa tinggi budaya bestari
Semangat sidang perlu diuji
Dalam diuji biar dipuji

Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-kertas kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

1. Penyata Kewangan Disatukan Tahun 2005 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 1/2008)

2. Penyata Kewangan Tahun 2006 Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 2/2008)

3. Penyata Kewangan Tahun 2006 Yayasan Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 3/2008)

4. Penyata Kewangan Tahun 2006 Yayasan Islam Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 4/2008)

5. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2006 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 5/2008)

6. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2006.

   (D.U.N. Bil. 6/2008)

7. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2006.

   (D.U.N. Bil. 7/2208)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan itu daripada:-

1. Wakil Jabi
2. Wakil Paka
3. Wakil Kuala Berang
4. Wakil Wakaf Mempelam
5. Wakil Sura
6. Wakil Batu Burok
7. Wakil Ladang
8. Wakil Bukit Payong

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Saya ingin mendapat penjelasan kembali mengenai soalan yang saya timbulkan dalam Persidangan Dewan tempoh hari, soalan yang ditolak oleh Dewan. Apakah ianya perlu diperlanjutkan dan penjelasan daripada pihak Yang Dipertua sendiri soalan-soalan yang dikemukakan oleh saya dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain yang berkaitan langsung dengan urusan dan kepentingan Negeri Terengganu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Belum lagi Batu Burok selepas Lisan, kalau perlu Yang Berhormat Batu Burok bangkitkan sebagai Usul selepas Soalan Lisan nanti.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan dengan saya mempersilakan Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor 1 –

Tahun 2006 ialah Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Sejauh manakah kejayaannya dan apakah perancangan pertanian masa depan?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya tuan-tuan, puan-puan hadirin yang saya kasihi sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Jabi kerana bertanyakan soalan berkaitan dengan tahun 2006 yang merupakan Tahun Pertanian Negeri Terengganu dan kejayaan serta perancangan di masa-masa yang akan datang. Sebagaimana yang kita ketahui pada tahun 2006 Kerajaan Negeri Terengganu telah mengisytiharkan tahun 2006 merupakan Tahun Pertanian Negeri Terengganu dan kita telah menerima apa yang penting bagi kita setelah perisytiharan Tahun Pertanian bermula daripada tahun 2006 tersebut maka kita telah banyak kejayaan-kejayaan yang kita dapati dan juga yang lebih penting pada kita bahawa rakyat Negeri Terengganu pada hari ini sudah berjaya dan juga sudah dapat mengubah pemikiran mereka iaitu daripada mengamalkan pertanian secara sara diri ke arah pertanian yang lebih baik dan juga mengguna serta mengamalkan teknologi yang baru terutamanya pertanian secara fertigasi di seluruh Negeri Terengganu yang dijalankan pada tahun 2007. Sehingga kini, kita telah berjaya melahirkan lebih kurang 250 orang pengusaha daripada tanaman tersebut bukan sahaja untuk digunakan di dalam pasaran dalam negara malah ianya telah diterima masuk ke pasaran Eropah. Terdapat juga peserta-peserta yang telah memohon Sijil SALM dan ianya masih di peringkat auditan. Selain daripada melon, kita juga telah berusaha mewujudkan pengusaha-pengusaha daripada tanaman tembikai yang telah berjaya juga untuk dieksport ke luar negara terutamanya dari Daerah Marang dan juga Daerah Setiu. Bagi tanaman jagung pula, Kerajaan Negeri pada masa tersebut pada tahun lepas telah memperkenalkan spesies jagung yang baru iaitu jagung jenis Hibrid yang diperkenalkan di Daerah Hulu Terengganu dan ianya mendapat sambutan yang begitu baik oleh penduduk di Daerah Hulu Terengganu.

Pada masa ini juga terdapat 3 buah TKPM yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri iaitu TKPM Rhu Tapai, TKPM Serating dan TKPM Tok Dor, dalam usaha untuk menggalakkan sektor swasta dan juga untuk mempertingkatkan lagi usahawan-usahawan tani kita untuk membabitkan dalam perusahaan mereka secara berskala yang lebih komersil.

Perancangan pada masa-masa yang akan datang yang berkaitan dengan pertanian, kita akan mengembangkan dan juga akan mempertingkatkan lagi amalan-amalan, teknologi-teknologi baru di kalangan petani-petani tempatan malah juga akan kita memberi fokus terhadap pembangunan pengeluaran makanan yang berskala komersil. Bagi tujuan itu, jabatan akan terus mempertingkatkan lagi pembukaan kawasan-kawasan TKPM yang baru di samping mengekalkan kawasan-kawasan serta mempertingkatkan kawasan yang telah sedia ada.

Tidak ketinggalan juga PPRT dan juga petani-petani kecil akan diberi bimbingan yang berterusan untuk meningkatkan lagi hasil pertanian mereka pada masa yang akan datang. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk masa depan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di Negeri Terengganu khususnya padi. Pada hari ini, Kerajaan Negeri sedang memberi tumpuan yang khusus kepada pembangunan padi iaitu untuk menambahkan lagi pengeluaran padi di Negeri Terengganu. Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, pada masa sekarang ini Negeri Terengganu mempunyai kawasan yang berpotensi untuk tanaman padi tidak kurang dari 23,000 hingga 25,000 hektar, yang sedang diusahakan secara komersil dan juga secara berterusan pada masa ini lebih kurang 10,000 hektar dan kita masih lagi ada tanah yang berpotensi untuk tanaman padi lebih kurang 15,000 hektar. Untuk itu, Kerajaan Negeri sedang merancang pada tahun hadapan kita akan menjadikan Negeri Terengganu sebagai salah sebuah daripada negeri pengeluar padi yang terbesar di negara kita. Dan insya Allah, projek perintis akan kita laksanakan di Daerah Setiu yang melibatkan tanah padi lebih kurang 8,000 ekar di Daerah Setiu dalam masa yang terdekat ini.

Dalam sektor perikanan pula, pada tahun 2006 selaras dengan pendekatan Kerajaan Persekutuan telah memberi pendekatan baru terhadap pembangunan sektor pertanian, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada aktiviti penangkapan dan juga aktiviti ternakan akuakultur di seluruh Negeri Terengganu ini. Pada tahun lepas, sebanyak 116,998 metrik tan ikan telah berjaya dihasilkan. Jumlah itu 17 peratus telah meningkat daripada 2005. Daripada jumlah ini juga 111,394 tan metrik yang dikeluarkan oleh sektor perikanan laut bernilai RM484.26 juta dan 5,604 tan metrik yang dikeluarkan melalui Program Sistem Akuakultur bernilai RM36.61 juta. Program Akuakultur ini meliputi antaranya di Sungai Como

dalam Tasik Kenyir, begitu juga di Tanjung Demong dan juga di Rhu Tapai, Setiu. Untuk itu dalam perancangan masa akan datang, Jabatan Perikanan Negeri sedang merancang untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran hasil ikan di Negeri Terengganu di samping memperlengkapkan lagi dalam sektor ini dengan mewujudkan lebih banyak industri pemprosesan ikan di Negeri Terengganu.

Dalam sektor penternakan, Jabatan Haiwan telah mencapai melalui sektor penternakan, sektor lembu pedaging, dari sudut jumlah populasi telah meningkat sebanyak 4.58 peratus dan jumlah pengusaha sebanyak 4.79 peratus. Dari sudut penghasilan daging turut meningkat sebanyak 8.7 peratus dengan jumlah daging sebanyak RM3.8 juta.

Sektor kambing pula telah meningkat sebanyak 37 peratus kepada 30,330 ekor pada akhir 2007. Bagi projek PPRT pula melalui 42 projek kesemuanya dan kita sedang dan akan terus melaksanakannya selepas daripada ini.

Sektor unggas pula terdapat penurunan sedikit iaitu pengeluaran sebanyak 7 peratus iaitu kepada 9,373,000 ekor pada tahun 2007.

Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri bercadang untuk memantapkan lagi projek-projek yang sedia ada serta insya Allah kita akan menggunakan teknologi-teknologi yang terkini untuk meningkatkan industri ternakan ini berkembang pada kadar 3 peratus setahun, insya Allah.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan dan penjelasan. Di manakah letaknya kawasan-kawasan ternakan lembu dan kambing yang telah berjaya seperti yang disebutkan tadi dan juga saya ingin mendapat penjelasan mengenai status kawasan kolam ternakan ikan di Gong Batu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Jabi. Berkaitan dengan ladang-ladang kambing yang kita usahakan, hari ini kita ada di Hulu Terengganu di Lembah Kaprima di Kampung Payang Kayu, di Marang kita ada di TKPM Serating dan juga semua di daerah-daerah lainlah. Kita sedang membangunkan Lembah Kaprima di seluruh Negeri Terengganu dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga hadirin juga, buat masa sekarang ini infrastruktur keseluruhan dari segi bangsal apa kita sudah siap cuma ada sebahagian daripadanya belum kita menerima baka yang baik untuk kita penuhkan di dalam kandang-kandang tersebut.

Selain daripada itu juga, berkaitan dengan kolam ikan di Gong Batu, sebenarnya kolam ikan ini sehingga hari ini masih lagi berjalan tapi yang bermasalah sedikit ialah penghasilan benih ikan kerana di kawasan tersebut kita menghadapi muara sungai dan masalah banjir yang teruk pada tahun lepas dan kebanyakan sangkar-sangkar tersebut telah pecah dan dia keluar, manakala sangkar di dalam sungai sehingga kini masih berjalan dengan lancar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya difahamkan oleh Kerajaan tadi bahawasanya masih terdapat lebih kurang 15,000 hektar tanah kosong yang hendak dimajukan menjadi jelapang padi sebagai kaedah untuk mengatasi krisis yang sedang melanda negara iaitu kekurangan padi, kekurangan beras di dalam negara kita. Dan kita semua maklum bahawasanya kebanyakan daripada petani-petani yang terlibat dengan penanaman padi ialah petani-petani yang telah berusia. Jadi apakah kaedah, cara ataupun skim galakan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan 15,000 hektar tanah yang hendak dijadikan jelapang padi ini boleh menarik minat petani-petani sama ada di kalangan tradisional mahupun anak-anak muda. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat ADUN Paka. Sebenarnya Kerajaan sedang berusaha sebagaimana yang diberitahu untuk meningkatkan pengeluaran padi di Negeri Terengganu yang kita sekarang ini ada 15,000 hektar lagi dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan selain daripada kita nak menarik minat daripada petani-petani kita, Kerajaan Negeri mungkin akan memikirkan inisiatif-inisiatif untuk menambahkan lagi inisiatif yang sudah sedia ada kepada petani-petani. Selain daripada itu juga, kita juga mempunyai alternatif lain yang mana kalau petani-petani kita tidak berminat untuk berusaha tanah-tanah tersebut, kita juga sedang merancang dan juga telah berbincang dengan pelabur-pelabur daripada dalam dan juga dari luar negara yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut di samping sama ada kalau tanah tersebut Hak Milik, kita akan gunakan cara sama ada untuk sewa-beli, pajak-sewa ataupun dalam bentuk saham kepada petani-petani. Dan kalau tanah itu tanah Kerajaan kita akan melihat peraturan-peraturan yang sedia ada bagi Kerajaan Negeri Terengganu dan insya Allah,

Kerajaan Negeri juga akan berusaha untuk meningkatkan saliran-saliran di seluruh kawasan-kawasan yang kita rancang bersama dengan jabatan untuk mempertingkatkan lagi hasil pengeluaran padi di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya percaya lebih mudah faham 'insentif' tadi yang disebut 'inisiatif' itu tadi kepada 'insentif'. Ada soalan tambahan lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya ni, saya nak tanya tak habis lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan dia kemuka Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini soalan mana ni Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ini soalan 1 lagi. Soalan pertanian lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan telah diberi tadi kepada Jabi, saya ingat adil kalau kita beri kepada Wakaf Mempelam. Soalan tambahan ketiga, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya dapati berhubung dengan tahun 2006, Tahun Pertanian Negeri Terengganu banyak objektif-objektif yang dihasratkan itu gagal dicapai objektifnya, antaranya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya Yang Berhormat Exco berhubung antara objektif Tahun Pertanian Negeri Terengganu ialah untuk meningkatkan pendapatan bagi 1,000 orang sasaran petani, penternak dan nelayan ini pendapatan bulanan mereka yang disasarkan ditambah paling kurang RM500 seorang pertambahan, kalau dia dapat RM1,000 tambah RM500 dia dapat RM1,500. Saya nak tanya sejauh mana objektif mencapai sasaran dan oleh kerana saya dapati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semua projek yang telah dikenal pasti, projek mega fertigasi, projek Tasik Como, projek rock melon semuanya tidak mencapai objektif dan gagal dan sehingga sekarang kita terpaksa import makanan yang cukup banyak.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, sebenarnya saya ingin menafikan berkaitan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam itu tadi. Sebenarnya pada hari ini sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dalam buku ucapan inipun telahpun terbukti Ucapan Titah Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima telahpun memberitahu bahawa kemiskinan kita daripada 15 peratus kepada 6 peratus ajelah dah. Inilah yang bermaksud dan ini sebenarnya bergantung kepada petani, nelayan dan juga penternak kita. Berkaitan dengan program-program yang Yang Berhormat kata gagal, bukan gagal kerana program itu dalam perjalanan lagi, gagal guana baru nak *start.* Natang pertanian ni bukan tanam hari ini esok berbuah selalu ....(Dewan Gelak) ..... pertanian ini panjang bendanya kan. Hah .... kalau nak suruh tanam hari ini berbuah selalu, payahlah Yang Berhormat. Jadi kita begini .... sabar dulu, nanti saya jawab dulu.

Berkaitan dengan Projek Sungai Como. Sungai Como saya nak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa hari ini baru kita menjalankan sedikit baru percubaan 200 sangkar baru. Itu adalah program yang berimpak besar yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan gagal. Masalah tu tetap ada masalah, kita berumahtangga, anak-binipun ada masalah. Tapi projek ini kita *start* baru 200 sangkar, baru satu blok dan tahun ini kita merancang 10 blok lagi akan dilaksanakan dan kita akan isi dengan ikan-ikan yang berpotensi tinggi, mana yang kata gagalnya? Seperti Ikan siakap, yang lebih tinggilah daripada ikan talapia. Selain daripada itu juga projek fertigasi di Setiu, inilah kita khabor perubahan yang perlu kita lakukan kepada petani-petani kita daripada cara bertani lama ke arah pertanian yang lebih moden. Sebab itulah kita menggunakan kaedah cara fertigasi yang mana kita boleh menggunakan sepanjang masa dalam keadaan berbagai cuaca. Maknanya dulu kita tanam melon tapi hari ini oleh kerana melon mengalami penurunan harga di peringkat pasaran antarabangsa kerana melon ini dieksport ke luar negara saja yang laku, orang kita tak makan melon, orang kita ni makan benda lain. Jadi kita nak eksport buat masa sekarang ini kita terpaksa *stop* pengeluaran melon, bukan *stop* tapi mengurangkan kapasiti pengeluaran dan kita mengeluarkan banyak cili pada masa sekarang untuk pasaran tempatan. Bila harga dia naik di Eropah kekgi kita tanamlah pulak sebab itu kita guna fertigasi. Apa benda projek yang gagal? Bukan gagal tapi masalah tu tetap ada Yang Berhormat, saya akui. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 –

Sejauh manakah persiapan semua gelanggang yang terlibat untuk semua acara SUKMA dan persiapan atlet-atlet Negeri Terengganu untuk SUKMA 2008?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Wakil Paka bertanyakan tentang persiapan gelanggang-gelanggang untuk SUKMA dan juga persiapan atlit.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Paka dan SUKMA hanya tinggal 21 hari sahaja lagi dan Alhamdulillah persiapan-persiapan yang rapi termasuk persediaan gelanggang ataupun Stadium Utama yang pada peringkat awal agak merunsingkan kita telahpun siap hampir 99 peratus. Sementara Lapang Sasar Menembak Gong Kuin juga telahpun siap 100 peratus, padang ragbi 100 peratus siap dan padang bola sepak 100 peratus siap. Sementara Stadium Tertutup juga telahpun siap 100 peratus dan venue-venue lain seperti kolam renang yang jugak menjadi isu suatu masa dahulu jugak telahpun siap 100 peratus.

Sementara itu persiapan atlet-atlet. Kita berpuas hati dengan Program Terengganu Terbilang 2008. Tumpuan kepada sukan dan acara-acara yang mensasarkan pingat dan Majlis Sukan Negeri telah mengenal pasti beberapa acara sukan yang akan memperolehi Pingat Emas, antaranya ialah seperti basikal, kanu, pencak silat dan taekwando. Kita juga menyediakan sebelum ini pakej menyeluruh iaitu *attachment training* dengan izin, di pusat-pusat latihan atlet nasional dan juga memberikan Elaun Latihan, Elaun Kehilangan Pendapatan, Bantuan Peralatan Latihan dan Pertandingan Sokongan Sains Sukan, Insuran Berkelompok Perubatan dan Pelajaran, penginapan, pengangkutan di tempat-tempat latihan, makanan tambahan latihan dan juga latihan-latihan ke luar negara.

Kerajaan juga mendapat kepakaran jurulatih daripada luar negara melalui perkongsian bijak dengan Unit Sukan Teras dan Majlis Sukan Negara iaitu Sukan Pingpong jurulatih daripada Korea, Sukan Lawan Pedang daripada Indonesia, Menembak daripada Rusia, Gimnastik daripada China dan Sepak Takraw daripada Thailand.

Kita juga menjalinkan kerjasama yang padu antara Majlis Sukan Negeri Terengganu dan persatuan-persatuan sukan di dalam negeri demi untuk meyakinkan bahawa kita mencapai pingat serta sasaran pingat yang akan kita capai selaku tuan rumah daripada 31 *medal tele* tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sejauh manakah penyertaan di seluruh negeri apabila berlaku atau terdapat beberapa negeri yang telahpun bertukar Kerajaan ini. Apakah ada berlaku tidak ada penyertaan daripada negeri-negeri yang terlibat dengan pertukaran Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih. Daripada tinjauan yang kita buat Mesyuarat Ketua-ketua Kontinjen dua minggu yang lalu dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh MSN dan juga tuan rumah, kita dapati penyertaan atlet dan pegawai SUKMA, jumlah peserta 7,380 masih lagi tidak berubah malah bertambah dengan pertambahan satu lagi acara pertunjukan iaitu Silambang dan ini mencerminkan bahawa tidak ada penarikan diri pada saat-saat akhir kerana semangat kesukanan negeri-negeri yang kalah amatlah baik dan kita harapkan semangat ini akan berterusan sehinggalah ke hari SUKMA berlangsung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka lagi? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Sasaran yang telahpun disebutkan oleh Exco Kerajaan berkaitan dengan capaian Pingat Emas bagi Negeri Terengganu berdasarkan kepada beberapa sukan; basikal, kanu, pencak silat dan jugak taekwando. Apakah sukan teras negeri telah tidak lagi dijadikan *target* untuk mencapai pingat dalam SUKMA yang akan datang ini seperti bola sepak, takraw dan juga petanque bagi Negeri Terengganu ini? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih juga kepada Wakil Sura dan juga bekas Exco Belia dan Sukan. Secara keseluruhannya, sasaran yang dibuat oleh MSN adalah sebanyak 40 Pingat Emas. Sepatutnya kita tidak memberitahu kepada umum namun demikian sasaran yang dibuat ini adalah suatu sasaran yang amat baik dengan persediaan yang cukup rapi. Dan secara menyeluruhnya termasuklah sukan teras yang telah dimaksudkan itu, angkat berat umpamanya 2 Emas, berbasikal 4 Emas yang pernah kita perolehi

sebelum ini kerana kebanyakan daripada atlet kita yang telah berlatih di Australia akan menyumbangkan pingat pada kali ini. Sementara bola sepak yang kita menjadi juara SUKMA di Kedah kita akan menjadi sasaran pada kali ini 1 Emas dan boling padang sebanyak 2 Emas, sementara sukan baru iaitu equestrian 1 Pingat Emas dan kita harapkan gimnastik 1 Pingat Emas dan sepak takraw iaitu regu kita, kita mengharapkan Emas dan pencak silat sebanyak 4 Emas, sementara kita mengharapkan 5 Pingat Emas daripada olahraga dan 1 daripada squasy, 1 daripada hoki wanita, 1 bola tampar dan 2 lawan pedang, 1 ragbi, 2 karate-do dan 2 daripada taekwando. Sementara penyumbang pingat yang terbanyak adalah kanu iaitu 6 Pingat Emas dan kita sasarkan 3 daripada Pingat Emas untuk tinju dan jumlah keseluruhannya yang kita sasarkan adalah 40. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita pergi kepada soalan yang ketiga. Dijemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan semula Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) setelah pengambilan pelajar dihentikan sejak tahun 2005?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rhu Rendang di atas pertanyaan berkait dengan Sekolah Agama Bersepadu atau SRAB yang setelah pengambilan pelajarnya bermula pada tahun 2005.

Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) akan diteruskan, walau bagaimanapun pengambilan pelajar-pelajar baru tidak akan dibuat dan dijangka Sekolah Rendah Agama Bersepadu Terengganu ini akan berakhir pada tahun 2009, itu saja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya kadang-kadang tak berapa nak faham, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRABT) akan diteruskan tapi pelajar tak akan diambil. Dah nak terus guana bila takdok pelajarnya. Soalan sayanya ialah pernah bila perjalanan sekolah ini berjalan

dengan baik, mendapat sambutan yang cukup hebat, bila dituntut oleh pimpinan Kerajaan pada penggal yang lepas tapi sebelum ditutup kita desak supaya diteruskan maka diminta supaya ada institusi KUSTEM untuk buat kajian sebelum dibuat keputusan muktamad. Dan saya difahamkan KUSTEM telah buat kajian dan menyatakan dengan tegas dan jelas, mengatakan sekolah ini patut diteruskan, memberi kebaikan kepada anak negeri tapi akhirnya itu juga keputusan, saya harap supaya Kerajaan dapat memberi pertimbangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat berkait dengan apa yang disampaikan. Adalah tidak dinafikan bahawa konsep SRABT ini adalah baik dan mendapat sambutan daripada para ibu bapa tetapi memandangkan kita melihat daripada penubuhan sekolah ini adalah dilakukan secara tergesa-gesa dan tidak mempunyai perancangan rapi maka banyak kita dapati masalah yang wujud dari penubuhan sekolah tersebut. Di antaranya yang kita dapati bahawa operasi sekolah ini tidak diurus dengan sistematik di samping dia tidak mempunyai premis khusus dan terpaksa menumpang di sekolah-sekolah menengah agama negeri serta bangunan bekas Pusat Pendidikan Yayasan Islam. Melihat kepada banyak masalah yang timbul, maka Kerajaan Negeri berpendapat pengambilan pelajar baru ini kita tangguh seketika sehingga kesemua masalah tersebut diatasi sepenuhnya ataupun SRABT yang sedia ada ini ditutup.

Kemudian kita difahamkan juga Kementerian Pelajaran Malaysia sedang dalam usaha mendaftarkan sekolah-sekolah agama dan secara kebetulan pula SRABT termasuk dalam kategori sekolah yang dicadangkan malah perlu diberi bantuan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri bersependapat dengan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di Kementerian Pelajaran Malaysia yang mencadangkan supaya SRABT didaftar dan diuruskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kemudian kebetulan pula pada awal tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Program J-Qaf di Negeri Terengganu. Jadi program ini bertujuan untuk mendidik pelajar bagi mendalami ilmu pendidikan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Jadi dengan itu kita pihak Kerajaan Negeri merasai bahawa sudah memadai dan program sudah meliputi hasrat penubuhan SRABT itu sendiri. Itu saja Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, saya ingin mengemukakan sedikit soalan tambahan. Jika salah satu daripada sebabnya

Kerajaan selepas 2004 sehingga 2008 tidak dapat meneruskan pengambilan pelajar untuk belajar di Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini kerana alasan yang pertamanya ialah kekurangan dan ketidaklengkapan premis di mana sekolah-sekolah itu beroperasi. Apakah Kerajaan Negeri Terengganu sejak daripada 2004 sampai 2008 tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk mewujudkan premis-premis yang lebih selesa dan apakah Kerajaan yang baru ini jugak tidak mempunyai keupayaan untuk meneruskan sekolah ini dengan mewujudkan premis-premis yang baru dalam masa saya jangka empat tahun kalau sekiranya ada niat Kerajaan Negeri untuk meneruskan sekolah ini sudah tentu bangunannya sudah siap ataupun kawasan-kawasan baru telah dapat diadakan. Apakah itu menjadi alasan utama ataupun sebenarnya kerana hendak diserapkan ke dalam sistem arus perdana yang telah ada atau yang berjalan pada hari ini?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang sebenarnya kita melihatkan bahawa sistem pendidikan perdana yang ada hari ini dengan tambahan Program J-Qaf yang sedang berjalan di sekolah-sekolah rendah yang berada di seluruh Malaysia pada hari ini. Kita berpandangan bahawa arah tuju dan juga objektif asal SRABT itu adalah seiring dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Dan kemudian kita merujuk juga daripada apa yang telah saya sebut tadilah di bawah Kementerian atau Jabatan Pelajaran Negeri di bawah Pendidikan Islam dan Moral yang telah menganggap bahawa SRABT ini perlu didaftar dan dibawa kepada Kementerian Pelajaran supaya ada berlaku keseiringan dan juga berlaku kesepaduan. Jadi berasas daripada inilah kita mengambil keputusan kita rasa bahawa Program SRABT ini perlu kita serapkan di bawah Kementerian Pelajaran dan perlu dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Oleh kerana sepanjang SRABT ini ditubuhkan walaupun sekarang dalam proses hendak ditutup, keputusan pelajarnya cukup cemerlang dan diakui oleh semua pihak. Jadi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk sekejap. Saya ingat Wakaf Mempelam kita sekarang ini dalam Soalan Tambahan, jadi Yang Berhormat saya beri peluang tak usah panjang dan teruskan soalan tambahan yang Yang Berhormat nak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pasal nak beri penjelasan takut dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa, dia faham.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sistem yang kita kata tak nak serah kepada Pusat pasal sekolah lain dah ada, J-Qaf dah ada tapi contoh Selangor Yang Berhormat Yang Dipertua, ada sekolah rendah dia di bawah Kerajaan Negeri, ada institusi pengajian tinggi di bawah Negeri, ada Universiti Selangorpun walaupun hak Pusat, hak Pusat tapi Negeri dengan kemampuan yang ada dia tak tutup sekolah, serah kepada Pusat dan tak tutup universiti, mengapa Kerajaan Negeri mahu mengambil sikap yang begini sehingga merugikan rakyat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bersetuju dengan program yang telah dilaksanakan oleh Selangor sebelum ini. Jadi saya rasa sangat kagumlah sebab sebelum ini saya tak pernah dengar bahawa pihak Yang Berhormat sokong ataupun bersetuju dengan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat tak pernah dengar sebab Yang Berhormat takdok lagi di dalam Dewan sebelum daripada ini.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): .... (Gelak) .... Terima kasihlah. Jadi sebenarnya kita merasakan bahawa kita melihat daripada Program J-Qaf dan juga Kelas Kafa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri itu sudah memadai. J-Qaf di sekolah dan tambahan pula Kelas Kafa yang sedia ada di bawah Yayasan Islam Terengganu itu kita rasa sudah memadai dan mencukupi dan selain daripada itu dengan program-program yang sedia ada yang telah dianjur oleh pihak Kerajaan sendiri, kita rasa sudah memenuhi hasrat dan juga apa yang hendak kita laksanakan. Kita memikirkan bahawa memandang persediaan dan juga prasarana yang telah tersedia di sekolah-sekolah yang sebelum ini kita buat itu agak memerlukan kelengkapan yang agak tinggi dan satu lagi kita memandangkan hari ini jumlah guru yang ada di sekolah itu hanya 54 orang sahaja dan jumlah pelajar sekarang inipun keseluruhan hanyalah daripada 6 buah sekolah SRABT yang telah kita laksanakan di Terengganu sekarang ini hanya ada 381 orang sahaja. Jadi kita rasa bahawa memadailah seramai pelajar yang sebegini kita serapkan terus ke sekolah-sekolah yang biasa yang telah sedia ada yang seperti mana yang Yang Berhormat kata yang Selangorpun bagus dan Selangor yang dulupun adalah mengikut jugak daripada Kementerian Pelajaran. Jadi saya rasa kita tidak boleh nafikanlah dengan program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian

Pelajaran itu dan juga yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Islam Terengganu itu sendiri. Saya rasa memadailah program yang sedia ada ini kita laksanakan dan kebetulan pulak kita bersambung jugak dengan sekolah-sekolah menengah yang telah kita laksanakan di bawah Kerajaan Negeri dan juga sekolah-sekolah Imtiaz dan sebagainya. Saya rasa ini akan dapat melaksanakan seperti mana hasrat awal penubuhan sekolah itu sendiri, Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Okey, menyerap dah tu. Saya jemput Wakil Wakaf Mempelam untuk soalan ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Berapakah jumlah kos asal dan kos sebenar telah dibelanjakan untuk membina dan menyiapkan projek Benteng Pemecah Ombak dan kerja-kerja berkaitan di muara Sungai Terengganu hingga kini?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi.

Terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam menanyakan soalan dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk ucapan tahniah kepada menang dalam pilihan raya baru-baru ini. Jadi soalan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Apa benda lagi tu nak tambah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya ucapkan terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ingat ke nak tambah soalan pulak, tak dan nak jawablah nak tambah dah. Jadi bagi menjawab soalan daripada Wakaf Mempelam mengenai kos untuk Projek Benteng Pemecah Ombak. Sebenarnya kerja-kerja di bawah Benteng Pemecah Ombak di muara Sungai Terengganu terbahagi kepada tiga fasa:-

(i) Fasa 1 - Kos asal dan kos sebenar adalah RM42 juta dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2003 - 2004 yang lalu pada masa pemerintahan Kerajaan PAS.

(ii) Fasa 2 - Kos asalnya ialah RM366,845,000.00 dan manakala kos sebenarnya ialah RM408,747,949.00. Kerja-kerja ini bermula dari April 2005 dan seterusnya berakhir pada April 2008 yang lalu.

(iii) Fasa 3 - Kos asalnya adalah sebanyak RM100 juta dan projek ini masih lagi dalam pelaksanaan yang bermula pada bulan November tahun 2007 sehingga dijangka akan mencapai sasaran kerjayanya pada bulan April 2009 nanti.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ada tiga fasa dan saya nak tanya ketiga-tiga fasa itu diberi kepada kontraktor yang sama secara *tender* ataupun *direct negotiation*? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Setahu saya Dato' Yang Dipertua, soalan ini nampaknya ialah soalan ilmiah sangat sepatutnya berilah soalan bertulis dan kita memerlukan notis. Sebab apa yang kita bagi adalah berdasarkan kepada jumlah kos jadi saya baharu sahaja ambil alih ni dan saya rasa Wakaf Mempelampun lebih maklumlah kerana projek-projek ini terlalu banyak, jadi saya rasa lebih baiklah soalan ini saya memerlukan notis Dato' Yang Dipertua, soalan ini nampak *detail* sangat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru ambil alih tapi lama dah dalam Dewan ni, dua penggal dah. Saya tanya mudah aje .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Masa tu kita jadi hak cap ayam gitu aje .... (Dewan Gelak) .... Dia sama dengan Wakaf Mempelam jugak, sama-sama cap ayam belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya mudah aje, ada tiga fasa dengan angka-angka kos yang disebut tadi. Saya nak tanyanya adakah ketiga-tiga fasa ini .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya rasa jelas dah jawapan saya tadi saya memerlukan notis, *that's all.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul tu Yang Berhormat, kalau ada yang kedua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya tanyanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan nombor dua ada, soalan tambahan yang kedua, ada?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan yang kedua, adakah maknanya ketiga-tiga fasa yang dikemukakan itu kontraktor yang sama? Bukan itupun nak notis jugak.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya memerlukan soalan notis itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam nak susut punca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang soalan yang ketiga, sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mendapat jawapan yang dikatakan kos RM42 juta tadi apakah sebenarnya kos itu untuk mendalamkan laluan untuk Monsoon Cup .... sekejap, ada dan .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ada lagi soalan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada dan, dan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Banyaknya, se sudahlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Se campur sikit. Satu lagi apakah benar yang dikatakan kos RM100 juta itu untuk memudahkan *Star Cruise* untuk masuk ke muara sungai? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Sedap sikit soalan ini, boleh tahan jugak Wakil Ladang ni pun. Jadi bagi menjawab Dato' Yang Dipertua soalan ini, semasa zaman PAS dahulu iaitu fasa pertama dia hanya melibatkan kerja-kerja mengorek muara sungai sahaja yang melibatkan kos RM42 juta. Manakala untuk fasa kedua semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah memang pertambahan sebanyak hampir RM42 juta jugak iaitu kita kena korek jugak sebab masa korek semasa PAS dulu tak berapa dalam. Jadi kita korek semula iaitu limbangan sebelah dalam iaitu *inner basin* dengan izin Yang Dipertua, dan laluan pelayaran yang memang kita akui bahawa untuk penganjuran Monsoon Cup pada tahun 2005. Dan untuk fasa ketiga, kerja-kerja ini ialah merupakan skop yang agak luas lagi di mana kita tambahkan kerja-kerja tambahan tambakan tanah di utara pemecah ombak sebanyak 70 ekar untuk menjadikan tanah tambakan ini sebanyak 140 ekar untuk meluaskan lagi kawasan. Dan yang kedua, tambahan tambakan di sebelah selatan pemecah ombak sebanyak 30 ekar untuk menjadi tanah tambakan di kawasan ini sebanyak 44 ekar. Dan begitu jugak melibatkan industri maritim iaitu di samudera di Kampung Pak Abu, Seberang Takir. Juga pengorekan limbangan sebelah luar *outer basin* dan laluan sebelah luar sehingga 10 meter dalam. Itu kerja-kerja yang melibat .... tapi kerja-kerja ini belum siap lagi dan sedang dalam proses perjalanan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahniah, tahniah, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok bukan, tadi soalan saya tanya apakah yang RM100 juta ini juga termasuk untuk menyediakan laluan untuk/supaya dapat *Star Cruise* masuk?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jawab dah tadikan, memang yalah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok sebut *Star Cruise* tadi.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Betul dah tu, betul dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Betul?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahniah Pengkalan Berangan. Sayapun faham jugak tadi termasuk nak melawakan daripada kawasan Ladang, tengok di situ comel. Okey, kita jemput soalan yang kelima daripada Wakil Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya pertama -

> *Tahniah Terengganu telah mencatat penurunan kadar kemiskinan yang hebat sepanjang 2004 hingga 2008. Apakah langkah-langkah dan program yang akan dibuat untuk meneruskan kejayaan ini?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan hadirin sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil Kota Putera yang bertanya program untuk membasmi kemiskinan di Negeri Terengganu. Terima kasih jugak saya kepada Kota Putera kerana beliau memberi tahniah kepada

Kerajaan kerana kejayaan mengurangkan tahap kemiskinan di Negeri Terengganu yang jelas baru-baru ini. Untuk makluman, program membasmi kemiskinan ini dilaksanakan oleh semua jabatan, semua agensi Kerajaan sama ada secara khusus ataupun secara tidak langsung dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan dan kejayaannya sudah dapat kita sama-sama rasakan.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan menjawab soalan yang dikemukakan ini bolehlah saya rumus beberapa program yang akan kita teruskan untuk masa-masa yang akan datang:

(i) Kita akan meningkatkan lagi bilangan program khusus untuk peningkatan pendapatan kepada golongan petani, nelayan, penternak dan mereka yang miskin khususnya untuk melibatkan mereka dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan aktiviti mereka yang sedia ada.

(ii) Untuk membangunkan modal insan di kalangan keluarga miskin dengan memperbanyakkan lagi peluang-peluang latihan kemahiran khususnya untuk generasi yang kedua iaitu terdiri daripada anak-anak mereka yang terlibat dalam PPRT.

(iii) Akan dilaksanakan oleh agensi-agensi lain secara tidak langsung iaitu dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak khususnya dalam sektor pelancongan, perindustrian, pendidikan, pertanian dan lain-lain.

(iv) Untuk memperlengkapkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang akan dinikmati secara langsung oleh mereka-mereka ini khususnya dalam menyediakan rumah kediaman yang lebih selesa dan selamat dengan membina rumah-rumah baru dan membaiki rumah usang mereka.

(v) Mengekalkan bantuan secara langsung kepada golongan yang tidak berupaya lagi iaitu seperti orang-orang warga emas, orang-orang cacat, ibu-ibu tunggal yang memerlukan secara langsung dari semasa ke semasa.

Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin dapat sedikit penjelasan mengenai kadar kemiskinan di Negeri Terengganu yang dikatakan

telah menurun ini tapi saya membaca satu laporan yang dikeluarkan oleh MIER yang menunjukkan statistik kemiskinan di Negeri Terengganu mempunyai 26,000 keluarga miskin di seluruh Negeri Terengganu dan ada 19,000 keluarga yang berada di tahap .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh kuat sikit Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... ada 19,000 ada di tahap kemiskinan tegar. Begitu juga dari segi isi rumah di Negeri Terengganu ini lebih daripada 54 peratus daripada isi rumah di Negeri Terengganu ini pendapatan dia kurang daripada RM1,200.00. Jadi persoalan yang saya ingin mendapat penjelasan ialah dengan izin, *it's so amazing* dalam jangka masa yang begitu singkat apakah benar Kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan yang kalau mengikut statistik MIERnya tahun 2007 - 15.4 peratus sekarang ini menurun dengan begitu drastik dalam jangka masa yang begitu singkat, pohon penjelasan untuk Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Wakil Batu Burok. Untuk penjelasan kita saya merujuk kepada ucapan yang disebut semasa perasmian. Jelas bahawa angka kemiskinan di Negeri Terengganu pada 2004 ialah 15.4 peratus dan pada 2007 ialah 6.5 peratus dan itu angka kemiskinan, yang miskin tegar pada 2004 ialah 4.4 peratus dan pada 2007 - 0.8 peratus. Angka-angka ini bukan angka yang direka-reka, bukan angka awak-awak kita saja-saja tulis. Angka ini sudah dikeluarkan secara rasmi dan untuk perangkaan seterusnya saya tidak boleh nak sebutkan tapi apa yang saya dengar angka pada 2008 ini cukup memberangsangkan kita dan ini ialah angka yang tepat. Kalau sekadar nak petik sana, petik sini mungkin angka ini akan berubah-rubah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah angka yang disebutkan itu disahkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri ataupun bahagian ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Mana-mana satu yang boleh mengesahkan angka yang dikatakan turun mendadak begitu rupa?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih. Bila sebut bab miskin ini, kita dalam Dewan ini kita berbalah setiap tahun. Saya jugak duduk dalam Dewan ini masa empat tahun dahulu dan perkara ini tidak habis-habis kita berbalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan nak

berbalah, bukan saya timbul soal nak berbalah. Saya tanya dan saya nak sahkan betul ke tidak angka itu disahkan oleh .....

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Saya akan jawab, saya akan jawab. Yang disebut angka oleh pihak pembangkang itu jugak merupakan petikan-petikan ataupun rujukan-rujukan kepada pengeluaran-pengeluaran yang lain, dari sumber-sumber yang lain. Angka yang kita sebut ini angka rasmi yang disebut dalam Dewan ini oleh pihak Istana sendiri dan perangkaan ini dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Itulah sumber rujukan kita. Kita tidak ambil di kedai angka-angka ini, bukan kita yang buat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey, Yang Berhormat. Faham, faham tu. EPU Negara dan EPU Negeri bukan MIER, ya. Okey.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada masa lagi, jadi kita teruskan dengan soalan yang keenamlah. Saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

> *Mengapakah JK Portfolio Islam Hadhari ditiadakan dalam pembentukan Kerajaan Negeri selepas PRU Ke-12 dan digantikan dengan JK Portfolio Agama, apakah Kerajaan Negeri tidak akan meneruskan konsep Islam Hadhari?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Exco Kerajaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian. Soalan daripada Wakil Sura mengenai konsep Islam Hadhari, adakah Kerajaan Negeri tidak akan meneruskan konsep ini?

Jawapannya tidak. Kerajaan akan meneruskan. Ini kerana konsep ini adalah satu konsep yang bertepatan dengan ajaran agama Islam dan kita sebut bahawa Islam Hadhari adalah suatu pendekatan, pendekatan yang merangkumi semua aspek kehidupan. Kalau selama ini bila bercakap tentang Islam, orang ingat Islam ini sembahyang saja, puasa saja, mungkin politik saja dan orang jarang melihat bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan, menyediakan infrastruktur jalan raya, lapangan terbang dan sebagainya sebagai sebahagian daripada tuntutan agama Islam. Dan Alhamdulillah, melalui pendekatan ini yang telah diberi penekanan yang sangat tinggi empat tahun yang dulu sehingga

jawatankuasa agamapun, portfolio inipun diberi nama dengan Portfolio Islam Hadhari. Rakyat telah memahami dan hari ini apa yang dibuat oleh Kerajaan dan sesiapa sahaja bila ia menepati agama Islam, tidak bercanggah dengan Islam, orang faham bahawa ini sebenarnya tuntutan agama dan apa yang dibuat ini dapat pahala jugak dan kalau buat tak betul dapat dosa jugak. Jadi maknanya ini satu pendekatan yang baik dan kita akan terus sampai bila-bila, bukan penggal ini sahaja penggal depanpun kalau pembangkang ambil alihpun saya rasa dia akan terus jugak. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebelum Rasulullah S.A.W. wafat, beliau telah bersabda: "Aku tidak halalkan bagi kamu melainkan apa yang dihalalkan di dalam Quran dan aku tidak haramkan bagi kamu melainkan apa yang diharamkan dalam Quran dan apa yang ada dalam Quran adalah dari diriku dan apa yang tidak ada dalam Quran adalah bukan dari diriku." Saya pohon supaya dikemukakan ayat Al-Quran berkaitan dengan Islam Hadhari ini secara jelas qata'i supaya mudah kita perbincang? Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua Dewan, Islam Hadhari adalah konsep pendekatan yang kita guna dalam pentadbiran dan pembangunan negeri. Jadi ia adalah merupakan suatu perkara cara yang kita guna, cara boleh berubah tetapi kandungannya adalah sama. Kita sebut bahawa pendekatan Islam Hadhari berasaskan kepada Al-Quran dan Sunnah. Jadi saya rasa kalau nak cari ayat Quran itu masalah lain tapi kemukakan apa yang salah dalam konsep Islam Hadhari supaya saya beritahu apa yang boleh diperbetulkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam kaedah kita berkelahilah, juga disebut berbalah dalam soal kita mengatakan Islam Hadhari ini takdok kami dari pihak pembangkang dan tentulah satu sahaja dari pihak yang betul tidak dua-dua yang berbalah yang berkelahi ini betul. Kalau suami berbalah dengan isteri takkan kita pergi ke Hakim Mahkamah Syariah, Hakim Mahkamah Syariah kata dua-dua betul, Hakim Mahkamah Syariah takkan kata begitu. Kalau katalah jiran sebelah rumah kita ambil tanah kita buat pagar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat itu, ...

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya mintak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... itu, agak berbeza Yang Berhormat tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya nak sebut ni ialah supaya dikemukakan ayat itu supaya kita melihat di mana yang dinyatakan nas sebenar daripada Islam Hadhari ini sebab dalam kita mengatakan Islam Hadhari tak betul. Kemudian pihak Kerajaan mengatakan betul, jadi takkan dua-dua betul, mesti ada satu sahaja yang betul, itu yang saya mintak nas Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, dalam hal ini Dato' Yang Dipertua lebih memahami dan lebih bijaksana. Bila ada perselisihan tidak semesti dua-dua salah, Imam Hanafi, Imam Shafiepun ada perselisihan, kita tak kata hak tu salah, hak tu berdosa. Khilaf-ummatirahmah. Dan bila berijtihad dua orang Islam hak salah tu dapat pahala bukan hak salah dapat dosa dan salah tu hanya salah nisfiq sebab itu Imam Shafie kata "Pendapat aku hak betul ni boleh jadi salah." Pendapat orang hak yang kita rasa salah tu mungkin jadi betul. Jadi inilah adalah khilaf di dalam Islam, kalau nak cakap tentang perbalahan walaupun dia guna kesahihan, dia tak semestinya bila hak orang lain tu tak sesuai dengan kita tu salah. Jadi dalam hal ini saya nak khabor, dalam Islam *Al-astufisyai-i ibahah*, asas dalam Islam ini bendanya adalah asalnya bendanya harus belaka. Jadi pendekatan Islam Hadhari tu haruslah kecuali ada nas yang mengatakan salah bukan cari nas nak tunjuk betul dulu, itu kaedah dalam Hukum Syarak. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura, duduk sekejap. Kita tak setuju dengan Sura kata tadi berbalah, bukan berbalah jadi kita berbincang di sini dan saya percaya kita faham apa yang dibangkitkan oleh wakil Kerajaan sebentar tadi dan kita ada 3 minit lagi, saya ingat kita pergi ke soalan yang terakhir kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Apakah status bangunan Apartment Kos Mampu Milik Kluster Tiga Tingkat di atas tanah Kerajaan di Pulau Duyung:

(i) Berapa unitkah semuanya.

(ii) Berapa unitkah yang telah didiami dan apakah status, sama ada dijual, sewa beli atau sewa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Jumlah unit Apartment Kos Mampu Milik di Pulau Duyung adalah sebanyak 120 unit, telah didiami sebanyak 67 unit dan kesemuanya disewa kepada yang berjaya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat masa kita tepat 1 jam sebab tu tadi saya suruh molek-molek kita, jangan duk berbalah tu. Alhamdulillah, kita dok sampai berbalah tapi kita dah gunakan masa dengan baik. Saya minta maaf kepada soalan tambahan kepada Bukit Tunggal tak dapat kita benarkan. Jadi ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ingin memohon izin dan mencadang untuk mengemukakan satu Usul di Bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan sesuatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara yang saya nak bawa, usul agar Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menyokong dan mendesak supaya royalti petroleum dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Dengan izin Allah, saya dengan penuh rasa tanggungjawab membawa dan mengemukakan Usul Dewan Undangan Negeri yang mulia ini

agar Ahli-ahli Dewan dapat membahas serta menyokong kenyataan yang pernah dibuat, kenyataan dan jugak pendirian yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya royalti petroleum dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, kita tahu hasil daripada perjanjian antara Petronas dengan Kerajaan Negeri Terengganu yang ditandatangani pada 22hb. Mac, 1975 di bawah *Payment Under Section 4, Petroleum Development Act 1974,* dengan izin. Kerajaan Negeri telah menerima bayaran royalti selama 22 1/2 tahun berjumlah RM7.2 bilion sehingga ianya diberhentikan pada September 2000 sehingga sekarang. Kerajaan Pusat telah merampas hak royalti petroleum yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah mencabul kedaulatan Negeri Terengganu untuk membelanjakan royalti tersebut. Perbuatan ini jelas bertentangan dengan undang-undang dan perlembagaan kerana negeri-negeri Sabah dan Sarawak masih terus menerus mendapat bayaran royalti ini di bawah perjanjian yang sama.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Kita terima dulu Usul yang dicadangkan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima Usul mengikut Peraturan Dewan Fasal 30 daripada Wakil Wakaf Mempelam. Dan eloklah kita tangguhkan dahulu Dewan ini dan boleh saya kaji dan keputusannya kita buat selepas kita masuk sebentar nanti, jadi saya tangguhkan dahulu Dewan kita ini.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu Usul di Bawah Fasal 30 daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam dan usul ini telah dibaca oleh Yang Berhormat sebagaimana yang kita dengar sebentar tadi. Setelah saya meneliti sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat berkenaan didapati sekiranya Usul ini hendak diterima mestilah mematuhi kepada Fasal 30 iaitu mempastikan perkara-perkara yang hendak kita bincang itu mestilah pertama-tamanya tertentu, kedua kepentingan orang ramai dan ketiga perlu disegerakan ataupun *urgent.* Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah saya meneliti secara mendalam kita dapati perkara ini memang perkara tertentu, perkara ini juga dalam hal melibatkan kepentingan orang ramai memang melibatkan kepentingan orang ramai manakala adakah perlu ianya disegerakan? Saya dapati oleh kerana perkara yang dibawa ataupun usul yang dibawa ini adalah dalam proses tindakan mahkamah dan ia belum diputuskan lagi manakala apa-apa jika berlaku perbincangan kita di Dewan yang mulia ini ianya mungkin akan menjejaskan di pihak yang terlibat yakni Kerajaan Negeri dan juga perbicaraan di mahkamah dalam kes tersebut. Maka dalam urusan ini saya, Dato' Yang Dipertua, menolak usul ini dan tidak perlu kita segerakan. Terima kasih.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja kerana menyampaikan ucapan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas."***

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul tersebut telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Wassalatuwassalamu-ala-asyrafil anbia-iwamursalin Sayyidina Muhammadin wa-ala-alihiwasahbihi ajmain.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan dan jugak pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, sidang-sidang Pemerhati jugak pelajar-pelajar sekolah khususnya dari Hulu Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Matang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong, terima kasih mari dan Ketua-ketua Cawangan saya Pak Mat Tapu yang sentiasa menjadi peminat setia, seterusnya tuan-tuan, puan-puan dan sidang hadirin sekalian. Alhamdulillah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. Saya mintak maaf, saya tak maklum tadi ucapan penyokong ini kita beri tidak melebihi 30 minit, selepas ini pengucap-pengucap lain, Ahli-ahli Yang Berhormat lain bolehlah berucap sampai ke akhirnya tidak lebih kita beri 20 minit. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama untuk terus bersidang dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Penggal Yang Kedua Belas. Terlebih dahulu saya pada pagi ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk membahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Kedua Belas kelmarin. Jadi sebenarnya saya rasa ada dua perkaralah. Pertama-tamanya saya rasa bangga pada hari ini ialah kerana yang pertama ialah saya adalah merupakan orang yang pertama diberi peluang, Wakil Rakyat yang pertama diberi peluang untuk membahas Ucapan Yang Teramat Mulia kelmarin selepas Pilihan Raya Umum Yang Kedua

Belas dan yang keduanya ialah saya sebagai orang Hulu Terengganu jugak merasa bangga kerana yang menjadi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu kali ini merupakan orang Hulu Terengganu jugak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, terima kasih (dalam loghat Hulu Terengganu).

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi tahniahlah kepada Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Terengganu di atas kejayaan yang diberi kepada orang Hulu, orang Kuala Berang untuk kali ini menerajui Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya juga pada pagi ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakyat Terengganu dan juga orang Kuala Berang khususnya kerana telah membuat keputusan yang bijaksana memilih Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memerintah Terengganu. Dan kalau boleh selepas ini rakyat Terengganu terus berpakat untuk pangkah BN sokmo-sokmolah. Kita tolak parti yang dinamakan Parti PAS yang merupakan parti yang hanya pandai bercakap sahaja, pandai janji sahaja, janjinyapun semuanya palsu-palsu dan juga pandai berpura-pura. Rakyat Terengganu sebenarnya semakin bijak dan juga rakyat Terengganu sebenarnya semakin pandai memilih antara kaca dan permata.

Umno terpuji parti budiman
Berbakti, berjasa siang dan malam
Tidak lokek, tiada walang
Hati tergelak melihat bulan
Berjuta kandang mewangilah alam
Dipeluk roket dari belakang.

Makan sirih bercampur pinang
Sirih berlipat sedap dimakan
Diludah ke batu pabila kenyang
Mencerca umat asal menang
Dari berempat kini berlapan
Tentu hantu ramai bertandang.

Lalang bergoyang ditiup angin
Lalang tumbuh serata padang
Kalau ditebas akan berterbangan
Bijak roket menikam bulan
Islam dihalang bulan tak halang
Demi kuasa prinsip terbuang.

Saya juga pada pagi ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh dahulu kerana kejayaan cemerlang dalam Pilihan Raya Umum Yang Kedua Belas .... (Ketukan meja dan tepukan sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat). Dan jugak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menjadi calon dalam pilihan raya bagi DUN Kuala Berang serta jugak tahniah kerana telah memberi kejayaan yang membanggakan bagi Negeri Terengganu sebagaimana yang telah kita dengar semalam ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Seri Panglima Raja di mana antara lain beliau mengatakan bahawa bila BN menang sebenarnya rakyat akan senang, BN menang semua rakyat akan mendapat peluang tak kira sama ada parti Kerajaan, sama ada mereka yang menyokong Kerajaan ataupun mereka yang menyokong parti pembangkang. Jadi sebenarnya kita parti yang tidak memilih sama ada parti yang menyokong Kerajaan jugak yang menyokong pembangkang. BN menang bukan kerana bantuan hantu-bantu sebagaimana yang telah didakwakan oleh setengah-setengah pihak kerana biasanya hak kenal hantu ini ialah puak-puak hantu jugak kerana puak-puak hak kawan dengan hantu itulah yang kenal hantu, kita semua tak kenal hantu. Kita menang bukan kerana bantuan daripada hantu-hantu sebagaimana yang telah didakwakan oleh puak-puak yang tertentu. Jadi sebenarnya untuk makluman .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, ingin penjelasan. Hak dia sebut hantu-hantu tu, cuba khabor siapa dia gok puak-puak hantu tu. Ada ke dok dalam ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya rasa adalah sebab merekalah yang telah mendakwa bahawa kemenangan Barisan Nasional adalah kerana disokong oleh pengundi-pengundi hantu. Jadi mereka sebenarnya macam kata tadilah orang yang kenal hantu ini ialah orang yang berkawan dengan hantu. Jadi kalau kita dok kawan dengan hantu kita tak kenal hantu itu.

Jadi untuk maklumanlah jugak kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, di kawasan saya yang paling menyedihkan hasil daripada pilihan raya baru-baru ini ada jugak berlaku kes perceraian kerana isterinya menyokong Barisan Nasional, ini berlaku di kawasan saya. Jadi inilah yang saya rasa suatu perkara yang amat menyedihkan dan sepatutnya tidak berlakulah di zaman yang ada hari ini, zaman yang kita katakan bahawa zaman yang kita telah memperolehi kemajuan yang cemerlang.

Jadi jugak pada pagi ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru kita kerana telah berjaya membentuk Kerajaan dan jugak berjaya melaksanakan tugas yang telah diamanahkan oleh

rakyat dengan cemerlang. Dan insya Allah, kita berharap kepimpinan beliau akan terus membawa kehebatan Terengganu sebagaimana yang kita alami sebelum ini.

Sembelih lembu di tepi kuala
Diberi makan jiran tetangga
Usah runsing dan pening kepala
Dok cukup dua boleh tambah jadi tiga.
.... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan. Kata ke siapa tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kelmarin Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja sebenarnya dalam ucapan beliau sangat berpuas hati dengan apa yang telah Kerajaan laksanakan dan berharap agar kejayaan yang telah dicapai sebelum ini akan terus dilaksanakan, akan terus dicapai di masa-masa yang akan datang. Dan diharaplah kepada Kerajaan yang baru ini dapat menunaikan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan adil, saksama, dengan jujur tanpa mengira sebarang parti sebagaimana yang terkandung dalam ucapan beliau dalam buku ini pada muka surat yang ketiga.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping juga dalam ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja kelmarin juga banyak menyentuh tentang kehebatan Terengganu hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional yang lalu, antaranya ialah seperti kejayaan cemerlang Terengganu di dalam peperiksaan UPSR kerana kita sedia maklum sehingga kini, sehingga baru-baru ini kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang selama 7 tahun berturut-turut di peringkat kebangsaan. Jadi kita harap kejayaan sebegini akan terus dicapai, akan terus diperolehi oleh Terengganu selepas ini.

Begitu jugak pada ucapan beliau semalam, beliau telah menyatakan pelaksanaan pelbagai projek-projek besar seperti Taman Tamadun Islam dan jugak pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur, pembinaan Lapangan Terbang yang dijangka insya Allah pada tahun ini semua jemaah Haji di negeri kita akan terus dapat ke Mekah melalui Lapangan Terbang Kuala Terengganu. Begitu juga semalam Yang Teramat Mulia banyak menyentuh tentang pelaksanaan ECER dengan bajet sebanyak RM112 bilion dan diharapkanlah dengan bajet ini supaya menjadi pemangkin kepada kepesatan Negeri Terengganu pada masa-masa yang akan datang. Dan kalau apa yang disebut di sini dan apa yang telah dinyatakan oleh beliau semalam banyak lagi sebenarnya. Jadi apa yang saya harapkan ialah

dengan harapan saya ialah supaya Terengganu di suatu masa nanti akan terus terbilang dan paling pentingnya ialah saya harap supaya jangan lupa kami di Hulu Terengganu, jangan lupa kami di Kuala Berang kerana sebenarnya kami di Hulu Terengganu dan jugak di Kuala Berang khususnya sangat memerlukan sokongan penuh, sokongan padu daripada Kerajaan Terengganu hari ini kerana kita semuanya kena akui bahawa kita sebenarnya masih lagi ketinggalan kalau kita bandingkan dengan daerah-daerah yang lain. Contohnya, kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Ke-9 sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Teramat Mulia semalam di mana Bajet untuk Rancangan Malaysia Ke-9 ini ialah berjumlah lebih kurang RM11.3 bilion bukan suatu peruntukan yang kecil sebenarnya, Negeri RM4 bilion lebih dan jugak Pusat RM7 bilion lebih jadi RM11 bilion lebih dan kalau kita campur-campurkan sebenarnya kita lihat di sini di Hulu Terengganu, Kuala Berang khususnya sangat sedikit jumlah peruntukan yang telah dilaksanakan di tempat kami. Jadi kita harap janganlah lupa kami di Kuala Berang, jangan lupa kami di Hulu Terengganu kerana rakyat di Hulu Terengganu sebenarnya hari ini telah berkata kepada kami bahawa: "Wat baliklah wok ke Kuala Berang, ke Hulu Terengganu" dengan peruntukan yang sebanyak RM11 bilion ini untuk Rancangan Malaysia Ke-9 dan jugak dalam pelaksanaan ECER. Kita lihat kepada muka surat 5 dalam buku ini ada dinyatakan bahawa saya baca lebih kurang: "Di dalam merancang aktiviti-aktiviti pembangunan ini kita berharap Kerajaan akan memberi penekanan kepada aspek berikut:-

(i) Memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta mempelbagaikan asas ekonomi negeri khususnya di dalam sektor pelancongan, pertanian, perkhidmatan serta inovasi dan kreativiti;

(ii) Meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan mereka terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar;

(iii) Mempertingkatkan program-program modal insan dengan mewujudkan gunatenaga berkemahiran dan berpengetahuan;

(iv) Mengurangkan ketidak seimbangan tahap sosio ekonomi antara kawasan;

Ini yang saya nak tegaskan, itulah daripada lima perkara yang ditekankan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam iaitu supaya kita dapat mengurangkan ketidak seimbangan tahap sosio ekonomi di antara kawasan khususnya kami di Hulu Terengganu. Jadi hari ini sebenarnya kita sangat bangga jugak semalam saya jugak tertariklah dengan satu program Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan pengangkutan yang teratur di mana yang akan

diselenggarakan oleh Casligas dan sebagaimana yang pernah saya utarakan dahulu bahawa sebenarnya bukan sahaja Casligas yang kami mahu, kalau boleh apa salahnya Kerajaan Negeri boleh merancang untuk membina LRT daripada Kuala Berang ke Kuala Terengganu ataupun kalau tidak LRTpun, Menorelpun tak apa ....(Dewan Gelak) ..... kerana kita dapati bahawa hari ini sistem pengangkutan ....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan Dato' Yang Dipertua, 'minorel' tu menatang guana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): 'Monorel', haa .... sebab saya ingat kawasan Telemong tu ada air mineral.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mo-no-rel.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Nampak lagi Telemong sebab dia yang kemuka dulu sebenarnya. Jadi kita haraplah kalau tak dibina LRT kita binalah Monorel daripada Kuala Berang ke Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang jugak dia katakan orang hulu tolong betul sikit ucapan-ucapan, perkataan hak dia sebut tu, sama-sama hulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni Kuala Berang Yang Berhormat, bukan hulu lagi, dia kuala.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Wakil Wakaf Mempelam tak faham tu. Dato' Yang Dipertua, Alhamdulillah, sebenarnya walau bagaimanapun saya sebenarnya pada pagi ini merasakan bahawa walau apapun saya katakan tadi sebenarnya kita rakyat Hulu Terengganu hari ini sangat berbangga sebenarnya, sangat bersyukur dengan berkat kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Kerajaan Barisan Nasional hari ini kalau kita lihat Kuala Berang wa-ima apapun berlaku saya mewakili rakyat Hulu Terengganu merasakan bahawa kita dah merasai tempias yang berlaku di Kuala Berang dan jugak Hulu Terengganu hasil daripada pembangunan, hasil daripada kerancakan, hasil daripada kehebatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada empat tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan program-program ini akan dapat diteruskan lagi pada masa-masa yang akan datang kerana kita tak mahu khususnya di Kuala Berang masih lagi orang mengaitkan bahawa Kuala Berang ini sebagai bandar mati, Kuala

Berang sebagai bandar usang, bandar yang tidak bermaya pada waktu malam khususnya kerana kita merasakan bahawa hari ini hasil daripada kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional, hasil daripada usaha keras Kerajaan Barisan Nasional dan jugak pegawai-pegawai Kerajaan yang kita lihat hari ini, kalau kita pergi ke Kuala Berang sebenarnya kita merasakan bahawa hari ini Kuala Berang telah nampak suasana hidupnya dan tidak lagi mati sebagaimana yang kita rasakan dahulu. Insya Allah, kita berharap dengan usaha, dengan kesungguhan, dengan kepimpinan Kerajaan baru ini kita berharap supaya pertumbuhan di kawasan bandar Kuala Berang akan semakin pesat dan supaya kita berharap bangunan-bangunan baru dapat tumbuh dan dapat didirikan tidak henti-henti pada masa-masa akan datang kerana kita dapat rasakan bahawa dari pengalaman saya selama tiga tahun lebih menjadi Wakil Rakyat di kawasan Kuala Berang di mana saya dapati bahawa setiap kali projek perumahan ataupun projek pembinaan unit-unit kedai sebelum dibina dah rakyat di Hulu Terengganu dan jugak pembeli-pembeli begitu berebut-rebut untuk mendapatkan peluang memiliki ruang-ruang perniagaan dan jugak perumahan-perumahan yang didirikan sama ada oleh Kerajaan dan juga oleh pihak swasta. Jadi ini kita merasakan bahawa itulah kita berharap supaya pihak Kerajaan Negeri dapat terus melabur, dapat terus mengeluarkan peruntukan yang lebih besar kerana kita merasakan bahawa di Hulu Terengganu ini agak ketinggalan kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Daerah-daerah lain sebenarnya telahpun maju, daerah-daerah lain telahpun dapat banyak peruntukan. Kita boleh lihat sendiri bagaimana bajet yang telah berlaku sebelum ini. Jadi kita merasakan bahawa dan jugak kita sangat bersyukur sebenarnya dengan apa yang telah berlaku selama ini dan kita berharap dengan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 11 dan jugak pembinaan Lebuh Raya Timur Barat, dengan pembinaan Pasar Kuala Berang yang berjumlah RM9 juta lebih dan jugak pembinaan jalan empat lorong daripada Kuala Berang ke Kuala Terengganu. Kita berharap supaya dengan siapnya projek ini nanti kita harap supaya Kuala Berang dan jugak Hulu Terengganu akan menjadi satu pusat tumpuan segala aktiviti khususnya rakyat Hulu Terengganu dan jugak mungkin kepada rakyat yang datang daripada luar Kuala Terengganu, insya Allah.

Jadi saya jugak berharap pada hari ini walaupun kita hari ini merasakan bahawa kemungkinan Kuala Berang jugak akan dapat menikmati pembangunan pada masa akan datang kita harap apa yang pentingnya ialah kita harap supaya setiap program-program Kerajaan jangan lupa jugak di Hulu Terengganu dan Kuala Berang walaupun kami sebenarnya yang paling utama, saya ingat saya pernah menyuarakan pada suatu masa dahulu iaitu kita berharap pada masa yang akan datang akan ada sebuah universiti setidak-tidaknya akan dibina di Hulu Terengganu kerana kita rasakan dengan adanya institusi pendidikan tinggi ini akan sekurang-kurangnya dapat menarik mereka-mereka datang ke Hulu

Terengganu untuk merancakkan kegiatan ekonomi dan sebagainya di Daerah Hulu Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada hari ini jugak sebelum saya mengundur diri saya pada hari ini ingin menekankan bahawa di Hulu Terengganu sebenarnya amat memerlukan satu suntikan baru dalam memperkasakan ekonomi orang Hulu Terengganu khususnya dalam bidang pertanian. Sebagaimana yang kita tahu bahawa sejak tahun 2006 jika kita lihat di Terengganu perkembangan di dalam bidang pertanian sangat rancak dan kita berharap supaya pada masa akan datang akan lebih banyak lagi bajet di dalam bidang pertanian ini dapat disalurkan ke Daerah Hulu Terengganu. Saya merasakan bahawa selama ini saya sangat hampalah dengan apa yang berlaku sebenarnya di Daerah Hulu Terengganu sedangkan Hulu Terengganu adalah merupakan kawasan tanah yang sangat luas, tanah yang sangat subur, umpama kata orang tanahnya kalau cucuk apa-apapun akan tumbuh jika dibandingkan dengan daerah lain. Jadi apa salahnya dengan sumber yang ada hari ini dengan tanah yang luas ini kita beri fokus kepada pertanian di Hulu Terengganu kerana kita dapati di Hulu Terengganu pada hari ini sangat dukacitalah dengan beberapa agensi Kerajaan yang telah kita beri tanah yang sangat luas tapi malangnya hari ini apa yang berlakunya ialah tanah yang kita beri itu tidak dimenafaatkan dengan sepenuhnya seperti contohnya tanah di Padang Ipoh 5,000 ekar, kita lihat hari ini apa yang berlaku? Kemudian kita lihat jugak dengan padang-padang ragut. Banyak padang-padang ragut yang kita beri kepada Jabatan Haiwan tapi apa yang berlaku hari ini bukan padang ragut tu ada tapi padang itu jadi semak, jadi hutan belantara. Begitu jugak dengan Jabatan Pengairan, sebenarnya kita hari ini banyak sistem pengairan yang kita buat di Hulu Terengganu, di Kuala Berang yang sedang apa yang berlaku hari ini dengan kos yang banyak Kerajaan belanja tapi apa yang kita lihat pengairan yang ada itu tidak digunakan langsung oleh sebahagian besar petani-petani untuk mengusahakan tanaman padi dan sebagainya. Jadi eloklah hari ini saya rasa dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar tanaman padi ekoran pada yang kita lihat hari ini kenaikan harga beras maka marilah kita pakat selepas hari ini dengan taliair, dengan sistem pengairan yang kita keluar berjuta-juta ringgit ini kita manfaatkan sepenuhnya untuk kita jadikan kawasan yang dimanfaatkan oleh semua rakyat Hulu Terengganu.

Jadi saya rasa itulah sedikit ucapan saya hari ini sebagai mukadimah sidang Dewan Undangan Negeri Kali Yang Kedua Belas. Saya mohon maaf banyak kalau sekiranya sepanjang ucapan saya tadi terdapat kelemahan, kekurangan kerana yang baik itu dari Allah S.W.T. dan yang lemah itu saya. Sekian, saya mohon menyokong usul tersebut. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lalang berterbang sampai ke bulan, terima kasih banyak Wakil Kuala Berang. Kita jimat 7 minit. Jadi kita dah ada penyokong, kita mintak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap, kita persilakan. Ya, Wakaf Mempelam kita silakan tak lebih 20 minit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pegawai, para Pemerhati yang saya kasihi sekalian.

Pertama-tama syukur kepada Allah S.W.T. dan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil sedikit masa membahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja semasa Perasmian Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas semalam.

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan dan mengucapkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana dilantik untuk menjadi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri kali ini. Walaupun ada usaha-usaha di saat-saat akhir nak calon orang lain tapi Alhamdulillah saya ucap .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua laluan, Yang Dipertua laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laluan dah.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Usaha apa bendanya, takdokpun. Mana ada usaha-usaha gapenya. Orang-orang alik sana nun yang duk reka, alik ni takdok benda.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya khabor apa yang saya tahu dan itu saya ada bukti sekadar tu sudahlah tak usah panjang-panjanglah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak mengambil kesempatan ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Wakil Wakaf Mempelam ini cakap pelawok sokmo, pelawok kerja dia.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil mana, tak nampak, lindung kamera.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya duk ingat ke Wakil Kuala Berang ni takdok dah dalam Dewan ini ataupun dia letak jawatan mega dia tandatangan surat dah akan meletakkan jawatan kalau sekiranya orang lain jadi Menteri Besar, rupanya ada lagi dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, Peraturan 46 semasa berucap pandang ke Yang Dipertua, tak payah pandang ke lainlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Dipertua. Saya intai dia pasal kes tak nampak, takut letak jawatan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila sambung, rugi masa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua untuk nak merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar setelah mendapat restu daripada Istana yang tak disangka-sangka. Diapun sendiri tak sangka jadi Menteri Besar, Alhamdulillah. Cuma dia kata mungkin dia tak bertahan lama, tahan lama dok tahan lama tu kita tengoklah lepas daripada ini, insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cukup merasa gembira apabila pihak Istana pada kali ini selepas keputusan pilihan raya dapat membezakan antara intan dan kaca, antara penentang dan pembela kepada rakyat dan Negeri Terengganu, Alhamdulillah, saya cukup terharu perkara ini berlaku. Dan saya amat berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru mengamalkan *transparency, accountability and good governance*, insya Allah dalam mentadbirkan

negeri ini. Saya buat peringatan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana dia kawan lama saya sama-sama sejak tahun '89 - '90 berada sama-sama di dalam Dewan ini. Dulu memanglah, biasalah, pernah dia ajak saya gocoh dalam Dewan ini tapi saya yakin pada kali ini Yang Amat Berhormat tidak berani nak ajak saya bergocoh, Alhamdulillah itu keyakinan saya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kami daripada parti pembangkang ini daripada dulu memang konsisten. Kami istiqamah dalam perjuangan terutama dalam menentukan Negeri Terengganu, rakyat Terengganu terus menerus mendapat pembelaan. Kami pembangkang bukan semuanya yang kami bangkang dan bukan semuanya yang kami sokong. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dua hari lepas semua Ahli Dewan telahpun mengangkat sumpah termasuklah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita semua telah mengangkat sumpah. Kita bersumpah dan kita berikrar, bersetiawan, taat setia yang sebenar-benarnya kepada Negeri Terengganu, ini sumpah dan janji kita tetapi saya cukup kesal masih ada pemimpin-pemimpin Umno dalam Dewan Undangan Negeri ini yang terus menerus khianat kepada negeri dan derhaka kepada Tuanku Sultan. Tadi saya mengemukakan satu usul berhubung soal agar kita bersepakat, Dewan ini membuat ketetapan agar Negeri Terengganu dikembalikan hak kita royalti petroleum di atas perjanjian yang semua kita tahu sejarahnya yang sekarang masih dinikmati oleh Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Ini semua berlaku kerana pengkhianatan pemimpin-pemimpin Umno pada negeri ini. Dan Alhamdulillah, sekarang Yang Amat Berhormat baru terasa pengkhianatan yang dibuat waktu kami memerintah dulu sekarang baru terasa sakitnya. Dan inilah yang kami daripada dulu sehingga sekarang istiqamah dan kita tetap menuntut hak kita supaya negeri yang ada maruah ini dan rakyat yang kita cintai dapat kita bela secara terus menerus. Saya bangkitkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana kita sudah kehilangan royalti sejak 8 tahun, sejak tahun 2000 apabila kami menang pada tahun 1999 dan pengkhianatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Umno ini di Negeri Terengganu ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk kejap Yang Berhormat. 46(7), Yang Berhormat peraturan kita: Sebarang perkara dalam timbangan mahkamah tidaklah boleh dikaitkan. Jadi saya dah sebut tadi perkara ini, jadi tak payah panjang-panjang Yang Berhormat, beralih kepada isu yang seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebutkan perkara ini kerana ini melibatkan kepentingan negeri dan saya bukan nak mempertikaikan apa yang dibahas, apa yang dibincang, apa yang dibicarakan di dalam mahkamah,

saya akan merujuk kepada satu Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan kepada seluruh Ahli Parlimen. Sebelum saya pergi kepada perkara yang berkenaan, saya sebutkan ini kerana setahu ingatan saya di Negeri Kelantan sebagai contoh waktu kita menang, PAS menang tahun 1990 masih ada pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Kelantan, waktu itu Datuk Annuar Musa sebagai contoh, Datuk Ibrahim Ali, Datuk Mustapha Mohamad, pemimpin UMNO Kelantan walaupun PAS menang di Kelantan mereka tak khianat kepada negeri dia. Mereka sebagai pimpinan di Pusat berusaha untuk buat balik projek ke Kota Bharu, berusaha untuk menambahkan peruntukan ke Negeri Kelantan. Ini dok, inilah yang ada sekarang ni di negeri kita. Sudahlah royalti dah 22 tahun kita menikmati tapi waktu mereka tak menang, mereka .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... bukan sahaja kohor nak buat balik, hak ada dahpun mereka mintak dihentikan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Pohon laluan sekejap Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laluan diberi Telemong, sila.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya rasa Yang Berhormat Wakaf Mempelam ni memang gitu sokmo dah nak tunjuk jaguh dalam Dewan. Dah kita dah faham dah kaedah, perkara ini di dalam bicara mahkamah, tidak perlulah nak dibawa besar panjang. Apa benda pembangunan yang tidak dibawa ke Negeri Terengganu ni ke dok nampak lagi. Kan semalam orang tunjuk belaka dah dengan pembangunan yang mendadak tinggi di Negeri Terengganu, ikut lubang mana? Saja je nak buat cakap banyak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak nak bagi masa panjang ke dia kerana saya ada masa yang agak terbatas. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Wakaf Mempelam pergi terus kepada isu yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak kaitkan ini Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan panjang sangat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, tak bukan panjang sangat tapi ini apa yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara di mana hasil royalti disebut di sini secara jelas, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Perjanjian Antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas yang ditandatangani pada bulan Mac 1975 mensyaratkan Petronas membayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu setiap tahun amaun sebanyak 5 peratus daripada nilai petroleum yang diperolehi, disimpan dan dijual oleh Petronas ejen atau kontraktornya. Disebutkan lagi hasil laporan yang dibuat daripada tahun 2000 sehinggalah 2005 jumlah yang apabila dinafikan royalti petroleum ditubuhkan Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Tahun 2000 hingga 2005 jumlah yang sepatutnya Kerajaan Negeri Terengganu perolehi daripada sumber royalti tersebut yang telah ditukar kepada Dana Khas sepatutnya diperolehi sebanyak RM5.91 bilion, ini setakat tahun 2000. Waktu itu harga nilai petroleum dunia dalam sekitar USD30, USD35, USD38 sekarang mencecah USD118, cuba kira. Inilah pengkhianatan oleh pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu, dahlah khianat derhaka kepada Tuanku. Dan daripada jumlah tersebut pulak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang telah dibelanjakan oleh kementerian-kementerian kerana duit itu disalurkan kepada kementerian. Telah dibelanjakan oleh kementerian untuk projek-projek seluruh negara daripada jumlah RM5.91 bilion jumlah yang telah diberikan kepada kementerian, kepada syarikat Kerajaan, kepada negeri-negeri lain. Syarikatpun boleh, Syarikat Perumahan Negara RM175 juta, jumlah yang telah diberikan, diperuntukkan kepada kementerian, kepada syarikat dan kepada negeri lain RM3.96 bilion. Sekarang kita tak dapat apa, royalti orang lain yang guna dan antara negeri yang dapat; Negeri Kedah, Negeri Sembilan, Negeri Pahang, Negeri Kelantan, Negeri Perlis, ini dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan Yang Amat Berhormat akan bertemu dan berbincang dengan Perdana Menteri dan kami dengan tegas bukan sahaja kami di Terengganu, malah rakan kami Wakil PAS di Pusat, di Parlimen jugak mengeluarkan, jugak mengemukakan usul yang sama tetapi ditolak oleh Parlimen tetapi itu penegasan kita secara istiqamah untuk nak menuntut hak kita dan insya Allah saya harapkan sungguh-sungguh Yang Amat Berhormat selesai dengan baik, teruskan proses mahkamah kalau itu diperlukan tapi kalau boleh selesai di luar mahkamah lagi baik sepertimana yang telah dibuat pengakuan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kes pemecatan bekas Hakim Tun Salleh Abas dan lain-lain hakim suatu ketika dulu adalah satu kesilapan. Dan saya yakin, kami semua yakin bahawa isu rompakan royalti Kerajaan Negeri Terengganu 8 tahun dahulu jugak merupakan satu kesalahan dan kesilapan besar, pengkhianatan yang tak habis-habis. Jadi saya harap sungguh-sungguh teruskan dengan usaha yang hendak dilakukan. Waktu kami

dulu, kami bawa ke mahkamah dengan melantik peguam, kalau tak salah ingatan saya Tetuan Tommy Thomas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat, duduk sekejap, saya ambil seminit. Sementara Yang Berhormat dah mengaku begitu perkara ini dalam urusan mahkamah, Yang Amat Berhormat Menteri Besarpun dah ada urusan, saya ingat moleklah Yang Berhormat ada lagi 6 minit teruskan dengan perkara yang lain Yang Berhormat. Sila, jika tidak dia mengganggu urusan saman kita Yang Berhormat, kita semua di sini adalah di pihak Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dalam masa 6 - 7 minit ni, tapi tak apa saya cubalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ni baru nak *start* sebenarnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah, tu kata dah tadi tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... rakan saya semalam, sebagai contoh dua hari lepas Wakil daripada Batu Burok mengemukakan satu usul jugak ditolak, tak apalah itu adalah hak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk nak menolak soalan-soalan yang dikemukakan. Tapi saya mintak pada kali ini Kerajaan baru di bawah kepimpinan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hak tu tak betul Yang Berhormat, saya ingat kena duduk jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya? Dok, dok, saya nak mintak ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok, dok, tadi dok betul yang dibangkit tadi sebenarnya rakan tadi Batu Burok, yang diangkat dalam majlis sebelum kita bersidang, jadi tak boleh kata begitu 'ditolak' sebab kita terima sahaja selaku setiakawanlah. Jadi tak ditolak lagi, sebab hari ini tidak dibangkit lagi, ya. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Cumanya saya sebelum perkara ini dibangkitkan semula oleh rakan saya dari Batu Burok, saya nak sebutnya begini; saya mintak supaya Kerajaan sekarang yang ada ni di bawah kepimpinan yang baru ni

supaya lebih telus, kami ni soalan-soalan yang kami kemukakan sama ada daripada pembangkang ataupun Kerajaan, kami nak tahu perkara yang sebenarnya dan ianya melibatkan persoalan dan melibatkan kepentingan orang ramai khususnya rakyat. Jadi kalau soalan yang kami buat, kami hantar ke Dewan ditolak, sudahlah ditolak dia tak masukpun dalam fail Persidangan Dewan soalan-soalan yang kita kemukakan. Dulupun sebelum pada ini soalan-soalan yang kita kemukakan dia masuk dalam fail, lepas itu dia jawab: Soalan-soalan yang dikemukakan sekian, sekian ditolak. Sekurang-kurangnya pegawai-pegawai Kerajaan, ketua-ketua jabatan dia tahu soalan apa yang kita kemukakan. Kalau tidak berlaku macam pernah suatu ketika, Yang Amat Berhormat waktu jadi Exco, dia jumpa saya di luar Dewan dia kata: "Guana tak tanya soalan kali ini?" Tak tanya guana, habis kena tolak. Jadi tak tahupun yang soalan kena tolak kerana soalan itupun tidak ada dalam fail. Jadi untuk memberikan ruang yang lebih adil Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, supaya kalau boleh sekurang-kurangnya biarlah lebih telus, jangan nak susut punca. Macam tadi sebagai contoh soalan-soalan masa perbahasan, saya tanya berhubung dengan kes Projek Muara Sungai tadi .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Apa ni, dah habis soalan, ulang buat benda lagi ni Yang Dipertua ulang apa tiga-empat kali sebentar hak tu-le, yang lepas, lepaslah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok dang khabor lagi dia ....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dia mengarut, lari rel ni Dato' Yang Dipertua. Lari rel ni, tak betul ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, tak apa, saya bawa perkara lain pulak. Takut tak pasal-pasal aje. Saya yang terasa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan - satu, yang kedua, soal usul-usul ni betullah mungkin hari ini adalah alasan yang munasabah tapi saya ingatlah, saya pernah sejak lama ni, banyak usul, dua-tiga perkara usul. Yang pertama sekali memang tak pernah diterima tapi melibatkan kepentingan rakyat dan negeri. Saya pernah pada bulan Disember 2004 untuk nak membahas, saya bawa satu usul nak membahas Laporan Kertas Putih Perhutanan Negeri Terengganu yang disediakan oleh Kerajaan satu laporan dikatakan ada penyelewengan dalam soal pembalakan dan perhutanan Negeri Terengganu. Kertas itu diedar kepada Ahli-ahli Dewan, nak bahas kertas itupun ditolak, tak mahu. Jadi ini ada benda nak susut punca. Begitu jugak dengan kes-kes lain. Saya kemuka pulak usul pada tahun 2005 tentang pencerobohan rumah peserta Rancangan Tanah Berkelompok (RTB), tanah

dirampas, rumah diroboh, ditolak. Begitu jugak saya bawa pulak usul nak membahas soalan penubuhan Terengganu Incorporated (Terengganu Inc.), ini satu perkara besar kerana saya dapat tahu sampai sekarang, ini ada banyak masalah. Syarikat-syarikat yang ditadbirkan yang dikawal begitu rupa, yang dilantik pengarah-pengarah yang saya rasa boleh dipertikaikan dan ini benda-benda yang rakyat kena tahu. Saya kemuka pulak usul tahun 2006, membahaskan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Golden Pharos Bhd. (GPB) dan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Sdn. Bhd. (KPKK) ditolak. Saya ada bukti oleh kerana ini suatu benda yang saya kira penting. Jadi sekarang ini dan itu hak lepas, saya harap pentadbiran baru lebih telus dan kami bukan semata-mata nak cari salah dan silap orang, itu bukan kerja kami. Kami nak memperbetul, nak memperingati pihak Kerajaan supaya jangan ulang benda yang sama, kesilapan yang sama dari masa ke semasa sehingga akhirnya rakyat dan negeri ini terus ditinggal, terus dihina dan kita berada dalam tahap kemiskinan yang cukup hebat, nombor 2 dalam negara.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak akhirlah, 2 minit tak apalah. Bila saya sebut berhubung dengan tidak telus (accountability) saya teringat tahun lepas masa sidang Bajet tahun 2007. Saya tertunggu-tunggu Laporan Ketua Audit Negara tetapi tidak diedarkan. Negeri lain, saya tanya rakan-rakan daripada Dewan-dewan Negeri-negeri lain semua terima Laporan Audit tapi kami tidak dibekalkan dengan Laporan Audit, mungkin barangkali tahun sebelum pada itu saya timbulkan soal antaranya yang disebut dalam Laporan Audit berhubung dengan Monsoon Cup sebagai contoh yang tidak diaudit, perbelanjaan yang tidak dikawal menggunakan Dana Khas ini, diguna dengan sewenang-wenang, sampai untuk nak meraikan majlis malam sempena Monsoon Cup satu malam Kerajaan belanja RM7 juta. Itu yang melibatkan ratusan juta perbelanjaan duit Kerajaan. Jadi saya harap kalau boleh, kalau Kerajaan pernah sebelum pada ini menyediakan satu jawatankuasa khas untuk nak menyiasat, untuk nak mengkaji berhubung isu perhutanan waktu kami memerintah, saya harap Menteri Besar, Yang Amat Berhormat yang ada sekarang ini jugak tidak keberatan untuk nak tubuh satu jawatankuasa khas untuk menyediakan yang terdiri daripada profesional, daripada akauntan, daripada mereka-mereka yang kita anggap wibawa untuk membuat satu kajian terperinci berhubung dengan segala projek-projek Dana Khas yang dikatakan tidak ikut peraturan, tidak diauditkan dan ianya barangkali dengan sekurang-kurangnya kita dapat tahu, kalaulah Yang Amat Berhormat sendiri tidak tahu berapa duit Dana Khas yang ada, banyak mana telah belanja, dikawal oleh siapa, inilah benda-benda yang masalah. Jadi itulah sebabnya saya harap

supaya ianya dapat dibuat untuk kebaikan kita bersama demi supaya kita dapat mengemukakan dan kita dapat sekurang-kurangnya meyakinkan rakyat yang kita ni ke arah nak ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cukup Yang Berhormat, tamat masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selama ini orang lain ganggu tapi kali ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ganggu sikit, tapi tak apalah. Terima kasih banyak kerana peluang yang telah diberikan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Orang tak ganggupun susah, orang ganggupun susah, duduk diamlah kalau sudah cakap tu, terima kasihlah. Dahlah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mari di mana pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau sudah habis tu duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya akan duduk pasal Yang Berhormat suruh duduk bukan kerana Wakil Pengkalan Berangan suruh duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tolong royat aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tolong royat aje, takut tak sedar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya ucap terima kasih di atas kesempatan yang diberikan. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Saya ganggu tadi sepatutnya Yang Berhormat berhenti pukul 12.04 minit, saya bagi elaun saya ganggu 2 minit, jadi 2 minit saya ambil bagi balik, Yang Berhormat berhenti 12.06 minit. Kemudian Yang Berhormat-Yang Berhormat makluman jugak untuk soalan-soalan yang dibangkit kalau bolehlah Yang Berhormat nak kemukakan soalan kena tengok Fasal 26, dia ada 'a' sampai 'q' tu, perkara-perkara yang boleh dan tak boleh. Jadi tak payah Kerajaanlah, kita sendiri tengok peraturan kalau tak ikut peraturan itu mesti ditolak. Jadi saya persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya nampak hanya Wakil Bukit Payong saja yang berdiri. Sila Bukit Payong, 20 minit tak lebih. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Alhamdulillah naasirinmustadha'afin waqaahiruzzalimin. Asyhadu-allah ilaha illallah wahdahula syarikalah waliyul mukminin assadiqin wala udwa na-illa-'alal mujrimin. Wa-asyhadu anna Muhammadan abduhu warasulullah annabiyulamin wa-ala-alihi wa-as-haabihi wataabi'inalahum bi-ihsanu ilayaumiddin. Ammaba'.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Pertamanya, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana inilah kali pertama Allah taala kurniakan kepada saya untuk bersama-sama dengan saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mewakili rakyat bagi melihat serta kita sama-sama merancang untuk melaksanakan amanah daripada Allah S.W.T. Saya juga menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dan Majlis Penasihat Pemangku Raja yang telah berjaya menyelesaikan permasalahan krisis kepimpinan dengan penuh hikmah setelah selesai Pilihan Raya Umum Kali Kedua Belas. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang memimpin Kerajaan pada kali ini dengan harapan beliau akan membawa satu polisi, satu perubahan besar bagi menyambut dan merakamkan ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja dalam ucapannya menyebut bahawa keputusan Pilihan Raya lepas memberi mesej yang jelas mengenai kehendak rakyat yang mahukan perubahan. Pelaksanaan dasar dan polisi yang lebih telus dan penyelesaian terhadap kepelbagaian tuntutan rakyat semasa.

Saya mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama mengingati khususnya pimpinan Kerajaan seluruh Ahli-ahli Dewan dan Ketua-ketua Jabatan tentang amanah, kita berada di Dewan ini dengan amanah Allah,

Kerajaan dan rakyat adalah amanah daripada Allah S.W.T. yang mesti dijaga dan dipelihara. Amanah ini pernah dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Sesungguhnya ini adalah amanah, sesungguhnya ia adalah satu penyesalan pada hari Qiamat, sesiapa yang memegangnya dengan penuh melaksanakan segala hak-hak amanah itu dan menunaikan segala kewajipan yang diwajibkan ke atasnya." Saya juga memberi ingatan dan amaran keras agar kita jangan mengkhianati amanah Allah ini kerana Allah S.W.T. memesan kepada kita semua yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman jangan kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya, jangan kamu mengkhianati amanah-amanah kamu jika dalam keadaan kamu mengetahuinya." Bahkan Rasulullah S.A.W. memberi suatu amaran keras tentang sabdanya yang bermaksud: "Tiada seorang hamba yang Allah taala kurniakan kuasa-Nya untuk memelihara dan memimpin rakyat tiba-tiba dia mati pada hari dia mati itu dia menipu dan mengkhianati rakyat, tiada lain melainkan Allah S.W.T. mengharamkan baginya Syurga." Oleh kerana amanah ini besar dan saya melihat bahawa konsep Islam Hadharilah yang menjadi punca berlakunya beberapa permasalahan-permasalahan yang ada di negeri kita hari ini. Yang pertama, kita melihat pendedahan-pendedahan bukan sahaja daripada akhbar bahkan Polis Diraja Malaysia tentang jenayah yang berlaku dan gejala sosial yang berlaku dalam negara kita. Saya tertarik dengan kenyataan di dalam akhbar tentang Statistik Jenayah Indeks bagi Negeri Terengganu meningkat keseluruhan sebanyak 3.8 peratus dalam tempoh 3 bulan pertama tahun ini dengan jumlah yang dilaporkan sebanyak 1,610 kes berbanding 1,551 dalam tempoh sama tahun lalu. Negeri kita sebenarnya terdedah dengan jenayah yang sangat membimbangkan; rompakan, pembunuhan dan berbagai-bagai bentuk kes jenayah yang berlaku. Contoh, pembunuhan tragis yang berlaku di Kemaman menjadi satu yang sangat menyayatkan hati kita. Saya jugak mengambil peluang dalam Dewan ini untuk mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa tersebut. Tetapi hakikatnya rakyat berasa tidak selamat, rakyat rasa tidak senang dan tenteram dalam keadaan pendedahan, dalam keadaan yang sangat menakutkan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan pohon penjelasan. Daripada kes 1,610 yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Payong tadi, apakah 1,610 orang itu orang UMNO sahaja ataupun orang PAS sahaja?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya bercakap tentang rakyat, rakyat Negeri Terengganu yang melakukan jenayah yang membimbangkan. Jenayah yang meningkat yang membuatkan rasa tidak selamat. Kita bukan sahaja mahu supaya Ahli-ahli UMNO selamat, kita bukan sahaja mahu Ahli-ahli PAS yang selamat, kita mahu seluruh rakyat kita terasa selamat, itu yang kita bincang. Gejala sosial yang berlaku dalam negeri kita yang perlu diselesaikan dengan cara Islam dengan cara pentarbiyahan Islam, dengan

cara pendekatan yang paling baik dalam menyelesaikan permasalahan gejala sosial yang wujud. Punca gejala sosial yang berlaku dalam negeri kita di antaranya kerana ramainya penagih-penagih dadah. Apa silapnya, apa salahnya kalau duit daripada Pertandingan Kapal Layar RM300 juta ataupun jumlah yang banyak itu kita gunakan untuk membina Pusat-pusat Kefahaman Islam dan Pembinaan Iman kepada pemuda-pemuda dan penagih-penagih dadah ini. Dengan harapan kita dapat membendung jenayah dan kita dapat menyelesaikan permasalahan gejala sosial ini. Pendedahan daripada akhbar tentang gejala sosial yang sangat membimbangkan kita berlaku di pulau-pulau. Satu program ataupun satu pesta yang disebut berlaku di Pulau Perhentian, sama ada Pulau Perhentian yang kecil ataupun besar menunjukkan seolah-olah Kerajaan Negeri tidak mengambil kesempatan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan permasalahan ini. Sehingga terdedah di dalam kata-kata pelancong yang datang ke Pulau Perhentian mereka kata kalau ke disko di bandar masanya terhad dan bimbang diserbu, di sini saya dapat berpesta sepuas-puasnya, dapat melakukan maksiat sepuas-puasnya di pulau-pulau bahkan dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pendedahan akhbar menunjukkan bagaimana banyaknya pesta-pesta maksiat diadakan di pulau-pulau tersebut tanpa diambil tindakan yang sewajarnya. Sebelum penganjur .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan Dato' Yang Dipertua. Laluan sekali. Saya nak tanya surat khabar apa yang ditengok tu, laporan surat khabar apa benda tu, ke Harakah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya membaca akhbar Metro, Ahad, kemungkinan Exco tak baca surat khabar ni.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Baca tapi saya tanya dulu, surat khabar apa kalau Harakah *dok pakai gawa.*

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak baca tu, nampak tak baca, kalau baca tak tanya dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima, terima tapi bukan rasmi dibuat oleh Kerajaan tu dok? Barangkali hak curi-curi buat tu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya bercakap tentang pendedahan. Pendedahan tentang kenyataan pelancong-pelancong secara terbuka menilai bahawa Negeri Terengganu adalah satu negeri

yang bebas untuk dilakukan maksiat, pesta secara terbuka di pulau-pulau. Yang menjadi penilaian kita dan pemerhatian kita bagaimana tindakan kita dan sikap kita untuk membendung semua maksiat yang berlaku ini. Inilah yang perlu kita persoalkan, inilah yang perlu kita laksanakan dengan sebaik mungkin bagi kita menyelesaikan permasalahan rakyat kita.

Yang kedua, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, berlaku dalam negeri kita hasil daripada kegagalan Islam Hadhari membentuk kepimpinan yang ada unsur *akhlaqi*, ada unsur akhlak. Negara dan negeri kita dilanda krisis kepimpinan yang sangat hebat. Kita melihat krisis kepimpinan pemerintah ini berpunca dengan sebab yang banyak, krisis kepimpinan pemerintah ini mula tegang, mula kita gambarkan setelah selesai pilihan raya kali kedua belas. Apabila kemelut pelantikan Menteri Besar berlarutan lebih dua minggu, krisis kepimpinan bertambah hebat apabila dua pertiga ADUN BN yang setia dengan Menteri Besar yang lepas telah menegas untuk terus menyokong Wakil Jertih sebagai Menteri Besar hanya seorang ADUN yang memang dikenali dengan ketegasannya dan keberaniannya tidak menyokong. Oleh kerana wujudnya krisis kepimpinan inilah lagi dahsyat apabila akhbar dan kita semua melihat dua pertiga ADUN BN terang-terang menegaskan akan memulau Upacara Perisytiharan Pelantikan Wakil Kijal sebagai Menteri Besar di Istana. Kita membaca dan semua rakyat berkata bahawa sesiapa yang menentang Istana dan Sultan dianggap sebagai penderhaka, waktu yang sama dua pertiga ADUN ini seolah-olah bersuara dengan berani, bercakap dan akan buat tapi bercakap untuk meletak jawatan sehingga hari ini cakap tinggal kosong, yang pastinya Wakil-wakil Rakyat tersebut adalah Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Cap Ayam, mereka bercakap saja tapi mereka tidak menunaikan apa yang mereka cakap. Ini berpunca daripada krisis kepimpinan dan kegagalan Islam Hadhari membentuk pemimpin-pemimpin yang sepatutnya berakhlak apabila berhadapan dengan pihak Istana.

Yang ketiga, Islam Hadhari sendiri. Islam Hadhari sebenarnya satu konsep yang sudah dipertikaikan oleh bukan sahaja Parti Pas, bukan sahaja ulama-ulama dalam PAS tetapi cerdik pandai dalam Kerajaan sendiri. Islam Hadhari sebenarnya satu ajaran, ajaran yang keliru, ajaran yang tidak memberi apa-apa manfaat ia hanya satu label bahkan Islam Hadhari telah mencipta sejarah kepimpinan yang rakus terhadap rakyat. Oleh kerana saya mahu menegaskan bahawa Islam Hadhari ini memang keliru. Islam Hadhari ini memang dipertikaikan oleh cerdik pandai dalam Kerajaan sendiri. Apabila kenyataan dalam Sinar Harian, wawancara dengan seorang Mufti, Sahibussamahah Mufti Dr. Mohamad Asri, dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, beliau menyebut bahawa Islam Hadhari sebenarnya akan lebih keliru sebab mereka tidak nampak apa-apa kesan sebenar nilai-nilai murni dalam Islam Hadhari. Ini pemertikaian yang dibuat oleh Sahibussamahah Mufti Kerajaan, kalau Mufti sendiri keliru

tentang Islam Hadhari, saya yakin sudah pasti mereka yang tidak memahami Islam akan lebih keliru tentang Islam Hadhari. Oleh kerana itulah saya sangat bergembira apabila Kerajaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru ini menolak, mencampakkan Islam Hadhari ke pulau seolah-olahnya apabila mewujudkan portfolio baru iaitu portfolio Agama. Dengan harapan portfolio baru ini dapat membuat penyelesaian baru dan kita meninggalkan Islam Hadhari, kita mula mengkaji tentang Islam, kita mengkaji tentang agama Allah S.W.T. dengan sebaik mungkin insya Allah.

Yang terakhir Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan kita dapat membentuk satu polisi yang sangat adil khususnya terhadap golongan Imam-imam dan Bilal-bilal yang memakmurkan masjid kerana saya melihat sikap ketidak adilan Kerajaan terhadap golongan Imam dan Bilal ini. Pemecatan dan penamatan khidmat mereka ada yang wujud penamatan khidmatnya tanpa sebab. Contohnya, Imam Masjid Syakirin di Kuala Ping, dia menerima surat dengan menyebut hanya mereka dipecat bahkan surat pemecatannya dipertikaikan kerana dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua (membaca petikan surat): "Adalah dimaklumkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu telah menamatkan perkhidmatan tuan sebagai Imam Masjid Syakirin Kuala Ping, Hulu Terengganu berkuat kuasa mulai 1 Februari 2008." Tapi surat yang dihantar kepada .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan sekali lagi. Ini melibatkan kawasan saya, dia orang PAS ini memang dia tunjuk lagak dalam Dewan ini aje. Jadi saya perlu penjelasan, saya nak maklum kepada Yang Berhormat, saya rasa keliru apabila Yang Berhormat Bukit Payong mengatakan Imam PAS dipecat tanpa sebab. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Tok Imam tersebut tidak pernah dan hanya sekali sahaja menjadi Imam, baca khutbah di Masjid Kuala Ping, lain-lain tidak pernah. Saya boleh beri laporan sekejap lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya bercakap atas nama rakyat, saya bercakap berdasarkan bukti .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terus, terus dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Contoh dalam surat ini, kenapa tidak sebut sebab kenapa beliau dipecat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pihak Kerajaan akan menjawab nanti.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sedangkan dalam surat ini tidak disebut kenapa dia dipecat? Yang saya pertikaikan beliau ditamatkan perkhidmatannya 1 Februari, surat yang sampai kepadanya seminggu, 27 hari sahaja, serta merta sedangkan kita sepatutnya memanggil beberapa orang Imam yang kalau mereka tidak bertugas kita memberi amaran, kita memberi ingatan, kita memberi nasihat. Tidak ada nasihat bahkan sebenarnya beliau bukan tidak mahu bertugas, beliau tidak dibenarkan, beliau tidak diberikan oleh Jawatankuasa Masjid untuk bertugas. Seterusnya, Imam dan Bilal sebagai contoh Imam Masjid Kedai Buloh sehingga hari ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada seminit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ..... tidak ada apa-apa surat sampai kepada mereka bagi menandakan kenapa, sebab apa elaun mereka digantung bermula daripada tahun 2006 sehingga sekarang. Inilah dia pentadbiran Islam Hadhari. Apabila Bilal menelefon jabatan, jabatan kata kerana Imam baca teks yang tidak mengikut Pejabat Agama, kalau Imam tak baca teks Pejabat Agama, kenapa Tok Bilal kena gantung jugak? Tok Bilal tak baca khutbah, Tok Bilal azan sahaja. Ini dia puncanya kerana apa? Kerana tidak wujudnya pentadbiran dan bahkan inilah yang merosakkan kredibiliti kepimpinan dalam negeri kita. Contoh yang terakhir, saya melihat bahawa apabila Islam Hadhari sudah gagal, Islam Hadhari sudah keliru, Imam-imam yang dipecat kerana alasan-alasan yang tidak berasaskan dengan asas yang kukuh ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Akhir, sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seayat lagi, elaun dah tu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penghujung, tak tahulah seayat, dua ayat tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Hujungnya, saya harapkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat mengubah satu polisi yang baru, membuka imej yang baru, buat satu perubahan yang baru sebagaimana Perdana Menteri Malaysia yang memberikan minta maafnya terhadap Ketua-ketua Hakim. Beliau membuat satu tindakan untuk

buat perubahan dan menunjukkan imej yang baik terhadap rakyat. Maka alangkah baiknya kalau Imam-imam dan Bilal-bilal yang ditamatkan itu mereka diberi ruang semula untuk bertugas bahkan pergantungan elaun-elaun Imam dan Bilal itu mula dikuatkuasakan semula dengan pemberian elaun-elaun mereka dengan ini selepas itu perlulah disiasat, dikaji dan diteliti dengan seterusnya dengan harapan kita semua mendapat berkat daripada Allah S.W.T.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Wassalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam. Terima kasih Wakil Bukit Payong. Saya masih membuka kepada perbahasan. Sila Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Sila Yang Berhormat, kalau takdok kita mintak pihak kerajaan menggulung. Ada, Bukit Tunggal, hanya Bukit Tunggal sahaja yang nampak, sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak lebih daripada 20 minit Yang Berhormat deh.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ..... Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, dan para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana masih diberi ruang untuk saya sama-sama membahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Penasihat Pemangku Raja dalam Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di atas kesempatan yang diberikan. Insya Allah, saya akan gunakan masa ini untuk beberapa perkara yang saya kira sangat penting untuk dikemukakan dan dicadangkan kepada pihak Kerajaan. Yang pertamanya, suka saya memetik antara Titah Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja berkaitan dengan program-program ataupun projek-projek yang dikira telah dapat menaikkan dan untuk menarik pelancong ke Negeri Terengganu. Dan apa yang pasti kebanyakan perkara-perkara yang dahulunya memang kita tidak mengimpikan, perkara-perkara yang kita memang tak sangka-sangka ia akan mari seperti projek

Masjid Kristal, memang tak pernah saya duduk Bukit Tunggal, Pulau Wan Man terfikir manusia boleh buat Masjid Kristal atas muka bumi dalam keadaan rakyat masih lagi miskin. Memang saya jugak tak terfikir adanya suatu Pertandingan Kapal Layar bertaraf dunia yang akan dibawa di Pulau Duyong yang penduduk Pulau Duyongnya miskin, daif seperti kaum nelayan. Rumahnya yang berasak-asak, bertemu cucur atap, tidak ada sistem perparitan, tidak ada jalan yang boleh pergi ke rumah masing-masing jikalau berlaku kebakaran ataupun nak beranak, kecemasan, ambulan tak boleh sampai ke rumah. Saya petik kata-kata penduduk Pulau Duyong Kecil sendiri yang duduk bersebelahan dengan Kelab Teluk Warisan yang mewah itu. Yang Berhormat, ini saya petik kata-kata, minta maaflah: "Jiran kita kentutpun kita dengar". Itulah keadaan rumahnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kentut besar tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kentut besarlah Yang Berhormat tu.
.... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kentut kecilpun dengar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duyong kecil, kentut besar.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Berbisik suami isteri, berbalahpun. Jangan balah kuat, jiran dengar, malu kita. Nak larang anak, kena larang perlahan-lahan. Itu kedudukan rumahnya. Dalam keadaan begitu kita nak jemput orang luar seluruh dunia menonton kehidupan rakyat kita. Di mana maruah kita khususnya sebagai pemimpin negeri ini dan saya sebagai orang Bukit Tunggal malu rasanya. Sepatutnya selesai masalah rakyat kita dahulu yang dalam keadaan daif itu. Saya suka mengulas sedikit, bukan nak bantah tentang Ucapan Yang Teramat Mulia Sri Panglima Raja berkaitan kemiskinan di Terengganu yang dikatakan kita dapat menurun kadar kemiskinan daripada 15.4 peratus tahun 2004 kepada 6.5 peratus tahun 2007. Setelah saya *check*, siasat, *poverty line* dengan izin ataupun garis kemiskinan yang digunakan ialah pendapatan isi rumah RM540.00 bagi keluarga 5 orang, bayangkanlah keluarga ada 5 orang RM540.00 sebulan, RM108.00 satu kepala, anak saya sekolah darjah satupun tak cukup, apatah lagi remaja hari ini macam-macam keperluan dia nak. Memanglah kalau kita gunakan garis ini, memanglah ramai orang kayalah macam tu, sedangkan hari ini mengikut suatu kajian yang dibuat, sekiranya keperluan asas untuk keluarga 5 orang dikehendaki paling kurangnya

RM1,750.00 sebulan baru boleh hidup dengan selesa dalam negara, dalam keadaan beras mahal, gandum mahal, minyak mahal, serba serbi mahal. Memang kalau guna itulah kadarnya saya bersetuju 6.5 peratus tetapi ia tidak tepat pada anggapan saya untuk dinilaikan berbandingkan kajian yang dibuat memerlukan rakyat pada hari ini paling kurang RM1,750.00 untuk satu keluarga 5 orang, ini patut Kerajaan fikir semula dan kita jangan syok sendiri. Di dalam Dewan yang mulia ini Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja membacakan kadar kemiskinan Terengganu 6.5 tetapi kadar kemiskinan negara mengikut kadar yang sama 3.6 peratus, inilah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dalam pembukaan sidang Dewan Parlimen baru-baru ini. Jadi kita masih lagi sekali ganda pada orang. Jadi kita tengok perbandingan kalaulah kita merasa anak kita umur setahun 10 kilogram berat, bila umur 4 tahun anak kita 12 kilogram, kita gong dah, oooh! Naik 2 kilogram, sedangkan sepatutnya 15 kilogram untuk anak umur 4 tahun. Jadi kalau banding umur 4 tahun anak kita yang sama dan tak tengok jiran kita, kita rasa syok sokmolah kita ni. Sedangkan kita kalau nak kira kalau umur 4 tahun kalau berat 12 kilogram dia kurang zat makanan, sepatutnya dapat bantuan Kerajaan. Ini keadaan dia tapi kalau dah syok tu syoklah, tahniah sana, tahniah sini, dok sedar orang lain jauh tinggal kita. Jadi kita kena ambil ini perbandingan, melihat jugak apa orang lain telah capai, jangan syok kita capai aje. Itulah saya mencadangkan bahawa atas perkara ini Kerajaan kena meneliti beberapa perkara. Saya nak sebut jugaklah antara yang sedih di sini, satni Pulau Duyong, Pulau Sekati kawasan saya jugaklah, Pulau Sekati sudah 50 tahun kita merdeka, mungkin Ahli-ahli Dewan/Yang Berhormat, Yang Berhormat Mulia mungkin tak tahu belum ada paip airpun lagi, belum dapat bekalan air bersih setelah 50 tahun merdeka, mereka masih gunakan air perigi dan air sungai. Kita dapat taraf bandar raya, jaraknya dengan kawasan Yang Berhormat Wakaf Mempelam tak jauh, panggilpun dengar, jambatan kayu yang berbahaya di musim banjir, takkanlah tak boleh pandang depan mata kita, duk tengok orang jauh nak mari ke negara kita tetapi rakyat sendiri bab kata pepatah: Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan. Kita mengutamakan projek-projek mega sedangkan rakyat kita di Pulau Sekati takdok bekalan air bersih, kalau berlaku wabak siapa yang nak dipersalahkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan sekali Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ingat ke takdok dah Yang Dipertua, ada lagi ya? ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Buta ke bolor?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Silalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Hebat Wakil Bukit Tunggal bercakap. Tahun 1999 - 2004 Yang Berhormat menjadi Yang Berhormat Bukit Tunggal jugak, betullah dok?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi sebab apa masa tu Yang Berhormat dok buat paip air di Pulau Sekati? Itu persoalan saya. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Mulia. Kita kena ingat semasa kita perintah memang kita merancang banyak perkara. Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam dah sebut, royalti dirampas, duit kita yang patut diguna untuk pembangunan rakyat dirampas oleh Pusat dan yang merampasnya UMNO. Sepatutnya Duit Ehsan yang dia kendalikan, dialah yang membangunkan Negeri Terengganu bukan kita sebab dia ambil duit kita. Soalan ini patut jawab sendirilah tapi saya ingat takdok sungguh rupanya ada lagi, ada, ada sebab dia kepalanya. Minta maaflah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Oleh itu saya mencadangkan ..... masa sayapun ada sikit lagi, beberapa perkara yang saya rasa eloklah kalau Kerajaan pertimbangkan. Yang pertamanya, Pulau Sekati tu bolehlah dipasang paip serta mertalah kerana kos tak banyak mana, Pulau Redang yang jauh sayup nun boleh dipasang paip, Pulau Perhentianpun ada paip air, takkan Pulau Sekati tu nak tinggal begitu aje. Mentang-mentang sekati gok nak tunggu sekilo pulak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, dah nak jadi Wakil Rakyat sangat buatlah, Wakil Bukit Tunggal kata satni dok beberapa rial, buatlah tak berapa sen sangat tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Wakil mana tu? Wakil Pengkalan Berangan tahu tak hal pentadbiran negeri ni? Hah .... Kuala Berang. Kuala Berang dia reti tak Kerajaan siapa yang memerintah, siapa yang kena buat. Ke Wakil Rakyat kena buat sendiri? Apa guna ada Pejabat Daerah, JKR, JBA, SATU ke? Saya cadang kepada Kerajaan, kalau tak tahu pentadbiran, wallahuwa'lam, payah, payah, payah.

Oleh itu saya mencadangkanlah dalam masa yang singkat ini, yang pertama sekali kerana Monsoon Cup ini sendiri telah dinyatakan banyaklah perbelanjaan yang dilaporkan mencecah sehingga RM300 juta setiap tahun. Ini mengikut Majalah *Asian Pacific Boating* keluaran Januari-Februari 2008 tapi dalam laporan Kerajaan mungkin tak sebanyak itu. Tapi walau bagaimanapun mungkin belanjanya beratus juta jugaklah. Dan yang sahihnya buat Kelab Teluk Warisan itu belanjanya RM250 juta ini ada laporan akhbar, ada gambar ni kalau nak boleh, belanjanya walau bagaimana besarlah. Oleh itu saya mencadangkan dengan belanja yang begini besar telah dibelanjakan kepada rakyat oleh Kerajaan pada setiap tahun dan kesan yang saya dapatilah daripada Piala Monsoon Kapal Layar, antaranya kesan yang diterima oleh rakyat di Pulau Duyonglah laluan bot nelayan semakin cetek, orang di Kelab Aya, orang dah pergi Pulau Duyong mungkin dia tahu Kelab Aya sebelah mana. Kelab Aya ni dekat dengan Teluk Warisan tidak boleh lagi tambat bot di Jeti Kelab Aya kerana timbunan pasir yang menyebabkan tidak dapat bot lalu, terpaksa simpan bot mereka, tambat di Pulau Ketam. Pulau Ketam ke Kelab Aya agak jauh jugak untuk nelayan pergi dan laluan untuk keluar ke laut terpaksa lalu ikut Pulau Kambing, dok boleh terus ikut sini sebab ada lagi pulau-pulau, pasir binaan baru di dua tempat, di belakang Kampung Cina dan jugak di tengah-tengah Sungai Terengganu. Jadi menyusahkan nelayan dan menyenangkan orang asing. Jeti tempat tambat bot mereka jugak terhad seperti yang saya sebutkan tadi dan masa berlakunya sambutan Monsoon Cup kadang-kadang *Funfair* yang dilaksanakan mengganggu, bising, waktu sembahyangpun tidak dihormati. Dan yang paling malang orang Duyong Kecil sendiri menyebut diapun dok tahu dia kata bila nak main Monsoon Cup hari-hari dia *fogging, fogging* ni sembur asap untuk halau nyamuk sehingga menyesak hidung masing-masing pada tiap-tiap petang, maghrib sembur. Kerana nak rai kepada pelancong, rakyat yang menjadi mangsa dahlah sebab Pulau Duyong Kecil ni sesak, longkang takdok memang nyamuk banyak terpaksa disembur kerana takut pergi ke chalet yang mahal tu gigit pelancong asing takut dikata Terengganu ini banyak nyamuk. Sedangkan setahu saya mengikut Kesihatan *fogging* hanya dilakukan, dengan izin, bila ada kes/wabak Denggi ataupun Malaria kerana yang bawa penyakit Denggi atau Malaria ialah nyamuk. Kalau *nuisance mosquito*, nyamuk kacau-ganggu tak perlu kita *fogging* dia, dia tak memudaratkan kita, sekadar gigit nyamuk sedekahlah darah kita ke dia, tak bawa penyakit. Tapi takdok kes Denggi, takdok kes Malaria buat *fogging*

apa? Semata-mata menghabiskan duit untuk meraikan pelancong, ini tak patut. Dan yang seterusnya dibuat satu *septic tank* yang tidak dikawalselia dengan baik sehingga mengeluarkan bau busuk di tengah-tengah kampung untuk chalet, orang duduk di chalet yang mewah nun, najisnya disalur di tengah kampung di sebuah septic tank yang besar dan tidak dikawalselia dengan baik sehinggakan mengeluarkan bau yang sangat teruk. Kebetulan pulak di tengah kampung di sebelah sebuah Sekolah PASTI yang telah beroperasi lebih 20 tahun di situ, sehingga budak nak belajarpun tak boleh terpaksa kena pindah saya ingat. Bila pukul 9.00 - 10.00 mari angin laut baunya masya-Allah, budak-budak tak boleh belajar di situ ataupun ini satu planning nak halaupun Wallahuwa'alamlah, mungkin jugak ada strategi yang kita tidak faham. Oleh itu, saya mencadangkan yang pertama sekali ialah supaya projek mega seperti Monsoon Cup ini patutlah dihentikanlah, kalau terpaksa dibayar pampasanpun, bayar ajelah. Biar kita rugi sekarung, jangan kita rugi seguni. Dan yang keduanya, saya pohon supaya membuat pengambilan balik semua tanah di Pulau Duyong ini yang luasnya ialah 62.45 hektar lebih kurang 156 ekar sahaja. Tujuan pengambilan balik ini ialah supaya dibuat layout baru untuk diagihkan kepada penduduk-penduduk tempatan. Sekira-kira saya dengan tanah seluas itu mungkin Wakil Ladang lebih arif, kita boleh dapat dalam sekitar 900 lot lebih dan rumah yang ada di Duyong hari ini hanya 600 buah lebih sahaja. Maknanya satu pertiga sahaja boleh digunakan untuk buat rumah rakyat, beri tapak yang sesuai dengan mereka dengan laluan yang baik, perparitan yang cukup, satu pertiga lagi boleh diguna untuk sekolah, kubur, masjid dan sebagainya, ini cadangan sayalah. Saya rasa boleh dibuat dan bajetnya saya ingat mungkin tak sampai RM100 juta. Apalah salahnya sedekahlah kepada rakyat, nak menyambut tetamu hebat antarabangsa, berilah sebahagiannya kepada rakyat untuk kemajuan rakyat kita juga, orang Melayu, orang Islam tak kira PAS ataupun UMNO, saya bercakap bagi pihak rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Dan sekiranya Kerajaan serius untuk membantu kaum nelayan bagi saya bukan dengan cara kita buat pertandingan kapal layar, 5 hari setahun mana boleh selesai masalah nelayan. Orang nelayan dia nak meniaga apa, apa yang dia reti, niaga ikan bolehlah. Takkan 5 hari nak cari duit modal nak meniaga air tebupun dia tidak reti. Lebih baik Kerajaan gunakan duit itu sebahagiannya bagilah mereka ni bot laut dalam, hadiahlah bot laut dalam yang berharga RM300,000.00, RM500,000.00 tu satu kumpulan 5 - 6 orang. Dan insya Allah setakat yang saya buat kajian mereka-mereka yang memiliki bot laut dalam ini berpendapatan lebih daripada pegawai kerajaan sebulan. Ini sebenarnya yang mereka mahu, kemudahan yang setaraf dengan pekerjaan yang telah mereka amalkan selama ini, turun-temurun. Dan insya Allah, dengan cara itu kita boleh meningkatkan penghasilan tangkapan ikan di laut Terengganu ini dan boleh kita menjadi sebuah negeri pengeluar ikan yang terbesar dalam negara kita dan kita tak perlu import lagi ikan dari luar negara. Hari ini orang Thailand, orang Vietnam mari ke laut Terengganu, tangkap ikan kita buat balik

ke negeri dia dan jual kepada kita semula. Kenapa tidak kita fikir satu cara membantu nelayan kita dan memberi sedikit latihan, sedikit peruntukan, mereka boleh pergi ke laut dalam, laut negara kita sendiri dahlah minyak curi di orang, ikan takkan nak biar curi di orang jugak. Biarlah ikan orang kita exploit, kita jadi negeri pengeluar ikan yang terbesar dalam negara kita insya Allah dan dengan itu dapat orang panggil menyediakan satu kepulangan protein yang bermutu tinggi untuk rakyat negara ini di samping boleh menambahkan pendapatan nelayan-nelayan kita. Dan insya Allah, barulah mereka ini boleh keluar daripada garis kemiskinan dan saya harap garis kemiskinan itu bukanlah RM540.00 mungkin RM1,500.00 ataupun RM1,600.00 yang selayaknya untuk kita pastikan rakyat ini mendapat kehidupan yang selesa, bukan sahaja untuk diri mereka tetapi juga untuk keturunan mereka yang akan datang. Barulah kita boleh melihat bila keluarga itu boleh keluar daripada kemiskinan barulah anak-anak boleh belajar dengan baik, cukup kemudahan barulah boleh melahirkan anak-anak yang cerdik pandai, yang boleh merubah masa depan keluarga mereka, insya Allah.

Saya rasa itulah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua duk perhati acap kali, saya rasa dah cukup masalah tu dan memang hampirpun dan saya takmboh ambil lebih masa orang, ini masa yang diperuntukkan untuk saya oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahas Titah Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Saya baru tengok aje, 2 minit lagi. Terima kasihlah kerana beri masa tambahan kepada rakan-rakan kita yang lain. Jadi saya jemput, dipersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap. Dipersilakan. Yang Berhormat Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang telah memberikan titah di Dewan yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua, kita baru sahaja selesai menghadapi Pilihan Raya Yang Kedua Belas pada baru-baru ini. Saya ingin pertama-tamanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru Negeri Terengganu yang telah berjaya membentuk Kabinet Exco Negeri Terengganu walaupun menghadapi berbagai bentuk ombak dan gelombang serta halangan-halangan di hadapannya. Dengan izin seperti kata seorang sahabat saya di Kuala Lumpur: "*I guess you have the only*

Menteri Besar who is under BPR investigation". Seorang Menteri Besar yang disiasat oleh BPR tetapi dapat menanggapi gelombang dan arus halangan sehingga dapat membentuk Kabinet Exco Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, pilihan raya pada baru-baru ini membawa kita kepada suatu perubahan pola dan suasana politik negara, tidak pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya Barisan Nasional kehilangan 5 buah negeri *plus* Wilayah Persekutuan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya Barisan Nasional kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen dan tidak pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya peratus undi yang didapati oleh Barisan Nasional di Semenanjung Malaysia kurang daripada 50 peratus. Apa yang boleh kita lihat pada pilihan raya pada kali ini *trend* undi tidak lagi bersifat kaum dan pernyataan agama yang dilihat secara sempit. Orang-orang Melayu boleh memberi undi kepada parti-parti pembangkang secara terbuka terutamanya kepada DAP, kaum India, kaum Cina boleh bersama-sama dengan parti pembangkang PAS, Keadilan untuk menolak UMNO dan Barisan Nasional. Secara majoritinya pengundi-pengundi kota di *well educated* dengan izin, memberi suatu isyarat yang besar kepada Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dan mereka telah menolak secara besar-besaran di kota-kota besar UMNO dan Barisan Nasional. Begitu jugak arus yang dianggap sebagai Tsunami politik di kalangan anak-anak muda, golongan remaja yang merupakan *first timer* dengan izin, mengundi pada kali ini secara besar-besaran telah menolak UMNO dan Barisan Nasional. Apa yang ingin saya sebut di Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, adalah pola dan peta politik dalam negara kita sudah berubah maka minda kita sebagai ahli-ahli politik, Wakil-wakil Rakyat DUN ataupun di Parlimen sendiri perlu jugak berubah untuk melihat suatu anjakan politik dalam diri dan perjalanan pentadbiran kerajaan di suatu tahap yang lebih tinggi agar diterima oleh rakyat yang sedang menilai prestasi dan perjalanan kita dalam Dewan yang mulia ini.

Di Negeri Terengganu sendiri seperti yang saya sebut tadi, UMNO dan Barisan Nasional dapat mengekalkan kerajaan. Tahniah kepada UMNO dan Barisan Nasional tetapi banyak lagi persoalan yang perlu sama-sama kita selesaikan. Soal ketelusan dalam perjalanan pilihan raya, soal sikap berpihaknya SPR, begitu jugak soal sikap berpihaknya pihak Keselamatan di Negeri Terengganu ini sehingga mengakibatkan banyak perkara-perkara yang negatif berlaku di Negeri Terengganu. Isu-isu besar yang dibawa oleh rakyat dalam pilihan raya pada kali ini perlu kita berikan perhatian, isu kepimpinan yang sekarang ini menjadi desakan besar di kalangan rakyat mahukan kepimpinan yang telus, kepimpinan yang menolak rasuah, kepimpinan yang tidak lagi bermewah-mewah dengan kedudukan dan pangkat yang ada kepada mereka. Rakyat juga sedang membuat penilaian bagaimana kita menyelesaikan masalah kos saraan hidup yang melambung tinggi, kenaikan harga barang, kenaikan barang-barang makanan asasi termasuk beras, gula dan gandum menjadi persoalan rakyat bawahan

bukan sahaja di Negeri Terengganu tetapi di seluruh negara kita. Rakyat jugak meminta dan memohon supaya kita menyelesaikan persoalan kadar jenayah yang sedang meningkat di seluruh negeri kita. Persoalan dadah, persoalan keruntuhan akhlak merupakan persoalan kita bersama bukan persoalan parti politik yang dilihat secara sempit. Apa yang disebut tentang *Food Security* adalah merupakan suatu agenda besar yang saya harapkan supaya kita di Negeri Terengganu menjadikannya sebagai agenda pertama dan utama. Kita perlu melipatgandakan usaha-usaha peningkatan *Food Security* ini di Negeri Terengganu agar kita mendapat dan rakyat mendapat keuntungan daripada segala projek dan pelaksanaan projek yang dijalankan.

Dato' Yang Dipertua, saya melihat Bajet Tahunan Negeri Terengganu pada 2006 adalah RM1.55 bilion, 2007 adalah RM1.614 bilion, 2008 adalah RM1.67 bilion yang merupakan Bajet Tahunan yang paling tinggi dalam Semenanjung Malaysia, malah lebih tinggi daripada Selangor yang hanya RM1.3 bilion dan Pulau Pinang yang Bajet Tahunannya hanya RM300 juta. Apa yang kita lihat daripada sini, kita mengharapkan dan saya merasakan sudah sampai masanya kita melihat dalam perspektif kepentingan rakyat kerana kalau kita melihat kepada Bajet 2008 sahaja daripada RM1.67 bilion itu, RM1.5 bilion merupakan Non Revenue Income yang sememangnya datang daripada royalti minyak yang dibawa atau yang diberikan oleh Kerajaan Pusat yang sekarang ini di bawah Dana Khas. Namun saya ingin menyebut sekali lagi di Negeri Terengganu, walaupun Bajet Tahunan kita tinggi tetapi statistik kemiskinan di Terengganu masih lagi berada di tahap yang tinggi. Kita mempunyai 26,000 isi rumah yang miskin, kita mempunyai 19,000 keluarga isi rumah yang miskin tegar dan kita mempunyai 54 peratus isi rumah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Burok saya mintak sekejap, panjang lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat nak berhenti ataupun nak sambung sebelah petang selepas makan tengah hari?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kita perhabislah dok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ada seminit lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sambunglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sambung tengah harilah. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mendengar sebahagian daripada ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar

tadi. Kita berhenti rehat untuk makan tengah hari dan solat dan insya Allah kita sambung sebelah petang. Dan sebelum daripada itu saya nak maklum dua pengumuman iaitu:

(i) Jamuan Makan Tengah Hari kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dijemput semua sekali ke Tingkat 18.

(ii) Kepada tuan-tuan dan puan-puan Pemerhati sekalian oleh kerana Tingkat 18 ini tak cukup kerusi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar belanja kita di Lobi/Foyer Dewan Undangan Negeri ini dan dijemput semua sekali. Nak keluarpun makanlah dahulu.

Jadi insya Allah kita jumpa sebelah petang dan dengan ini saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.06 TENGAH HARI.

Pukul 2.30 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat kita disambung semula. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Batu Burok untuk meneruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk menyambung kembali ucapan terima kasih kita kepada Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja. Tadi saya telahpun menyebut tentang kemiskinan yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri yang memerlukan perhatian yang rapi di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri dan saya mengharapkan agar persoalan kemiskinan dan pembasmian kemiskinan ini tidak menjadi isu politik yang disempitkan dan setiap bantuan dan peruntukan seharusnya diberikan kepada setiap rakyat Terengganu tanpa mengira fahaman, kepartian, agama ataupun kaum sekiranya mereka berada di tahap miskin yang memerlukan kepada bantuan.

Dato' Yang Dipertua, begitu jugak dalam soal ini saya ingin terus memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar meneliti kembali peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat juga diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat Pembangkang demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Terengganu. Peruntukan yang diberikan kepada Wakil Rakyat yang sekarang ini hanya diberikan kepada ADUN-ADUN dan mungkin Ahli-ahli Parlimen Kerajaan sepatutnya dinilai kembali dalam suasana sebagaimana yang saya sebut diawal tadi, dimensi dan suasana politik negara kita sudah berubah dan tidak lagi berada di tahap yang sama.

Dato' Yang Dipertua, yang ada di Negeri Terengganu ini, kita dapat melihat ada dua isu yang dengan izin kalau boleh saya sebut sebagai *A Thorny Issue,* isu yang begitu tajam yang diperkatakan oleh banyak pihak dan tadi di dalam Dewan ini jugak ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat memperkatakannya. Yang pertamanya, tentang isu Monsoon Cup. Yang keduanya, tentang isu Taman Tamadun Islam. Saya telah membaca inverview yang telah dibuat dalam *The Edge* dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, panjang lebar interview ini dan terkejut bila dimaklumkan di dalam interview ini bahawa Kerajaan Negeri telah memeteraikan perjanjian selama 10 tahun bagi menganjurkan Program Monsoon Cup dengan izin, *at the cost of RM250 million per annum* (RM250 juta setiap tahun) dan ini jugak merupakan suatu persoalan yang perlu dijawab. Yang keduanya, pembinaan Taman Tamadun Islam, Yang Amat Berhormat

Menteri Besar juga menyebut di dalam interview ini dari segi *price tagnya* yang begitu tinggi, yang disebut RM280 juta yang dibina di Pulau Wan Man. Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, yang pertamanya di manakah ketelusan dari segi dan soal pengurusan? Yang keduanya, dari segi akauntabiliti, siapakah yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap persoalan-persoalan ini? Yang ketiganya, apakah benefit dan keuntungan yang didapati oleh rakyat Negeri Terengganu ini? Kita tidak mahu jawapan-jawapan dalam bentuk dengan izin, *to please the* Dewan ini sahaja tapi perlulah dibuat satu pengkajian yang mendalam dari segi keuntungan baik buruknya kepada rakyat Negeri Terengganu. Saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah sebenarnya Dana Khas yang didapati oleh Kerajaan Negeri setiap tahun dan berapa sebenarnya yang diurus oleh Kerajaan Negeri secara langsung daripada Dana Khas ini? Saya juga ingin mendapat penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini khususnya di atas kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam *The Edge* yang menyatakan apakah benar sebahagian besar daripada *funding* untuk pembinaan Lebuh Raya Kuantan - Kuala Terengganu datang daripada Dana Wang Ehsan? Sekiranya ini benar-benar berlaku bermakna kita orang-orang Terengganu tertipu dengan suasana dan keadaan dan kita menggunakan duit dan wang kita sendiri untuk menjayakan dan membangunkan Lebuh Raya Kuantan - Kuala Terengganu sedangkan di negeri-negeri lain semuanya datangnya daripada peruntukan Persekutuan. Dato' Yang Dipertua, ramai orang yang memperkatakan tentang Monsoon Cup dan juga Taman Tamadun Islam ini sendiri, maka timbul nama yang bermain di bibir rakyat Terengganu, siapakah Patrick Lim ataupun disebut oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir, Patrick Badawi. Saya cuba meneliti dan melihat, saya cuba membuat sedikit kajian siapakah Patrick Lim ini kerana bagi rakyat Terengganu perlu mengetahui dan menyedari siapakah orang yang bernama Patrick Lim atau Patrick Badawi ini? Beliau adalah merupakan Anak Emas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang memegang tugas-tugas khas terutamanya dalam menjaga Dana Ehsan Negeri Terengganu yang bernilai lebih daripada RM1.6 bilion setahun. Patrick Lim juga saya dapati merupakan bapa saudara kepada Azrina Abdullah isteri kepada Kamaruddin Abdullah yang merupakan anak sulung kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Patrick Lim juga mempunyai hubungan yang rapat dengan salah seorang lagi menantu Perdana Menteri iaitu Khairi Jamaluddin. Mereka-mereka inilah bertindak seolah-olah macam Menteri Kewangan Ketiga dalam menjaga duit dan Dana Khas dan Dana Ehsan Negeri Terengganu yang lebih daripada RM1.6 bilion setiap tahun. Patrick Lim ini juga bertanggungjawab membawa Monsoon Cup yang nilainya lebih daripada RM200 juta setiap tahun, beliau juga dikatakan bertanggungjawab dalam membawa projek Taman Islam Hadhari ataupun Masjid Kristal di Negeri Terengganu itu. Maka Dewan yang mulia ini perlu kepada jawapan, apakah ini fakta-fakta yang benar, apakah hanya dengan seorang individu yang berasal daripada Pulau Pinang boleh

mengawal Dana Khas yang sepatutnya menjadi hak dan kepentingan rakyat di Negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, dalam persoalan inilah saya memohon supaya kita melihat secara keseluruhannya dari segi kepentingan-kepentingan yang ada di Negeri Terengganu yang kita kasihi ini. Saya ingin memberikan sedikit pandangan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai pemimpin tertinggi Kerajaan Negeri Terengganu dalam memimpin Negeri Terengganu ini. Yang pertamanya, dalam perubahan Kerajaan yang berlaku ini adalah menjadi harapan kepada supaya ketelusan dapat menjadi agenda yang utama dalam menjalankan tugas Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita tidak mahu melihat apabila sahaja Yang Amat Berhormat memegang tampuk pemerintahan dan juga jawatan yang dipegang ini ianya akan menjadi dengan izin, *a pay back time*. Adalah individu-individu yang akan meraih keuntungan dan kepentingan daripada jawatan yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Kebimbangan ini saya timbulkan kerana telah ada cakap-cakap, di Kuala Lumpur berlakunya perebutan di kalangan individu-individu tertentu yang mempunyai kedudukan dan kepentingan politik dalam UMNO dan Barisan Nasional yang mengintai-ngintai dan bukan sahaja mengintai-ngintai bahkan berebut-rebut jawatan untuk mempengerusikan anak-anak syarikat khususnya dengan izin, *Public Listed Company* yang ada yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Ini merupakan suatu yang tidak sihat, mereka-mereka dan individu-individu yang tidak layak untuk memegang jawatan *Public Listed Company* ini tidak sepatutnya diberikan jawatan ini kerana semata-mata seperti mana yang saya sebutkan *a pay back time* ataupun membalas balik budi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membantu beliau memegang tampuk jawatan yang dipegang sekarang. Begitu jugak saya memohon supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat penelitian telah timbul cakap-cakap, ada di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, saya difahamkan ada seorang pegawai yang jawatan N54 *acting* Jusa begitu berani dan begitu angkuh memberi arahan-arahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan tanpa mengira *seniority* yang ada dalam jawatan-jawatan Kerajaan di Negeri Terengganu ini. Campurtangan yang dilakukan

.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya beri elaun 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Okey. Campurtangan dalam urusan Kerajaan Negeri serta urusan anak-anak syarikat tajaan negeri amat tidak disenangi oleh kawan-kawan dan pegawai-pegawai Kerajaan serta mereka-mereka yang ingin membantu membangunkan Negeri Terengganu ini. Kalau benar ini berlaku saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menyedari dan tidak mengetahui tindak-tanduk beberapa orang individu yang bertindak seolah-olah berkuasa di atas segala-galanya di Negeri Terengganu Darul Iman yang kita sayangi ini. Begitu jugak saya ingin

supaya kita meneliti kembali dalam penyusunan dalam anak-anak syarikat di Terengganu ini perlu diletakkan priority/keutamaannya kepada mereka-mereka yang berkeupayaan, mereka-mereka yang boleh menjalankan tugas dan bersifat telus supaya kita dapat membangunkan Negeri Terengganu ini dalam keadaan yang sebenar-benarnya. Bukan kita ambil mereka-mereka kerana kepentingan politik, bukan kita ambil kerana mereka adalah kawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bukan kita ambil kerana dia adalah salah seorang yang membantu, menyokong Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi demi untuk kepentingan Negeri Terengganu, kita kena mengikis sikap-sikap yang sedemikian ini dan meletakkan kepentingan rakyat dan Negeri Terengganu mengatasi kepentingan kawan di dalam politik ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua sebagai akhirnya, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa dalam suasana kita berada dalam dimensi politik yang sudah berubah dan berlainan dan sudah berada di tahap yang lain ini, kita di Dewan yang mulia ini melaksanakan ketelusan yang sebenar-benarnya. Kita di Dewan ini memperkasakan Dewan ini agar setiap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dapat memainkan peranan mereka yang terbaik untuk kita memberikan pembelaan kepada setiap isi rumah dan rakyat Negeri Terengganu khususnya dalam mengatasi kemiskinan dan keperitan hidup yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok. Sukacita saya menjemput lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan perbahasan. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirabbil alamin wassalatuwassalamu ala-asyrafil anbia iwamursalin wa-ala-alihi wassahbihi ajmain. Rabbisy-rahli sadri wayassirli amri wahlul uqdatan minlisaani yafqahu qauli. Wala-haulawala quwata-illa hilalilazim. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama, terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja dalam Istiadat Pembukaan Dewan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. Pertama, saya juga melihat apa yang disebut oleh Yang Teramat Mulia Tengku, apabila kita selesai Pilihan Raya Yang Kedua Belas, kami mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah SPR Negeri kerana telah menjayakan Pilihan Raya dengan begitu baik, aman dan sejahtera. Dan saya juga melihat kepada perkembangan dalam Dewan yang mulia hari ini, kita ada

dua pertiga Barisan Nasional, PAS telah bertambah daripada 4 kepada 8, tahniah. Dan isu yang sama juga berlaku, dalam Dewan ini bagus pemimpin-pemimpin PAS telah mengutarakan supaya kita bersatu, kita berpadu dan kita melihat suasana ini sampai ke tempat makanpun kita boleh bergurau senda. Tetapi lain jadinya apabila pihak pembangkang yang menjadi wakil-wakil ini turun ke kawasan kampung kami, turun ke pedalaman, mereka telah berceramah sehingga sekarang ini saya masih ingat lagi Amanat Haji Hadi masih lagi terpampan, masih lagi diguna pakai terutamanya di Jabi. Saya melihat di Jabi perkara ini serius sehingga sekarang inipun bertambah Sembahyang Jumaat dua tempat, kalau dulu sebelum pilihan raya dua dan sekarang ini sudah menjadi tiga. Ekoran daripada itu kalau melihat tadi pemimpin-pemimpin pembangkang mengatakan kita derhaka kepada Raja, sebenarnya siapa yang menderhaka kepada Raja, PAS ataupun UMNO? Kerana saya kira PAS juga telah lama menderhaka kepada Raja kerana dalam setiap khutbah mereka tak pernah mendoakan kesejahteraan Tuanku ..... (tepukan sokongan daripada Dewan) .... Mengapa kami pula dituduh sebagai penderhaka? Inilah kata orang tua-tua 'telunjuk lurus kelingking berkait', 'mulut manis punggung masam' .... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan. Punggung masam tu macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Masam tu lebih kurang 'monorel'lah. .... (sambil gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Jabi, ramai yang naik monorel ni.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, ekoran daripada itu juga tadi salah seorang daripada Yang Berhormat Pembangkang menimbulkan tentang Imam-Bilal yang dipecat. Memang betul kena pecat, mengapa dipecat? Kerana sebelum pilihan raya mereka tidak bertugas, di tempat sayapun ada kerana dia kuat PAS, dialah tukang ceramah, dialah pengerusi di dalam sesuatu majlis ceramah. Selain daripada itu, saya melihat guru-guru agama, pemimpin-pemimpin terdiri dari Tok Imam, Tok Bilalpun ambil kesempatan dalam pilihan raya baru-baru ini. Kalau di Jabi saya tengok Tok Imam, Tok Bilalpun ambil masa waktu Maghrib hingga Isyak mengajar dan di samping itu juga bagi tahu makmum pangkahlah PAS kerana kali ini PAS akan menang. Mana boleh Imam dan Bilal berceramah, mengajar politik seperti itu, ini saya rasa memang betullah kalaulah jabatan mengambil tindakan. Selain daripada itu juga, saya bimbang sekiranya Yang

Berhormat Rhu Rendang masih lagi berdiam diri tidak turun ke kawasan, tidak turun ke bawah untuk mengatakan Amanat Haji Hadi itu sudah tidak boleh dipakai maka kita rakyat Terengganu sampai bila-bilapun akan berpuak-puak seperti ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Hak dok ikut Amanat Haji Hadipun pecah sampai nak itu ..... Lama mana dah pecah selepas pilihan raya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak tu sama sendiri tu sehari dua jaa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sama sendiri pecah dah hak lain teruk lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak ni berapa puluh tahun dah Yang Berhormat Manir, berapa puluh tahun dah? 1982 lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): '82 pun tak apalah, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua tapi hak baru nak jadi ni, macam mana tu, dia boleh ikut hak mana tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat Manir .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak nak jadi ni habis dah. Kita ni sama-sama UMNO ni 'biduk lalu kiambang bertaut' takdok masalah. Hak ni hak lama ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingatlah UMNO sejak ditubuh tahun '46 berpecah sokmo, Parti Negara, tubuh Parti Semangat 46, tubuh Keadilan, berapa kali pecah dah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kita pecahpun cantum balik. Ni dengan PAS ni bila nak cantum, mula kita cantum dah dengan PAS, berpecah jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya diganggu Dato' Yang Dipertua, kena jawab jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak usah bahas dengan dia.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya merayulah kepada Yang Berhormat Rhu Rendang, ambillah kesempatan masa turun ceramah tu supaya beri sesuatu untuk kita kembali semula hidup dalam keadaan harmoni. Sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sembelihan orang UMNOpun orang PAS dok makan dah, ada dah, mulai timbul balik. Dulu masa PAS menang dulu boleh makan belaka, sembahyang dulupun boleh sembahyang masjid UMNO, lening sudah nampak dah bibit-bibit dan saya kira lama-kelamaan Melayu dengan Melayu bertembung maka kita yang akan rugi. Kalau bercakap di dalam Dewan sebegini baik maka turun ke kawasanpun bercakap beginilah baik, itu harapan kami semua.

Dato' Yang Dipertua, yang keduanya, kita melihat dalam bidang pertanian, terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan banyak program, banyak dasar-dasar baru dalam bidang pertanian dan hasilnya sudah nampak. Walau bagaimanapun, saya melihat tanaman padi, apa yang diberitahu oleh Kerajaan sebentar tadi memang penting. Saya ada lebih kurang 800 ekar kawasan padi yang terbiar kerana dalam Dewan ini saya sudah syorkan beberapa tahun yang lalu iaitu sistem pengairan perlu diperluaskan dan kita mintak supaya KETARA meluaskan sistem KETARA itu sampai ke Setiu dan diguna pakai supaya sistem pengalirannya dua kali tanaman padi dapat dilaksanakan. Sekarang ini lebih kurang 800 ekar itu sudah 300 ekar petani-petani menggunakan kawasan tanaman padi yang ditanam dengan kelapa sawit dan sekarang ini kelapa sawit sudah mengeluarkan hasil dan hasil kelapa sawitnya meningkat. Saya bimbang takut 500 ekar lagi menjadi ikutan kepada petani-petani yang berjaya dalam bidang tanaman kelapa sawit, merekapun tidak mahu mengikut tanaman padi. Oleh itu percepatkanlah program ini supaya kita dapat memperluaskan tanaman padi.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan kerana kita melihat sekarang ini kelapa yang ada di seluruh Terengganu kita kebanyakannya kelapa yang ditinggal, diwarisi oleh datuk-nenek kita. Kita tidak ada kawasan kelapa yang baru, kita tidak ada pemulihan kelapa secara meluas. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya membuka kawasan-kawasan baru untuk ditanam dengan kelapa sama ada kelapa pandan, sama ada kelapa matag dan sebagainya kerana kita orang Pantai Timur kelapa adalah merupakan satu tanaman yang sangat diperlukan setiap hari. Selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan, kepada penanam-penanam tembakau, kalau dulu di kawasan Besut, Setiu dan juga Marang ramai PPI iaitu (penanam secara individu), PBB (penanam secara ban besar) sekarang ini mereka sudah hampir terkubur dan Lembaga Tembakau Negara telah melaksanakan program tanaman tembakau ini dengan program-program yang lain seperti tanaman

kenaf untuk menggantikan tembakau. Sedangkan tembakau adalah merupakan salah satu tanaman yang telah merubah kehidupan petani-petani daripada miskin kepada sederhana. Lihatlah di kawasan-kawasan Setiu, kawasan-kawasan Besut dan juga di kawasan Alur Ketitir di Marang. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan mencari jalan untuk membaik pulih industri tembakau ini terutamanya kepada pengawet-pengawet individu kerana pengawet-pengawet individu mereka telah menggadaikan tanah mereka sebagai cagaran kepada Agro Bank untuk mendapatkan pinjaman bagi membina ban-ban mereka dan sebahagian besar mereka sekarang tanah gadaian mereka telah menjadi lelongan di Pejabat-pejabat Tanah. Oleh itu, diharapkan kepada Kerajaan untuk memainkan peranan supaya tanaman tembakau ini dapat dipulihkan, carilah jalan macam mana supaya mereka ini dapat dipulihkan.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, ...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal mintak celah?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak penjelasanlah. Tembakau-tembakau ni, Kementerian Kesihatan ni marah sangat orang hisap rokok yang Jabi ni duk suruh hisap rokok ni bakpe pulak, nak suruh mati ramai ke?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, walaupun dia Doktor, ramai saing-saing dia Doktor hisap rokok jugak.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Masalah hisap rokok lain tapi masalah kita nak menggalakkan orang hisap rokok lain cerita dia.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, yang ketiganya dalam bidang pendidikan. Kita berjaya 7 tahun berturut-turut UPSR, tahniah kepada Pengarah Pendidikan Negeri, juga tahniah kepada guru-guru. Cuma saya nak sebut ialah bagaimana kita ingin mencari jalan supaya Peperiksaan PMR, SPM dan jugak STPM kita melonjak seperti UPSR, kita mendahului negeri-negeri lain, carilah jalan kerana saya yakin dan percaya kita mempunyai banyak kemudahan dan saya merayu kepada Kerajaan supaya kita di Terengganu dapat memberi sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru kerana sekarang ini Persatuan PIBG di sekolah-sekolah betul-betul mengharapkan sumbangan daripada Yang Berhormat ADUN dan jugak Ahli Parlimen. Zaman sekarang ini kalau ada padi jadi, kalau ada beras deras, kalau

takdok pitih tak jadi. Oleh itu Persatuan PIBG mesti diperkasakan, carilah jalan bagaimana untuk memberi dana kepada Persatuan PIBG untuk sama-sama menggemblengkan tenaga antara guru dan ibu bapa serta pelajar mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan-peperiksaan. Oleh itu, saya juga merayu sama-sama dengan Yang Berhormat Pembangkang marilah sama-sama kita mengambil jalan, memberi kesedaran kepada ibu bapa kerana kita tak boleh menyalahkan kepada Kerajaan, tak boleh menyalahkan kepada guru, ibu bapa juga bertanggungjawab dan sama-sama memainkan peranan kerana pelajar yang tidak berjaya inilah pelajar yang akan gagal dan menimbulkan masalah dan terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik. Oleh itu, kita cari satu pemuafakatan dan pendidikan tanpa mengira fahaman politik untuk sama-sama memperkasakan kesedaran ibu bapa kerana sekarang ini di kawasan Yang Berhormat Pembangkangpun ada, kawasan kamipun ada, ibu bapa tidak sedar dan kadangkala waktu maghrib mereka tidak tahu anak dia ke mana, mereka tidak tahu anak mereka sembahyang ke tidak, mereka tidak sama-sama memainkan peranan oleh itu inilah akibatnya apabila pelajar gagal dalam PMR, pelajar gagal dalam SPM, pelajar gagal dalam STPM hanya sedikit sahaja yang pergi ke IPTS dan juga kemahiran-kemahiran yang lain, dan yang lain-lain itulah yang terlibat dalam masalah sosial dan terlibat dengan dadah, air ketum, HIV dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, saya juga ingin mencadangkan untuk kepentingan DUN-DUNlah, macam kami, saya di Jabi dan juga rakan di Hulu Besut kita tidak ada kawasan-kawasan pekan baru yang menampakkan wajah baru bagi kawasan DUN. Mungkin DUN-DUN yang lain yang di pinggir bandar tidak menjadi masalah. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan agar memperbanyakkan Rumah-rumah Kos Rendah dan juga pembinaan rangkaian kedai di setiap Rumah Kos Rendah ini, boleh menempatkan manusia di situ dan juga berlaku aktiviti ekonomi, insya Allah akan berlaku satu perubahan di kawasan DUN itu untuk melihat pembangunan dari segi ekonomi dan sebagainya. Selain daripada itu juga, di setiap DUN ada kelebihan DUN masing-masing. DUN Jabi bersama DUN Hulu Besut ada keistimewaan, kalau orang pergi Jabi dia makan sate selepas panas makan sate dia pergi ke Lata Belatan, tak nak pergi ke Lata Belatan dia pergi ke Lata Tembakah, tak nak pergi ke Lata Tembakah pergi ke La Hot Spring. Oleh itu, saya mahu Kerajaan untuk melihat kawasan-kawasan pelancongan ini dinaik taraf supaya menjadi destinasi kepada Tahun Melawat Negeri Terengganu ini. Mudah-mudahan ekonomi orang tempatan juga akan bertambah dari semasa ke semasa di tempat-tempat tersebut. Selain daripada itu juga, saya memohon kepada Kerajaan dalam Soalan Bertulis saya, saya juga ingin tahu kawasan-kawasan yang akan dibekalkan dengan air bersih. Terima kasih dan tahniah kepada jawapan, cuma saya minta supaya agar sebahagian besar saluran-saluran pemberian air bersih ini dapat dilaksanakan pada tahun ini dan pada tahun-tahun hadapan.

Selain daripada itu, kesihatan rakyat Terengganu juga perlu diutamakan kerana kita beberapa kali telah dilanda dengan demam dengginya, dengan penyakit-penyakit yang lain dan kita harap perbanyakkan program-program kesedaran mengenai kebersihan yang sedia ada diteruskan lagi agar kita di Terengganu dapat dipertingkatkan kebersihan taraf hidup dan kesihatannya lebih baik. Dan saya melihat sekarang ini kematian di kalangan wanita banyak telah dilaporkan bahawa wanita-wanita mati kerana kena kanser payudara, kanser pangkal rahim dan juga orang lelakipun sekarang ini diserang oleh satu kanser tapi saya dok ingat nak sebut kanser apa dok tahu, hak bawah sekali tu. Jadi ini semua adalah penyakit-penyakit yang saya kira amat berbahaya. Carilah jalan bagaimana supaya kita dapat mengawal penyakit-penyakit ini daripada berterusan. Selain daripada itu, tahap kesedaran kesihatan kita di peringkat masyarakat masih lagi terlalu rendah. Oleh itu, saya mengharapkan Kerajaan dapat mencari jalan bagaimana untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai tentang kesihatan ini. Selain daripada itu, kami juga .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua. Kanser bawah sekali tu kanser apa benda, kanser ibu kaki ke kanser tumit?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kanser kemaluan orang laki, kanser prostat.

Saya juga ingin menyampaikan hasrat kami di Daerah Besut. Kita ada sebuah hospital tetapi hospital yang Dewan Bedahnya sudah lama tetapi tidak dapat diguna pakai jadi kami orang-orang di Besut kalau isteri, saudara-mara nak bersalin terpaksa bawa ke Kota Bharu ataupun ke Kubang Kerian. Apabila lahir di Kota Bharu atau di Kubang Kerian, anak yang dilahirkan itu kod i.c.nya akan jadi '03', tidak akan jadi '11'. Apabila jadi '03' maka banyaklah halangan-halangan dalam permohonan biasiswa dan sebagainya, sebagai rakyat Negeri Terengganu. Sebab itu kita kempen sekarang ni di Besut tu kalau nak beranak kena beranak di Setiu ataupun di Kuala Terengganu tapi orang perempuan kata tak boleh nak tahan, dang nak mari beranak kena beranak jugak, itu yang jadi masalahnya. Jadi ambillah perhatian daripada Jabatan Kesihatan agar Dewan Bedah ini dapat dilaksanakan, dapat beroperasi pada tahun ini juga.

Dato' Yang Dipertua Dewan ..... banyak lagi ke masa saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh lagi, boleh lagi. Kalau habis dah boleh duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): .... (Dalam Gelak) .... Pembangkang takdok nak tanya ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya. Ada lagi, ada lagi. Ni yang akhir. Saya dan rakan-rakan daripada setiap DUNlah memohon kepada Kerajaan Negeri pasal pada tahun-tahun sebelumnya pelaksanaan membina masjid 'setahun sebuah', jadi tahun ini kita mintak supaya 'setahun dua buah' kerana di kawasan-kawasan kamilah masih banyak lagi masjid-masjid kayu yang perlu dibina masjid-masjid batu yang baru ini adalah permintaan kerana makin banyak masjid-masjid semakin bagus, orang sembahyangpun makin rajin ada masjid baru dan saya rasa itu sahajalah Dato' Yang Dipertua. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Kalau boleh nak beri lagi tadi tu. Jadi saya masih membuka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk berucap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassalamu - ala Sayyidina Muhamaddin wa-ala-alihi wassahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya muliakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat ADUN-ADUN, Ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin mula-mula sekali mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Dewan di atas pelantikan. Yang kedua, juga tahniah kepada Barisan Nasional atas kejayaan yang cemerlang walaupun rakan-rakan kita yang lain tumbang tapi Alhamdulillah Barisan Nasional di Terengganu begitu kukuh, begitu hebat, begitu gagah. Tahniah saya ucapkan.

Saya ingin menyentuh Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang memperakukan betapa hebatnya perancangan Kerajaan pada tahun 2004 - 2008 yang telah menunjukkan banyak kejayaan. Dan di antara ucapan beliau yang beliau nyatakan pada hari sebelum ini iaitu beliau menyentuh juga hasil-hasil ini berjaya disebabkan pengamalan Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan. Jadi saya sedih jugaklah bila sahabat-sahabat di sebelah kanan saya mempertikaikan tentang kesetiaan kepada Raja di Terengganu walhal kalau

cakap-cakap memperlekehkan Islam Hadhari ini seolah-olah menentang perakuan daripada pihak Istana. Jadi saya menasihatkan rakan saya .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Cakap, cakap.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya Yang Berhormat yang bercakap dekat mana dalam ucapan ini bahawa Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja memuji tentang pendekatan ataupun ajaran Islam Hadhari itu memberi suatu kebaikan yang hebat. Kalimah Islam Hadhari itu yang disebut di dalam ucapan itu dekat mana?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya tak pasti ada ke dok semalam Yang Berhormat ni tapi bacalah *page 5* dengan izin, muka surat 5 maksudnya dah tersurat dan tersirat, sila baca.

Saya ingin teruskan Yang Dipertua. Saya sebagai Yang Berhormat yang pertama kali duduk di sini daripada Air Putih inginlah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Air Putih ni dia terkenal juga sebagai pusat pelancongan. Dan antara kekuatan pelancongannya terdapat juga masalah yang tiap-tiap tahun sentiasa berlaku iaitu masalah banjir. Jadi dalam kita memperkukuhkan, mencantikkan, memakmurkan negara, memakmurkan rakyat di negeri pastilah kita harus berusaha untuk memastikan masalah banjir ini diselesaikan dalam satu jangka masa yang terdekat ini. Walau bagaimanapun, saya percaya telah terdapat perancangan-perancangan dari pihak Persekutuan, contohnya saya dimaklumkan ada peruntukan hampir setengah bilion untuk membuat satu projek dengan izin, *Flood Mitigation* di kawasan saya. Walau bagaimanapun, saya memintalah sungguh-sungguh perhatian pihak Kerajaan mungkin boleh diperbincangkan dengan pihak Tenaga Nasional kalau boleh diperkira-kira, dirancang-rancang, difikir-fikir untuk mungkin mewujudkan satu *dam* dengan izin, di kawasan Air Putih. Sebab kalaulah program dengan izin, *Flood Mitigation* ini dilaksanakan ia hanya dapat menyelesaikan masalah di Bukit Mentok di bahagian hilir tapi masalah di Teladas, Air Putih masih belum selesai. Jadi saya mintaklah perhatian pihak Kerajaan kalaulah boleh diperbincangkan mewujudkan satu empangan yang limpahan rahmatnya boleh kita dapati dari segi sektor pelancongannya yang mana kita boleh wujudkan lagi, memperkukuhkan lagi sektor pelancongan bila adanya, wujudkan satu lagi dam seperti yang terdapat di Kenyir.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh sikit sebanyak dari segi keselamatan. Air Putih ini terutama di Binjai dan di Cerol, di Cenih tak ada Balai Polis besarpun yang ada hanya Pondok Polis dan saya difahamkan hanya tiga atau empat Pegawai Polis sahaja berada di kawasan yang merangkumi hampir 30,000 hingga 50,000 orang penduduk. Saya difahamkan banyak Balai Polis baru, peruntukan-peruntukan baru telah ditarik ke Negeri Johor kerana dikatakan peningkatannya aktiviti-aktiviti yang tidak menyihatkan di Johor. Tapi saya ingin memohon sekali lagi untuk perhatian Dewan, ADUN-ADUN dan pihak Menteri Besar sendiri supaya boleh memberi satu perhatian keputusan tentang masalah ini kerana adalah memastikan kesejahteraan rakyat di Negeri Terengganu dan di Air Putih khususnya.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh, kita mengucapkan tahniah kepada program pendidikan di Negeri Terengganu seperti yang terdapat di dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima, kita memang masyhurlah dengan Kerajaan kita di peringkat pendidikan di peringkat negeri ini. Walau bagaimanapun, saya memohon pihak Kerajaan janganlah kita terbawa-bawa tentang kejayaan 'A' ini, ada 5A, ada 10A, 20A, 30A dan sebagainya kerana kadang-kadang ini tidak memberi suatu petunjuk aras yang tepat akan kehebatan pelajar-pelajar kita. Banyak pelajar-pelajar kita ini yang berjaya dapat 5A, 9A, 12A ini hanya mencapai melalui ulangan, ulang .... ulang ..... ulang perkara yang *practice* dengan izin, melatih tubi benda yang sama. Tetapi lain dari segi pemikirannya, pencernaan kurang sebab itu kita dapati orang-orang hebat ini bila pergi ke universiti hampir hilang. Dan kalau kita lihat kualiti-kualiti pelajar yang keluar dari universiti terutama orang-orang Terengganu kalau datang menghadiri dengan izin, interview-interview semuanya kaku, nak bercakap orang putihpun tak boleh, inilah masalah kita. Bukan sahaja di negeri kita, Kelantan juga mungkin begitu tapi hak saya paling nampak sangat berbahasa orang putih lemah sangat penduduk kita, 9A belaka, *Dean's List*. Ada yang datang ke pejabat saya 3.6 *Dean's List* dari universiti yang terbaik di Malaysia tapi cakap tak boleh. Jadi saya mintalah mungkin kita boleh buat satu penanda aras baru untuk pelajar-pelajar kita di Negeri Terengganu ini yang dapat kita kapuhkan perkara-perkara lain, contoh ketrampilan diri, cara bercakap, cara *critical thinking* dengan izin, lain-lain perkara yang boleh kita selitkan, yang boleh kita ukur dengan lebih baik daripada penanda-penanda aras yang sekarang iaitu 9A, 10A, 12A. Saya juga menyentuh sebentar tadi mengenai Bahasa Inggeris, jadi saya minta pihak Kerajaan mempertimbangkan satu pendekatan baru yang mana kita boleh mengukuhkan, memperkasakan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah lagi. Dan kita tahu sains dan matematik telah diajar dengan Bahasa Inggeris dan mungkin kita boleh memperkasakan lagi program ini dengan cara-cara khusus, cara-cara tertentu yang kita ada yang boleh difikirkan bersama. Jadi saya rasa dua-tiga perkara ini sahajalah yang saya ingin bawakan di sini

dan mungkin ada perkara-perkara lain yang boleh kita perbincangkan lagi di masa-masa yang akan datang. Yang Dipertua, dengan itu saya memohon diri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Saya masih membuka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap. Sila Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada masa lagi. Ya, sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassalamu -ala asyrafil anbia iwamursalin wa-ala-alihi wasahbihi wamanda'abida'watihi wajaahada bijihadihi watamassaqabihi wabissunnatihi alayaumiddin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan yang saya sangat hormati semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan yang dihormati juga dikasihi pegawai-pegawai yang hadir pada hari ini.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Taala, kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk membahaskan Titah Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja dan saya juga berhasrat untuk sama-sama membahaskan ucapan ini. Dan saya mula-mula ingin menarik perhatian kepada beberapa sejarah yang telah dicipta pada kebelakangan ini termasuk pada tahun ini. Kerajaan menganjurkan satu slogan 'Memahat Sejarah Mencipta Tamadun' dan kita lihat memang banyak sejarah telah dicipta. Kalau tahun 2004 dahulu saya ketika itu sebagai Pegawai Kewangan Negeri diminta dengan segala hormatnya supaya keluar daripada Wisma Darul Iman dan saya telah keluarlah daripada Darul Iman dan pada kali ini saya naik kembali ke Darul Iman tapi saya melihat Menteri Besar dulu turun daripada Tingkat 16, itu juga merupakan sejarah yang telah dicipta. Dan kita juga telah melihat sejarah pelantikan Menteri Besar baru-baru ini, itu juga merupakan sejarah yang memang terpahat dan sebenarnya ia menjadi sejarah yang sukar dilupai. Dan untuk itu saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar baru yang sebenarnya merupakan *junior* saya dalam TCS dulu. Jadi bila saya bercakap dengan kawan, pegawai-pegawai tanya buat perbandingan mana baik MB lening ke MB dulu, ini cakap-cakap sajalah. Saya kata, orang kata Menteri Besar lening musang ataupun dia jenis panas, bekeng. Kawan-kawan kata dah berapa orang dah dia tampar selama ni, maknanya dia dok bekeng hati dia baik dia kata dan saya bersetujulah bahawa hati Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru ini memang baiklah, cukup baik. Pertamanya, apabila jadi Menteri Besar sahaja terus melaksanakan manifesto PAS, pertamanya menghapuskan sewa meter air walaupun 80 sen kita mintak supaya dihapuskan Alhamdulillah Yang Amat Berhormat memang peka dan terus menghapuskannya walaupun 80 sen dia hampir RM700,000 juga setahun. Kemudian tentang royalti kita menyebut bahawa dan seperti yang disebut oleh

kawan saya tadi kita memang istiqamah, selalu bercakap-cakap dan beria-ria untuk melihat royalti ini dikembalikan kepada Negeri Terengganu, itu hak kita. Saya masih ingat ketika tahun 1999 ketika PAS memerintah dahulu saya pergi ke Hulu Terengganu dan Dewan tanya setelah royalti diambil balik saya kata: Siapa yang dalam Dewan ini yang bersetuju supaya royalti ini dikembalikan, siapa yang setuju sila bangun. Semua yang ada dalam Dewan itu bangun bersetuju supaya royalti ini dikembalikan kepada Negeri Terengganu dan saya fikir semua rakyat Terengganu bersetuju supaya royalti ini dikembalikan semula kepada yang berhak iaitu kita sebagai rakyat Negeri Terengganu. Dan inipun telah juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa beliau memang serius untuk berunding dan buat cara apa sahaja supaya royalti ini kembali kepada pangkuan kita. Saya juga ingin mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan tahniah terlebih dahululah kepada hasrat, cita-cita dan ikhtiar yang telah dibuat oleh Menteri Besar kita yang baru ini.

Kemudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah menyentuh tentang projek-projek mega, selama ini katanya kita buat projek mengikut kita, sekarang ini kita buat projek untuk rakyat dan itu satu pendekatan yang cukup baik. Dan yakinlah bahawa kami sebagai pembangkang seperti mana kata sahabat saya tadi tidak akan membangkang membuta tuli, kita bangkang apa yang patut dibangkang dan menyokong apa yang patut disokong, insya Allah. Dan bercakap tentang projek-projek mega ini kadang-kadang kita terharulah kawan-kawan semua bercakap tentang projek-projek ini bermula dengan *Monsoon Cup* yang saya nak menyebut apa yang disebut oleh sahabat saya dari Batu Burok tadi berkenaan dengan peruntukan. Saya terbaca dalam sebuah *magazine 'International Boating'* yang menyebut tak silap saya dalam muka 111 ada disebut bahawa setiap tahun Kerajaan memperuntukkan RM300 juta untuk promosi dan penganjuran *Monsoon Cup* dan peruntukan ini diberikan kepada seorang yang bernama Patrick Lim, itu jelas disebut. Saya juga terkejut apabila mendapat tahu bahawa di dalam projek memecah ombak dan mendalam muara Sungai Terengganu rupa-rupanya pada tahun 2005 - 2006 dia belanjakan RM42 juta untuk mengorek laluan untuk Monsoon Cup RM42 juta, mainnya 5 hari memusing-musing, kita dok reti nak tengok macam mana dapat nombor 1, nombor 2 tu. Saya tanya reti dok tengok tu, dia kata tak reti, mungkin orang Ladanglah tak reti nak tengok macam mana perlumbaan itu dibuat tapi RM42 juta tahun 2005. Kemudian 2007, RM11 juta pulak dibelanja untuk mengorek laluan untuk Pertandingan Monsoon Cup, tahun 2008 saya tak tahu mungkin dikorek lagi kut, tak sampai masa lagi. Kalau boleh mintak Yang Amat Berhormat Menteri Besar doksoh beri mari lagilah, jadilah Monsoon Cup ni, cukuplah. Kemudian tentang Masjid Kristal yang telah disentuh tadi tapi saya telah diberitahu oleh seorang pegawai bila melawat di Masjid Kristal tu bila nak sembahyang selalunya dia tengok jam dia sebab jam ni dia ada arah kiblat dan

selalu kalau dia sembahyang di masjid dia tengok jam ni sama ke dok kiblat tadi jadi bila di Masjid Kristal tu kiblat tu tunjuk tang ke nun tapi orang sembahyang tang ke sini, diapun serba salah jadi akhir-akhir dia ikut orang jugaklah mungkin dia pergi sembahyang kat lain, wallahuwa'alam tapi ternyata bahawa kiblat Masjid Kristal itu tak betul dan kalau boleh mintak tolong diperbetulkanlah kalau tidak nanti nya'nya orang duk sembahyang tidak mengikut kiblat yang betul. Kemudian nama Masjid Kristal tu dia sebenarnya masjid ke apa benda? Sayapun tak tahu, dia boleh sembahyang Jumaat tak di situ? Tak silap saya mungkin boleh diperbetulkan bahawa Pejabat Agama memfatwakan bahawa tak boleh bersembahyang Jumaat di sana kalau salah tolong betulkan tapi itu maklumat yang saya dapat. Terjadi begitu kerana kemungkinan niat membina masjid itu bukan kerana Allah, kerana pelancongan, niatnya dah tak betul daripada awal lagi. Saya ingat masjid patut dibina kerana Allah, itulah masalah, tak tahulah masalah Islam Hadhari ke, masalah apa ke, wallahuwa'alam tapi itulah sebenarnya berlaku. Bercakap tentang Islam Hadhari ini saya pernah mencadangkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dulu kalau boleh untuk nak endorse bahawa Islam Hadhari ini betul dan baik mengapa tidak dipanggilkan Ulama yang *international* seperti Yusof Al-Qardhawi misalnya datang dan beritahu kepada kita bahawa ini memang betul. Kita pernah panggil Ulama-ulama dulu datang ke Wisma Darul Iman, Tarjabir daripada U.S dulupun kita panggil. Yusof Al-Qardhawi pernah juga kita jemput hadir ke sini dan kalau betul, betullah Islam Hadhari ini panggillah mereka supaya buat *endorsement* bahawa Islam Hadhari ini memang betul, ini bukan soal main-main, ini soal Islam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu tentang projek-projek mega. Dan satu lagi yang saya terlupa tadi ialah tentang laluan tadi RM100 juta dikorek untuk Star Cruise tu, Yang Amat Berhormat pun ada sebut hari itu dok tengok sebuahpun lalu, dia kata. Ini jelas pembaziran yang berlaku dan ini merupakan wang rakyat, wang kita yang saya fikir di suatu masa akan dipertanggungjawabkan dan bila mati insya Allah akan ditanya oleh Allah S.W.T. pasal apa kita membazir sampai begini. Ini tanggungjawab yang perlu kita jawab.

Satu perkara lagi yang ingin saya nak sentuh ialah tentang pembahagian tanah. Dulu ketika PAS memerintah saya masih ingat kita dan saya ketika itu sebagai PTG memang berusaha kuat untuk nak membahagi tanah kepada rakyat dengan cepat dan walaupun banyak dipertikaikan tentang angka-angka sama ada 60,000, 30,000 tapi yang pastinya memang telah banyak kita lakukan untuk membahagi tanah kepada rakyat yang perlukan tanah. Rakyat ini termasuk yang UMNO, yang PAS, yang tidak UMNOpun, PASpun kita bahagi kalau mereka berhak. Dan saya nak mintak sekali lagilah, merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru supaya projek membahagi tanah kepada rakyat ini diteruskan dengan cepat terutamanya mereka yang memerlukan tapak rumah dan saya yakin bahawa Yang Amat Berhormat dengan hatinya yang baik itu boleh menimbangkan semula permohonan-permohonan yang telah ditolak pada suatu

ketika dahulu. Insya Allah, saya rasa Yang Amat Berhormat ini dia pekalah tentang hal tanah ini, diapun dulu ADO jugak. Dan saya juga nak menyokong apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Bukit Tunggal tadi tentang syor supaya tanah di Duyong diambil balik dan dibahagi kepada rakyat di sana, *at least* dia *offset* sikitlah tentang pembangunan yang selama ini dimonopoli atau dinikmati oleh orang-orang yang bukan daripada situ.

Kemudian tentang pendidikan sikit. Saya nak sentuh tentang SRAB (Sekolah Rendah Agama Bersepadu). Walaupun tadi disebut bahawa J-Qaf telah ada jadi tak perlu lagi SRAB ini, ingin saya sebutkan bahawa J-Qaf itu cuma mengajar empat mata pelajaran tambahan tapi dalam SRAB ini dia mengajar lapan subjek yang lain termasuk tajwidnya, bahasa Arab, tulisan jawi, sirah, tajwid, ibadat, akhlak semuanya itu diajar. Dan pencapaian mereka dalam UPSR sebenarnya juga baik, lebih kurang 24 peratus mendapat 5A dan apa salahnya kalau ianya diteruskan? Tidak ada yang membantah SRAB ini sebenarnya, tidak ada ibu bapa yang membantah tentang SRAB (Sekolah Rendah Agama Bersepadu) ini malah mereka mendesak sebenarnya hatta pernah menghantar memorandum kepada banyak tempat, hatta kepada Tuankupun dihantar untuk meneruskan SRAB ini. Jadi sekali lagilah saya meminta supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini boleh melihat dengan rasional dan insya Allah kalau perlu dan saya yakin perlu teruskanlah SRAB ini untuk kebaikan anak-anak kita insya Allah.

Tentang Bandar Raya, Bandaraya Warisan Pesisir Air. Bandar raya ini termasuk Ladang, Ladang ini termasuk bandar raya. Tetapi kita pergi sebelah Grand Con. aje belakang tu, kita akan lihat adanya dua darjat di antara bandar raya dan Kampung Ladang. Di sana bila saya masuk kampung baru-baru ini dia ada satu *monsoon drain* yang terlalu busuk baunya dan berhampiran itu rumah-rumah dan *monsoon drain* ini tidak diservis dengan baik sehinggakan di situ terdapatnya banyak berlaku penyakit termasuk Aedes sama. Jadi saya memohon supaya soal-soal kesihatan ini, soal-soal *drainage* ini juga diambil kira oleh Dewan ataupun bandar raya yang baru ini, insya Allah. Ini ialah tentang kesihatan juga, tentang imej. Tandas-tandas di tempat awam seperti di perhentian bas juga terlalu kotor ini dirungut oleh ramai orang. Dan satu lagi ialah tempat parking. Saya ingat semua orang tahu di bandar raya ini parking ini susah sangat, sehingga sekarang ini kalau nak keluarpun keluar malamlah, siang susah nak parking, salah sikit saman selalu, salah letak sikit terus bubuh saman. Saya tak tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat kena saman ke kena boleh dikecualikan saya tak tahulah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, penjelasan. Memang kena.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kena?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil Rakyatpun kena jugak, bukan kita dok bayar meter tu mampus keras, meter dok jalan, bubuhpun mampus begitu aje, lepas itu dia kata kita dok bayar, saman kena.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah bayar ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat bagi laluan, Yang Berhormat duduk, kemudian beri laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok dang nak beri laluan, cakap dah, dok dang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Main berlanggar gitu aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab sikit sangat bercakap, sekejap, dok dang nak duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni kena saman ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah kawan-kawan belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian tentang pembahagian Plaza Warisan. Plaza Warisan untuk makluman ialah bangunan baru di dekat Pasar Payang. Saya diberitahu bahawa pembahagian itu tidak adil kerana tidak ada borang khusus yang dikeluarkan, siapa nak, mintak gitu aje dan bukan semua orang tahu. Saya mintak supaya kalau boleh dilihat kembali tentang pembahagian lot-lot di Plaza Warisan itu supaya dilihat lebih adil. Berapa minit gamaknya saya boleh bercakap ni? Saya nak susun ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau nak berhenti selalupun boleh jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian tentang Terengganu Incorporation (Terengganu Inc.). Inipun satu hal yang telah diperdebatkan dan saya tak tahu apa kebaikannya tentang Terengganu Inc. ini, ada juga orang menyebut bahawa seolah-olah kita meletakkan semuanya 'eggs dalam satu basket'. Egg tu benda? Ya, telur. Selonggok dalam satu bakul sahaja dan kalau pecah, pecah belaka. Jadi inipun saya fikir perlu dilihat kembalilah supaya tidak ada nasib malang yang menimpa kepada syarikat-syarikat ini dan saya ingat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sudi melihat semula tentang Terengganu Inc. ini, insya Allah.

Sedikit tentang DUN Ladang saya. DUN Ladang ini banyak tanah-tanahnya diambil balik dan diambil balik itu tujuan besarnya adalah untuk parking kepada flat yang sudah sedia ada dan juga untuk kondo yang akan dibuat. Ada satu tanah yang diambil balik, di tepi tanah yang diambil balik itu ada satu tanah wakaf yang terdiri di atasnya surau, Surau Haji Awang orang panggil kalau tak silap saya. Kalau tak silap saya tanah itu diwakaf. Saya masih ingat sebab tanah itu saya yang beli bagi pihak Majlis Agama Islam dahulu dan saya masih ingat tanah itu adalah diwakafkan untuk surau tapi saya dengar surau ini nak dirobohkan, hendak dibina baru dan kalau itu ada persetujuan daripada pewakaf tak ada masalahlah. Cuma bila nak roboh ni ada satu tempat sembahyang yang dibuat pentas, pentas gitu aje dia selimut dengan kanvas, selimut liku gitu lepas itu suruh orang sembahyang, hujan tempias. Jadi saya ingat ini tak betullah, maknanya tidak memberikan pandangan yang serius kepada soal-soal yang walaupun kecil begini tetapi ia adalah tempat sembahyang, tempat ibadat. Jadi kena tengok semulalah, insya Allah bukan sengaja kut tapi kurang prihatinlah agaknya. Jadi kalau boleh tolong tengok semulalah tempat-tempat gitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada 2 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Satu lagi ialah tentang jawatan di Jabatan Agama. Saya difahamkan bahawa ada 60 jawatan kosong tapi yang diisi cuma 20 dan jawatan kosong ini sudah berlarutan lamanya, baru-baru ini tambah sampai 60, dulu tak sampai 60, sekarang ini hampir 60 dan lama kosongnya. Saya ingat hampir 8 tahun kosongnya itu dan yang anehnya walaupun pegawai kurang tetapi pegawai yang adapun ditukar ke dan dikeluarkan daripada jabatan untuk gi duk di sekolah, duduk saja-saja, pernah berlaku tapi nampaknya perkara itu dah dibaiki dan telah dikembalikan semula ke Jabatan Agama, baguslah tu tapi itulah sejarah-sejarah yang telah dicipta selama ini. Jadi saya mintaklah supaya insya Allah

perkara-perkara yang dibangkitkan tadi dapat dilihat dengan teliti kerana apa yang kita cadangkan ini berdasarkan kepada keprihatinan kita untuk melihat kebaikan yang boleh kita terokai atau kebaikan yang boleh kita dapati daripada cadangan-cadangan ini insya Allah. Ia tidak bermotifkan politik tetapi semata-mata adalah untuk kebaikan rakyat seluruhnya insya Allah. Jadi saya fikir itu sahaja yang nak saya sebut dan sekali lagi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan yang telah dilantik baru-baru ini walaupun ada percubaan seperti yang disebut tadi tapi nampak percubaan itu tak jadi, itu juga merupakan sejarah-sejarahlah yang terpahat yang patutnya kalau molek juga sejarah-sejarah ini dibukukan dan diajar kepada pelajar-pelajar kita di peringkat rendah dan menengah, insya Allah supaya sejarah ini tidak hilang begitu sahaja. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam. Terima kasih banyak Yang Berhormat Ladang dan Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita sekarang ini pukul 3.40 petang, kita tangguh untuk minum petang sehingga kita masuk semula pada pukul 4.00 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG.

Pukul 4.00 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan ke atas Usul Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih kita teruskan. Saya menjemput mana-mana Ahli Yang Berhormat yang belum berucap untuk meneruskan ucapan, dipersilakan. Wakil Sura, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wal-aaqibatulilmuttaqin wala-uzwana-illa-alazzaalimin. Wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin Sayyidina Walmaulana Muhammad wa-ala-alihi wa-ashaabihi wattabi'inalahumminsaani-illayaumiddin. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat petang. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu sempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas pada 6hb. Mei 2008. Yang pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana telah dipilih sebagai Yang Dipertua yang baru. Dan yang kedua, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah dipilih sebagai Menteri Besar Terengganu yang baru. Dalam Titah Ucapan pada mukadimah telah disebutkan berkaitan dengan Pilihan Raya Umum Kedua Belas yang telah diadakan pada 8hb. Mac 2008. Angka yang sangat signifikan dengan jumlah kami di dalam Dewan sebagai pembangkang pada kali ini, '8'. Kerana pada tempoh sebelum Pilihan Raya dikatakan bahawa bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu kali ini akan jadi 'Sifar Pembangkang' maknanya kosong tetapi kosong lagi ditambah di atas ataupun di bawah jadi '8'. Maka dapat berada dalam Dewan untuk membahaskan Titah Ucapan ini dan saya nak memberikan peringatan supaya kita meletakkan diri kita janganlah perkara yang akan datang kita yang menentukannya kerana yang berlaku sebaliknya. Ada yang sifar terus daripada dipilih menjadi calon, ada yang sifar jawatan, tak dapat jawatan Menteri Besar, tak dapat jawatan Exco oleh kerana itu perkara yang akan datang ini hendaklah kita berhemat dan bercermat dalam meletakkan satu-satu keputusan. Oleh kerana kemelut politik bagi Negeri Terengganu walaupun Barisan Nasional mencapai kemenangan lebih daripada dua pertiga majoriti 24 - 8, 24 Barisan Nasional dan 8 daripada PAS tetapi kemelut pemilihan yang berlaku

melantik Menteri Besar Negeri Terengganu mengambil masa yang cukup panjang. Sehingga kita melihat bagaimana proses pemilihan tersebut yang akhirnya timbul desas-desus kalau orang lain yang dilantik maka akan sebahagian daripada Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan. Sebab itu Allah Taala menyebutkan, yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman mengapa kamu bercakap perkara yang tidak kamu laksanakan." Sebab itu pemimpin mesti mempunyai sifat tegas, sifat teguh pendirian dan sifat bertanggungjawab kerana apabila pemimpin tidak tegas, tidak teguh, tidak bertanggungjawab maka tidak layak menjadi pemimpin. Dalam perkara yang disebut oleh Rasulullah sebagai contoh, yang bermaksud: "Ketua segala hari", "Pemimpin segala hari", "Penghulu segala hari" adalah hari Jumaat kerana hari Jumaat mendahului Sabtu dan Ahad kalau dipisahkan Ahad jadi Isnin, Selasa, Rabu, Khamis baru bertemu Jumaat, Sabtu - Ahad begitulah berpisah dengan Jumaat tapi kalau digabungkan Jumaat tetap akan mendahului hari. Ini adalah suatu keputusan yang dibuat oleh Nabi dari segi hari itu menjadi Penghulu maka teguh dan tetap begitulah pokok besar, pokok-pokok kecil menumpangnya. Maka pemimpin mesti ada pendirian yang teguh dan tegas. Oleh kerana itu saya ingin untuk mengingatkan supaya kita menjadi pemimpin seperti yang disebut oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja di dalam ucapannya iaitu pemimpin yang dipilih dan Kerajaan yang dibentuk hendaklah menunaikan semua amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan adil, saksama dan jujur. Di antara tokoh yang disebut hari ini ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Khalifah Umar bin Abdul Aziz apabila dilantik menjadi Amirul Mukminin, di antara soalan yang ditanya kepada beliau ialah: Adakah akan diberikan semula kepada rakyat tanah-tanah yang telah dirampas oleh pemimpin terdahulu? Maka dijawab dengan tegas oleh Amirul Mukminin, Umar bin Abdul Aziz, yang bermaksud: Hamba-hamba adalah hamba Allah dan tanah-tanah adalah milik Allah bukan milik kerajaan. Maka Nabi bersabda kata Umar bin Abdul Aziz, Umar bin Abdul Aziz menyebutkan, yang bermaksud: Barang siapa yang menghidupkan bumi yang mati daripada sabda Nabi maka ia menjadi miliknya. Saya mengharapkan supaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru ini akan melaksanakan keadilan seperti yang disebut dalam Titah Ucapan ini. Kerana pentingnya kita mengambil ingatan, saya ada dua surat oleh kerana bila jadi ADUN ni disampaikan surat dari Pejabat Tanah Marang, yang satu bertarikh 6hb Julai, 2005, yang satu lagi bertarikh 16hb Disember, 2002. Saya nak sebutnya kalau pemimpin yang tidak konsisten maka pegawai-pegawai akan bertindak mengikut apa yang diputuskan oleh pihak pemimpin. Di mana pada tarikh 16hb Disember, 2002 di bawah pemerintahan PAS surat daripada Pejabat Tanah Marang: "Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas .... (nama sekian orang) .... dan mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kerana tuan/puan telah dipilih sebagai peserta RTB tersebut." Yang kedua, "..... tanah berkenaan diluluskan secara menduduki LMS (Lesen Menduduki Sementara) dahulu dan akan diluluskan secara pemberi milikan kekal selepas syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi." Maka hamba Allah

ini buat rumah sebab LMS memerlukan 3 tahun untuk selesaikan rumah. Tahun 2005 mari pulak surat 6 Julai: "Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas .....", iaitu notis meroboh rumah atau bangunan dalam Tatatur 8, Jambu Laut, Mukim Mercang. "Kita dimaklumkan mengikut siasatan kami pihak tuan telah mendirikan binaan bangunan rumah di atas tanah Kerajaan. Untuk makluman tuan tanah tersebut termasuk dalam cadangan Kerajaan bagi tapak perniagaan." Jadi guana jadi pening begini balas ni. Dari satu jabatan tiba-tiba dua surat. Inilah sebabnya saya mintak supaya benar-benar diberikan perhatian kepada keadilan seperti yang disebut dalam Titah Ucapan ini. Dan satu kes lagi sebab itu bila melibatkan politik saya berharap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berucap khususnya Wakil Kuala Berang, kemudian diminta penjelasan oleh Wakil Bukit Besi dan tadinya disebut oleh Wakil Jabi. Bagi Terengganu ni politik adalah segala-galanya, isu yang menjadi isu politik sangat gemar di*highlight*kan dengan izin, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Di mana bila melibatkan sembahyang dua Imam yang disebut balik oleh Wakil Jabi begitulah juga berkaitan dengan perceraian disebut balik oleh Wakil Kuala Berang. Begitulah juga bila melibatkan soal politik ini yang menjadi segala-galanya, saya nak sebutkan kalau kita nak ambil kira dari laporan akhbar, perceraian lebih kecil daripada mati, yang melibatkan sembahyang dua Imam lebih kecil daripada mati. Cuba kita tengok satu kes dari Harian Metro punya laporan Rabu, 23 April, 2008 di mana berlaku pembunuhan: "Sejak kehilangan Kak Nab yang juga Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Bakau Tinggi ....", tapi kita tak main isu ini, banyak perkara yang melibatkan anak-anak daripada orang UMNO kita tak mainkan isu ini kerana ianya melibatkan yang sensitif berkaitan dengan perkara ini maka kita tak mainkan isu ini. Sebab itu saya nak peringatkan supaya kita faham, yang penting ialah kalau sembahyang dua Imampun dia sembahyang, sekurang-kurang dia sembahyang, 4 Imam ke, 40 Imam ke, dia sembahyang yang patut kita cari ialah yang tidak sembahyang pada hari Jumaat, hak tu patut kita cari. Tetapi kalau kita cari yang tidak sembahyang dia tidak jadi isu besar sebab bukan isu politik. Begitu jugak masalah perceraian, begitu jugak masalah perkahwinan yang penting dia kahwin.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mahu penjelasan. Ekoran daripada sembahyang dua Imam, kalau dulu tak boleh sembahyang masjid ekoran daripada Amanat Haji Hadi, di tempat saya lebih daripada 20 orang yang tak sembahyang langsung Jumaat kerana dia kata masjid itulah iaitu lebih kurang 6 orang di Bukit Jeruk, 4 orang di Jabi tak sembahyang terus, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya bukan soal masjid, soalnya ialah kadang-kadang soal Imam yang menjadi Imam itu kerana sabda Nabi S.A.W.:

"Di antara Imam apabila Imam tidak disukai maka hendaklah yang berada di belakang sebagai makmum itu mencari Imam yang lain." Saya mintak supaya diberi kefahaman daripada apa yang disebut ini ialah supaya kita benar-benar melihat, jangan sebut apa yang disebut ini ialah asas-asas ianya melibatkan politik, tidak. Maka hendaklah .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya bukan kata tak faham .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak beri laluan, Dato' Yang Dipertua, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak beri laluan, banyak isu yang saya nak bangkitkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura tak beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kemudian Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut jugak supaya kita melihat bagaimana apabila keputusan Pilihan Raya isu-isu yang disebut dalam Titah Ucapan ini ialah berkaitan dengan bentuk perkauman. Saya nak bangkitkan satu Majlis Permuafakatan Melayu yang telah diadakan iaitu satu puisi oleh Ramli Jusoh, Yang Dipertua Badan Bahasa dan Sastera Sabah. Di mana daripada petikan ini saya nak mintak supaya kita semua mengambil ingatan kerana permuafakatan ini membincangkan soal kedudukan Melayu yang gadai tanah Melayu itu Melayu, yang lalai bahasa Melayu itu Melayu. Oleh kerana itu perkara ini hendaklah kita berikan perhatian. Jadi saya mohon supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru ini berikan perhatian kepada soal yang saya bangkitkan tentang tanah-tanah yang pernah dirampas daripada rakyat supaya diberikan semula kerana mereka adalah merupakan orang-orang Melayu yang amat memerlukan tanah.

Kemudian dalam perkara yang kedua, yang juga ingin saya bangkitkan pada petang ini dari Titah Ucapan ini ialah supaya kita melihat dalam asas yang berlaku daripada apa yang telah dijawab oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkaitan dengan pertanian yang melibatkan pengeluaran padi. Oleh kerana berlaku sekarang ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat ada masa 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): 2 minit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila uruskan yang terakhirlah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Insya Allah, saya tinggalkan yang ini. Saya sangat mustahak dan sangat kritikal ialah perkara yang berkait dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): ..... iaitulah Dungun akan menjadi Majlis Perbandaran, semua perkhidmatan sokongan hendaklah diberikan perhatian yang sangat kritikal ialah Hospital Daerah Dungun yang sangat kritikal kerana hospital itu dibina pada tahun '70an dan saya mengambil maklumat ini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Contohnya, bilangan katil, Majlis Perbandaran hendak dipertingkatkan bagi Dungun tapi katil Hospital Dungun ada 92 buah. Besut, Jerteh yang tidak dinaikkan taraf Perbandaran ada 140 buah. Kadang-kadang bila orang masuk wad ni terpaksa ditanya nak balik ke dok kerana tak cukup dan terpaksa ambil katil-katil tambahan. Jadi tidak menasabah kalau kita naikkan Perbandaran, sistem sokongan perkhidmatan tidak mendapat tempat.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mintak supaya dilihat juga tentang sukan-sukan teras ini kerana yang disebut dalam Titah Ucapan ini ialah sukan berprestij untuk menarik pelancong *Sports Tourism* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya mengharapkan supaya perhatian diberikan kepada sukan teras ini, yang pertama ialah masalah gejala rasuah yang terlibat dalam sebahagian daripada pemain-pemain bola sepak, saya harap bagi Negeri Terengganu ini tidak akan berlaku demikian rupa. Yang kedua, kita akan menjadi *host venue* gelanggang bagi CYC (Pertandingan bagi Juara-juara Belia). Jadi saya mengharapkan kita tidak hanya menjadi penonton kepada program-program penganjuran sukan tetapi hendaklah juga dilibatkan pembangunan sukan supaya pada suatu masa Terengganu akan kembali cemerlang dalam bidang sukan asas yang digemari oleh seluruh rakyat daripada Besut sampai ke Kemaman. Di zaman kita, kita pernah buat balik Piala Mas Raja-Raja, Piala FA pada tahun 2000, Piala Malaysia pada tahun 2001. Saya harapkan kita kembalikan semula kecemerlangan sukan teras Bola Sepak ini bagi Negeri Terengganu mudah-mudahan akan dapat perhatian daripada pihak

kerajaan. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Sura. Saya menjemput lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Sila Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain wassalatu wassalam ala Sayyidina Muhammadin wa-ala-alihi wassahbihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seluruh pegawai-pegawai kerajaan dan Pemerhati.

Saya ingin mengambil masa yang seringkas-ringkasnya untuk menyentuh satu isu sahaja iaitulah isu pertanian yang perlu diberi perhatian apabila masalah makanan menjadi isu global yang dibincang begitu hebat di peringkat antarabangsa. Walaupun kita sedang berbincang di Dewan Negeri dan perkara ini ditangani Kerajaan Pusat namun kita tidak boleh memandang ringan kerana sedikit sebanyak rakyat Negeri Terengganu akan menerima kesan yang mendalam daripada apa-apa masalah yang berlaku daripada masalah makanan antarabangsa. Saya pernah menimbulkan masalah ini dalam tahun '82 ketika mula-mula menjadi Ahli Dewan supaya Negeri Terengganu mengambil manfaat daripada hasil kewangan yang begitu banyak di masa itu kerana banyak negara-negara dunia kita dapati walaupun tergolong dalam negara maju dan negara industri tetapi mereka tidak lupa dalam masalah pertanian menjadi satu strategi yang penting bagi keselamatan negara. Dalam hal ini, saya menyentuh beberapa aspek yang perlu dititikberatkan. Di antara masalah yang dialami oleh rakyat kita, masalah tanah. Oleh kerana itu proses meluluskan tanah pertanian perlu dilakukan seberapa boleh semudah-mudahnya bagi memberi ruang kepada rakyat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian. Dalam masa yang sama projek-projek yang memangkin kerja-kerja pertanian seperti masalah yang dialami oleh mereka, masalah harga baja yang mahal. Terengganu perlu memainkan peranan berusaha supaya mengambil peluang daripada usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat supaya berjaya membawa industri dalam perkara yang berkait dengan pembajaan dan pertanian ini dibawa ke Negeri Terengganu sekurang-kurangnya boleh menampung dasar yang diamalkan sejak zaman British dan zaman selepas kita mencapai kejayaan di mana negeri-negeri di Pantai Timur sengaja ditinggalkan, sengaja diabaikan, sengaja dibiarkan supaya terus menjadi mundur. Oleh kerana itu adalah menjadi wajar kepada Kerajaan untuk mengambil peluang dalam isu yang berlaku ini supaya membawa projek-projek yang berunsur kemudahan pertanian dibawa ke Negeri Terengganu sekurang-kurangnya dapat menangani masalah harga baja, masalah harga

makanan ternakan yang dialami oleh penternak-penternak di Negeri Terengganu ini. Yang kedua, masalah kita perlu berusaha sedaya upaya supaya meningkatkan supaya pengeluaran padi bagi Negeri Terengganu, seboleh-bolehnya biarlah kita dapat mencapai pengeluaran yang cukup bagi rakyat Negeri Terengganu bukan sahaja mengusahakan tanah-tanah sawah yang ada, yang terbiar dan yang hendak baru dibuka bahkan di sana ada negara-negara yang maju yang berjaya mewujudkan sawah-sawah padi di atas bukit dan seumpamanya dengan perbelanjaan, walaupun kita mengalami masalah belia yang tidak bersemangat dalam bidang pertanian sebagaimana yang disebut tadi. Namun demikian, kerajaan boleh mengambil inisiatif melalui agensi-agensi kerajaan yang boleh menarik rakyat untuk menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang ini terutamanya di kalangan generasi muda.

Akhirnya, saya ingin menyebut masalah perikanan. Masalah perikanan jugak mengalami hal-hal yang membebankan para nelayan. Kita bukan sahaja diancam oleh armada-armada laut dalam daripada luar negara, daripada Thailand di musim tengkujuh. Di sana masih ada pukat-pukat yang melakukan operasi yang boleh menjejaskan benih-benih ikan di perairan negeri kita yang dilakukan oleh anak-anak negeri kita sendiri, apa yang penting kita jangan tamak untuk mendapatkan hasil dengan tidak mempunyai strategi masa depan yang lebih lama. Oleh kerana itu adalah wajar bagi kerajaan untuk melakukan kawalan yang setegas-tegasnya ataupun kalau tak boleh dikawal kita mesti lakukan sebagaimana di negara-negara maju yang jugak memberi perhatian dalam masalah perikanan ini, mereka sanggup mengharamkan pukat-pukat ataupun apa sahaja usaha-usaha perikanan yang boleh menjejaskan hasil-hasil perikanan mengikut strategi masa depan negara mereka. Sebagai contoh, ada dua jenis pukat, Pukat Tunda dengan Pukat Kaya. Pukat Tunda ni dia mengokok segala bukan sahaja ikan bahkan benih-benih ikan, dikatakan semuanya ada faedah di antaranya boleh buat baja dan seumpamanya. Tetapi faedahnya sementara waktu sahaja tetapi jangka panjang amat mencemaskan hasil perikanan kita. Pukat Kaya, nama sahaja Pukat Kaya, mula-mula dia kayalah tapi lama-lama jadi miskin, jadi papa, yang dapat pukat itu dia meletakkan pukat-pukat yang rapuh yang melekat kepada unjam-unjam dan tukun-tukun termasuk tukun-tukun yang diusahakan oleh pihak perikanan. Bila pukat ini melekat Tuan Yang Dipertua, menyebabkan ikan-ikan yang berada dalam kawasan itu melarikan diri dan nelayan menghadapi masalah yang menghakiskan hasil mereka. Ini telah dialami dalam masa beberapa tahun dan saya melihat tahun ini sebagai satu contoh ada sedikit peningkatan apabila penguatkuasaan itu dilakukan dengan agak tegas sedikit di musim tengkujuh. Di sini menunjukkan bahawa sekiranya satu langkah yang positif diambil kita akan dapat menerima satu hasil yang baik di masa yang akan datang, insya Allah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Wakil Rhu Rendang. Saya masih membuka perbahasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya persilakan. Sila Yang Berhormat. Takdok? Saya persilakan Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassala mu-ala-asyrafil anbia iwamursalin wa-ala-alihi wassahbihi wassalam ajmain. Rabbanatafbainana wabainaqauminabilhaq fa-antah-qhairufaatihim. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Saya menghadiri Dewan pada kali ini agak sejuk mungkin saya pakai baju nipis ataupun masih, mungkin sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan ini masih demam lagi belum ada selera makan dan belum ada selera untuk berucap. Saya fikir semalam tu saya beritahu dah Tuan Yang Dipertua saya nak berucap bagi besok, hari ini nak tengok sahabat-sahabat daripada Ahli-ahli Dewan yang lain bercakap. Tapi walau bagaimanapun, nampak saat-saat akhir dah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, banyak kali tanya nampak tak ada orang, sayapun bercakaplah sikit hari ini insya Allah dalam tajuk/agenda kita iaitu Perbahaskan Ucapan Yang Dipertua, Majlis Penasihat Pemangku Raja yang disampaikan pada hari semalam.

Saya nak ambil beberapa perkara sahaja iaitu yang pertama sekali ialah dalam buku ini nampaknya ada perancangan, ada sebahagian yang menceritakan peristiwa-peristiwa yang lalu sama ada kejayaan atau sebaliknya. Ada perkara-perkara yang akan dibuat dalam masa yang terdekat ini untuk masa dekat dan untuk masa yang lebih panjang. Saya tertarik untuk membincangkan tajuk bagaimana nak mengubah minda rakyat kerana saat nak mengubah minda rakyat ini atau minda orang ramai ini memanglah kita tahu bahawa untuk membangunkan sesebuah negara atau memaju atau mengekalkan keadaan sesebuah negara itu memang perlu kepada manusia. Kita baca dalam sejarah dulupun macam mana German telah tewas dalam peperangan dunia, mereka jatuh dari sudut ekonominya dan lain-lain juga tetapi walaupun begitu dia masih meninggal aset yang besar iaitu manusia dan kepakaran serta kebolehan manusia yang boleh merancang dan boleh membina balik negara mereka dengan baik. Untuk membina manusia ini sebenarnya bukanlah mudah sebab dalam sejarah kita, manusia yang boleh membangun manusia ialah melalui formula-formula dan kaedah-kaedah yang diwujudkan oleh pencipta manusia. Kita tidak boleh bangunkan manusia dengan formula dan kaedah yang dibuat oleh manusia sebab manusia belum lagi mengenal diri sendiri, manusia itu belum

mengenal manusia walaupun dia pakar dalam bidang perubatan dan sebagainya tapi dia belum kenal diri sendiri dengan sebenar-benarnya. Yang mengenal diri manusia itu ialah penciptanya iaitu Allah S.W.T. dan mengikut sejarahnya Allah S.W.T. untuk membina manusia dia mewujudkan formulanya, kaedahnya dengan menghantar guru iaitu para Nabi, para rasul A.S. Selain dibekalkan kitab maka orang yang memahami kitab diwujudkan oleh Allah dan apabila Rasul-rasul dan Nabi-nabi itu berjaya menyampaikan risalah Tuhan, Allah kepada manusia dan manusia menerimanya, manusia bertukar daripada keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang baik. Manusia yang menyembah berhala umpamanya di Makkah Al-Mukarramah mengambil sejarah ringkasnya sejarah Nabi kita bertukar menjadi manusia menyembah Allah S.W.T. mematuhi dan mentaati Allah S.W.T. dalam semua aspek kehidupan mereka. Jadi kalau kita rujuk kepada Quran umpamanya antara lain Allah Taala berfirman (yang bermaksud): "Sesungguhnya kami telah mengutus kepada setiap umat itu seorang Rasul. Tugas Rasul itu dalam bentuk yang ringkas iaitu mengajak manusia mengabdikan diri kepada Allah dan menjauhkan diri daripada Taghut," ini tugas dia. Jadi oleh sebab itu, sebarang usaha untuk kita mengubah fikiran manusia daripada umpamanya yang disebut di sini: Daripada menunggu pemberian daripada orang yang ada sama ada dari kerajaan ataupun agensi-agensi swasta, agensi-agensi kerajaan dan sebagainya supaya mereka berubah daripada sikap ini menjadi manusia yang bersedia menyumbang dan kalau dia menyumbang dia kena tahu kenapa dia menyumbang? Sebab itu dalam ayat yang kedua, tak salah ingat saya daripada Suratul Jumu'ah Allah berfirman (membaca Suratul Jumu'ah - ayat 2). Jadi tugas Nabi kita Muhammad S.A.W. ialah menyampaikan risalah, menyampaikan kandungan Al-Quran khususnya bukan setakat menyampai tapi mengajak manusia memahami dan menghayati bukan sekadar baca Quran, Ulama-ulama kita yang membahaskan dalam bidang ini mengatakan, mula diajar manusia membaca. Yang kedua, membaca sampai betul. Yang ketiga, membaca sampai faham. Dan yang keempatnya, membaca dengan betul, dengan faham dan menghayati. Bila Allah Taala sebutkan: "Yatlu alaihim aayat" (Membaca ayat-ayat). "Wayuzaqqiihim" (Bukan baca saja tetapi praktik/amal). Dalam bahasa yang mudah difaham mengajar dan mendidik. Untuk mengajar semua yang ada ilmu boleh pindah kepada orang lain, mengajar itu pemindahan ilmu, siapa yang ada ilmu boleh pindah ilmunya kepada orang lain. Dan orang-orang yang dipindah ilmu itu jika sekiranya dia mempunyai fikiran yang waras, otak yang cergas maka dia dapat menerima pemindahan itu dengan mudah tapi belum tentu yang memindah ilmu itu menghayati ilmu yang dipindah kepada orang lain yang ada padanya. Dan belum tentu orang yang menerima pemindahan itu beramal dengan apa yang mereka terima. Jadi dengan sebab itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya masih lagi bercakap sebahagian daripada caranya seperti mana yang disarankan dalam buku ini ialah pendidikan sebab itulah bila sahabat-sahabat saya menyebut tentang pendidikan dalam

Islam itu dia panjang bermula daripada, kalau saya nak panjangkan bermula daripada belum kahwin lagi. Macam mana nak memilih orang yang mula-mula sekali mendidik anak kita iaitu isteri. Jadi oleh sebab itu, itu semua ada garis panduan di dalam Islam. Sebab itu kami masa diberi kuasa oleh Allah S.W.T. kemenangan dalam tahun 1999, di antara usaha besar kami dalam pendidikan ialah untuk melahirkan rakyat Negeri Terengganu dalam jangka panjang iaitu yang memahami Islam dari semua aspek dan sudut. Sebab itu kami wujudkan SRAB, kami wujudkan Kolej Islam Sains Terengganu, kami wujudkan KOSTAT, kami wujudkan beberapa lagi perubahan dan keindahan terhadap pengajian yang ada di KUSZA terutamanya Pengajian Islam Kewangan, Pengajian Islam Perakaunan, dan Pengajian Islam yang lain-lain, semuanya mestilah dikaitkan dengan Islam supaya rakyat di Negeri Terengganu yang memikul ijazah, menerima sijil, diploma dan sebagainya dalam bidang pengkhususan masing-masing mereka tidak terpisah dengan ajaran Islam. Itulah tujuan kami supaya melahirkan kalau Doktor yang tidak buta Quran memahami Al-Quran, kalau Lawyerpun macam Wakil Alur Limbatpun memahami Al-Quran walaupun dia seorang Lawyer. Jadi barulah dia sedar betapa kalau dia menjadi Hakim di mahkamah kalau dia tidak menjalankan Islam, saya pernah teringat yang dilafazkan oleh seorang Hakim Mahkamah di Mesir iaitu yang dikenali dengan Sheikh Abdul Kadir Ahmad, dia kata: Ana qadin wala-qinni Muslim (Saya seorang Hakim tetapi saya seorang Muslim), bagaimana sifat itu? Undang-undang yang ada di hadapan saya tidak berasaskan kepada Islam tetapi saya sebagai seorang Muslim mana yang saya nak jalankan. Saya nak laksanakan Undang-undang tidak Islam yang berada di hadapan saya ataupun saya nak melaksanakan Undang-undang Islam. Saya terpaksa berdepan dengan kesalahan-kesalahan yang diwujudkan oleh peraturan-peraturan di dalam negara saya sendiri. Jadi sebab itu kita adakan sekolah-sekolah ini supaya dari kecil lagi anak-anak kita boleh mengerti Islam itu lengkap, Islam itu sempurna, Islam itu ada ibadatnya, ada pentadbiran. Bila anak-anak ini berjaya yang saya sebutkan tadi kalau jadi Guru sebab dia pendidik bukan sebagai Guru yang memindah ilmu saja. Guru yang menghayati apa yang dipindah kepada murid. Kalau dia jadi seorang Excopun, maka Exco dalam bidang masing-masing, pertanian ke, perumahan ke, apa ke, tentu dia mengambil kira kehendak Islam dalam perkara-perkara yang tersebut itu. Kalau dia jadi Menteri Besarpun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia tahu tanggungjawab dia, dia Menteri Besar tetapi dia seorang Muslim, selain daripada tugas-tugas pentadbiran biasa sebagai seorang Menteri Besar tetapi dia seorang Muslim mestilah dia tidak melanggar titah perintah Allah, kehendak-kehendak Allah S.W.T. Jika ini dapat kita lakukan, saya berdoa bahawa jika kerajaan bersetuju usaha ini kita lakukan dan pada suatu masa nanti negeri kita ini bukan selama-lamanya kita yang memegang kuasa, memerintah, kita mungkin sudah berpindah ke Rahmatullah S.W.T. tetapi kita meninggalkan satu generasi yang benar-benar mengerti Islam dan menghayati ajaran Islam, bersikap adil terhadap semua orang, tidak bertindak di luar

daripada ajaran Allah S.W.T. Jadi oleh kerana itu saya rasa dan saya memang sangat bersetuju, sangat berpuas hati, senang hati kalau sekiranya Kerajaan hari ini dapat meneruskan Sistem Pendidikan Islam daripada awal sampai akhir, sampai peringkat universiti dan seterusnya PhD dan sebagainya yang kita boleh buat dalam negeri kita sendiri. Tetapi jawapan Exco Pendidikan tadi semacam tidak mahu meneruskan apa yang ada dalam SRAB, alasannya sedikit sahaja, yang pertama tadi premis tak bagus, murid tak ramai. Tak ramai tu kita tak terima, kalau *start* tu dari 2005 kita terima sampai sekarang tentu dia bertambah tapi oleh sebab kita tak terima dah nak jadi ramai macam mana? Tak boleh. Jadi alasan itu boleh difikir balik sebab negeri kita bersama ibarat katanya dalam satu Hadis Nabi S.A.W.: Kita yang berada di atas bumi Allah ini ibarat sekumpulan insan yang menumpang sebuah kapal, kapal itu terdiri daripada dua tingkat bila diundi ada sebahagian dapat di tingkat atas, sebahagian yang lain mendapat tingkat yang bawah. Orang yang berada di tingkat atas senang untuk mendapat air tetapi orang yang berada di tingkat bawah susah hendak mendapat air sebab kalau kapal itu ada lubang/tembus dia akan masuk air. Jadi oleh sebab itu mereka hendaklah ada kerjasama dan persefahaman, kalau masing-masing rasa nak menuntut hak dia dengan tidak meraikan hak orang lain, Nabi kata orang yang di bawah berfikir bagaimana nak dapat air dengan senang, fikir-fikir dia berkata (yang bermaksud): Kalau kita tembuskan hak kita di tingkat bawah ini dengan mudah kita dapat air tetapi Nabi kata: Kalau mereka dibiarkan untuk membuat apa yang mereka mahu, mereka yang ada di dalam kapal itu sama ada di tingkat atas, di tingkat bawah semuanya karam, semuanya rosak binasa. Yang di bawah memang dia menembuskan, dia mengorek kapal, yang di sebelah atas yang tidak ada kesalahan yang tidak mengorek kapal inipun turut tenggelam dan karam, semuanya kena. Begitulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sebagai warganegara Malaysia, kita memang diperanakkan di Malaysia di Tanah Melayu .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan. Yang Berhormat Dato' Wakil Manir, saya ingin mendapat penjelasan adakah perubahan *mindset* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Manir ini dengan cara Islam Hadhari ini boleh ubah *mindset* untuk capai insan yang pandai itu ke yang dimaksudkan oleh Dato' tu, tolong jelaskan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau tidak semalampun, pagi tadi sudah diterangkan ianya pendekatan, pendekatan yang dimaksudkan dalam bentuk nak pembangunan, kemajuan, sebenarnya Islam itu dia sudah agama maju, agama maju yang tak payah ditambah hadhari kalau ada hadhari ada Badawi, itu dia, Hadhari lawan Badawi. Islam itu memang maju. Kalau saya nak bersyarah tentang Islam Agama Maju memakan masa pulak itupun kalau Dato' Yang Dipertua benar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berapa Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi, perhabis deh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Allah, Dato' Yang Dipertua, saya tidak *landing* cepat sikit ni, saya lambat sikit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dang lagi *landing* tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 3 minit memang tak dang. Saya baru nak masuk tajuk dan saya duk ingat takdok orang nak bercakap masa saya panjanglah sikit. Kalau Wakil-wakil belah Kerajaan bercakap belaka, masa saya pendek tak apalah. Nak gulung pagi besok dok, ke pagi esok nak buka lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut ada lagi nak bercakap kut? Saya tambah 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 5 minit. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita mesti akui bahawa jika sekiranya Malaysia ini runtuh, hancur, dijajah, dimiliki oleh orang dengan situasi dan keadaan kependudukan dalam negara kita ini kita tahu bagaimana nasib kita kalau kita tidak berhati-hati. Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh fikir pasal parti kita sahaja, sebelum negara kita menjadi Palestin, na-uzubillah laaqadaru. Maka kita hendaklah terlebih dahulu mengambil langkah-langkah yang positif untuk menghindari dari tenggelam dalam keadaan-keadaan yang tertentu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Jadi kita tidak mahu membuat benda yang berlawanan sesama sendiri dari satu sudut kita mahu melahirkan insan yang tidak bergantung kepada kerajaan, kalau dalam bahasa mudahnya tidak bergantung ini, tidak mahu melahirkan insan yang subsidi. Kita mahu melahirkan insan yang insaf "wa-ansifufisabilillah .....", insan yang berbelanja untuk kepentingan negara, kepentingan agama, kepentingan bangsanya, dan kepentingan sebagainya. Kita mahu manusia yang memahami: " ... yang memberi lebih baik daripada yang menerima" tetapi walaupun itu kita kehendaki, kita *plan,* kita berucap tapi tindakan kita berbeza, kita melahirkan insan subsidi. Sebab apa? Orang yang berkuasa, orang yang memerintah ingin sangat memberikan subsidi. Dengan memberi subsidi ini mereka boleh memancing undi. Saya satu daerah dengan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, orang panggil Daerah Hulu Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu Parlimen, daerah lain-lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Haa ... daerah lain, satu Parlimen tapi maknanya hulu, Hulu Terengganu. Kalau hak ni mata, kita belah balik hulu, kalau hak ni mata kita hulu. Tengok kalau kita baca Pilihan Rayapun, keputusan Pilihan Raya orang sebelah hulu nun payah nak masuk ni, orang kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagus-bagus Yang Berhormat, orang sebelah Hulu bagus-bagus.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Payah, kalau nak kata Pengerusi Majlis, Yang Dipertua ada nak kata: insan yang dia nak royat takdok benda tak boleh dia kata. Saya ingat malam keputusan Pilihan Raya saya diberilah jugak penghormatan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Hulu Terengganu untuk berucap yang lawan sayapun bukan lawanlah orang Hulu Terengganu juga berucap belah Barisan, saya belah PAS. Dia kata dalam Hulu Terengganu ni Manir boleh menang, pasal Manir ini dekat dengan bandar, mudah berfikir, surat khabar boleh baca, ini boleh baca yang dalam pedalaman nun terutama kawasan Telemong atau DUN Telemong teruk betul, Hulu Berang teruk betul. Dia cakap pasal belum merdeka dan selepas merdeka, dia kata dulu kita nak pergi bandar naik rakit 3 hari, 4 hari tak sampai lagi, nak jual durian kita susah, pisang kita susah, sekarang kita sudah ada jalan raya pada hal kawasan lain ada jalan raya jugak, orang mari durian kampung dia orang Baungpun, Baung ke Gaung? Baung. Orang Baung kata durian buat mari sini, mudah nak ape lagi (dalam loghat Hulu Terengganu), maknanya apa yang kita mahu lagi, itulah kadang-kadang slang Kuala Berang ini dia tubit jugak sekali-sekali. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir, sikit Yang Berhormat. Yang Berhormat tak bercadang nak bertanding Parlimen, takut marah di orang belah nun?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takut gini saya ada niat baru-baru ini nak bertanding tapi saya nampak tu dan saya tak sangka Dato' Yang Dipertua tak boleh bertanding, kalau tahu Dato' Yang Dipertua tak boleh bertanding, saya bertanding. ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ni sebenar tak suka lawan sama sendiri. Maknanya kalah sah Yang Berhormat Mulia tak bertanding saya bertandinglah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Barisan Nasional berucap rakyat Kuala Berang gini, masih ingat tangan yang memberi bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang beri duit ke dia. Bukan Barisan Nasional beri duit, kerajaan beri bukan pitih Barisan pitih kerajaan. Payah dia nak faham tu, payah nak faham, macam mana Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua nak pertingkatkan pemikiran rakyat Hulu Terengganu macam mana? Itu kita fikirlah saya boleh berfikir dengan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Wakil Kuala Berang, Wakil Telemong dan Wakil Ajil insya Allah, macam mana minda dia tu sehingga minda dia cerdik, dia faham tu dia tak pilih Barisan Nasional dia pilih PAS pulak Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Manir mengikut peruntukan masa yang diberi kalau ikut peraturan kita mesyuarat kita akan tamat pukul 5.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian takut ada Ahli-ahli Yang Berhormat nak bercakap dalam ruang 3 minit sebab pembangkang dah bercakap habis dah, takut ada pihak Kerajaan nak bercakap dalam 3 minit ni, saya beri ruang. Tak ada Yang Berhormat, ya.

Saya ucap terima kasih banyak di atas kerjasama yang diberi. Oleh itu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini selesailah tugas kita untuk sidang hari yang pertama dan sekarang sampailah masa untuk saya menangguhkan sidang ini sehingga ke hari esok Khamis, 8hb Mei 2008 jam 9.30 pagi. Jadi sebelum kita beredar marilah kita sama-sama dengan ikhlas membaca Surah Al-'Asr.

Allahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 8 MEI 2008

Hari KHAMIS,
8 MEI 2008

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 130]
2.	Soalan-Soalan Lisan	[Muka 134]
3.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(Sambungan Penggulungan Usul Menjunjung Kasih)	[Muka 162]
4.	Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri.	[Muka 219]
5.	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri	[Muka 211]
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)(Pindaan) 2008.	[Muka 212]
	[Perbahasan & Penggulungan]	
7.	Tangguhan	[Muka 228]
8.	Lampiran	[Muka 230]
	(Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis)	

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Pada hari ini kita sambung semula mesyuarat kita dan sebelum kita memulakan Persidangan Dewan kita ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

[Al-Fatihah]

Sidang mesyuarat kita pada pagi ini diteruskan dengan urusan yang pertama, ini berkenaan Soalan-soalan Lisan. Pada hari yang kedua ini untuk mempastikan ada keadilan, saya mendahulukan Soalan Lisan kepada Yang Berhormat yang kemudian, saya bimbang takut yang kemudian ini tak sempat jugak pada hari ini, jadi saya jemput yang belum sempat hari kelmarin Yang Berhormat Wakil Ladang untuk soalan yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Berapakah kos yang dibelanjakan untuk memasang CCTV di Wisma Darul Iman dan sejauh manakah keberkesanannya untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan kakitangan tersebut?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan, Wakil Ladang yang telah bertanya berkait dengan kos yang dibelanjakan untuk memasang CCTV di Wisma Darul Iman. Jadi kosnya adalah berjumlah RM407,662.00. Pemasangan CCTV di Wisma Darul Iman ini adalah bertujuan utamanya adalah untuk memastikan daripada aspek keselamatan. Disebabkan hari ini kalau kita lihat mana-manapun, di bank ataupun di pejabat-pejabat ataupun di mana-manapun hatta di Taman Bunga sekalipun sekarang ini CCTV ini mula diperluaskan. Keutamaannya adalah dari segi aspek keselamatan. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Soalan sejauh manakah

keberkesanannya tak dijawab tu dan dia berkait dengan peningkatan kecemerlangan perkhidmatan kakitangan tersebut? Itu bukan soalan tambahan, itu soalan awal yang diminta penjelasan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Disebabkan yang pertama sekali memang tujuan asal dia memanglah untuk dari segi keselamatan, jadi dari segi aspek peningkatan saya rasa saya tak perlu nak jawab di sini disebabkan memang matlamat awalnya ataupun matlamat asalnya pemasangan CCTV ini adalah dari segi kita memperlihatkan perlunya dari segi untuk keselamatan peralatan dan macam-macamlah. Tetapi dari segi aspek peningkatan kecemerlangan saya rasa perkara ini kita tidak nampak sangat sebab pemasangan ini bukan matlamat untuk kita nak memantau ataupun melihat pekerja-pekerja itu. Jadi saya rasa dari segi kecemerlangan saya rasa memang pekerja/kakitangan kita memang telah diakui, saya rasa Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassanpun masa takdok CCTVpun memperakui bahawa kakitangan Kerajaan kita ini memang hebat dah. Jadi saya rasa dengan aspek kita tambah CCTVpun dari segi mood dan juga kecemerlangan pekerja kita masih lagi dalam boleh dikategorikan dalam kategori yang hebatlah. Saya rasa itu sahajalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sangat bersetuju dengan pandangan tadi cuma yang ditanya ini sebab ada disiarkan, disebut dulu oleh Yang Berhormat Dato' SUK bahawa tujuan utama CCTV ini adalah untuk memantau kakitangan. Nampak macam tak berapa percaya dengan kakitangan, takut lari situ, lari ke sini dok buat kerja, jadi dengan adanya CCTV boleh nampak sokmo sebab itu saya tanya ini mana keberkesanan tu. Tapi kalau Ahli Exco/Kerajaan jawab bahawa untuk keselamatan itu cerita lain pulak. Jadi tak tahulah mungkin ada perbezaan *approach* daripada dulu dengan sekarang ni, mungkin sekarang ini lebih baiklah agaknya saya ingat begitulah kut. Sayapun yakin bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besarpun dok suka benda-benda begini ni, duk nak tengok orang kerja ke, dok ke, pergi tandas ke, pergi mana ke, saya ingat bukan jenis tu dah. Saya fikir betullah tu kalau Yang Berhormat Exco jawab bahawa bukan untuk memantau kakitangan tu, kalau cemerlang tu betullah memang kita cemerlanglah terutama dululah masa saya, sekarang ini saya tak tahu, itu yang tanya tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah, saya ingat tak ada soalan tambahan .....

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya tambah sikit ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada, nak jawab jugak.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dia biasalah ketua ini kadang-kadang *repok* tu kena ada jugak Wakil Ladang, saya rasa Dato' SUKpun dalam keadaan tidak serius tu sebut. Dia dari segi aspek kita sebenarnya nak tengok jugaklah, kemudian kebetulan Wakil Ladang sendiri nak mari ke Wisma Darul Iman sekurang-kurangnya kita nampak, jadi kita boleh buat persediaan awal dan sebagainya, sekurang-kurang teh, kuih kita boleh sedia dulu. Itu sajalah, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baguslah kalau maknanya CCTV tu nak tengok saya datang, nak ucap 'Selamat Datang' tu baguslah. Jadi cuma kalau nak mari cara biasa tu payah jadi saya mari cara nilah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita bukan ucapan lagi ni. Saya buka kepada soalan tambahan. Saya benar satu daripada Ladang, ada dua lagi kepada Ahli-ahli yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, kalau begitu itu ajelah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia nampak, CCTV nampak ni, rakyat nampak. Ada Yang Berhormat nak tambah? Kalau tak ada kita terus kepada soalan yang kedua, saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, soalan saya yang pertama -

> *Sila nyatakan jumlah Imam-imam dan Bilal-bilal yang diberhentikan perkhidmatannya atau dihentikan elaun mereka dari April 2004 hingga Mac 2008 mengikut pecahan daerah?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Bukit Payong bertanya mengenai jumlah Imam-imam dan Bilal-bilal yang diberhentikan perkhidmatannya atau dihentikan elaun mereka dari April 2004 hingga Mac 2008 mengikut pecahan daerah.

Jadi jumlah Imam-imam dan Bilal-bilal yang dihentikan perkhidmatan mereka daripada April 2004 hingga Mac 2008 ialah 73 orang. Mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah	
		Imam	Bilal
1.	Kuala Terengganu	24	-
2.	Kemaman	4	1
3.	Dungun	5	-
4.	Besut	6	3
5.	Hulu Terengganu	10	3
6.	Marang	8	3
7.	Setiu	4	2
	Jumlah	**61**	**12**
	JUMLAH BESAR	**73 ORANG**	

Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco, soalan tambahan saya apakah dia punca-punca Imam-Bilal yang diberhentikan perkhidmatannya atau dihentikan elaunnya. Adakah ia bermotifkan politik ataupun dengan sebab-sebab lain?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pemberhentian ataupun penamatan khidmat Imam-imam, Bilal-bilal ini dibuat mengikut prosedur dan atas sebab-sebab sama ada atas pentadbiran ataupun atas permintaan mereka sendiri. Di mana ada antara tahun 2004 hingga Mac 2008 ni seramai 155 orang yang ditamatkan kerana mereka meninggal dunia, jadi tak bayarlah elaun dia tu. Dan ada sebahagiannya pulak yang memang diberhentikan kerana tidak melaksanakan tugas, tidak berkhidmat, tidak pergi masjid dan ada sebahagiannya kerana mereka tidak mengikut ataupun mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh jabatan, tak baca teks khutbah yang disediakan dan melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak disenangi ataupun yang tidak dipersetujui oleh jabatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan lagi Yang Berhormat? Okey, sekarang ini kita balik semula kepada asal, saya tengok Yang Berhormat cari kebelakang tadi payah sikit tu, kita korner balik yang asallah sebab kita dah habis orang yang tak habis lagi kelmarin. Saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

> *"Sate dan Lata Belatan menjadi tumpuan di kawasan Jabi". Apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan produk makanan dan kawasan pelancongan ini di masa depan?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati sekalian. Terima kasih soalan dari Wakil Jabi secara khususnya ialah tentang sate Jabilah ni gamaknya dan Lata Belatan yang menjadi tumpuan di kawasan Jabi dan soalannya apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan produk makanan dan kawasan pelancongan ini di masa depan.

Kawasan Hutan Lipur Lata Belatan akan terus dibangunkan sebagai kawasan pelancongan untuk kawasan Jabi. Kawasan ini juga dipromosikan sebagai pintu masuk ke Puncak Gunung Tebu. Berbagai langkah telah diambil terutamanya untuk menyediakan kemudahan kepada para pelancong dan pengunjung. Manakala sate ni, sate kecil di Jabi telah berjaya dan mendapat sambutan daripada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa. Kerajaan Negeri berpendapat adalah tidak wajar untuk campur tangan pada industri atau produk yang telah dapat dimajukan oleh sektor swasta kerana dibimbangi akan menjejaskan sektor tersebut. Campur tangan ini maksudnya supaya disetempatkan tiga pengusaha yang telahpun dikenalpasti di Jabi ini kerana ikut pengalaman kita apabila disetempatkan pengusaha ini akan timbul persaingan yang kadangkala kurang sihat. Walau bagaimanapun, pembangunan bagi menambah tarikan kepada pengunjung dan usaha-usaha promosi akan dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Dan sebagai makluman tambahan, Kementerian Pelancongan Malaysia telah meluluskan peruntukan sejumlah RM400,000.00 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk meningkatkan kemudahan kepada para pelancong yang datang ke kawasan ini. Peruntukan ini akan digunakan untuk pembinaan sebuah pusat penerangan, 3 buah gerai jualan dan landskap dan projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Pada era akhir 1990an banyak acara-acara yang telah dilakukan, dilaksanakan di kawasan Lata Belatan misalnya 'Tebuthon' iaitu lari ke kemuncak Gunung Tebu turun balik dan akhir-akhir ini acara tersebut sudah tidak dilaksanakan. Apakah perancangan Kerajaan untuk mempromosikan Lata Belatan dengan acara-acara sukan seperti itu di masa-masa hadapan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih atas pandangan yang telah diberikan oleh Wakil Jabi, insya Allah maknanya apa yang baik bagi usaha untuk mempromosikan kawasan Lata Belatan akan kita teruskan insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan, saya beri peluang lagi soalan tambahan, Yang Berhormat. Jika tak ada saya teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

> *Dulu Negeri Terengganu memperkenalkan berbagai slogan untuk mendidik mengubah minda dan halatuju Negeri Terengganu seperti:*
>
> *(i) Tiada Halangan Hanya Peluang*
> *(ii) Impian Menjadi Realiti*
> *(iii) Islam Hadhari Terengganu Bestari*
> *(iv) Memahat Sejarah Mencipta Tamadun.*
>
> *Apakah slogan-slogan ini akan diteruskan atau tidak?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati sekalian. Slogan-slogan ini akan digunapakai di mana yang sesuai dan akan diteruskan mengikut keperluan semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan. Saya dah lama tak mendengar lagu Impianku di dalam radio, apakah lagu ini juga tidak akan diteruskan? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, lagu Impianku diteruskan dalam majlis-majlis rasmi, saya tak tahulah RTM tak siarkan, saya harap selepas ini RTM akan terus siarkan kerana saya sendiri meminta lagu-lagu ini dinyanyikan terus kerana ianya merupakan impian kita bersama, rakyat Negeri Terengganu. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Ladang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, daripada slogan-slogan yang disebut tadi saya telahpun memerhatikan beberapa billboard yang telah dibina di sekitar bandar Kuala Terengganu yang sepatutnya dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu tetapi sebahagian daripada billboard ini macam 'Impian Menjadi Realiti' dia mempunyai lambang undi Barisan Nasional. Jadi kita kena bezakan kepentingan politik dengan kepentingan Kerajaan Negeri sebab saya yakin bajet yang dikeluarkan untuk membina billboard itu adalah dari Kerajaan bukan daripada duit parti politik. Jadi banyak billboard yang dibina ini mempunyai lambang undi Barisan Nasional. Jadi ini saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat membetulkan keadaan yang berlaku ini. Sekian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini adalah salah faham dan salah tanggapan billboard yang menggambarkan undi Barisan Nasional adalah dibuat oleh Parti Barisan Nasional tapi menggunakan slogan Kerajaan Negeri kerana ianya adalah slogan bersama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak berucap?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah, mintak dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, beri salam dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, guana Wakaf Mempelam gaduh sangat tu? Dok sampai giliran lagi, duduk dulu, katrang sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan, soalan tambahan, saya benarkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat. Jadi hak nun kena duduk dulu, duduk, duduk, Dato' Yang Dipertua benar saya. Cuma begini Dato' Yang Dipertua, soalan saya, saya terbaca, ternampak billboard yang slogannya 'Keegoanmu Membawa Padah'. Tajuk slogan tu 'Keegoanmu Membawa Padah' ada gambar bekas Menteri Besar, ada gambar bekas Exco, saya tak faham apa benda maksud dia tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tak boleh jawablah ni kerana tak tahu ini hak private buat tak tahu, tak sedar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, billboard tu merata, saya rasa hak kerajaan. Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di Wakaf Mempelam ada tak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Di Wakaf Mempelam ada?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada di satu simpang tu tapi sekarang ini takdok dah simpang tu, saya lupa dah simpang apa. Tapi gambar bekas Yang Amat Berhormat Menteri

Besar, gambar Yang Berhormat Wakil Bukit Besi rasa begitu, jadi dia tulis 'Keegoanmu Membawa Padah'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya celah sikit ni? Sebut, sebut nama saya dok sedap jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dalam bentuk soalan tambahan boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dalam bentuk soalan tambahanlah, saya nak beri penjelasan itu adalah merupakan billboard yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya untuk memberi peringatan kepada orang, jangan salah anggap gitu, cakap pelawok dok habis-habis. Mana ada di Wakaf Mempelam nak khabor beri, takdok di Wakaf Mempelam ni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak ni penjelasan ke jawab? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya belum selesai, saya kena maklum, ini tuduhan yang tidak bagus ni .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak lepas, lepaslah, Yang Berhormat Manir nak tambah pelawok pulak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak ni gila mengeram ni, hak ni gila ngeram ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak katapun Wakaf Mempelam, saya kata di salah satu simpang saya ternampak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, Yang Berhormat duduk, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, saya sebagai .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu. Saya tahu soalan ini sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat dan kita tak perlu lagilah jadi apa yang saya katakan semalam tidak bijak dan tidak bestari kita ni, ya. Saya jemput dah takdok soalan nampaknya masing-masing nak hala ke lain Yang Berhormat Wakil Tepoh, soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan program 'Ulul Albab' iaitu yang melibatkan Taska Pintar (YPK), Program Pintar Al-Quran, IMTIAZ dan Kelab Ulul Albab?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, Pemerhati, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Wakil Tepoh bertanya berkaitan dengan Program Ulul Albab iaitu yang melibatkan Taska Pintar, Program Pintar Al-Quran dan Kelab Ulul Albab. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakil Tepoh, ya, memang Kerajaan Negeri akan meneruskan Program Ulul Albab iaitu yang melibatkan Taska Pintar di bawah YPK, Program Pintar Al-Quran, Imtiaz dan juga Kelab Ulul Albab. Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana Program Ulul Albab ini merupakan suatu program yang cukup penting bagi melahirkan generasi baru dalam Negeri Terengganu. Apakah perancangan-perancangan yang sedang dan akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa program-program yang melibatkan taska sebagai contohnya kewujudan IMTIAZ sebagai contohnya untuk terus dikekalkan dan diperkasakan di masa-masa yang akan datang?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Untuk makluman kepada Yang Berhormat Wakil Tepoh, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu akan meneruskan usaha melahirkan golongan-golongan Ulul Albab menerusi Sekolah-sekolah Menengah IMTIAZ, di samping memantapkan lagi sistem pengurusan keempat-empat buah sekolah

di Dungun, Kuala Berang, Kuala Terengganu dan Besut. Usaha sedang dibuat untuk mengembangkan sekolah ini ke daerah-daerah yang lain. Insya Allah.

Ke arah memperkasakan Program Ulul Albab di kalangan para pelajar, kombinasi komponen-komponen Quranik, Ijtihadik dan Ensaiklopedik akan terus diserapkan ke dalam sistem kurikulum di IMTIAZ secara komprehensif. Seperti biasa, seperti yang telah dilaksanakan konsep BIFFAS (Baca, Ingat, Faham, Fikir, Amal, Sebar) dengan menghafal 30 juzuk Al-Quran seperti mana yang telah dilaksanakan sekarangpun akan terus diteruskan kerana pelajar-pelajar yang ada sekarang ini ada yang sebahagiannya sudah dalam Tingkatan 5 dan sebahagiannya dalam Tingkatan 4. Selain daripada itu, kita juga hendak melahirkan generasi Ulul-Albab yang berpengetahuan tinggi sebagai tempat rujukan. Mempunyai pelbagai kemahiran dan bidang ilmu serta mampu menguasai pelbagai bahasa.

Selain daripada itu, kita juga telah melaksanakan pelbagai program bahasa seperti:

(i) Kelab Bahasa Arab dikendalikan oleh guru-guru berpengalaman dari Timur Tengah.

(ii) Kelab Bahasa Inggeris juga telah kita adakan untuk memantapkan Bahasa Inggeris, guru-guru telah kita hantar ke luar negara melalui Program Confratute untuk Program SEM sebagai kursus tahunan di U.S.

(iii) Kelab bahasa-bahasa lain seperti Kelab Bahasa Tamil dan Mandarin serta Kelab ICT agar pelajar mahir dalam pelbagai bahasa dan celik IT kreatif serta inovatif.

Selain daripada itu, kita juga ingin melahirkan generasi yang berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian umat di samping mempunyai fikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi seperti yang telah kita serapkan di dalam sekolah ini iaitu berkait dengan Robotik, Solarik.

Kemudian selain daripada itu, kita mengadakan aktiviti ko-kurikulum konvensional yang tujuan kita untuk memantapkan sahsiah dan perkembangan minda dan fizikal pelajar di samping pelajar yang kita lahirkan ini adalah pelajar yang bersemangat kepimpinan, seperti ada program ko-kurikulum seperti berkuda, berenang serta memanah. Selain daripada itu, ada juga aktiviti seni mempertahankan diri, Kelab Taekwando, Silat. Selain daripada itu juga, seperti mana kelab-kelab badan beruniform seperti yang ada di sekolah-sekolah biasa.

Dan satu lagi untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian kita ada juga telah menubuhkan Kelab Ulul Albab di sekolah-sekolah. Program ini diterajui oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dengan kerjasama Pusat Minda Terengganu yang beribu pejabat di Yayasan Terengganu. Program Kebal Ulul Albab ini akan diteruskan dan penubuhannya akan dikembangkan ke beberapa buah sekolah di daerah-daerah lain selain daripada yang ada sekarang ini adalah sebanyak 12 buah sekolah yang telah menubuhkan kelab ini. Dan objektif penubuhannya adalah:-

(i) Mewujudkan pemahaman yang jelas dan mendalam kepada masyarakat dalam melahirkan golongan Ulul Albab.

(ii) Melahirkan generasi yang dapat menguasai bacaan, pemahaman dan menghafaz Quran yang baik dengan tambahan pelbagai kemahiran.

(iii) Melahirkan saintis unggul, ilmuwan dan tokoh-tokoh seperti Ibnu Sina, Al-Batani, Al-Kindi dan sebagainyalah.

Manakala program-program yang menjadi teras kepada aktiviti Kelab Ulul Albab ini ialah:-

(i) Teknologi Pembangunan Minda/Pemikiran.
(ii) Kemahiran Membaca Cepat.
(iii) Hafazan Al-Quran Juzu' Amal.
(iv) Pembangunan Personaliti/Kepimpinan.
(v) Keperibadian Berhemah.
(vi) Pembangunan Kreativiti.

Jadi itu sajalah Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Soalan tambahan saya kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baru *start* soalan satu, ke ini yang kedua ni?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ini soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sehingga kini sebenarnya Kelab Ulul Albab di luar negara sebagai contohnya Kelab Ulul Albab di Mesir. Apakah Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa Kelab-kelab Ulul Albab yang ada di luar negara ini terus dikekalkan dan di setengah-setengah tempat yang lain akan diwujudkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Insya Allah, sebab perkara yang baik itu tidak menjadi halangan kepada Kerajaan Negeri jadi penubuhan Kelab Ulul Albab di luar negeri itu mungkin kita akan kembangkan lagi, mungkin kita akan perbanyakkan lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan panjang sangat dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Pemerhati-pemerhati kita dan khususnya anak-anak kita, anak-anak sekolah tak tahu daripada sekolah mana ni dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat kita diperhatikan oleh Pemerhati-pemerhati yang hadir ke Dewan kita ini. Saya tadi tersasar jugak, saya minta maaf kepada Rhu Rendang, sepatutnya saya jemput dulu. Sekarang saya jemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah usaha yang telah diambil oleh Pentadbiran Negeri untuk mengembalikan semula perkhidmatan Pegawai Tadbir Agama kepada Perkhidmatan Negeri?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat Mulia. Soalan daripada Wakil Rhu Rendang ialah apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengembalikan semula perkhidmatan Pegawai Tadbir Agama kepada Perkhidmatan Negeri?

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam sidangnya kali yang ke-5 Tahun 2008 pada 6 Februari 2008 telah bersetuju membatalkan dan menarik balik persetujuan berkait dengan

pelaksanaan Skim Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal Ehwal Islam di seluruh Malaysia. Pentadbiran Negeri telahpun menulis surat kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk memohon Kerajaan Persekutuan membatalkan Warta Kerajaan P.U.(A) 17. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Takdok tambah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua kita pusing semula. Saya benar yang pertama dulu. Takdok tambahan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain? Terima kasih kita pergi kepada soalan ataupun wakil yang seterusnya saya menjemput Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Tahun 2008 "Tahun Melawat Terengganu". Benarkah kalau saya katakan kedatangan pelancong ke Hulu Terengganu kini semakin berkurangan. Antara puncanya yang dikesan ialah kelemahan promosi Apakah usaha-usaha akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasinya?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih soalan Wakil Kuala Berang. Tahun 2008 ialah Tahun Melawat Terengganu dan benarkah.... ini soalan daripada Wakil Kuala Berang. Benarkah kalau saya katakan kedatangan pelancong ke Hulu Terengganu kini semakin berkurangan. Antara puncanya yang dikesan ialah kelemahan promosi dan apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mengatasinya?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, andaian ini sebenarnya tidak benar dan jawapan kepadanya ialah sempena Tahun Melawat Terengganu 2008, kedatangan pelancong ke Hulu Terengganu yang telah direkodkan pada dua bulan pertama 2008 sahaja ialah seramai 22,060 orang, peningkatan sebanyak 63 peratus berbanding dua bulan pertama pada tahun 2007 yang mencatatkan seramai 13,521 orang, dan ini adalah merupakan peningkatan yang sangat positif.

Peningkatan ini tentulah hasil daripada usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan khasnya Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dalam terus agresif mempromosikan produk dan destinasi pelancongan seperti Santuari Kelah, Pulau Taman Herba, Air Terjun Lasir, Gua Bewah, Gua Taat dan lain-lain.

Usaha-usaha yang dilaksanakan adalah bagi mengekalkan momentum yang berterusan dan tambah nilai kepada promosi yang sedia ada dan seterusnya meningkat kedatangan pelancong adalah melalui pelaksanaan-pelaksanaan program promosi melalui penganjuran acara, antara lainnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua:-

- Kenyir Motocross Challenge 2008
- Kenyir International Mountain Bike Challenge 2008
- Kenyir International Triathlon 2008
- Fiesta Buah-buahan Terengganu 2008
- Kenyir Treasure Hunt 2008
- Festival Air Tasik Puteri 2008
- Terengganu International 4WD Rainforest Challenge 2008
- XPDC Gateh Tasik Kenyir 2008

Promosi telah, sedang dan akan dibuat melalui media-media cetak, elektronik dan paparan luar oleh Kerajaan Negeri yang menyerapkan elemen-elemen produk dan destinasi eko pelancongan di Hulu Terengganu seperti Tasik Kenyir dan juga Sekayu. Program-program promosi seterusnya dan juga publisiti melalui misi-misi penyertaan ekspo-ekspo pelancongan dalam dan luar negara adalah seperti:-

- World Travel Mart di London
- ITB (Internationale Tourisme Borse) di Berlin, Germany
- NATAS Travel Fair di Singapore
- MATTA Travel Fair di Kuala Lumpur
- Arabian Travel Mart (ATM) di Dubai
- International Travel Expo (ITE) di Macau/Hong Kong.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Saya dapati daripada penerangan Wakil Kerajaan tadi ialah fokus kedatangan pelancong lebih kepada Tasik Kenyir yang mana pihak KETENGAH ialah agensi yang memainkan peranan penting bagaimana pula dengan program Kerajaan untuk mempastikan kawasan-kawasan terutamanya

kawasan tinggalan sejarah juga menjadi kawasan tarikan pelancong ke Hulu Terengganu, kalau ada apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Memang banyak produk-produk pelancongan yang ada di Hulu Terengganu ini, termasuk Taman Pertanian Negeri Sekayu, Santuari Tuntung di Jenagor, Memorial Batu Bersurat di Kampung Buloh, Kuala Berang, Projek Inap Desa dengan izin *(Home Stay)* di Kampung Buloh, Kuala Berang, Taman Burung Kuang di Ajil, kawasan perkelahan Sekayu dan juga Belukar Bukit, selain dari Santuari dan gua-gua yang telah disebut seperti air terjun, tapak perkhemahan Pengkalan Gawi, Sungai Lawit, Air Terjun Saok, Air Terjun Tembat dan Petang Island Resort. Jadi keseluruhannya insya Allah, melalui promosi yang sedang dijalankan produk-produk pelancongan ini akan diberi penekanan supaya dengan sendirinya akan bertambah pelancong ke kawasan Hulu Terengganu ini, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua Yang Berhormat ya, kena mintak dulu Yang Berhormat. Soalan yang kedua?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Wakil Kerajaan tadi Batu Bersurat juga merupakan satu daripada kawasan tarikan pelancong, di mana kita di Hulu Terengganu sangat bertuahlah kedatangan Islam ke Malaysia dan khususnya di Terengganu bermula di Kuala Berang, Kampung Buloh. Jadi apa yang saya nak nyatakan di sini ialah kita sebenarnya Batu Bersurat telah dijumpai sejak tahun 1303 sehingga sekarang dah beratus tahun. Saya rasa kalau kita tengok di kawasan terjumpanya itu, saya rasa kalau nak bilang pelancong yang datangnya saya ingat boleh bilang dengan jarilah tiap-tiap hari. Maknanya tidak ada usaha yang bersungguh-sungguhlah dan soalan saya ialah apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan khususnya untuk mempastikan kawasan Batu Bersurat ini satu kawasan yang nostalgia yang begitu menarik sempena dengan tempat pertama kedatangan Islam ke Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memangpun saya sebut tadi di antara produk pelancongan di Hulu Terengganu ialah Memorial Batu Bersurat di Kampung Buloh, Kuala Berang dan kesediaan dari segi prasarana dan infrastruktur bagi semua tempat-tempat yang disebut tadipun telah ditingkat dari masa ke semasa dan mungkin secara bersama kita kena memikirkan cara dan kaedah maknanya untuk lebih ramai orang datang khususnya ke Memorial Batu Bersurat ini kerana ia mempunyai sejarah yang ini dan usaha-usaha yang bersungguh dan bersepadu perlu dibuat kerana kadangkala kehadiran orang ini sesuatu yang dengan izin *subjective* dan mungkin kita kena memikirkanlah dari masa ke semasa. Terima kasih atas pandangan Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Setuju Yang Berhormat sebab Exco inipun masuk orang Kuala Berang jugak ni, separuh Kuala Berang. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan lagi? Soalan takdok dah, cukuplah dua tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya nak tahunya Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak tahunya apakah usaha-usaha Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan yang kedua tu .... ringkas aje Yang Berhormat. Yang kedua itu tadi, dia kata nak perjelaskan sedikit usaha-usaha Kerajaan ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Di kawasan memorial tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat faham.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Itulah tadinya saya telah katakan secara keseluruhannya saya menyebut tentang produk pelancongan tapi yang khusus di memorial ini dan sebagaimana dimaklumkan masalah yang ada di sini ialah dari segi kehadiran dan kehadiran pelancong ini bukan kata tak ada produk kerana mungkin kita itulah kena sama-sama insya Allah kita memikirkan cara dan kaedah untuk membolehkan maknanya lebih ramai orang datang ke memorial. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, kita jemput soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Berapakah jumlah kos pembinaan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan mengapakah berlaku kelewatan menyiapkannya?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Kerajaan. Soalan yang pertama ditolak Yang Berhormat, soalan yang kedua menjadi soalan yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, soalan yang kedua jadi soalan yang pertama.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam saya ucap terima kasih, guana buat gelecoh rel dah soalan, jadi sayapun bolo' selalu nak belek. Jadi walau bagaimanapun terima kasih sekali lagi kepada Wakaf Mempelam kerana tidak jemu-jemu menanya saya di bawah soalan yang ingin tahu berapa jumlah kos sebenar pembinaan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan juga ingin tahu mengapa berlaku kelewatan-kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut? Terima kasih.

Jadi bagi menjawab soalan tersebut, kos pembinaan terminal baru ialah sebanyak RM130 juta dan berlaku kelewatan menyiapkan projek tersebut adalah disebabkan faktor-faktor kelewatan penyerahan sebahagian daripada tapak bina kepada kontraktor kerana keperluan untuk menguruskan Haji pada tahun 2005/2006 iaitu kawasan parking terminal lama dan surau mengakibatkan kerja-kerja piling tidak dapat dimulakan. Tarikh Milik Tapak ialah pada 22 Ogos 2005. Yang keduanya, kerja kontrak dilaksanakan secara 'fast track' untuk mencapai matlamat Kerajaan Negeri supaya pembinaan dapat dilaksanakan awal agar siap untuk Monsoon Cup yang dianjurkan pada tahun 2007 di mana pelan-pelan struktur dikeluarkan secara berperingkat dan 'detailing' kerja-kerja arkitektural juga secara berperingkat menyebabkan pelaksanaan kerja tidak berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, sasaran Kerajaan Negeri Terengganu untuk bangunan terminal baru beroperasi sebelum Hari Raya Puasa 2007 dan Monsoon Cup 2007 telah dapat dicapai.

- Pembukaan Terminal Untuk Ketibaan sahaja pada 7.10.2007 menjelang Hari Raya (Hari Raya Puasa ialah pada 13.10.2007)

- Pembukaan Terminal Untuk Pelepasan pada 28.11.2007 (Monsoon Cup adalah dari 28.11.2007 hingga 2.12.2007).

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Airport ini ada dua komponen, kalau tidak salah fahaman saya. Yang pertama, terminal. Yang kedua, runaway dia, dengan izin. Saya nak tanyanya RM130 juta yang bina terminal baru ni duit yang digunakan duit Kementerian daripada Pusat atau duit Dana Khas?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Berahi juga deh, berahi sungguh sahabat saya kalau bab pitih-pitih ni bertanya. Sebenarnya kos projek ini dibiayai oleh pihak Persekutuan, Kerajaan Pusat jadi saya tak tahulah dia ambil kut mana tu. Jadi walau bagaimanapun, yang kita mustahaknya lapangan terbang itu kita siap bina. Itu matlamat kita, pitih kut mana tu saya dok tahulah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini satu jawapan yang tidak bertanggungjawab. Kita kena tahu duit daripada mana-mana, halal ke, haram ke, sumber mana? Pasalnya begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tanya perkara ini oleh kerana airport ini dia memerlukan *maintenance* yang tinggi dan memang bila *maintenance* dan cukai airport boleh ke Pusat. Jadi saya nak mintak penjelasan siapa yang bayar *maintenance* tu

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Wakil Wakaf Mempelam, ni hak Pusat-pusat ini saya nak jawab guana halal - haram, saya dok rajin tengok. Mintak Rhu Rendang bawa ke Parlimenlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, kalau dok kata soal halal-haram, saya nak mengesah duit ini duit Kementerian ataupun duit daripada Dana Khas?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah diberitahu tadi duit Kementerian Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duit Kementerian .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, dah guana duk tanya lagi ni, kita beri jawab dah tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duit Kementerian yang guna Dana Khas Yang Dipertua, biar ada pengesahan, biar jelas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah dijawab tadi, dah dijawab tadi. Sila Yang Berhormat, soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Banyak dah, soalan ketiga dah rasanya ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Tiga soalan dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, tiga dah? Tiga soalan dah tanya saya ni, cukup dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya beri sikit untuk menjelas soalan kedua, macam mana? Jangan panjang, jangan meleret.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak tanya soalan kedua Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

pasal dia berkait. Ada saya sebut ada dua komponen, terminal dia kata RM130 juta. Saya dapat maklumat nak di*extend runaway* sampai nak tambak laut, berapa pulak hak extension tu, hak kes tambak laut berapa pulak kos tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, kalau nak tahu detail tanya semulalah lepas ni. Jangan duk buat baham rambang main tanya ikut dang bab pitih ni kan salah jawabkan jadi cerita lain pulak. Ada lagikan Persidangan lepas pada ni, tanya pulak soalan tu. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya notis. Sila soalan tambahan terakhir daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai aspek keselamatan di lapangan terbang yang dibuka itu. Tadi jawapan yang diberikan ialah pembukaannya adalah untuk kita kejar Program Monsoon Cup tapi apakah Dewan ini menyedari bahawa telah berlaku beberapa insiden di mana bumbung runtuh dan alat kelengkapan untuk membuat dan menyiapkan lapangan terbang terkena kepada beberapa orang individu termasuk jugak pekerja-pekerja *ticketing* dengan izin, MAS yang bekerja. Jadi aspek keselamatan perlu diambil kira dan saya nak tanya adakah bila buka lapangan terbang tu kita dapat CF dah ke kita dok dapat CF? Jadi kalau tidak dapat CF saya rasa itu satu tindakan yang tidak wajar dan mengabaikan keselamatan pekerja-pekerja yang bekerja dan jugak *passenger* yang datang untuk *check-in* dan jugak dan datang untuk sampai di Lapangan Terbang Kuala Terengganu, minta penjelasan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak suruh saya jawab ke soal-soal keselamatan Dato' Yang Dipertua. Saya rasa aspek keselamatan mana-mana kita kena jaga belaka, bukan sahaja di lapangan terbang, di tempat lainpun di Lapangan Terbang Kucingpun memang begitu, jadi kena tengok. Walau bagaimanapun, aspek keselamatan kita utamakan untuk Lapangan Terbang Negeri Terengganu, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan untuk soalan yang kesembilan tadi. Soalan kesepuluh saya jemput Wakil Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Bagaimana status pembangunan Taman Ilmu di sempadan Besut/Setiu sehingga kini dan bila jangkaan ianya beroperasi?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Kota Putera yang ingin tahu dari segi status pembangunan Taman Ilmu di sempadan Besut/Setiu sehingga kini.

Kemajuan kerja keseluruhan pembinaan Taman Ilmu adalah lebih kurang 20 peratus setakat hari ini. Projek ini dijangkakan siap pada penghujung tahun 2008 dan ia dijangka boleh mula digunakan insya Allah pada tahun 2009. Namun begitu, operasinya bergantung kepada institusi-institusi pengajian atau kolej-kolej yang berminat untuk menjalankan operasinya dengan menggunakan kemudahan yang disediakan di Taman Ilmu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan dan cadanganlah. Adakah dan kita memohon supaya perancangan dan juga program dibuat untuk menyediakan masyarakat di sekitar hasil daripada perkembangan yang berlaku? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Dipertua. Memang menjadi dasar Kerajaan Negeri kita bahawa apa-apa sahaja pembangunan di Negeri Terengganu, aspek-aspek kepentingan masyarakat, orang-orang kampung dan sebagainya kita akan mengambil kira dari masa ke semasa. Dan kita tengok di Besut memang akan membangun dengan adanya pembangunan Taman Ilmu ini dan secara langsung kita ambil kira dari segi kepentingan-kepentingan masyarakat dan rakyat di sekitar itu, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Dijemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Apakah jumlah Penguatkuasa Syariah mencukupi untuk menyekat gejala sosial dan maksiat yang semakin meningkat dan berapakah jumlah Penguatkuasa Syariah mengikut pecahan daerah?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Sura ialah mengenai jumlah Penguatkuasa Syariah sama ada cukup atau tak cukup untuk menyekat gejala sosial dan maksiat dan juga berapakah jumlah mereka yang ada sekarang mengikut pecahan daerah?

Jawapannya, memanglah saya ingat masa ini memang tak cukup kalau nak banding dengan gejala sosial ataupun maksiat kalau kita nak kata untuk nak hapuskan 100 peratus dan kerana itulah Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi bilangan mereka di masa hadapan dan jumlah kedudukan Penguatkuasa yang berkhidmat pada hari mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut:-

Ibu Pejabat	-	13 orang
Kuala Terengganu	-	13 orang
Kemaman	-	7 orang
Besut	-	6 orang
Dungun	-	5 orang
Hulu Terengganu	-	5 orang
Marang	-	5 orang
Setiu	-	6 orang
Jumlah	=	60 orang

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Berkait secara khusus dengan kes seorang pelajar seperti yang dilaporkan dalam Berita Harian, pelajar Tingkatan 5 yang menjalankan kegiatan menjual tubuh sehingga mempunyai simpanan lebih RM80,000.00 sejak 3 tahun lalu. Berdasarkan kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia Negeri yang berkata: Kerajaan Negeri memandang serius dan mempunyai kaedah tertentu untuk mendidik pelajar terbabit. Jadi saya nak tahu apakah kaedah yang tertentu itu kalau boleh diterangkan untuk menghentikan kegiatan yang berkaitan ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kes tadi itu saya ingat mungkin ada tindakan yang telah diambil di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, saya tak tahulah kerana itu komen daripada jabatan ataupun Exco yang berkenaan bukan portfolio saya. Tapi saya ingin

tegaskan bahawa sebagaimana yang disebut oleh Wakil Batu Burok semalam, masalah sosial bukanlah masalah politik ataupun Kerajaan semata-mata tapi ia tanggungjawab semua. Jadi kalau kita hanya nak tanya apa jabatan buat, apa Kerajaan buat kerana masalah-masalah yang berlaku dalam negara kita mungkin kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini secara baik tapi yang lebih utama selain daripada apa yang Kerajaan buat melalui proses pendidikan, apa yang Kerajaan buat melalui penguatkuasaan dan juga Penguatkuasa-penguatkuasa di kawasan-kawasan yang sering berlaku masalah-masalah ini jika kita dapat kerjasama daripada semua pihak, insya Allah perkara ini dapat dibendung daripada berlaku dan tersebar dengan lebih luas lagi. Dan kerana itulah maka dalam kes-kes begini saya rasa Kerajaan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik melalui institusi ataupun jabatan-jabatan yang ada di bawah Kerajaan. Dan kita harap masyarakat juga bekerjasama di semua lapisan dan kita harap kepimpinan di peringkat daerah, peringkat kampung dan juga pimpinan-pimpinan politik tanpa mengira parti kerana kita lihat kes-kes yang berlaku bukanlah kes-kes yang berkait dengan institusi semata-mata tapi dia menyeluruh tak kira orang PAS, tak kira orang UMNO, tak kira orang sekolah, tak kira orang kerja, tak kira apa, tindakan untuk menyekat gejala ini ataupun mengekang gejala ini merupakan tanggungjawab bersama. Jadi saya rasa Kerajaan telah buat yang terbaik dan bagi meningkatkan lagi bilangan Penguatkuasa, Kerajaan/Jabatan Agama baru-baru ini melalui SPN telahpun mengadakan temuduga dan insya Allah lepas pada ini akan ditambah lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya pohon penjelasan pihak Kerajaan supaya memberi kaedah tertentu kerana bila melibatkan kes Sufiah Yusof yang menjadi satu isu nasional bahkan isu besar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ingat benda yang sama jugak tu dah dijelas panjang lebar dah Yang Berhormat, saya rasa tak perlu lagi. Saya rasa saya nak beri peluang kepada Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal, soalan yang kedua belas.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Berapakah kos asal dan kos terkini Projek Kompleks Sukan Gong Badak dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya untuk diserahkan kepada Kerajaan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal. Beliau ingin tahu kos asal dan terkini projek Kompleks Sukan Gong Badak dan dijangka siap sepenuhnya untuk diserahkan kepada Kerajaan, soalan yang ditanya oleh Wakil Bukit Tunggal.

Bagi menjawab soalan tersebut harga asal ialah sebanyak RM361,510,326.15 dan harga terkini ialah RM543,597,252.44 dan ianya boleh dikatakan hampir siap lebih kurang 97 persen setakat hari ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tiba SUKMA yang akan diadakan pada akhir bulan ini, insya Allah dan untuk makluman Wakil Bukit Tunggal pada 10hb Mei ini Stadium Utama kita akan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kita, akan dirasmikan pada 10hb. Mei dan saya ingin menjemputlah Wakil Bukit Tunggal dan sahabat-sahabat kita dari seluruh pihak Pembangkang untuk turut hadir untuk sama-sama merasmikan stadium tersebut. Itu adalah merupakan tanda bahawa persiapan kita untuk menghadapi SUKMA akan berjalan dengan lancar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan saya yang pertama, kenapa kos begitu tinggi peningkatannya lebih kurang RM180 juta daripada harga asal RM361 juta, apa sebab-sebab yang menyebabkan penambahan kos yang begitu besar?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Sudah sememangnyalah Dato' Yang Dipertua kalau projek-projek besar sebegini, musim-musim sekarang kalau kita tengok banner-banner di tepi-tepi jalanpun banyak sekarang ini banner-banner ditulis Barisan Nasional (BN) 'Barang Naik', banyak yang dicakap barang naik, lepas tu 'boleh nyior' ada yang kata jugak ke Barisan Nasional macam-macam. Jadi projek ini, stadium kita ini akibatnya barang naiklah, besi, kos barang-barang binaan. Lepas tu pertambahan fasiliti, kemudahan sukan lain seperti boling daripada 24 lorong kepada 48 lorong. Lepas tu kerja-kerja tambahan seperti tambahan kos kepada bumbung, atap dia dan sebagainya dan pertambahan kos kerja-kerja elektrik, wiring dan sebagainya

dan kerja-kerja luar, penyelenggaraan jalan dan kos-kos lain yang perlu diambil kira. Jadi itulah menyebabkan pertambahan kos daripada sedia ada kepada harga terkini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek aje Yang Berhormat. Jalan ke lain pulak deh.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dok, dok gi ke lain sini aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya yang lain daripada yang tadi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang pertama sekali pada/selepas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar angkat sumpah dua hari selepas tu kalau tak silap saya, pergi melawat ke kompleks sukan dia kata harga RM450 juta, hari ini dah jadi RM545 juta pulak. Jadi itu satu persoalanlah, kalau tambah harga barangpun saya ingat 40 peratus kenaikan harga barangpun kompleks sukan tu bukan dibuat tahun 2007, buat tahun 2005 lagi dan patut siap September 2007 dan ditambah, dilanjutkan tempoh siapnya. Yang berikutnya ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan akan merasmikan Stadium Utama pada 10hb. Mei, hari ini tak siap lagi 97 peratus, jawapan hari ini, jawapan semalam 99 peratus. Adakah pihak JKR telah memastikan keselamatan stadium ini takut jadi runtuh macam di tempat lain, bahaya tu Sultan nak mari ni, Agung mari. Jadi dalam masa tiga hari ini macam mana tu, dang ke dok nak *check* selamat ke dok selamat tu, siappun belum lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, hak yang kita nak rasmi ini Stadium Utama bukan Kompleks Sukan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Stadium Utama semalam 99 peratus siap, ada jawapan semalam.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dok eh, siap dah, siap belaka dah gi tengok .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): 99 peratus dok siap lagi 100 peratus ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi peluang Wakil Kerajaan untuk jawab.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Wakil Bukit Tunggal jangan susah hati, kita akan buat belaka, keselamatanpun kita jaga, kita jaga orang kita ni, tak boleh kalau tak jaga, kena jaga, kena ambil tahu belaka, jangan susah. Insya Allah, kalau sama-sama Bukit Tunggal berganding bahu dengan kita, Allah Alhamdulillah. Jadi matlamat kita oleh Duli Yang Maha Mulia ini akan tercapai, wallahuwa'alambissawab. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, kalau boleh saya faham daripada jawapan Kerajaan tu sebenarnya Kompleks Sukan tu mengandungi beberapa komponen termasuk Stadium Utama yang dikatakan oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Yang Dipertua, cuma saya nak pastikan Stadium Utama sendiri sebagaimana dijawab semalam 99 peratus sahaja .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, cukup Yang Berhormat. Jawapan Yang Berhormat dah terang lagi nyata. ..... (Dewan Gelak) .... Saya duk tengok jam tadi ingat nak beri *round* yang kedua. Kita dah ada 12 soalan, walau bagaimanapun kita dah tepat 1 jam, kurang 1 minit. Kita dah 1 jam mendengar Soalan-soalan Lisan dan dijawab Wakil-wakil Kerajaan sebentar tadi, jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan satu Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang berbunyi: Saya memohon izin dan mencadang untuk

mengemukakan satu Usul di Bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan iaitu cadangan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih Laporan Kajian Projek-Projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan Negeri Terengganu Dari Tahun 2004 Hingga 2008.

Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pembangkang pernah mendedahkan projek-projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan di negeri ini yang dilaksanakan tidak mengikut peraturan dan perbelanjaan tidak dikemukakan untuk diaudit seperti dilaporkan dalam Buku Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2005 dan 2006. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengaku wujud salahguna dan penyelewengan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kementerian. Banyak projek yang dijalankan tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri, tidak mengambil kira keperluan dan keutamaan sebenar rakyat negeri ini dan jelas membazir. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyediakan Kertas Putih dan dibentangkan kepada Dewan Undangan Negeri yang mulia ini hasil kajian terperinci semua projek-projek Dana Khas Persekutuan di negeri ini. Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya tangguh dulu mesyuarat kita pagi ini untuk minum pagi dan kita masuk semula ke Dewan Mesyuarat ini pada pukul 11.00 pagi tepat.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

Pukul 11.00 Pagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Mesyuarat kita disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, saya telah menerima satu notis di Bawah Fasal 30 Peraturan Dewan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kawasan Ladang dan usul ini atau cadangan ini telah dibaca oleh Yang Berhormat sebagaimana yang kita dengar sebentar tadi. Setelah meneliti dan melihat secara menyeluruh cadangan yang dikemukakan ini di bawah fasal yang berkenaan, saya dapati ketepatan kepada Fasal 30 iaitu pertamanya, perkara-perkara tertentu, memang perkara ini perkara tertentu juga ia melibatkan kepentingan orang ramai dan perkara yang ketiga, adakah perkara ini mustahak? Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa telah sedia ada satu jawatankuasa khusus dan bersama di peringkat tinggi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang mengurus dan mentadbir serta memantau perkara yang berkaitan manakala oleh sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita masih baru sahaja memegang tampuk pemerintahan negeri jadi adalah lebih adil kita fikirkan, kita beri masa kepada beliau untuk mengenali juga seterusnya mengurus mengendali bersama-sama dengan Kerajaan Negeri kepada isu yang berbangkit ini demi untuk kebaikan dan apa yang dihasratkan jugak dalam Usul yang diberi oleh Yang Berhormat Ladang tersebut. Maka pada hemat saya ialah tidak perlulah disegerakan dan saya membuat keputusan untuk menolak Usul ini.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang sampailah masa untuk kita memberi peluang kepada Wakil-wakil Kerajaan untuk menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dua hari, hari ini dan hari kelmarin. Jadi untuk tidak melengahkan masa saya menjemput bermula dengan wakil jika adalah daripada Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dif-dif jemputan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih di atas peluang yang diberikan, jadi saya memohon izin untuk memberikan sedikit maklum balas semasa bahasan oleh Ahli-ahli Dewan semasa Usul Merakamkan Penghargaan Dan Terima Kasih kepada Yang Teramat Mulia Penasihat Pemangku Raja. Perkara yang pertama adalah yang ditimbulkan

mengenai semburan asap ataupun *fogging* dengan izin, yang telah dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Dewan yang dikatakan dibuat sebelum Monsoon Cup di Pulau Duyong. Jadi saya dimaklumkan sebenarnya bahawa memang ada kes Denggi di Pulau Duyong dan Pulau Ketam sebelum bermulanya Monsoon Cup di sana, jadi ada kewajaran kita melaksanakan *preventive fogging* ataupun semburan asap pencegahan kerana kes. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar kita atau amalan kita Jabatan Kesihatan untuk melaksanakan aktiviti *fogging* di kawasan-kawasan yang kita jangka akan ramai orang awam akan bertumpu ke suatu tempat khususnya sekiranya ada kes Denggi berlaku di kawasan itu. Jadi tujuan membuat *fogging* ini adalah yang utamanya untuk memberi semburan yang boleh mengakibatkan nyamuk mati sama ada dengan serta merta ataupun dalam tempoh 24 jam secara perlahan-lahan mereka mati dan ini secara *directnya* boleh mengurangkan populasi nyamuk dan memberi keselamatanlah kepada pengunjung-pengunjung di kawasan tersebut daripada .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan Yang Berhormat dari Bukit Tunggal, boleh?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya pohon penjelasan, semburan yang dibuat semasa berlakunya Monsoon Cup dan saya dapati daripada orang kampungnya tidak ada kes di Duyong Kecil demam Denggi ketika itu dan *fogging* dilakukan hari-hari, adakah ini amalan Kementerian Kesihatan *fogging* hari-hari? Setahu saya *fogging* selang 14 hari, jadi kalau buat hari-hari ini memang bertujuan lainlah bukan bertujuan untuk mengelakkan penyakit berjangkit tapi untuk bunuh semua nyamuk. Kalau gitu rumah sayapun pergi jugaklah, banyak nyamuk jugak.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. *Fogging* hari-hari tetapi tidak di lokaliti yang sama, dia di tempat yang berbeza.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, di Kampung Duyong Kecil hari-hari, ini *complaint* orang kampung bukan di kampung lain-lain, Kampung Duyong Kecil sebelah dengan Monsoon Cup.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Barangkali kampung tu besar jugak walaupun Duyong Kecil ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dia kecil, namapun kecil.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Dia di Pulau Duyong ada 8 kes Denggi di Pulau Duyong, jadi saya rasa itu mungkin silap faham laporan yang diberi kepada Yang Berhormat dan kita ada satu kes di Pulau Ketam. Sebabnya *fogging* paling cepatnya antara satu-dua hari baru kita ulangi dan selalunya kita akan *repeat* balik seminggu sebab Malathion punya kesan itu berkesan sehingga seminggu. Jadi tujuannya adalah untuk melindungi orang ramai, begitu jugak dalam Pesta Sukan SUKMA yang akan datang insya Allah, kita akan juga melakukan *fogging* di kawasan-kawasan/lokaliti yang kita rasa perlu kerana ini adalah untuk mengurangkan populasi nyamuk bagi pencegahan penyakit-penyakit bawaan nyamuk seperti khususnya Demam Denggi Berdarah mahupun Malaria. Jadi itulah sedikit penjelasan yang ingin saya berikan kepada perkara yang berbangkit itu. Kemudian ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Dato' Yang Dipertua. Saya rasa dengan *fogging* kawasan Duyong Kecil ataupun kawasan lain, yang puncanya longkang tidak ada, air bertakung, itu puncanya. Kalau setakat kita tak selesaikan punca, duk *fogging* setiap haripun nyamuk takkan habis.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya rasa itu dah lari daripada tajuk sebabnya yang kita bahaskan adalah *fogging* semasa Monsoon Cup. Kalau *fogging* pada waktu lain tu kita bergantung kepada ada atau tidaknya kes di kawasan tersebut. Jadi kita akan membuat perkara yang sama sebelum Sukan SUKMA nanti untuk mengelakkan ataupun mencegah penyakit-penyakit bawaan nyamuklah.

Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, perkara yang kedua yang ingin saya beri reaksi di sini ialah berkait dengan isu laporan Akhbar Metro yang mengatakan Pesta Liar di Pulau Perhentian, kebetulan kawasan saya. Jadi saya melihat ini adalah sebagai laporan lewat. Harian Metro melaporkan sehari sebelum sempena Lawatan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja ke Pulau Perhentian dan laporan itu adalah dua minggu lewat daripada perkara yang sebenarnya dan saya rasa ada unsur-unsur politik yang ingin diambil kesempatan di sinilah. Jadi saya mendapat maklum bahawa yang dikatakan Pesta Liar ini berlaku bukan dibuat oleh orang tempatan, ianya adalah daripada pelancong-pelancong Cina Singapura yang pergi melakukan aktiviti diving di kawasan Pulau Perhentian dan pada hari akhir sebelum mereka balik mereka telah menyewa salah satu tempat di kawasan

pelancongan di Pulau Perhentian untuk mengadakan parti sebelum baliklah. Jadi kebetulan mungkin atas untuk memeriahkan suasana pelancong tadi ramai pelancong-pelancong orang Eropah juga dijemput untuk hadir bersama di dalam parti itu. Jadi orang Cina, Mat Salleh biasalah pada pandangan saya mereka minum minuman keras dan tak adalah penduduk tempatan yang terlibat. Cuma memandangkan pesta itu dianggap sensitif itulah dilaporkan di dalam akhbar.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Exco, apakah apa yang didedahkan oleh wartawan Metro ini silap dan bohong dengan sebab beliau menyebut ada pasangan baik sesama Melayu, Melayu-bukan Melayu ataupun Melayu dengan bangsa asing, saya mahu penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Exco menyatakan bahawa memang apa yang didedahkan oleh wartawan Metro ini bohong dan silap?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya sendiripun tidak ada di pesta itu, saya tidak dapat mengesahkan secara hakikinya laporan itu benar atau tidak. Cuma saya dimaklumkan bahawa orang tempatan yang mungkin terlibat adalah budak-budak yang memandu bot (teksi) dia panggil teksi di Pulau Perhentian yang membawa orang daripada pantai ke pantai. Dan dari segi pasangan Melayu itu saya tidak mahu *speculatelah* benda itu. Insya Allah, kalau benda itu ada kewajarannya bolehlah Yang Berhormat membuat surat rasmi ke atau apa-apa rasmi ke yang kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya sebabnya selepas pada laporan itu, kebetulan pada hari laporan itu sendiri saya berada di Pulau Perhentian bersama dengan Pegawai Agama Daerah dan saya telah minta Pegawai Agama Daerah pergi menyiasat seberapa segera dan kita juga telah meminta pihak Polis untuk mengambil tindakan dan saya difahamkan pihak Polis Daerah Besut telah memanggil pengusaha chalet yang kawasan terlibat itu memberi amaran supaya perkara ini tidak berulang lagi dan walaupun kawasan ini disewa oleh pihak lain .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan ....

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Mintak saya jelaskan sekejap, lepas tu boleh .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri peluang Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): ..... diberi sewa kepada orang lain apa-apa function yang nak dibuat di kawasan mereka hendaklah mendapat permit daripada Jabatan Polis ataupun mendapat kebenaran daripada Majlis Daerah ataupun Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Jadi kita harap dengan tindakan pihak Polis dan Pihak Berkuasa Tempatan, perkara ini tidak berulang pada masa-masa akan datang. Dan kita di pihak Kerajaan Negeri Terengganu memandang serius perkara ini dan kita juga telah memberi peringatan kepada pengusaha-pengusaha chalet di kawasan lain supaya perkara ini tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Jadi perkara yang ketiga yang ingin saya *respond* Yang Berhormat Mulia ialah mengenai permintaan Yang Berhormat ADUN Jabi dalam isu-isu kebersihan makanan. Jadi Jabatan Kesihatan dengan kerjasama dengan jabatan-jabatan agensi yang berkaitanlah kita ingin menyerulah supaya semua rakyat, jabatan-jabatan serta agensi-agensi awam terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO untuk sama-sama mempergiatkan usaha supaya Budaya Bersih dan Indah sentiasa menjadi amalan harian penduduk kita. Begitu jugak kepada Yang Berhormat ADUN Ladang, saya dengar semalam ada rungutan dari segi kebersihan jadi insya Allahlah kalau ada permohonan daripada Yang Berhormat Ladang kita boleh sama-sama menggembleng tenaga untuk membuat aktiviti kebersihan di kawasan Yang Berhormat Ladang mahupun Yang Berhormat yang lain kerana kita memandang serius masalah Denggi masa ini di dalam Negeri Terengganu ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, yang saya sebut kelmarin tu ialah tentang Monsoon Drain dia besar, jadi dia tak boleh buat begitu, orang ramai nak buat gotong royong tu tak boleh, dia kena Pihak Berkuasa, mungkin Majlis Bandaraya ataupun sesiapa ajelah tapi dia kena buat secara *proper* bukan untuk gotong royonglah sebab Monsoon Drain itu dia besar dan di Monsoon Drain itu dia ada drain pulak dalam tu satu lagi yang itu terkambus. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, sebab ini sidang kita yang pertama mungkin ramai daripada kita yang baru, bila nak mintak penjelasan bila Wakil Kerajaan berucap kelulusan atau kebenaran tu Wakil Kerajaan yang beri ataupun yang berucap itu beri, saya ni jadi tukang inilah. Jadi kita mintak orang ni beri, saya benar. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Jadi insya Allah, apa-apalah mengenai kebersihan ataupun yang berkaitan dengan kebersihan dalam kita menceriakan keadaan kebersihan ataupun mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk-nyamuk Aedes kita sentiasa ingin membantulah. Itu ajelah untuk makluman Yang Berhormat.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan adalah oleh Y.B. Jabi mengenai pengesanan penyakit-penyakit payudara dan penyakit-penyakit kanser prostat. Jadi memang ini kita sentiasa menggalakkan, kita mengadakan kempen-kempen kesihatan di seluruh pelosok negeri. Malah, pada 8 hingga 10 haribulan inipun kita akan mengadakan satu *National Seminar* mengenai *breast cancer* dengan izin, di Heritage Bay Club di Pulau Duyong dan kita jemputlah kepada semua seluruh masyarakat sama ada kaum wanita mahupun lelaki bersama-sama mendengar seminar ini yang akan dirasmi dan ditutup oleh Yang Amat Berbahagia Isteri Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi insya Allah, daripada masa ke semasa kita akan mengadakan kempen untuk mengesan lebih banyak penyakit daripada masa ke semasa.

Isu yang seterusnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, adalah mengenai Dewan Bedah Hospital Daerah Jertih. Jadi ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Bedah Hospital Daerah Jertih ini sudah lama pelaksanaannya, walau bagaimanapun atas masalah-masalah teknikal ia berlarutanlah. Dan saya baru sahaja minggu lepas pergi melawat ke Dewan Bedah Hospital Daerah Jertih ini dan saya dapati pembaikian kecacatan kerja-kerja dan kerja-kerja pembaikian kecil yang dibuat oleh Radicare telahpun siap pada akhir tahun lepas dan sekarang pihak hospital sedang menunggu untuk Pemeriksaan Ujian Kaji Kuman *(Microbiological Test)* dengan izin, dan *Clean Room Test.* Jadi bila selesai sahaja ujian ini insya Allah, Bilik Bedah ini akan boleh beroperasi insya Allah pada tahun ini dan kita akan mulakan dengan pembedahan-pembedahan *minor* yang elektif yang akan dibuat oleh *team* pembedahan daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah daripada Kuala Terengganu. Dan selepas itu kita akan up-gradekan dari segi pengisian dan insya Allah kita akan dapat melaksanakan sepenuhnya *operation* pada tahun hadapan dan ini akan dapat banyak membantulah pesakit-pesakit di Daerah Besut sendiri, di Daerah Setiu mahupun di Daerah Pasir Putih di sebelah Negeri Kelantan.

Yang akhir sekali Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok mintak Yang Berhormat, boleh?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Apa tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia mintak penjelasan, boleh?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Ya, ya, sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dihormati, saya ingin mendapat penjelasan tentang *lack of bed* di Hospital Sultanah Nur Zahirah, di mana wad-wad Kelas 3 untuk pengetahuan Yang Berhormat Exco mengalami kekurangan katil untuk pesakit-pesakit. Tadi kita bercakap soal *Operation Room*, sekarang ini masalah kesesuaian kepada pesakit-pesakit di wad-wad Kelas 3. Saya ini boleh dikatakan tiap-tiap minggu ke hospital dan berkunjung menemui pesakit-pesakit di hospital. Jadi kita merasa sedih melihat kekurangan katil di wad Kelas 3 di Hospital Sultanah Nur Zahirah yang mana saya difahamkan kekurangan hampir 100 *bed* ataupun katil di wad Kelas 3 di mana kalau Yang Berhormat pergi melawat saya tengok katil-katil itu rapat antara satu sama lain dan di tempat laluan orangpun diletakkan katil-katil. Jadi kesian kepada rakyat Terengganu yang miskin di wad Kelas 3 dan *treatment* yang mereka dapat dalam keadaan begitu saya rasa *very minimum* dalam keadaan kekurangan katil-katil itu. Diharap kita dapat beri perhatian yang serius tentang hal ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok kerana atas keprihatinan dan kecaknaan dan atas lawatan setiap minggu ke hospital HSNZ ini. Insya Allah, sekarang pihak hospital HSNZ sendiri kita banyak membuat pembaikian-pembaikian dan penambahan-penambahan malah sekarang ini Unit Psychiatric juga kita telah pindahkan kepada Hospital Daerah Hulu Terengganu kerana kita sedang membuat *renovation* (ubahsuai) di HSNZ. Jadi insya Allah, selepas ini saya akan beri perhatian kepada projek-projek wad-wad tambahan di HSNZ. Saya difahamkan memang ada dipohon dalam RMK-9 untuk tambahan wad di HSNZ tapi oleh sebab saya tidak bersedia untuk *detailnya* jadi saya tak dapat maklumkan dan insya Allah kalau Yang Berhormat ingin keterangan lanjut bolehlah menulis kepada saya, saya akan jawab sama ada secara peribadi ataupun melalui

saluran-saluran yang mana boleh kita salurkan. Jadi satu lagi perkara yang ingin beritahu di sini ialah mengenai Hospital Daerah Dungun yang juga semalam disebut di dalam perbahasan. Jadi memang katil tu adalah sedikit, 92 sahaja tetapi *set-upnya* begitu dan kita memang melihat serius masalah ini dan kita telahpun memohon hospital yang baru di Dungun dalam RMK-9 dan sudahpun diluluskan, cumanya menunggu pelaksanaannya sahaja. Insya Allah, dengan kenaikan taraf Daerah Dungun sebagai Bandaran nanti saya rasa Hospital Daerah juga akan naik taraf dan diberi tempat yang lain dan menunggu pelaksanaannya sahaja. Jadi itulah yang dapat saya maklumkan kepada Dewan yang mulia. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Dipersilakan Wakil Kerajaan yang lain. Telemong, sila.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya sidang hadirin yang saya kasihi sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan juga penghargaan kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan kerana telah diberi mandat yang baru oleh kepimpinan untuk menerajui Dewan yang mulia pada hari ini dan pada kali ini. Di samping itu juga, saya mengambil kesempatan di sini sebelum saya masuk kepada penggulungan, apa yang telah diberitahu oleh rakan-rakan kita terutama Pembangkanglah yang paling banyak semalam yang kita dengar ucapan-ucapan sebahagian besarnya, majoriti yang keseluruhanlah Wakil Pembangkang berucap semalam berapi-api dan kita melihat bagaimana telatah mereka semalam dan ramai orang yang menonton apa yang mereka cuba bangkitkan di sini kerana apa yang kita melihatkan mereka cuba nak memutar belitkan fakta untuk kepentingan politik sempit PAS. Sebenarnya tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian, sebenarnya Wakil-wakil Pembangkang ini dia bercakap semalam seolah-olah dia telah menang dalam Negeri Terengganu ini secara total dan keseluruhan. Apa yang ingin saya jelaskan di sini bahawa UMNO masih relevan dan tetap kuat di Terengganu .....(Tepukan Sokongan). Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian, semalam juga kita ada mendengar bagaimana mereka cuba nak menutup akan kemajuan-kemajuan dan juga kejayaan-kejayaan yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh 4 tahun yang lepas Kerajaan Barisan Nasional kembali memerintah selepas 4 tahun PAS memerintah Negeri Terengganu. Apa yang dibicarakan dan telah diucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja pada pagi dua hari yang lepas

dan memang mengakui dan memang telah membaca satu persatu bahawa ini adalah kejayaan Kerajaan Barisan Nasional. Dok kiralah kalau orang PAS nak main isu bahawa dulu dia main isu hari ini dia duk memuja-muja kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru dan kita tahu sebenarnya keadaan dan kedudukan PAS yang sebenar dan dia cuba nak mengelirukan keseluruhan rakyat Negeri Terengganu pada hari ini. Apa yang kita lihat dengan jelas dan kepimpinan kita memang jelas hari ini, soal dia mengeluarkan fakta mengatakan bahawa kita penderhakalah macam-macam dia buat keluar. Sebenarnya saya nak beritahu kepada tuan-tuan, dalam konteks Malaysia pada hari ini siapa dia sebenarnya yang menjaga Institusi Kedaulatan Raja-Raja Melayu di Malaysia pada hari ini? Adakah orang PAS? Adakah orang UMNO sebenarnya yang memelihara Institusi Diraja ini, dan hari ini saya nak tanya apa pendirian Pas terhadap kepimpinan parti di Malaysia pada hari ini berkaitan dengan isu yang dimainkan oleh DAP terutamanya menghina Institusi Diraja, pasal apa senyap-tupas, jelaslah retek. Ini dok kalau hala ke orang deras cakap. Saya nak jelaskan kepada tuan-tuan bahawa sebenarnya keadaan baru-baru ini memang kita akui kita sebagai kepimpinan UMNO dan hari ini kita memang kena akui bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru insya Allah akan meneruskan perjuangan yang akan menentukan kesinambungan perjuangan yang lepas kerana nak mempastikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang barupun bersama bertanggungjawab dengan Kerajaan yang ada pada hari ini dan insya Allah saya yakin dan percaya beliau tetap dapat meneruskan pembangunan di Negeri Terengganu ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan? Sila, sila dia beri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Siapa yang menaikkan kain rentang seperti yang terpapar dalam kemelut pilihan Menteri Besar Terengganu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita sebenarnya soal naik kain rentang tu, kita sendiripun tidak nak dan kita sendiripun kita tidak pernahpun mengarahkan sesiapa menaikkan kain rentang yang menghina Institusi di Raja kita. Saya nak beritahu berapa kali orang PAS .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua mintak penjelasan .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Eh! Nantilah dulu saya nak jelas ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Mintak penjelasan. Saya nak tanya siapa?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Manalah saya tahu, pergilah tanya Polis tu, Polis adakan. Nak tanya saya macam saya jaga keselamatan pulak belaka semua. Ni saya nak khabor Yang Berhormat, saya nak beritahu bahawa berapa kali sebenarnya kalau PAS kata dia sangat menghormati Institusi Raja berapa kali dalam khutbah dia, dia baca doa kepada Raja? Dok baca sekali habukpun. .....(Tepukan Sokongan) ..... Takdok mendoapun kepada Raja-Raja Melayu. Doksoh nak cakaplah, nak memutarbelitkan fakta kepada rakyat, yang dia duk buat keluar isu, hari ini dia buat keluar isu berkaitan dengan soal kemiskinan. Soal kemiskinan ini kalau kita nak bincang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita nak bincang sampai Qiamatpun tak selesai. Soal kemiskinan ni, dulu orang miskin RM300 miskin, Manir. Hari ini RM500pun miskin ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 500 ringgit?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tahun depan nun RM1,000pun miskin lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ringgit Malaysia.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ringgit Malaysialah. Pendapatan RM1,000 miskin lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan kalau di Amerika mungkin RM2,000 tu orang miskin lagi. Ni kalau nak bincang soal kemiskinan sebab tu dalam Islam sendiripun ada kaedah wajib bayar zakat, saya ni tak berapa pandai mana Ketua Ulama tapi saya tahulah sebab kita tahu hal kemiskinan ni sentiasa akan ada walaupun kita isytihar Bandar Raya di Negeri Terengganu ni. Ni bila kita isytihar Bandar Raya duk cari benda hak kleset-kleset celah-celah tiang, nak cari hak mana salah. Bukannya kita royat isytihar hari ini Bandar Raya seroooh....., siuung..... selalu. Kriteria mengisytihar Bandar Raya ini ada kriteria-kriteria dia, bila cukup kriteria tersebut maka sesebuah ibu negeri itu layak kalau kita nak isytihar bandar rayapun dan hari dengan jelas kita boleh tengok bagaimana Bandar Raya Kuala Terengganu jauh kalau nak banding dengan zaman PAS memerintah Terengganu dulu. Tuan-tuan tengok sendirilah, ketua-ketua jabatan ada belaka, Pemerhati ada belaka. Apa yang kita nak cari hak di belakang rumah ni, hak belakang bangunan ni, tengok gok hak molek retek. (dalam loghat Kuala Berang) .... (Dewan Gelak) .... Guana keluar dah? Saya minta maaflah, sayapun kadang-kadang tersasul jugak. Sebab apa yang kita nak cari kelemahan? Sebab semalam saya tengok Alhamdulillah, mula-mula berucap semua Wakil Pembangkang memberitahu kita bahawa kita akan

mengkritik Kerajaan kalau benda yang salah dan kita cuba cari demi untuk kepentingan rakyat. Sebenarnya masalah hari ini Pembangkang bukan kritik demi kepentingan rakyat, dia mengkritik demi kepentingan parti politik dia sahaja, itu sahaja tidak ada sebab yang lain. Yang Berhormat Manir semalam ada menyebut pulak dia kata orang hulu ini tak berapa cerdik. Saya nak khabor Yang Berhormat: Eh! Hak dok berapa cerdik dalam Dewan ini cuba bilang orang hulu ramai mana? Dok tahu cerdik ke doknya, bilanglah. Maknanya saya nak khabor bahawa orang hulu ini lembut Yang Berhormat, lemah lembut, comel pulak tu dan baik. .....(Dewan Gelak) .... Tengoklah Yang Dipertua Dewan comel jugak, Yang Berhormat Dato' Rosolpun comel, Yang Berhormat Kuala Berang comel, sayalah hak rendah sikit sebab kita mandi air jernih. Ni nak khabor Manir ni, mandi air atas nun jernih turun ke Manir keruh sikit sebab itu muka Yang Berhormat keruh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Datuk Bandar Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Datuk Bandar Raya Pesisir Pantai?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok kiralah, maknanya bilanglah, saya nak suruh Yang Berhormat Manir bilang, tak apalah kurang cerdikpun sebab itu saya kata siapa dia orang Hulu Terengganu hak pangkah Yang Berhormat Manir masa dia bertanding Parlimen mula berdosa saya rasa sebab dia hina sokmo orang hulu dalam Dewan ni. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir mintak penjelasan Yang Berhormat? Sila Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pasal kadang-kadang air Sungai Manir itu keruh pasal mari belah alik hulu nun jadi keruh kalau dok jernih molek. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sebab tu saya khabor dah wajah dok berapa jernih tu. Kita mandi air segar, air terjun sokmo Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya bagi tahu bahawa kita hari ini orang Hulu Terengganu kita orang berbudi bahasa: Orang berbudi, kita merasa. Orang memberi biarlah kita reti bahasa. Ni dok, orang beri

tanggung kita sekolah, tanggung kita belajar, beri kita sistem pendidikan sama rata, ni duk kutuk pulak sistem pendidikan yang ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti gok dulu, guana yang bekeng sangat tu nak marah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan marah, nak celah aje Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, dia beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bab beri bantuan sekolah, orang miskin, semua beri, Kerajaan PAS dulupun beri tapi bezanya orang Barisan ini kena ingat orang beri ke kita bukan harta mak-bapak dia tu, harta Kerajaan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Satni kata zaman PAS mula beri jugak royat hak dia jugak, macam Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita dok kempen dia, kita beri ni adalah duit tuan-tuan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dan kita dok kempen jugak, kita khabor bahawa UMNO yang beri ni, ingat jasa orang tu. Eh! Yang Berhormat Manir, saya nak beritahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan UMNO Kerajaan. Kerajaan yang beri, kalau kata UMNO yang beri salahlah dia ambil duit Kerajaan, tak betullah.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah Kerajaan hak ada tu siapa dia, cuba royat Kerajaan hak ada hari ini siapa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya cakap betul kalau duit UMNO bagi kerana dia jadi Kerajaan di atas nama Kerajaan bukan nama UMNO, kalau atas nama UMNO salahlah guna duit Kerajaan. Maka kalau macam tu banyaklah UMNO guna duit Kerajaan tapi dia kata UMNO beri, ini suatu penyelewengan dalam penggunaan wang negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Duduklah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, sekejap duduk. Manir, Telemong, saya ingat tak perlu lagi dah kita nak .... sebab ini penggulungan, pengurusan masa sangat penting teruskan ucapan Yang Berhormat dan tumpu kepada asas-asas yang hendak diberitahu kepada Dewan ini.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya sebenar-benarnya saya nak memperbetulkan fakta kerana dia orang ni bila dia tahu kita ada siaran langsung dia orang gomol sungguh hatilah kelmarin, tambah pulak kita ni bukan senyap kita ni sebenarnya kita nak tengok telatah dia kekgi tengoklah kita tang belaka puak-puak kita ni tapi kelmarin kita nak tengok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sedap sangat kelmarin duk bersyarah, macam-macam duk kata ke Kerajaan, UMNO macam seolah-olah takdok benda yang UMNO buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, kita nak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Duduklah dulu, nanti, giliran saya ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita nak tunggu dia hentam kitalah, kita nak tunggu, kohor kita nak tunggu, takdok nak hentam kita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir .... dia dok beri laluan. Telemong dok beri laluan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Guana yang merah muka Manir, guana naik darah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, sila, sila.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya juga ucap terima kasihlah, tak apalah saya akan teruskan kepada penggulungan saya. Banyak lagi sebenarnya, saya kalau sebut dengan berhujah dengan orang PAS ni gerak tengah malam tak apa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, pagi semalam saya ingin menjawab beberapa soalan berkaitan dengan portfolio saya, pertanian. Pertamanya yang telah diberitahu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cikgu Awi, Yang Berhormat Kuala Berang, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap industri pertanian di Kuala Berang kerana kita tahu Kuala Berang dan Hulu Terengganu khususnya penduduk-penduduk Kuala Berang bergantung banyak kepada pertanian. Memang sudah menjadi keutamaan dan prioriti Kerajaan untuk memberi sejumlah peruntukan yang agak besar kepada petani-petani di seluruh Negeri Terengganu sebenarnya. Bagi padang ragut di Padang Ipoh, Yang Berhormat Kuala Berang, insya Allah pada tahun ini kita akan bangunkan padang ragut tersebut sebagai pusat pembakaan dan pembiakan ternakan untuk dibekalkan bukan sahaja di Negeri Terengganu dan insya Allah ke luar daripada Negeri Terengganu. Dan insya Allah, di bawah peruntukan ECERpun kita mempunyai sejumlah peruntukan yang besar untuk membangunkan padang ragut di Padang Ipoh tersebut. Selain daripada itu, pertanian juga akan memberi tumpuan sebagaimana yang diberitahu bahawa untuk menanam padi di Kuala Berang dan juga di daerah-daerah lain, Daerah Hulu Terengganu kita akan mengusahakan tidak kurang daripada tanah-tanah yang sesuai untuk tanaman padi ini lebih kurang 2,175 hektar dan insya Allah kita akan usahakan bermula daripada tahun depan. Begitu juga setakat ini kita akan memperkasakan penanaman jagung hibrid di Hulu Terengganu yang mana untuk mencapai sasaran Kerajaan Negeri bahawa kita akan mengusahakan sasaran kita 400 hektar penanam jagung di seluruh Negeri Terengganu yang kita sasarkan di peringkat permulaan. Kerana kita yakin dan percaya dengan penanaman jagung hibrid ini akan meningkatkan pendapatan tambahan kepada petani-petani yang mana kalau mengikut jadual yang tepat petani-petani insya Allah akan mendapat RM800 hingga RM1,000 pendapatan sebulan. Selain daripada itu juga, saya juga tertarik dengan ucapan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Tunggal kerana atas keprihatinan beliau dalam usaha untuk menyarankan Kerajaan agar membuka lebih banyak Lesen-lesen Laut Dalam. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa pada masa sekarang ini memang dasar Kerajaan Negeri akan dan telahpun membuka permohonan untuk Lesen Nelayan Laut Dalam. Hari ini kitapun sudah ada 70 pelesen di seluruh Negeri Terengganu dan masih ada lagi pelesen-pelesen, pemohon-pemohon yang kita dalam proses untuk diluluskan. Pun begitu saya ingin jelaskan bahawa permohonan-permohonan ini mestilah dibuat atas nama

syarikat antara enterprise ataupun sendirian berhad, atas nama individu memang kita tidak menepati peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan. Dan juga .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal mintak penjelasan? Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Apa yang saya maksudkan semalam bukan setakat lesen tetapi untuk orang miskin nelayan ni dia nak buat bot sendiripun takdok pitih. Dia kalau hak Monsoon Cup habis RM300 juta setahun tu berilah RM100 juta ke untuk membina bot-bot yang Kerajaan bagi terus kepada kumpulan-kumpulan tertentu 5 atau 6 orang, dia miliki bot tersebut dan Kerajaan beri lesen untuk mengusahakan penangkapan ikan di laut dalam buat menambah hasil pendapatan mereka.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memangpun kepada nelayan-nelayan kecil kita memang sudah ada skim dia sendiri, takkan daripada nelayan-nelayan kecil kita terus nak pergi kepada laut dalam, laut dalam ini memerlukan satu kepakaran dan juga satu teknologi yang sangat tinggi. Oleh sebab itu, kita mempunyai perancangan kita sendiri di mana nelayan-nelayan kita yang berkemahiran dan juga mempunyai kemahiran yang tinggi insya Allah kita akan pertimbangkan dan buatlah permohonan bukan nak beri subsidi belaka semua tapi apa yang boleh kita subsidi sebagaimana laut dalampun kita akan beri keutamaan. Itu yang saya khabor bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat PAS ni seolah-olahnya kita Kerajaan Negeri ini meninggal terus hak subsidi rakyat walaupun kita membangunkan ekonomi, membangunkan Monsoon Cup ke, memotong cup ke, menatang apa cup-cuppun sebenarnya hal kemiskinan rakyat ni kita laksana sokmo. Rumah orang miskin RM5,000 setahun kita buat, pendapatan orang miskin hak 100 rial, 400pun ada hari ini .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, saya ingat minta dia tarik baliklah bahasa 'menatang apa', apa semua tu, saya rasa tidak sesuai bagi .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat, saya tarik balik insya Allah. Saya sebenarnya terkeluar, itulah yang saya minta maaf banyak, saya tarik balik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya apa juga cuplah maksudnya. Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cuma yang saya maksudkan, saya ada sebut dalam ucapan saya semalam bukan sekadar kita beri bot kepada nelayan juga diberi latihan-latihan kepada generasi anak-anak mereka ini supaya mereka boleh menjadi pengusaha bot laut dalam sebab untuk bot-bot kecil ini memang setakat ini dia tidak memberi pulangan yang memadai untuk keluar dari garis kemiskinan, banyak bot kecilpun dia tidak akan selesai masalah kemiskinan yang boleh selesai setakat ini kita nampaklah melalui bot laut dalam dan perlu diberi latihan kepada generasi-generasi baru, itu yang saya cadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Memang kita akui, kita memang ada skim latihan kepada anak-anak nelayan kita. Bukan setakat itu aje, kita ada program huluran dan hiliran terhadap nelayan-nelayan ni. Program-program hiliran tu banyaklah, industri, latihan, macam-macam lagi. Huluran ni macam kita buat pendahuluan dia dengan jeti, dengan pusat pembaikian bot, kita buat, kita sedia belaka dan insya Allah kalau Yang Berhormat berasa nak masuk berlatihpun tak apa, kita boleh atur, tengah lautpun kita ada pusat latihan untuk nelayan-nelayan laut dalam. Terima kasih Yang Berhormat. Selain .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Cuma yang saya nak beritahulah, bukan masalah yang saya sebut tadi industri hiliran dan sebagainya, cuma yang saya nampak di Pulau Duyong setakat ni tidak ada apa-apa perubahan lagipun sebab saya duduk di Bukit Tunggal, orang Bukit Tunggal tu cerita di tempat lain saya malas cerita lagilah. Jadi yang saya nampak yang disebutkan oleh Yang Berhormat Telemong banyak perkara-perkara yang secara umum disebut Kerajaan beri bantuan, beri bantuan tetapi tidak ada bantuan yang kita dapati yang boleh membantu ataupun setakat ini yang boleh mengeluarkan golongan miskin di Pulau Duyong itu sendiri yang ada Monsoon Cup tu daripada apa yang disebutkan tadilah. Jadi harap benda ini dapat dilihat jugalah ke tempat di dalam DUN, insya Allah.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mungkin Yang Berhormat dok tahu bahawa kalau nak perincian yang *detail* insya Allah, kita akan hantar kepada Yang Berhormat jenis-

jenis bantuan yang telah kita salurkan kepada nelayan-nelayan dan saya tak boleh nak fokuslah kepada nelayan di Pulau Duyong saja sebab kita melihat nelayan-nelayan kita sangat ramai daripada Besut sampai ke Kemaman. Tetapi kalau Yang Berhormat nak secara terperinci hak berkaitan dengan nelayan di Pulau Duyong insya Allah, saya akan panjangkan kepada Yang Berhormat sendiri berkaitan peruntukan-peruntukan dan juga subsidi yang telah kita beri kepada nelayan-nelayan tersebut.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat ADUN Jabi dan juga Yang Berhormat Wakaf Mempelam ada juga menyebut semalam bahawa kerisauan tentang kekurangan bekalan makanan yang melanda di seluruh negara. Sebenarnya kekurangan bekalan makanan ini krisis ini melanda di seluruh dunia sebenarnya buat masa sekarang ini. Tapi Alhamdulillah, kita bagi rakyat Malaysia di bawah kepimpinan Barisan Nasional ini dan Terengganu di bawah UMNO ni bahawa kita masih bersyukur lagi sebenarnya walaupun kita masih kekurangan, ini persediaan kita, kita tidaklah kurang sampai melarat kita lapar, tidak adapun rakyat kita yang tidak dapat beras kerana lapar kerana kekurangan krisis makanan. Kita bernasib baik kerana ada negara-negara luar hari ini yang sudah berbaris berjam-jam kerana nak dapat beras sesupit. Ada negara luar yang terpaksa tentera kena jaga nak dapatkan sesuap nasi tapi di Malaysia masih tidak berlaku Yang Berhormat, kita masih bersyukur sebenarnya dan juga saya yakin dan percaya dengan perancangan-perancangan yang dibuat oleh Kerajaan hari ini insya Allah, kita akan berusaha untuk menambahkan pengeluaran terutamanya makanan utama kita iaitu padi daripada sekarang ini iaitu berjumlah lebih kurang 105,678 tan metrik setahun ke sekali ganda lagi pada tahun 2010 dan kita telah mempunyai perancangan-perancangan yang terperinci oleh jabatan-jabatan yang memantau kursus terutamanya KETARA di dalam jelapang dan juga Jabatan Pertanian di kawasan-kawasan yang di luar jelapang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat ADUN Jabi juga bahawa kawasan di Jabi insya Allah kerana kita juga baru meluluskan peruntukan sebanyak RM34 juta untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan Besut dan juga Setiu untuk ditingkatkan lagi pengeluaran mereka yang hari ini Kerajaan purata keseluruhan 5 tan per hektar setahun ke 8 tan per hektar setahun. Insya Allah, saya yakin dan percaya dengan peruntukan yang besar yang disediakan oleh Kerajaan tersebut insya Allah akan menyelesaikan masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang menghalang kepada pengeluaran padi di Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Rhu Rendang, semalam yang telah memberi satu pandangan yang saya kira paling baguslah semalam. Saya tengok ramai-ramai semalam, Yang Berhormat Rhu Rendanglah hak bagus sikit beri pandangan kerana Yang Berhormat dah baru lagi uzur, mungkin ..... . Terima kasih banyak, Yang Berhormat. Insya

Allah, apa yang Yang Berhormat beritahu bahawa Pukat Tunda supaya diharamkan. Memang Pukat Tunda ini sebenarnya kita ada zon-zon dia, kita ada peringkat-peringkat dia, peringkat Zon A, Zon B, Zon C. Zon A ni 5 kilometer ke bawah, Zon B ini 5 kilometer ke atas daripada pantai tapi kadang-kadang orang kita ni begitulah, ada mereka yang tidak bertanggungjawab dia *gagau* habis sampai ke Zon A, Zon B pun begitulah. Tapi insya Allah, dengan pemantauan dan juga dengan kawal selia oleh Jabatan Perikanan dan juga Maritim LKIM sendiri insya Allah Yang Dipertua kita akan sentiasa memantau .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit, *gagau* tu menatang benda *gagau* tu, benda apa?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Maksud dia *ranyau* habis dok kira kawasan ..... (Dewan Gelak) ..... ada jugak *tekah-tekah* di luar pandangan kita, dia pergi habis. Memang benda tu kita tidak benarpun Yang Berhormat, terima kasihlah. Dan selain daripada itu juga Yang Berhormat memberitahu bahawa berkaitan dengan penguatkuasaan ini setakat ini memang kita menguatkuasa Akta Perikanan 1985 melalui Maritim Malaysia, Polis Marin dan juga Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan. Insya Allah, Yang Berhormat saya akan sentiasa memberi keutamaan dan prioriti kepada nelayan-nelayan ini. Di samping itu juga, pada tahun ini kita memperbanyakkan industri kepada nelayan-nelayan kita sebab itulah ada setengah-setengah hari ini kita telah berganjak daripada nelayan-nelayan kita 100 peratus bergantung kepada hasil penangkapan di laut sebab itulah kita banyak program-program yang disediakan peruntukan oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber ikan di darat, contohnya di Rhu Sepuluh, Setiu dan juga di Tanjung Demong, Besut dan juga insya Allah kita akan perluaskan di Dungun, di Marang dan juga di Kemaman selepas pada ni untuk mengeluarkan hasil ikan yang berimpak besar iaitu ikan yang jenis termahal sekali di dunia iaitu ikan Barumundi, hah .... tu dok rajin dengar lagi tu. Tak apa kita akan khabor sikit lagi, insya Allah nelayan-nelayan kita di musim tengkujuh tak payah pergi ke laut duduk di daratpun boleh pendapatan insya Allah boleh mengeluarkan mereka daripada paras kemiskinan.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan. Dalam ucapan saya semalam, saya ingin mendapat penjelasan dengan tanaman dan pemulihan kelapa?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Prihatinnya Yang Berhormat UMNO ni. Tertinggalpun dan saya tahu memang dia jaga hal rakyat kawasan dia, terima kasih Yang Berhormat. Insya Allah, berkaitan dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kelapa.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Berkaitan dengan kelapa ni ..... dok temu cari dahlah ..... (Dewan Gelak) ..... sabar, sabar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh bagi secara bertulis kalau dok jumpa cari.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan industri kelapa insya Allah, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan dan setakat inipun kita sudah ada 400 hektar tanaman kelapa di Daerah Marang dan juga di Daerah Kemaman. Insya Allah, kita akan perluaskan lagi pada tahun hadapan untuk tanaman kelapa ini terutama untuk kelapa yang berkualiti tinggi iaitu kelapa Mataq iaitu sejenis kelapa yang kita yakin dan percaya ianya akan dapat membantu meningkatkan pendapatan petani-petani dan hari inipun juga berkaitan dengan kelapa-kelapa yang sudah sedia ada kita cuba membawa masuk industri kelapa tersebut iaitu industri mengeluarkan minyak kelapa dara (v.o.c.) yang pada hari ini permintaannya cukup tinggi sebenarnya di luar negara dan kita sudah ada sebuah kilang di Daerah Besut, Kampung Oh, Daerah Besut dan hari ini permintaan dia cukup banyak terutamanya di Amerika Syarikat. Insya Allah, sekiranya perkara ini dapat diteruskan selanjutnya insya Allah pada tahun hadapan kita akan kembangkan ke kawasan-kawasan kelapa yang telah lama di seluruh Negeri Terengganu ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Kita jemput Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan dan Pembangkang seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati sekalian.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan juga dalam sesi soal jawab yang telah berlaku sejak daripada semalam hingga pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada barisan Wakil-wakil daripada Pembangkang yang pada pemerhatian saya sidang Dewan

pada kali ini lebih kepada etika, lebih berakhlak dari segi percakapan dan juga pengucapannya dan kalau nak dibandingkan dengan sidang-sidang yang lalu. Pada terik ni kita dok dengar perkataan-perkataan yang tak sedap didengar, perkataan-perkataan Yahudi, perkataan-perkataan Thaurut dan tuduhan-tuduhan yang kasar ataupun tidak sewajarnya dilemparkan kepada pihak Kerajaan ataupun Menteri Besar dan sebagainya yang biasa kita dengar dalam Dewan ini pada sidang-sidang yang terdahulu. Dan saya percaya kali ini dengan keikhlasan kita semua insya Allah, persidangan ini akan menjadi satu persidangan yang boleh menghasilkan suatu keputusan yang baik sesuai dengan kehendak rakyat yang telah memilih kita semua untuk hadir untuk ke persidangan ini untuk menjadi wakil-wakil mereka hadir ke persidangan ini dan membentuk Kerajaan bagi parti yang menang, Barisan Nasional untuk memastikan pentadbiran negeri ini berjalan dengan baik dan rakyat terus dapat menikmati kemakmuran dan juga rezeki yang melimpah-ruah di Negeri Terengganu ini.

Dato' Yang Dipertua pertama-tama, saya nak ucap terima kasih kepada wakil baru daripada Pembangkang, Wakil Bukit Payong yang bercakap panjang lebar tentang amanah dan juga kepimpinan. Saya percaya pihak Kerajaan daripada dulu lagi memang sentiasa beringat setiap program yang kita nak buat, kita memerhati dan meneliti untuk kepentingan rakyat kerana kita tahu kita adalah dipilih dan kita melaksanakan tugas ini atas tanggungjawab yang diberi oleh rakyat dan kita bertanggungjawab kepada Allah dan juga kita bertanggungjawab kepada rakyat. Maka kerana itu saya ucap terima kasih dan kita harap ini adalah merupakan nasihat yang ikhlas. Alangkah baiknya kalau nasihat ini telah diberikan kepada Kerajaan yang terdahulu, masa itu setahu saya wakil daripada Bukit Payong ini telah aktif dalam PAS, patutnya dia dah tegur Kerajaan masa dulu yang salah dari segi keutamaan dan juga penggunaan duit zakat. Duit zakat yang dia guna untuk sukaneka, duit zakat diguna untuk beri *laptop,* duit zakat diberi kepada anak-anak Exco untuk menyambung pelajaran. Memang saya kata ada yang layak tetapi keutamaan, ramai anak-anak orang miskin yang belajar tidak dapat duit zakat, tapi anak Exco gaji berapa belas ribu, sayapun dok tahu sebab tak terima lagi dapat duit zakat. Jadi kalaulah mereka ini ikhlas, patut zaman itu dia tegur dah tapi tak ditegur. Jadi kita harap kali ini teguran dia ikhlas dan kita akan terima insya Allah ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bagi laluan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dok dang nak habis lagi ni. Tapi lohlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan bab duit zakat tu lama dah selesai. Kalau nak bangkit duit zakat pasal apa dok bangkit soal anak Exco dapat biasiswa RM30,000 setahun? Bakpe ramai rakyat hak miskin tu sebab apa tak diberi biasiswa jugak?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. Saya sebut tadi sebab saya nak khabor, teguran dan saya bukan nak bangkit atau nak sebut apa-apa, dok, sebab kalau nak cakap benda hak bangkit lepas-lepas dah bakpe dok sebut royalti minyak? Berapa kali dah sebut dalam ni, duk sebut Monsoon Cup, berapa kali dah? Kalau kita rasa dok perlu ulang, bakpe duk ulang hak tu empat, lima, enam kali, setiap kali Dewan ada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, royalti minyak saya bangkit ..... penjelasan Yang Dipertua. Saya bangkit kerana benda itu belum selesai, yang tadi dah selesai, yang soal zakat, soal itu dah selesai tapi royalti dok selesai .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Selesai guana .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... masih dalam perkiraan untuk mendapat balik hak kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi peluang Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Selesai guana Dato' Yang Dipertua, sekali kata nak bayar balik, sekali kata dok layak terima, lepas tu senyap begitu, selesai guana? Selesai dengan senyap, betullah. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih banyak kepada Wakil Bukit Payong dan saya insya Allah, mana hak baik kita akan terima kerana saya percaya Kerajaan kita Kerajaan yang baik dan kita semua ini orang Islam belaka. Y.B. Tohpun dia tahu bahawa ada baik dan ada buruk dan kita tahu suatu masa nanti kita akan mati, kita bertanggungjawab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Y.B. Bandar ya, minta maaf. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap suasana begini akan dapat diteruskan dalam sidang-sidang Dewan yang akan datang dan insya Allah tidak ada lagi kekecohan seperti mana yang berlaku dalam sidang-sidang dulu. Mungkin ini kerana kita dah belajar daripada sidang Parlimen pada hari pertama minggu lepas bila disiarkan melalui siaran langsung t.v., ada Wakil-wakil Rakyat mula tersedar bahawa perlakuan mereka dalam sidang Parlimen itu ditayangkan dan sebagainya, kecoh dalam surat khabar keesokannya, maka bila diteruskan hari kedua, Dewan Parlimen berjalan dengan baik. Jadi mungkin hari ini Pembangkang baru sedar kita ada siaran langsung di seluruh negeri bahkan di seluruh negara melalui internet yang dilakukan oleh Unit Komunikasi Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga sepertimana yang disebut oleh wakil daripada Telemong tadi bahawa Pembangkang banyak menangguk di air yang keruh. Apabila berlaku krisis berkaitan dengan isu Istana kita lihat Pembangkang mengambil kesempatan dan cuba menjadikan diri mereka seolah-olah hero yang membela Institusi Diraja. Sebagaimana kita tahu ada lebih daripada 50 buah masjid di Negeri Terengganu yang dikuasai oleh orang-orang Pembangkang, mereka setiap kali Jumaat baca khutbah mereka dok doapun kepada Sultan. Walaupun Sultan ialah merupakan Ketua Agama, walaupun Sultan adalah merupakan pemimpin tertinggi peringkat negeri, hari ini mereka nampak ada untung kepada merekapun beribu-ribu pergi ke airport sambut Tuanku tapi hak seminggu sekali doa kepada Tuanku bukan 10 minit, bukan setengah jam tak pernah mereka buat. Saya percaya Istana tidak akan begitu mudah kelabu mata tengok kepada awak-awak Pembangkang ini kononnya merekalah orang yang baik dengan Institusi Diraja. Dato' Yang Dipertua, maka oleh kerana itu saya rasa rakyatpun tidak mudah terpedaya.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Pembangkang ialah mengenai Islam Hadhari. Kita dah lama nipun kalau nak ikut macam Wakil daripada Wakaf Mempelam kata isu lama dah, berapa kali bahas dah, mula-mula saya jadi Wakil Rakyat masuk dalam Dewan ni dulupun saya dah terang dah, cuma Wakil daripada Rhu Rendang kata suruh saya pergi belajar semula, hak tu saya tak faham bukan dia kata saya salah, dia suruh saya pergi belajar semula. Yang saya ingat semasa saya bekerja di Yayasan Islam dulu, ada seorang pegawai yang hendak sambung belajar dulu dia tak sambungpun, dia tidak lulus. Jadi ini satu perkara yang benar-benar dipolitikkan, benar-benar untuk mengambil peluang nak menunjukkan bahawa mereka adalah orang yang tahu tentang agama, mereka adalah orang yang benar-benar nak membela agama. Dato' Yang Dipertua, hal Islam Hadhari ni dah lama diputuskan dan saya sebut di dalam jawapan baru-baru ini, kalaulah Pembangkang tak boleh terima, terimalah ini sebagai suatu perselisihan pendapat di antara pihak Pembangkang dan Kerajaan. Kalau Pembangkang tidak setuju tak apalah, biarlah kita yang laksanakan dalam program pentadbiran Kerajaan yang

kita terajui pada hari ini. Orang luar banyak dah sebut, nak suruh panggil Sheikh daripada luar, Sheikh apa saya tak ingat dah, Hah ..... Qaradawi. Saya rasa Qaradawipun pernah ulas mengenai Islam Hadhari, Sheikhul Azharpun berapa kali sebut bahawa ini satu usaha yang tidak bercanggah dengan Islam.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong mintak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco. Saya melihat dalam satu Laman Web Islam Online, dalam Bank Fatawa yang ditulis dan dijawab oleh Sheikh Dr. Yusof al-Qaradawi. Beliau menyebut tentang Islam Hadhari ni, beliau menyebut secara jelas dalam laman web itu bahawa Islam sepatutnya satu agama yang lengkap, yang syumul bahkan istilah dan penggunaan kalimah Islam Hadhari tidak ada kaitan dan tidak ada hubungan bahkan silap dalam mempergunakan kalimah seumpama itu. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Exco adakah kerana Dr. Yusof al-Qaradawi ini memang tidak mendapat penjelasan yang lengkap tentang konsep Islam Hadhari sehingga beliau menyebut Fatawa seumpama ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Mulia, saya sebut tadi ini adalah merupakan perkara yang kita bincang dan kita bahas, kalau Pembangkang tidak setuju anggaplah ini sebagai satu pandangan daripada pihak Kerajaan sebab walaupun kalaulah Dr. Yusof al-Qaradawi tidak terima, ada orang lain yang menerima dan mengatakan ini boleh dipakai, jadi apa salahnya. Nak pakai hak kita sokmo, dok betul sokmolah kita, nak pakai hak kita saja, takdok empat mazhab, perang habislah kita. Kita hari ini walaupun kita tahu orang lain, mazhab lain kata bersentuh tak batal air sembahyang, kita dok kata bila dia sentuh tak sah sembahyang lepas tu bila tak sah sembahyang maka dia kafir maka oleh kerana tu .... dok gitu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak penjelasan apa lagi, ini perselisihan pendapat, terima ajelah dan kalau tak boleh terimapun tak apalah. Macam pendapat orang kita rasa tak sah sembahyang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong mintak penjelasan, Yang Berhormat. Yang Berhormat tak bagi tak apa. Bagi?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Berhormat. Perselisihan pendapat ini ada dua bahagian. Yang pertama, perselisihan pendapat tentang Fekah. Yang kedua ada perselisihan pendapat tentang akidah yang perlu difahami. Ada mazhab Muktazilah, ada mazhab Jabariah, ada mazhab Qadariah yang perlu difahami oleh kita.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ini pendekatan Islam Hadhari ini bukan Akidah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Setakat tu dia beri Yang Berhormat. Yang Berhormat mintak penjelasan setakat tu diberi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): .... ini pelaksanaan. Takdok benda saya nampak dah ni, ini takdok benda ni, saya rasa ini bukan Akidah, kita percaya dengan Akidah baru ada hukum-hukum baru, dok.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bagi saya ada sikit lagi Yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, benar lagi dia, Bukit Payong?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ada sikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Fokus teruslah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Oleh kerana Yang Berhormat kata kekhilafan pendapat empat mazhab .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau duk main celah sini, celah sini, bila nak sampai giliran saya nak gulungnya.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ya, ya, dia celah jugak tu .....(Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Cukup, cukuplah tu, banyak sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sebab dia celah jadi lewat tu .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong khususkan, Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak cakap ni dia celah, dia jadi lewat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Haa .... kacau mu, mencelah sokmo ni.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dia celah sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya hanya benarkan Yang Berhormat khusus. Yang Berhormat Bukit Payong, sila.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tadi kita bercakap bahawa kekhilafan mazhab oleh kerana Islam Hadhari ini dikatakan pendekatan bukan satu mazhab, hanya saya nak mintak penjelasan dalam satu kenyataan daripada Tun Mahathir, Tun Mahathir menyebut bahawa dia tidak kenal Islam Hadhari ni, hak dia kenalnya Islam hak dibawa oleh Nabi S.A.W. Adakah maknanya Tun Mahathir sendiri di kalangan bekas Perdana Menteri memang belum memahami tentang konsep Islam Hadhari ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, inilah perangai Pembangkang, dulu Tun Mahathir inilah hak dia kutuk jahil, maha zalim, apa semua. Hari ini dia nak pakai Tun Mahathir dah pulak. Saya tak faham ni, hak ini bukan dibuat oleh Tun Mahathir, Tun Mahathir dok tahupun tak apalah sebab ini bukan zaman dia.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak apalah saya takmboh beri dah, berhabis masa, orang lain nak bercakap banyak lagi ni. Sila duduklah Wakil Bukit Payong. Ini adalah pendekatan, dan benda ini memanglah takdok dalam Quran macam yang ditanya oleh Wakil Sura kelmarin, pakai baju kotpun takdok dalam Quran tapi takkanlah nak cari ayat dalam Quran ada ke dok ayat yang mengatakan *"wayazuzul al-Quran antalbasul"* tu, takdok tapi bila takdok dalam Quran benda tu maknanya harus sebab "al-aswiqil-asiaq ibaahah" jadi bolehlah tak apa-apa kecuali dalam pendekatan Islam Hadhari dalam dasar ataupun prinsip dia ada benda yang salah, tak apa kalau ada buat marilah tunjuk dekat mana yang salah, kita betullah. Sebab ini bukan akidah, bukan bila kita buat pendekatan Islam Hadhari Rukun Iman jadi berubah dah, bukan akidah kita kena tukar, takdok, sama tapi pendekatan, cara. Kalau dulu kita duk nampak hal masjid, hal ini, sekarang banyak perkara-perkara telah berubah sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya nak khabor semalam wakil daripada Bukit Payong sedap duk berceramah, beritahu kerana pendekatan Islam Hadhari jenayah makin banyak, pendekatan Islam Hadhari banyak berlaku gejala rasuah dalam pentadbiran. Ini adalah andaian semata-mata dan takdok hubungkait yang rapat yang hendak membuktikan bahawa ini berlaku kerana pendekatan Islam Hadhari. Kalau nak sebut perlakuan jenayah, ini laporan daripada Polis di Kelantan lebih tinggi daripada Terengganu kejadian-kejadian jenayah. Takkanlah saya nak kata pendekatan 'Membangun Bersama Islam' menjadi punca di Kelantan pengaruh jenayah semakin banyak, tak, saya tak kata sebab ini sepertimana yang disebut oleh Wakil Batu Burok yang rasional, yang bijak, yang saya ucap tahniah kepada dia untuk bersama kita mudah-mudahan dia boleh perbetul kawan-kawan dia dari Pembangkang, cerita kepada mereka bahawa tanggungjawab sosial ini bukan politik sahaja, masyarakat kepimpinan di setiap lapisan.

Jadi sebab itulah tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kalau kita perhati Dato' Yang Dipertua, melalui pendekatan Islam Hadhari, Terengganu telah banyak berubah. Kita tengok pencapaian UPSR, makin cemerlang, kita harap lepas pada ini SPM, PMRpun makin bertambah cemerlang, kita harap. Dan kita lihat Bandar Kuala Terengganu makin bersih, ini melalui pendekatan Islam Hadhari kerana Islam memang suruh kita bersih. Ini duk bersyarah Islam bagus, Islam bagus, mari tengok sampah bertambun-tambun, mana Islamnya. Kita boleh cakap Islam molek tapi orang nak tengok hak kita tunjuk ni lebih baik dari hak kita duk bersyarah ni, bersyarah memang lancar belaka tapi orang tengok tak berkesan. Tapi kadang-kadang kita tak boleh bercakap, kita buat, orang tengok: Eh! Bagus ni. Ini yang lebih penting. Jadi pendekatan Islam Hadhari sebenarnya pendekatan Islam yang lebih praktikal, nak tunjuk bahawa Islam ini molek, Islam ini begini, selama ini orang ingat Islam ini berahi berbalah, dok. Selama ini orang ingat Islam ini suka berperang, dok. Selama ini orang ingat Islam mundur, dok

sebenarnya dan hak akidah terus macam biasa, hal sembahyang semuanya macam biasa. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya nak mengatakan bahawa apa yang berlaku dalam gejala sosial bukannya kaitan dengan pendekatan ini. Ini adalah merupakan perkara yang mempunyai banyak faktor-faktor yang lain yang menyebabkan berlakunya itu. Kalau nak kata pendekatan, Kelantan lebih banyak lagi daripada Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya nak sebut dalam Dewan ini, nak ulas balik mengenai apa yang disebut oleh Pembangkang dalam perbahasan mereka. Saya mintak pihak Pembangkang jugak pihak Kerajaan gunalah Dewan yang mulia ini untuk perkara-perkara yang penting dan demi kemaslahatan rakyat yang kita wakili. Dan oleh kerana itu, kita hendaklah bawa isu yang benar-benar berdata, ada asasnya, jangan kita dengar situ, baca dalam internet bawa ke dalam Dewan, dalam internet bukannya betul belaka. Kalau kita tanyakan dulu dia kata orang UMNO ni Quran dia Utusan Melayu, Quran dia Berita Harian, dah lening orang PAS Quran dia internet ke guana pulak? Sikit-sikit internet, sikit-sikit dalam net sampai ke arah Kiblat Masjid Kristalpun dia pertikai sebabnya kawan saya bawa jam dia, jam dia entah beli di mana dok tahu, entah jam dia beli di Cina ke, mana dok tahu, tak betul. Ini ada surat daripada Mufti, kalau tak percaya pergi tanya Pejabat Mufti, pihak Pejabat Mufti dah dua kali dah buat pengesahan arah Kiblat Masjid Kristal betul. Kalau tak percaya kepada Mufti, percaya ke saing hak pakai jam dok tahulah saya. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, ini Dewan yang kita bincang untuk kepentingan rakyat, janganlah duk bawa cerita hak luar, malulah kita. Dan sebab itulah saya menyokong penuh apa yang dibuat di peringkat Kerajaan Pusat melalui Kementerian Penerangan yang dia buat siaran langsung supaya rakyat boleh tengok .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan. Pakai jam, jam tadi tu jam cap benda jugak tu, jam tikam?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, hak tu kena tanya Wakil Ladanglah tu sebab kawan dia, jam lagu mana saya dok tahulah tu, jam mari di mana yang percaya sangat tu sampai ke tengok masjid hak siap lama dahpun duk percaya hak tu lagi. Saya bimbang dia sembahyang pergi tukar ikut lain sampai ke orang lainpun jadi tak sah belaka sebab hak ada dah. Kita kalau hak ada dah ikut aje, kalau salahpun Kerajaan dan Mufti yang bertanggungjawab. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua Dewan, saya sekali lagi nak ucap terima kasihlah kepada sahabat-sahabat daripada Kerajaan dan Pembangkang yang telah mengambil bahagian dan membawa isu-isu yang insya Allah ianya akan diberi perhatian oleh pihak Kerajaan, yang mana yang boleh baik kita akan perbaikkan lagi, yang mana boleh dipertingkat kita pertingkatkan lagi, mana yang kita belum buat kita akan

buat. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit, kita jemput Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD. ADIB (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta Pemerhati sekalian.

Saya pertamanya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang telah menyentuh Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya nak sebut semula Dato' Yang Dipertua bahawa tahun ini ialah Tahun Melawat Terengganu dan antara pengisian Tahun Melawat Terengganu ini ialah tentang ada 25 acara yang telah kita mulakan dan tentunya acara yang kita sebut 'pesta' di Pulau Perhentian itu tidak merupakan satu daripada 25 acara bagi Tahun Melawat Terengganu. Dan sasar kita juga bagi tahun Melawat Terengganu dari segi pengunjung tempatan dan luar negara ialah 3.5 juta, Alhamdulillah setakat ini sehingga bulan Mac mengikut angka yang kita ada kita telahpun capai 20 peratus kehadiran lebih kurang dalam 700,000 dan tentunya juga yang hadir dan berpesta di Pulau Perhentian ini bukan yang kita mengalu-alukan kedatangan mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terengganu di mana alam semula jadi memayungi warisan. Dan dalam tahun yang sama jugak, 2008, tahun ini ada juga Tahun Melawat Kelantan dan Kedah dan tentu dalam keadaan dan suasana sekarang kita perlu mengiktirafkan kelainan yang terdapat di Terengganu yang menjadi daya tarikan kepada para pelancong untuk datang dan menjadikan Terengganu sebagai destinasi pelancongan terunggul di Malaysia. Saya nak sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tentang kelebihan-kelebihan kita supaya kita tak tersasar kepada perkara lain yang lebih kecil dan remeh-remeh. Kita mempunyai gugusan kepulauan yang indah dan antara yang terbaik di dunia termasuklah tadinya di Perhentian, Helang Tengah, Redang, Kapas dan Tenggol. Kita juga mempunyai tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara iaitu Tasik Kenyir yang berkeluasan 260,000 hektar persegi, mempunyai 340 buah pulau, air terjun dan cerun. Kita mempunyai keunikan makanan tradisi Terengganu, bukan sahaja nasi dagang, kerepok lekor dan lain-lain. Kita juga mempunyai keunikan air terjun di Cemerong di Hulu Dungun, kita punyai pokok cengal tertua dan terbesar di dunia yang terdapat di Hulu Terengganu yang dianggarkan berusia 1,300 tahun, ukur lilit 16.75 meter dan ketinggian 65 meter.

Kita juga mempunyai muzium yang terbesar di Malaysia dibina dikeluasan 27 hektar dengan 6 buah galeri berbagai artifak sejarah dan warisan negeri. Keunikan pembuatan bot tradisional Terengganu tersohor. Keindahan seni tenunan songket dan kehalusan seni ukiran batik Terengganu. Keunikan pertukangan seni ukiran kayu Terengganu. Taman Tamadun Islam. Keunikan Kampung Cina. Santuari kelah dan gajah antara yang lainnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang seharusnya, insya Allah akan menjadi kelainan dan kelebihan kita dalam usaha kita untuk nak mempromosikan Terengganu dan berjaya dari segi program Tahun Melawat Terengganu dan saya percaya kerja-kerja awal pemasaran kita yang bermula tahun lepas bukan akan terhenti dalam Tahun Melawat Terengganu tapi akan terus melimpah kepada tahun 2009 walaupun mungkin tahun 2009 bukan lagi merupakan Tahun Melawat Terengganu pada masa itu. Itulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebahagian daripada ulasan saya dan saya ucap terima kasih sekali lagilah atas pandangan-pandangan yang telah diberi oleh rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Saya jemput Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, terima kasih saya kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung apa yang disebut dalam sepanjang ucapan berhubung dengan jawatankuasa saya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepanjang sesi ucapan, saya dapati sekurang-kurangnya tiga Yang Berhormat Pembangkang menyentuh dengan panjang lebar bab kemiskinan. Usaha-usaha nak membasmi kemiskinan di Negeri Terengganu. Saya cukup kagum kesungguhan mereka mengambil cakna bab rakyat Terengganu miskin kononnya. Negeri Terengganu sudah diperintah oleh PAS selama 4 tahun. Sebelum Kerajaan mengambil alih oleh Barisan Nasional pada 2004, saya yakin barangkali semasa PAS memerintah dulu jugak mereka begitu serius barangkali membincang hal kemiskinan di Negeri Terengganu, kita harap begitu. Masa dia memerintah dulu diapun serius memikir hal nak basmi kemiskinan rakyat Terengganu di dalam Dewan ini, kita harap kerana kita tengok lening ia begitu bersungguhan bercakap bab nak basmi kemiskinan. Saya tidak tahu sejauh mana keseriusan mereka berbincang dalam Dewan ini semasa itu

bab kemiskinan Negeri Terengganu kerana saya tidak berpeluang hadir sama dalam Dewan. Tapi apa yang berlaku di kampung-kampung sepanjang PAS memerintah dan dalam ceramah-ceramah mereka Pilihan Raya 2004 kerana mereka memerintah 1999 - 2004, terutama dalam tahun 2002, 2003, Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat khususnya banyak bercakap bab basmi kemiskinan melalui ceramah-ceramah di kampung-kampung masa itu yang sempat saya dengar, pemimpin PAS banyak bercakap kononnya marah kepada UMNO, kepada Barisan Nasional bercakap bab basmi kemiskinan kononnya cerita bab basmi kemiskinan ini seolah-olah kita nak lawan Tuhan kerana miskin-kaya itu ialah sudah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. yang miskin sepatutnya bersabar boleh pahala, yang kaya patut bersyukur boleh pahala bakpe bersungguh sangat nak cara ke hal nak basmi kemiskinan, nak hapus kemiskinan ini seolah-olah kita nak lawan takdir Allah S.W.T., itu yang berlaku di kampung-kampung dan perkara ini saya dengar sebenarnya. Saya jadi keliru kalau sampai ke peringkat itu tapi bagaimanapun syukur kita kerana sekarang ini sama-sama beri perhatian kepada usaha Kerajaan nak basmikan kemiskinan. Alhamdulillah, kita harap dengan gandingan semua Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari Kerajaan, baik Pembangkang sama-sama memikir bagaimana cara nak basmi kemiskinan ini. Beri cadangan-cadangan baik supaya dapat kita gemblengkan usaha buah fikiran, insya Allah pada tahun 2010 kita harap kemiskinan tegar di Negeri Terengganu akan jadi kosong dan yang miskin akan turun kepada 2.8. Nampaknya dengan laporan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi baru-baru ini dengan unjuran itu apa yang kita hasratkan pada 2010 akan menjadi kenyataan, harap-haraplah kita. Dan dalam tempoh perbahasan saya dengar banyak angka yang dipertikai yang terutamanya angka garis kemiskinan ada disebut nak suruh jadi RM1,700.00 baru anggap miskin, saya fikir kalau kita pakat letak angka masing-masing, hari tidak sut kita. Dan angka rasmi yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, garis kemiskinan Negeri Terengganu ialah RM636.00 dianggap miskin bukan RM574.00 seperti yang disebut, ini angka rasmi. Pada tahun 2007, berdasarkan garis kemiskinan ini yang miskin di Negeri Terengganu ialah sudah turun daripada 30,860 pada 2004 kepada 13,164 pada 2007. Insya Allah, pada 2010 sikit lagi dia akan jadi 2.8 peratus. Dan berdasarkan laporan itu jugak, rakyat Terengganu yang termiskin ataupun yang diistilahkan sebagai miskin tegar sudah turun daripada 4.4 peratus pada 2004 kepada 0.8 peratus dan angkanya ialah daripada 8,300 kepada 1,600 orang dan purata pendapatan rakyat Terengganu ialah sudah meningkat daripada RM1,984.00 kepada RM2,463.00 pada 2007. Alhamdulillah, dengan angka-angka ini kita yakin pendapatan rakyat Terengganu akan meningkat terutamanya pada 2010 sikit-sikit lagi.

Dato' Yang Dipertua, atas kesempatan ini jugak saya suka nak menyebut satu-dua perkara lagi berhubung dengan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada mintak penjelasan daripada Batu Burok, boleh? Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya cuma ingin mendapat beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat tentang kemiskinan di Negeri Terengganu ini dan sememangnyalah permasalahan kemiskinan ini kita tidak boleh atas sentimen politik yang sempit kerana rakyat Terengganu semuanya perlu dibela, yang beragama Islam, yang bukan beragama Islam, yang Kerajaan, yang Pembangkang, semua perlu diberikan pembelaan dan saya tidak mahu berdebat soal statistik walaupun ada perbezaan statistik di antara yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dengan apa yang saya teliti di bawah kajian-kajian MIER dan beberapa pusat kajian yang lain. Saya ingin memberi contoh yang spesifik di DUN saya sahaja di DUN Batu Burok, saya telahpun membuat mapping di kalangan penduduk dan rakyat di DUN Batu Burok dan saya dapati di DUN Batu Burok sahaja kita mempunyai 1,232 orang penduduk di DUN Batu Burok dalam erti kata isi rumah yang ada di DUN Batu Burok berada di tahap kemiskinan tegar. Jadi ini suatu perkara yang *real* yang perlu kita selesaikan untuk kita melihat penyelesaian yang terbaik dalam persoalan ini, itu yang pertama. Yang keduanya, kalau kita buat penelitian dan berkaitannya dengan bebanan yang dihadapi oleh penduduk dan rakyat di Negeri Terengganu akibat kenaikan harga barang dan sebagainya, ini jugak perlu diberikan perhatian, kita tidak boleh bermain dengan angka *below* ataupun di bawah RM636 baru angka yang dianggap sebagai kemiskinan tegar. Kita perlu melihat dalam perspektif yang menyeluruh, berapa orang dalam setiap isi rumah, di mana kedudukan mereka, di tengah bandar ataupun di kampung dan beberapa .....

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya rasa saya sudah faham.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya yakin isu kemiskinan yang hendak ditangani oleh Kerajaan, dia melampaui sempadan politik, sempadan bangsa dan sempadan agama dan kalau Yang Berhormat ada senarai rakyat yang termiskin dalam

DUN Yang Berhormat kepada kita tidak menjadi masalah kalau senarai itu diserahkan kepada kita untuk kita semak dengan panduan dan syarat-syarat yang sedia ada dan sebenar rakyat termiskin ini sudahpun dilaksanakan oleh Pejabat Daerah yang kita kumpulkan dalam satu profil rakyat miskin di Negeri Terengganu. Maklumat itu ada dalam simpanan UPEN hari ini. Dato' Yang Dipertua, saya cukup bersetuju kita selalu dalam istilahnya berbalah ataupun masing-masing berpegang kepada angka yang dimiliki oleh masing-masing, Kerajaan dengan statistiknya, pihak Pembangkang dengan angka dan sumber rujukannya. Tapi akhir sekali tidak selesai dengan berbalah dalam Dewan ini cerita miskin, rakyat tetap miskin, rakyat tetap menderita, yang kita nak tumpunya ialah nak tolong rakyat yang bernasib buruk, rakyat yang mengalami penderitaan hidup kerana kemiskinan itu, itu yang kita nak tengok dan kenyataannya hari ini jauh sudah berbeza, kalau kita tengok rakyat hidup hari ini dengan beberapa tahun dahulu sudah tentu rakyat hari ini yang kita kata miskin itu kalau kita banding dengan 4 - 5 tahun dahulu jauh dah senangnya, keadaan, realitinya kehidupan kita hari ini jauh sudah berbeza. Saya tengok penerima Bantuan Kebajikan Masyarakat sudahlah. Dia pergi tunggu di balai-balairaya untuk terima bantuan tapi kadang-kadang kalau kita tengok, kita belang-belang lalu kita tengok kadang-kadang tidak munasabahpun dia itu penerima Bantuan Kebajikan kerana kita tengok kehidupan dia sudah jauh berbeza. Saya rasa itulah sahaja penggulungan saya, saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan ucapan baru-baru ini. Terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Saya mempersilakan Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanyakan tentang Monsoon Cup, di antaranya ialah Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, Yang Berhormat Wakil Bukit Payong, Yang Berhormat Sura dan Ahli Yang Berhormat Batu Burok. Pertandingan Kapal Layar ataupun yang dikenali sebagai Monsoon Cup telah diadakan di Pulau Duyong sejak tahun 2005 dengan tujuan asal adalah untuk menarik pelancong dan orang ramai ke Terengganu sealiran dengan pemikiran di luar kotak, untuk menggalakkan pengunjung datang ke Terengganu di waktu musim tengkujuh tiba. T-Best Event Sdn. Bhd. dulunya sebagai Premium Project Management Sdn. Bhd. telah diberi kebenaran oleh Swedish Match Grand Prix AB iaitu syarikat usahasama yang telah ditubuhkan di Stockholm, Sweeden. Di dalam *agreement* yang ditandatangani di antara T-Best dan syarikat ini pada

5.8.2005 telah menyebut bahawa Kerajaan Negeri hendaklah berusaha untuk mendapatkan sejumlah RM4 juta tiap-tiap tahun sehingga tahun 2012 bagi menganjurkan sukan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah yang telah dibelanjakan sebagaimana dakwaan Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut majalah-majalah yang telah dibaca sebanyak RM300 juta lebih, saya tidaklah mahu menggunakan rujukan yang Yang Berhormat sebut kerana itu adalah majalah yang Yang Berhormat baca. Namun demikian, tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah untuk mendapatkan hanya peruntukan RM4 juta setahun yang saya sebutkan tadi. Ahli Yang Berhormat Wakil Sura yang menyebut tentang CYC, yang menyebut tentang pembangunan bola sepak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada .... daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin memohon penjelasan dan pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco mengenai T-Best ini sendiri, saya di depan ini saya baca tentang *Company Profile* T-Best ini yang perlu kepada penjelasan kerana antara Direktor yang ada ini adalah seorang yang bernama Chew Kok Foo yang beralamat di Kuala Lumpur dan dengan izin, *"According to filing T-Best major share holders is privately have: Prestasi Wangi which holds 57.1% and TDM Bhd. a listed twinkle of Terengganu Government which holds 42.9% of the company".* Jadi saya pohon penjelasan atas kepentingan apa Prestasi Wangi dan beberapa individu di Kuala Lumpur memegang saham lebih besar daripada Kerajaan Negeri Terengganu kalaulah dikatakan program Monsoon Cup ini untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakil Batu Burok. T-Best Event adalah syarikat di mana TDM dan EPIC mempunyai kepentingan. Namun demikian, kita akan membuat kajian kepada Monsoon Cup ini dan satu perjumpaan pada 14 haribulan di antara syarikat ini dengan Kerajaan Negeri akan diadakan dan kita akan memperincikan. Memang menaja satu program yang begitu besar ini memerlukan perbelanjaan yang besar, namun demikian, Kerajaan melihat bahawa entiti yang ada di dalam T-Best adalah entiti yang diperlukan untuk menjadi hubungan

di antara syarikat iaitu Swedish Match Grand Prix AB yang ditubuhkan di Sweden. Kita mengharapkan bahawa ketelusan di dalam penganjuran dan juga kepatuhan kepada *agreement* yang telah kita tangani. Namun demikian, kita juga sedar bahawa Monsoon Cup perlu diberikan satu nafas baru iaitu pendedahan kepada rakyat tempatan dan juga rakyat Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri akan melancarkan satu program yang diberi nama 'Merakyatkan Sukan' kerana kita dapati bahawa penganjuran Monsoon Cup ini pertandingan itu sendiri agak susah untuk difahami oleh rakyat tempatan dan kita mengharapkan supaya banyak lagi *event-event* sukan yang berbentuk tradisional dan yang boleh disertai oleh rakyat tempatan boleh kita adakan sempena dengan Monsoon Cup.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan, saya mintak spesifik sikit daripada Yang Berhormat Exco iaitu tentang peranan Prestasi Wangi ini satu syarikat yang namanya Prestasi Wangi dan saya tengok pemegang sahamnya adalah orang-orang Terengganu jugak dua-tiga orang dan yang mengejutkan saya jugak dalam *Board of Directors T-Best* ada orang yang bernama Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, kalau tak silap saya sekarang ini Timbalan Menteri Dalam Negeri, jadi pohon penjelasan secara spesifik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, saya dah katakan tadi bahawa kita adakan perjumpaan dan segala *Terms of Reference* dan perkara-perkara perlu yang bersabit dengan *agreement* bertarikh 5.8.2005 akan kita bincangkan dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah itu adalah mereka yang bertanggungjawab kepada T-Best yang merupakan yang mengatur antara Swedish Match Grand Prix AB iaitu syarikat yang didaftarkan di Stockholm, Sweeden.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan sambung tentang CYC. Saya ucap terima kasih kepada Wakil Sura yang menyambut baik tentang kebenaran untuk menganjurkan CYC bola sepak ini dan juga mengatakan bahawa zaman Kerajaan PAS dahulu kita menjadi johan ataupun juara Piala Malaysia. Memang kita akui bola sepak ini adalah pertandingan untuk semua orang, pertandingan yang mempopularkan sesuatu negeri tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat juga perlu akui bahawa kejayaan Piala Malaysia pada waktu itu walaupun kita berjaya pada 2001 tetapi itu adalah hasil daripada Akademi Bola Sepak yang Kerajaan yang terdahulu iaitu pada tahun 1995 yang sehinggakan kita berjaya menjadi Johan Piala Presiden pada tahun 1996. Jadi Yang Berhormat janganlah kita berbangga sangat bila Kerajaan PAS menang, lepas itu kita menang Piala Malaysia kerana kita. Kalau saya nak jawab lebih lagipun dulu kita buat bangunan Mahkamah lepas tu PAS yang rasmi itu cerita lama kata Yang Berhormat Wakaf Mempelam tak salah kita ungkit cerita lama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Saya tidak membangkitkan perkara itu kerana nak bangkitkan tentang kegemilangan yang berlaku di zaman PAS tetapi yang saya nak sebutkan ialah supaya kita kembalikan kegemilangan bola sepak, itu yang dimaksudkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Sura. Memang kita dalam perancangan untuk mengembalikan bola sepak dan kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran, Pengarahpun ada di sini yang mana Sekolah Sukan kita yang telah ramai menghasilkan remaja-remaja yang bermain di peringkat negara untuk Piala Presiden dan baru-baru ini juga di MSSM bola sepak sekali lagi menjadi juara, di antaranya adalah yang juga akan bermain untuk SUKMA seperti Ismail Faruqi, Wan Mohd Alif Jasmin, Md. Muhaimi Omar, Abdul Manaf Mamat, Shamsaril semuanya ini adalah dan ramai lagi atlet-atlet di bidang bola sepak ini yang telah kita latih. Dan ini menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada kita tetapi juga kepada semua orang, rakyat Terengganu dan kita harapkan pada kali ini juga bola sepak di dalam SUKMA yang akan kita hadapi pada 31 - 9 haribulan ini kita akan menjadi juara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucap terima kasihlah kepada rakan saya daripada Bukit Tunggal yang membangkitkan tentang nasib penduduk di Pulau Duyong tetapi kalau kita ingat projek mega ini bukanlah untuk kita bermegah-megah tetapi janganlah bila kita baca sesuatu artikel, kita rangkum sekali RM300 juta itu kita ratib sokmo, kita ratib selama-lamanya RM300 juta. Jangan kita anggap bahawa *event per sale* dengan izin Dato' Yang Dipertua, tidaklah sama dengan kita mencampurkan sekali dengan kos infra kerana kalau kita nak kahwinkan anak kita, rumah kita tak berapa selesa kitapun mencantikkan serambi, tambahkan bilik, siling yang tak bagus kita cari siling kapur, tiang yang tak bagus kita cari tukang tiang larik kerana nak kahwinkan anak kita nak mencantikkan rumah kita. Tetapi kos untuk buat rumah itu kita tidak sebut sebagai kos untuk mengahwinkan anak kita kerana kos membaiki rumah itu adalah untuk selama-lamanya. Begitu jugaklah Monsoon Cup, kita buat hotel, kita buat restoran, kita buat pontoon, kita buat infra apa sahaja dan kita gali muara tetapi ini boleh digunakan untuk masa-masa yang akan datang dan kita mengharapkan bila Kerajaan Pusat umpamanya yang melihat kemudahan yang ada di situ mengumumkan Akademi Pelayaran umpamanya yang telah diumumkan untuk diadakan di Pulau Duyong, ini satu rezeki kepada kitalah. Jadi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Wakil Teluk Pasu. Saya duk ingat bila dibangkitkan soal perbelanjaan yang untuk menjayakan Monsoon Cup ini tentang keluhan bekas Wakil Batu Rakit, belanja begitu besar tapi rakyat Batu Rakit ..... minta maaf Seberang Takir, Seberang Takir bukan Batu Rakit. Bekas Wakil Seberang Takir, minta maaf jangan menggeleng kepala, minta maaf, deras menggeleng kepala dia. Yang mengatakan bahawa nak rai, nak buat sambutan yang begitu grand tapi rakyat Seberang Takir sendiri, nelayan sendiri nak pergi ke lautpun tak boleh, jeti nelayan akhirnya kena roboh, buat jeti lain sebab itu benda-benda ini sehingga menafikan keselesaan dan hak rakyat tempatan, ini yang dipertikaikan. Kalau sama naik, rakyat tempatanpun boleh manfaat, orang luarpun boleh, boleh tahan sikit. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakaf Mempelam. Sayapun dulu ada jugak dalam Dewan ini dan Yang Berhormat bekas Seberang Takir membangkitkan tentang jeti dan Kerajaan telah mengambil perjalanan tentang orang-orang Kampung Batin yang susah untuk naik ke bot tetapi kalau kita lihat dengan adanya Monsoon Cup, industri perkapalan iaitu tiga syarikat yang telah kita berikan, telah tumbuh di Seberang Takir tu sendiri dan ini memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang Seberang Takir tetapi memanglah apabila ada sesuatu pembangunan adalah rungutan tetapi tidaklah semuanya tak elok. Kalau dulupun kita tengok nak buat jambatan di Pulau Duyong sampai ke tahun 1982 di dalam pilihan raya kita bangkitkan isu Tol, kata projek mega tapi sekarang ini jambatan tu dah jam dah, sepatutnya dulu kita buat 6 lorong tetapi oleh kerana ada tentangan daripada PAS, kita terpaksa kecilkan. Jadi inilah satu dari segi pandangan-pandangan yang positif, kita perlu jugak lihat bahawa di sebalik penganjuran Monsoon Cup ini sudah tentulah ada dari segi penjenamaan umpamanya, dari segi orang mengenali Terengganu umpamanya yang begitu subjektif untuk kita letakkan dalam nilai RM ataupun Ringgit Malaysia. Namun demikian, sudah tentulah rakyat juga melihat, rakyat juga merasa bangga apabila Terengganu dikenali di peringkat antarabangsa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Saya jemput Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin. Wassalatuwassalamu-ala Sayyidimursalin wa-imamimuttaqim wa-ala-alihi wa-ashabihi ajmain. Rabbil adqhilni mudqhalasidqi wa-aqrijni muqrajasidqin waj-alniminladunqa-sultanan-nasira.

Walahaulawalaquwata-illa billahilalilazim. Subhanaqala-ilmalana illama-anlamtana innaqa-antal-alimulhaqim. Rabbisyrahli wayasirli-amri wahlul-uqhdatan minlisani yaqqauhuqauli. Sadaqallahul-azim. Yang saya muliakan Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya kasihi, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana selepas pilihan raya kali ini rata-rata daripada Ahli Pembangkang kita masuk ke Dewan berubah sama sekali jika dibandingkan dengan tahun-tahun lepas, Alhamdulillah. Jadi saya nak mengambil kesempatan pada hari ini untuk nak ucapkan tahniah kepada 8 Wakil-wakil Pembangkang yang telah menang dalam pilihan raya yang lalu. Dan tidak lupa, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Parti Barisan Nasional kerana telah dapat dua-pertiga jumlah yang besar dan terus memerintah Negeri Terengganu. Tahniah dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh. Dalam masa yang sama saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada pihak Pembangkang dalam sehari, semalam telah banyak memberi nasihat-nasihat kepada kita, memberi teguran-teguran kepada pihak Kerajaan supaya menengok dan meneliti program-program yang akan dilaksanakan dan hari ini juga saya ingin juga menasihat dan ingin memberitahu kepada Pembangkang supaya kita sama-sama *"watawasaubilhaq watawasaubisobri"*, ingat mengingati di antara satu sama lain. Jadi berbalik kepada pilihan raya yang disebut-sebut, saya jugak teringin nak bercakap sikit pasal pilihan raya baru-baru ini jika nak dibandingkan dengan tertib dan tatasusila daripada pemimpin-pemimpin pihak Pembangkang. Dalam DUN Pengkalan Berangan, dalam Peti Undi Binjai Rendah di mana Pusat Peti Undi di Sekolah Kebangsaan Bukit Sawa di mana itulah satu-satunya peti undi di kampung saya yang berlaku sedikit rusuhan, kerakusan daripada pihak Pembangkang. Yang saya amat sedih dan rasa dukacita ialah semua orang-orang Islam, saya tak tahu sama ada Islam Hadhari ke ataupun Islam mana yang dibawa. Kalau kata Islam Hadhari tak berapa betul, macam-macamlah Islam Hadhari tak betul, tak apalah tak betulpun tapi saya tak tahu lagu mana, Islam mana pulak yang dibawa, ada di antaranya orang-orang kampung saya ditumbuknya, dirakusnya, direbutnya i.c., telekung-telekung robek habis, hak seorang tu lintang-pukang macam nak telanjang bongelnya gomol dipuak-puak tu. Yang gomol ni bukannya orang-orang sembarang, comel-comel belaka, kopiah lembek atas kepala, Allah sayang ke kopiah lembek, maruah kopiah lembek atas kepala tu, ramai-ramai, rata-rata ..... takdok seorang hak kopiah lembek ni, lepas ke mana Wakil Manir takdok, ada jugak kopiah lembek macam tu buat contoh. Jadi inilah gambaran Islam yang dia kata Hadhari tak betul, Islam mana hak yang betul? Jadi susah, saya tak reti, saya dok reti nak buat tasbih, tak boleh nak khilaf, tak boleh nak kata khilaf, khilaf jugak. Ada Exco Agama dah sebut tadi, khilaf, khilaf, sayapun tak

faham tapi saya tak tahu hak mana se ni, kalau kita tengok tatasusila, dengan rakusnya, dengan ganasnya inikah dikatakan Islam, inikah yang dikatakan parti yang memperjuangkan Islam? *"Fataqat'u amrahumbainahumzubra qulluhisbim-bimaladaihimparibu"*, jelas memperalatkan agama, nak mengelirukan mata rakyat, angkuh, sombong, sehingga 400 orang peti undi tak boleh nak keluar, takut kena tahan tengah jalan, hak gomolnya gomollah, hak budak-budak sekolah hak tak boleh nak mengundi tu duduk jugak, duk rabut ke i.c., mintak i.c., dok beri i.c., gomol lepung-lepang, lepung-lepang. Jadi inikah dikatakan tingkah laku Islam ataupun tatatusila yang dibawa oleh parti? Sebab itu pilihan raya baru-baru ini Barisan Nasionalpun menang jugak dua-pertiga, Tuhan tak reda. Jadi saya mintaklah, tolong ingat, ini nasihat belah Kerajaan ni pulak. Tolong balik royat ke anak buah ni, renunglah balik ubahlah tatatusila, jadikan *role model* Parti Islam, *"Ud'u-ilasabilirabbikabilhikmah walmau-izatilhasanah"*, kita sebut sokmo ayat tu, jadikan *role model* contoh teladan tapi dok, doknya gomol lekung-lekang, lekung-lekang. Jadi hak ni saya sedih sikit ni, jadi hak ni tolong ingat balik, tolong nasihat kepada puak-puak deme hak balik sana. Jadi hak tu sampingan aje tu, saya takmboh royat banyak, itupun saya takut satu ayat Quran (Al-Munaafiqun - ayat 4) yang memberi gambaran kepada kita: Dan apabila engkau melihat kepada kita engkau akan kagum dengan tubuh badannya, dengan pakaiannya comel lote dan engkau juga akan kagum mendengar titah kata, cara bercakap, *speaking,* dia *public speaking* dia ... Allahuakbar! Tapi Tuhan gambarkan orang ini Tuhan kata umpama batang-batang kayu yang tersandar tidak terpakai kerana tidak ada padanya kekuatan iaitu akhlak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya pohon penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya takmboh beri penjelasan, saya takdok masa Dato' Yang Dipertua, saya nak teruskan, jadi minta maaf banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Sura, dia tak bagi.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi kalau kacau-kacau saya tak dang nak habis. Jadi hak ini saya nak mintak tolong ingat, nasihat-menasihati di antara satu sama lain. Dan yang keduanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hala ke sini Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pandang ke sini.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, saya pandang ke Dato' Yang Dipertua sekarang, saya betul mike. Dato' Yang Dipertua, saya ingin ucap terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal, semalam telah menyentuh sedikit dari segi tugas-tugas saya selaku bahagian infra ini dan ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal yang menyentuh masalah air paip di Pulau Sekati semalam. Alhamdulillah, sedar juga Yang Berhormat kita nak jaga orang kampung dia. Sebenarnya di Kampung Pulau Sekati ini terdapat 40 buah rumah, 40 keluargalah yang tinggal di Pulau Sekati ini. Selama ini hidupnya memang dia syok sendiri dah dengan air telaga dia, airnya pun bagus, bersih takdok masalah. Dan selain daripada itu jugak, jadi sebelum pada ini dia tak pernah mintak, tak ada permohonanpun nak paip air, takdok, cuma yang adanya bekas Yang Berhormat Bukit Tunggal dulu, kalau tadi bekas Yang Berhormat Seberang Takir, ini hak dulu Yang Berhormat Dato' Nasir kita yang sekarang ini Ahli Parlimen Kuala Nerus. Dia telah membuat permohonan pada tahun 2007 kepada Kerajaan Negeri melalui SATU dan kita lulus pada tahun 2008 kita lulus sebanyak RM250,000.00 untuk 40 keluarga di Pulau Sekati dan insya Allah sebelum akhir tahun ini kita akan bagi, tidak ada masalah, inilah dikatakan Barisan Nasional bukan 'Barang Naik' kalau barang tak naik nak buat kerja guana .....(Dewan Gelak) .... mesti kena naik. Ini duk susah sangat, ni guana duk beza buat stadium naik ni, ni basa dia dahlah kita hidup ni dia sentiasa naik kalau tak naik susahlah. Jadi insya Allah, sebelum akhir tahun ini insya Allah orang Pulau Sekati akan dapat menikmatinya, itulah dikatakan Barisan Nasional .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Duduk, duduk, saya dok bagi laluan dah, takdok dah, saya tak bagi laluan. Itulah dikatakan Parti Barisan Nasional sesungguhnya bukannya 'Barang Naik' tetapi memberi nikmat kepada rakyat Negeri Terengganu dan saya syorkan, saya cadangkan insya Allah pada pilihan raya akan datang Barisan Nasional terus dapat memerintah Negeri Terengganu. Itu sajalah Dato' Yang Dipertua, penggulungan saya pada hari ini dan saya sudahi dengan ucapan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasihlah Pengkalan Berangan. Saya jemput Seberang Takir sebelum Menteri Besar. Sila.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Jadi saya menjurus kepada isu yang telah disebut dalam perbahasan sebelum ini iaitu berkisar tentang pendidikan. Memang kita dengar kebanyakan perbahasan yang dikemukakan adalah bercakap tentang bagaimana cara kita nak membasmi kemiskinan. Dan saya melihat bahawa kemiskinan boleh kita atasi sekiranya kita memperkasakan pendidikan. Dan di sinilah agenda Kerajaan Negeri pada sebelum ini, kini dan selama-lamanya untuk memastikan memperkasakan pendidikan itu adalah merupakan satu agenda utama terutamanya bagi kita nak membasmikan kemiskinan yang melanda ataupun yang dialami oleh sebahagian daripada masyarakat dan rakyat kita.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Jabi dan juga Yang Berhormat Air Putih yang telah mempersoalkan ataupun bertanya berkaitan bagaimana kita nak memperkasakan PMR, SPM dan STPM seperti mana yang berlaku kepada UPSR yang telah kita ketahui bahawa kehebatan kita mempertahankan 7 tahun berturut-turut memperkasakan UPSR. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebenarnya memang daripada sebelum ini di bawah kepimpinan bekas Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh sebagai mantan Menteri Besar Terengganu memang telah melaksanakan berbagai-bagai perkara, berbagai-bagai agenda dalam memperkasakan pendidikan dan insya Allah, agenda-agenda ini dan program-program yang telah dirancang dan telah berjalan masa kini kita akan perkasakan, kita akan teruskan kerana kita lihat bahawa apa yang telah dirancang, apa yang telah dilaksanakan itu memang berimpak yang sangat baik kepada rakyat kita dan juga kepada pelajar-pelajar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebenarnya peperiksaan PMR, SPM dan juga STPM sebenarnya menampakkan dan menunjukkan peningkatan. Kalau ikut daripada PMR 2004, kita dapat melihat 2006, kalau yang dapat semua A adalah 5.20 peratus, dalam tahun lepas 2007 kita telah meningkat kepada 5.99 peratus. Yang mendapat kelulusan A, B, C, D tahun 2006 - 59.53 dan 2007 - 61.45 dan begitu jugalah bagi SPM dan juga STPM. Tetapi mungkin kita tidak dapat melihat kenaikan yang mendadak seperti mana UPSR, ini kerana kita sedar dan kita tahu bahawa pelajar-pelajar yang terbaik daripada kalangan UPSR kita biasanya dia orang ini tak akan melanjutkan pelajaran di negeri kita. Mereka ini akan bertaburan ke negeri-negeri lain, masuk ke sekolah asrama-asrama penuh di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran, jadi tidak secara langsung pelajar-pelajar yang hebat yang telah kita lahirkan semasa UPSR dulu biasanya ia akan memberikan kehebatan kepada negeri-negeri yang lain. Di atas kesedaran inilah kita bagi pihak Kerajaan Negeri telah menubuhkan beberapa buah sekolah

dan berapa program termasuklah juga Sekolah Elit dan juga Sekolah Premier di mana sekarang ini Kerajaan Negeri Terengganu ada dua buah Sekolah Elit iaitu di SMK Mak Lagam dan juga SMK Lembah Bidong. Dan Alhamdulillah, pada tahun lepas PMR di SMK Mak Lagam seramai 51 orang calon kita telah mencipta sejarah 8 A seramai 15 orang, 9 A seramai 11 orang, 26 orang telah mendapat kelulusan yang begitu hebat dan peratus A, B, C, D adalah 100 peratus dan sekarang ini pelajar tersebut berada dalam tingkatan 4 dan insya Allah, pelajar ini akan meneruskan dalam SPM dan mungkin akan dapat mencipta dan juga mempertingkatkan kelulusan dalam SPM. SMK Lembah Bidong, merupakan tempat yang ketiga seluruh Negeri Terengganu dalam PMR tahun lepas di mana yang kedua adalah di SMK Sheikh Malik dan juga SMK Sultan Mahmud, PMR 2007 di SMK Lembah Bidong dari seramai 209 orang pelajar, 8 A seramai 112 orang, kita mendapat kelulusan dengan izin, *straight A* 112 orang dengan peratus 53.59 peratus dan kelulusan A, B, C, D adalah 100 peratus. Jadi ini adalah antara program-program yang kita telah laksanakan dan mungkin tidak secara langsung selepas ini kita akan bukan hanya UPSR sahaja yang hebat tetapi PMR dan juga SPM dan seterusnya STPMpun akan menjadi hebat. Di mana baru-baru ini Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan yang saya kira sangat besar iaitu kira-kira RM2.343 juta untuk diagihkan kepada lebih kurang 2,343 orang pelajar kita yang sekarang berada dalam tingkatan 6 atas yang tidak mendapat biasiswa untuk kita beri sebanyak RM1,000 bagi pelajar-pelajar yang akan mengambil STPM pada tahun ini. Ini tidak secara langsung adalah untuk membantu pelajar-pelajar tersebut untuk membeli buku dan juga untuk memperkasakan mereka bagi kita menghasilkan kecemerlangan dalam STPM pada tahun ini. Dan target untuk tahun ini yang telah diberi oleh .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ADUN daripada Tepoh, boleh? Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Menyentuh tentang soal kedudukan prestasi pelajar-pelajar kita di dalam menghadapi STPM khususnya. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah yang besar kepada pelajar-pelajar STPM yang khususnya peruntukan tersebut akan diberikan saya difahamkan pada waktu mereka berada di upper six dengan izin, tingkatan 6 atas. Kedudukan yang ada pada hari ini Dato' Yang Dipertua ialah di kalangan pelajar-pelajar kita yang berada di dalam tingkatan 6, kebanyakan mereka menjadikan tahun di enam rendah itu sebagai tahun untuk berehat, tahun untuk suka-suka dan sebagainya. Apakah tidak ada suatu perancangan pihak Kerajaan khususnya di bawah Jabatan Pelajaran contohnya untuk memastikan bahawa

pelajar-pelajar ini terus memberikan perhatian yang lebih serius terhadap pelajaran bagi maksud untuk menghadapi STPM bukan setakat di tingkatan 6 atas sahaja. Sebab itulah pencapaian-pencapaian yang berlaku dalam STPM agak kurang memberangsangkan kerana tahun enam rendah itu sebagai tahun untuk berehat dan bersuka-suka. Apakah tidak ada suatu perancangan yang strategik dalam konteks merealisasikan hasrat yang demikian? Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Tepoh. Saya rasa Yang Berhormat Tepohpun bercakap berasaskan kepada andaian. Apa yang saya kata adalah kerana kelulusan STPM pada tahun lepas berbanding tahun 2006, tahun 2006 yang mendapat lulus lima mata pelajaran ialah 5.50 peratus tetapi 2007 telah meningkat sebanyak 1.42 peratus menjadi 6.92 peratus. Jadi insya Allah, tahun ini saya difahamkan oleh Jabatan Pelajaran akan mempertingkatkan lagi dan sebenarnya saya rasa apa yang Yang Berhormat Tepoh beritahu tadi ialah pelajar-pelajar kita yang masuk tingkatan 6 rendah ini yang sudah ada dalam kepala dia itu untuk berhijrah ke tempat lain. Jadi kadang-kadang dia hanya sebagai suatu dengan izin, *transit* sahaja tingkatan 6 rendah ini, dia dah ada mintak di tempat-tempat lain jadi puas duduk di rumah pergi ke sekolah jugak, jadi inilah saya rasa yang menjadi atau menyebabkan yang isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tepoh tapi saya rasa ini tidak ramai hanya segelintir sahaja. Dan sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, ramai pelajar-pelajar kita yang menduduki STPM berjaya dengan begitu cemerlang walaupun keputusan SPMnya tidak sangat cemerlang. Sebab itulah saya rasa dan Kerajaan Negeri merasakan bahawa kita perlu beri bantuan, perlu kita beri insentif supaya memberikan satu motivasi dan suntikan semangat kepada mereka kerana kita merasakan bahawa pelajar-pelajar dalam STPM ini lebih matang, lebih bersedia untuk keluar daripada sekolah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Dan kerana itulah kita nak menggalak supaya pelajar-pelajar yang baru sahaja mendapat keputusan SPM baru-baru ini supaya mereka merasa berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka di sekolah-sekolah yang ada menawarkan peperiksaan STPM. Insya Allah, selepas ini Kerajaan Negeri akan memikirkan bagaimana untuk kita memperkasakan lagi, mungkin juga kita akan mengadakan sekolah-sekolah yang berbentuk elit untuk tingkatan 6 ini sebagai kelas pra-universiti dan sebagainya, itu dalam perancangan kitalah. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Terengganu dengan dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu akan meneruskan Program Pendidikan Terengganu Terbilang, Tuisyen Emas, dengan izin Breeding Programme, Confratute Programme, ETA (English Teaching Assitant), program tadika kita - Olympiad Mathematic, program kekeluargaan dan sebagainya yang telah kita laksanakan ini akan terus kita jalankan dan insya Allah kita akan tambah dari semasa ke semasa berasas kepada keperluan dan berasas kepada apa sahaja yang kita rasa menghasilkan kecemerlangan, insya Allah. Dan yang terbaru, kita baru sahaja meluluskan satu

peruntukan untuk melaksanakan di seratus buah sekolah rendah iaitu kepada murid-murid yang menduduki UPSR untuk kita jalankan Program Skor A. Kita baru sahaja mendapat senarai sekolah-sekolah yang berprestasi rendah, yang berada di luar bandar untuk kita laksanakan Program Skor A. Insya Allah, dengan program ini kita akan dapat macukan dan akan dapat perhebatkan lagi pendidikan di Negeri Terengganu.

Berkait dengan apa yang ditimbulkan oleh Y.B. Manir dan juga Y.B. Ladang berkait dengan Sekolah Rendah Bersepadu Terengganu. Buat masa sekarang ini Kerajaan Negeri berpendapat bahawa keputusan yang telah dibuat sebelum ini dikekalkan kerana kita merasakan satu lagi ialah dari segi tenaga pengajar. Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa tenaga pengajar kita di sekolah agama sekarang inipun telah kita serapkan kepada SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan). Di mana sebahagian daripada tenaga pengajar sekolah agama kita telah memilih untuk menyertai GSTT (Guru Sandaran Tidak Terlatih) di mana selepas ini akan diberi latihan-latihan tertentu dan akhirnya akan diserapkan menjadi Guru Tetap. Dan kita rasa kerana itulah kalau kita teruskan juga sekolah ini mungkin nasib guru-guru atau tenaga pengajar yang ada hari ini kita tidak dapat diserapkah kerana tidak seiring dengan arus pendidikan perdana yang ada pada hari ini. Jadi yang satu lagi kita berasaskan kepada prasarana dan juga kemudahan-kemudahan yang ada, kita rasa bahawa dengan pendidikan yang ada hari ini memang sudah jadi hebat dan kita teruskanlah dengan apa yang ada. Dan saya rasa itu sahajalah yang ingin saya sampaikan dan apa yang Kerajaan Negeri buat hari ini adalah tidak lain dan tidak bukan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya takmboh beri laluan dah Dato' Yang Dipertua sebab saya nak perhabis selalu ni dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia nak perhabis dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Nak habis dah ni. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa apa yang Kerajaan buat hari ini tidak lain dan tidak bukan adalah memastikan kecemerlangan kepada pelajar-pelajar kita dan akhirnya pelajar-pelajar kita ini akan menjadi hebat dan kita akan melihatlah bahawa taraf kemiskinan rakyat kita akan kita dapat kurangkan ke tahap yang maksimum.

Itu sahaja, terima kasih kepada semua. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam warahmatullah. Terima kasih Seberang Takir. Dijemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat Tengah Hari. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana sama-sama kita dapat membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua belas. Dan saya percaya bahawa saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang telah menyampaikan ucapannya yang menyentuh berbagai perkara sebagaimana yang telah kita bahaskan. Dan saya ingin menyentuh tentang dua perkara sahaja di sini, pertama soal kemiskinan dan dari segi angka-angkanya banyak di kalangan Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat mempertikaikannya dari segi kesahihan dan juga berbagai-bagai spekulasi, pendekatan yang telah digunakan. Walaupun kadangkala kita merasakan rimas, bimbang, takut, curiga dan sebagainya tapi yang pasti bagi saya ialah kadar kemiskinan di Negeri Terengganu pada hakikatnya semakin berkurangan. Kalau kita melihat dari segi sejarah, walau di dalam ucapan disebut: Kemiskinan 2004 di Terengganu ialah 15.4 peratus, 2007 telah berkurangan 6.5 peratus dan dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal, kita lebih rendah daripada angka peringkat nasional 3.68 peratus. Yakinlah bahawa mengikut statistik yang ada pada kita semasa kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kira-kira hampir 51 tahun yang lalu kadar kemiskinan di Negeri Terengganu ialah 89.9 peratus dan hari ini kita melihat perubahan bukan sahaja dari segi perumahan, dari segi kehidupan, dari segi wajah-wajah anak Terengganu, dulu dengan penuh kemiskinan, saya sendiri anak orang miskin tinggal di rumah berlantaikan nibung beratapkan rumbia makan gadung ketika musim hujan tapi hari ini jauh berbeza walaupun dikatakan kemiskinan kita masih tinggi. Insya Allah Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mempastikan keadaan ini akan bertambah baik di dalam perancangan di tahun-tahun yang akan datang. Di samping itu, disebut juga bahawa dari segi pembinaan rumah di bawah kepimpinan Dato' Seri Idris Jusoh sebagai legasi Menteri Besar kita yang terdahulu sebanyak 5,000 buah rumah PPRT telah dibina dan 5,000 rumah telah dibaiki. Dan insya Allah, legasi ini akan saya teruskan sampai bila-bila. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh yang telah

memimpin Negeri Terengganu sejak lebih hampir 4 tahun yang lalu dan segala perancangan-perancangan yang telah dibuat yang kita terima pada hari ini sebagai perubahan yang dilakukan di bawah kepimpinan beliau. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas jasa pengorbanan yang disumbangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh ...(Tepukan Sokongan) .... Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada beliau kerana telah berjaya memimpin Negeri Terengganu untuk terus menguasai Kerajaan dan mendapat kemenangan dua-pertiga. Dan insya Allah, saya yang telah diberi amanah untuk meneruskan perkhidmatan beliau akan menunaikan tanggungjawab ini dengan penuh amanah. Saya pohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tegur dan bimbinglah saya agar segala apa yang kita lakukan ini mendapat keberkatan Allah S.W.T. hendaknya. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Dewan kerana terpilih sebagai Yang Dipertua Dewan pada kali ini.

Dan saya hendak menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan pertamanya oleh Yang Berhormat ADUN Ladang iaitu mengenai longkang yang tersumbat dan sebagainya. Saya percaya bahawa kesilapan yang lalu akan kita perbetulkan. Saya telah beritahu kepada Majlis Bandaraya, JPS dan sebagainya kerana saya dapati longkang-longkang utama kita yang berada di bandar ini sebahagiannya mengalir keluar ke laut, ini satu sistem yang tak betul. Bila bertembung antara air laut dan air yang turun itu sudah tentu longkang ini akan tersumbat dan akan menimbulkan bau busuk yang kurang menyenangkan. Sebab itulah pada beberapa tahun yang lepas kita telah membuat perubahan-perubahan dan perubahan ini akan kita teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Berhubung dengan longkang ini saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat dan pihak Kerajaan tentang jalan yang baru dibina, jalan sehala di kawasan Marang dan mungkin sebahagiannya dalam kawasan Kuala Terengganu. Di sana terdapat longkang-longkang yang baru dibina yang tidak diselaraskan dengan keperluan bukan sahaja kawasan banjir yang perlu ada longkang yang dalam. Dan di sana ada kawasan yang tak mengalami masalah banjir, kawasan berpasir yang pasirnya boleh serap air, airnya boleh serap, dibuat dalam juga dan ini menjadi masalah dan saya bimbang masalahnya pengurusan longkang selepas itu dan akan berlaku pulak pembiakan nyamuk

dan sebagainya dan saya ingin perkara ini menjadi perhatian Kerajaan untuk dilihat dan diteliti dengan sewajarnya. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Wakil Rhu Rendang. Saya sedar tentang perkara ini dan sayapun telah buat teguran kepada pihak JKR tapi malangnya bukan JKR Terengganu terlibat dengan pelan itu, ia dibuat oleh JKR Pusat/Ibu Pejabat kerana saya temui ada juga, saya harus berterus terang ada longkang yang dua *line* di setengah kawasan macam lebuh raya jugak dua lorong. Dan ini hendak kita perbetulkan di masa-masa yang akan datang, saya akan mengambil perhatian di atas teguran dan pandangan yang dibuat oleh ADUN Rhu Rendang ini.

Yang keduanya, mengenai tandas awam di Perhentian Bas Terengganu. Kita telahpun menswastakan tandas-tandas di Terengganu ini dan keadaannya bertambah baik dan saya berharap bahawa ianya tidak berlaku lagi selepas ini.

Yang ketiga, mengenai masalah tempat meletak kereta sebagaimana dibangkitkan di Kuala Terengganu ini. Inilah masalah yang kita hadapi kata orang pembangunan dalam sebuah kampung. Kalau di Terengganu kita nak buat bangunan pencakar langit masih belum mampu dimiliki oleh kebanyakan orang, mahu tak mahu kita buat rumah kedai tiga tingkat atau empat tingkat, jadi bila melibatkan bayaran terlalu tinggi mereka kena serahkan tempat letak kereta mereka sanggup bayar dan menyebabkan ruang meletak kereta semakin berkurangan. Kalau bangunan 15 tingkat barangkali kita boleh buat *basement car park* dengan izin Dato' Yang Dipertua tapi walau bagaimanapun Kerajaan telah memutuskan untuk membina beberapa kawasan tambahan tempat meletak kereta termasuk di depan Pejabat Pos yang mana kita memperuntukkan sebanyak RM4 juta telahpun dikeluarkan untuk buat *sub-basement* kawasan yang berkenaan. Masalah yang kita hadapi ialah sikap orang Terengganu sendiri yang tak sanggup berjalan agak jauh sedikit dengan tempat mereka hendak pergi beli-belah. Kalau di Kuala Lumpur mereka sanggup letak di bangunan 3 - 4 tingkat berpusing-pusing, berjalan jauh tapi di tempat sendiri kalau boleh dia hendak letak di situ tempat dia pergi beli di situlah tempat dia letak kereta. Sebab itulah dulu Pasar Maghrib laku sebab dia turun kadang-kadang nak beli ikan tak payah turun kereta, pakai buka skrin beli terus, bila kena berjalan mereka malas sebab itulah masyarakat kita ramai yang gemuk dan semakin banyak yang berpenyakit Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga terpaksa menjelaskan barangkali beberapa kekeliruan ataupun bagi saya kenyataan-kenyataan yang tidak benar kerana saya bimbang kalau ianya dibiarkan berterusan ia akan menimbulkan fitnah dan kita tidak mahu fitnah ini berterusan dan merosakkan kita. Yang pertama, saya tertarik kepada apa yang disuarakan oleh ADUN Ladang kelmarin

dan walaupun telah diberikan jawapan oleh Wakil daripada Batu Rakit tapi saya ingin jelaskan secara terperinci mengenai Kiblat masjid yang terdapat di Taman Tamadun. Kita telahpun membuat bacaan sebagaimana yang diputuskan dan saya ingin baca sijil yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu. Ini dalam tulisan jawi Dato' Yang Dipertua, nasib baik belajar jawi gok dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila baca Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Maksud firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 149: "Dan dari mana sahaja engkau keluar untuk mengerjakan solat maka hadapkanlah muka kamu ke arah Masjidil Haram iaitu Kiblat dan sesungguhnya perintah berkiblatkan ke Kaabah itu benar dari Tuhanmu dan ingatlah Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu kerjakan." Jadi mengenai ini lokasi Lot 816, Masjid Pulau Wan Man, Mukim Pulau-Pulau, Kuala Terengganu. Tujuan: Pengesahan Arah Kiblat Masjid. Latitud: 5 darjah 19 minit 20 saat. Longitud: 103 darjah 7 minit 20 saat. Azimut Kiblat: 291 darjah 20 minit 8 saat. Peralatan digunakan: Total Station GPT 3005 W. Tarikh Ukur: 7 April 2008 bersamaan 30 Rabiulawal 1429. Arah Kiblat yang ditunjukkan dalam masjid ini adalah betul mengikut Ijtihad Zanani. Disahkan oleh: Alias bin Abdullah, Mufti Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengesahan arah Kiblat ini telah dibuat beberapa kali sebelum pembinaan, semasa pembinaan dan selepas pembinaan. Dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa peralatan yang digunakan untuk kerja ukur adalah sejenis Tudor Light Topcone GPT 3005 W. Manakala mungkin yang disebut oleh Wakil Ladang itu kawan beliau menggunakan peralatan yang kecil, kompas dan sebagainya yang tidak dapat memberikan keputusan yang tepat kerana mungkin dipengaruh oleh kuasa magnetik iaitu kesan kuasa magnetik agak kuat di dalam masjid kerana struktur utamanya adalah besi keluli. Ini adalah penjelasannya dan saya berharap perkara ini tidak berbangkit lagi dan saya bimbang kalau-kalau ia membawa fitnah kepada kita semua.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin memperbetulkan keadaan yang dikeluarkan oleh ADUN Batu Burok mengenai isteri Kamaruddin yang katanya anak saudara Patrick Lim. Ini juga saya mintak supaya ianya tidak berulang dan elakkan diri kita daripada fitnah. Setahu saya isteri Kamaruddin adalah anak kepada Allahyarham Dato' Abdullah bin Omar iaitu bekas Pengerusi Eksekutif KFC, berasal dari Muar, Johor dan tidak ada kena mengena dengan Patrick Lim. Saya mohon supaya ianya tidak dibangkitkan di lain-lain masa

atau di dalam ceramah-ceramah kerana kita memfitnah orang adalah suatu perkara yang tidak seharusnya berlaku kerana kita umat Islam.

Dato' Yang Dipertua, saya tidak bercadang berucap lebih panjang pada kali ini, jadi sekali lagi saya bersama rakan-rakan mengucapkan terima kasih di atas pandangan, sokongan dan kerjasama diberikan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja Terengganu .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon sedikit penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: ..... sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Kedua Belas dan sekali lagi penghargaan bagi pihak Kerajaan Negeri di atas ucapan. .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takdok dah Yang Berhormat, dah habis Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, penggulungan daripada pihak Kerajaan telahpun selesai dan saya ucap tahniah kepada pihak Kerajaan dan saya mintak Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian kita bersabar dulu perut kita. Sekarang saya buka kepada Dewan, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:***
>
> 1. *Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri* - *Pengerusi*
> 2. *Y.B. Dato' Haji Din bin Adam*
> 3. *Y.B. Haji Ramlan bin Ali*
> 4. *Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof*
> 5. *Y.B. Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar*
> 6. *Y.B. Ir. Rosli bin Othman*
> 7. *Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak digantikan dengan* ***Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut***
> 8. *Setiausaha, Dewan Undangan Negeri* - *Setiausaha*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan –

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:***
>
> *1. Y.B. Haji Alias bin Abdullah - Pengerusi*
> *2. Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah*
> *3. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh*
> *4. Y.B. Haji Nawi bin Mohamad*
> *5. Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail*
> *6. Y.B. Abd. Halim bin Jusoh*
> *7. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli diganti dengan* ***Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib***
> *8. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri - Urusetia*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Saya mohon menyokong usul tersebut.

> *Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001,** dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001,** dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001,** dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 8 bagi memberi kuasa melantik dan budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menentukan dan melantik mana-mana orang menjadi anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu (MAIDAM).

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 11 bagi memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 13 yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 8.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin. Assaltuwassalmualarasulihilkarim Sayyidina Muhammadin wa-ala-alihi wa-ashabihi ajmain.

Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang Pemerhati yang dihormati lagi dirahmati oleh Allah S.W.T. Terima kasih Yang Dipertua kerana memberikan keizinan kepada saya sedikit berucap sebagai penyokong terhadap pindaan terhadap Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan sebentar tadi meskipun dalam suasana masa yang tidak sangat sesuai untuk berucap dan berbahas. Apapun yang pasti dengan peluang dan masa yang ada ini insya Allah saya pergunakan dengan sebaiknya bagi maksud memastikan supaya apa yang dimaksudkan melalui Rang Undang-Undang Pindaan ini dapat difahami bersama oleh seluruh warga Dewan sekaligus kepada semua kita bahawa sesungguhnya apa yang hendak dilaksanakan itu merupakan suatu perkara untuk kita mencari kebaikan bersama.

Secara keseluruhannya, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mendahulukan di antara pindaan-pindaan terhadap undang-undang dan enakmen-enakmen negeri dengan membawa pindaan terhadap khususnya Seksyen 8 di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu tahun 2001 di mana pada keseluruhannya adalah berkaitan dengan persoalan untuk mengembalikan semula kedudukan fungsi Duli

Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Negeri. Justeru itu, pindaan sebagaimana yang telahpun dibentangkan sebentar tadi sebenarnya secara kasarnya bermaksud untuk memberi kuasa budibicara mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik Ahli-ahli Majlis khususnya yang disebutkan di sini ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Dan pada masa yang sama budibicara mutlak untuk membatalkan keanggotaan Ahli-ahli Majlis tanpa perlu lagi nasihat daripada Menteri Besar dan selebihnya anggota-anggota yang akan dilantik itu sebenarnya tidak lagi secara automatik menjadi Ahli-ahli Majlis sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 8 yang asal Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Terengganu 2001 sebagaimana yang ada dalam Bekalan 8 (1)(c). Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, di sini saya tidak ingin menyebutkan tentang soal hak dan bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk bertindak bagi maksud melantik Ahli-ahli Majlis tetapi apa yang saya ingin sebutkan di sini sebagai suatu kefahaman kita bersama bahawa sesungguhnya pindaan yang dilakukan ini sebenarnya lebih kepada membawa maksud untuk memberikan suatu kekuatan kepada kedudukan agama Islam dan kedudukan Tuanku sebagai Ketua Agama bagi negeri khususnya negeri kita Negeri Terengganu. Apabila pindaan ini dilakukan, ini dapatlah kita buat kesimpulan bahawa sesungguhnya mereka yang akan dilantik menjadi Ahli-ahli Majlis tersebut adalah mereka yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan ertinya mereka itu adalah mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan, justeru itu kepada semua pihak khususnya kepada Pembangkang saya ingin sebutkan di sini bahawa sebarang perkara yang diputuskan oleh Majlis yang saya maksudkan sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu khususnya melibatkan soal pentadbiran keagamaan di negeri ini perlulah diterima dengan secara sebaik-baiknya, tidak mahu lagi timbul perkara-perkara sebelum ini apabila arahan-arahan dikeluarkan oleh pihak Majlis atau Jabatan Agama itu sendiri dipertikaikan oleh pihak Pembangkang. Dan saya berkeyakinan di antara sebab yang menjadikan pindaan ini perlu untuk dikemukakan adalah kerana pindaan ataupun enakmen pindaan ini adalah sebenarnya cuba untuk mengembalikan kepada kedudukan kuasa Sultan yang awal khususnya di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu Bil. 12/1986 yang telahpun memperuntukkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik Ahli-ahli Majlis. Cuma pada tahun 1996 berlaku sedikit pindaan yang akhirnya mewujudkan seksyen di mana seksyen yang wujud dalam seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Terengganu Tahun 2001 iaitu di antaranya disebutkan Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan yang lain-lainnya sebagai Ahli Majlis. Sebenarnya apa yang saya lihat dalam soal ini ialah kerana sebelum ini kedapatan suatu unsur penyalahgunaan kuasa di dalam Majlis atau MAIDAM itu sendiri, sebagai contohnya apabila undang-undang ini diteruskan ataupun seksyen ini diteruskan dengan pindaan yang telah wujud pada tahun 2001 banyak pindaan terhadap seksyen-seksyen tahun 2001 ketika mana PAS memerintah. Apabila Menteri

Besar ketika itupun menjadi Yang Dipertua MAIDAM berlaku sekitar tahun 1999 hingga tahun 2004 yang menyalahgunakan kedudukan MAIDAM itu sendiri sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan saya daripada Wakil Batu Rakit sebentar tadi. Wujudnya penyelewengan dari segi kewangan Majlis dengan membeli sebagai contohnya *projector* untuk diberikan kepada DUN-DUN, ini berlaku pada masa pemerintahan PAS. Wujudnya jugak soal memberikan bantuan kewangan bagi mengadakan hari-hari keluarga di DUN-DUN pada zaman pemerintahan PAS. Begitu jugak dengan berlakunya pemberian bantuan yang disifatkan Biasiswa MAIDAM kepada anak-anak Exco, saya bukan nak membangkitkan tetapi nak menyebutkan bahawa wujudnya unsur-unsur yang disifatkan sebagai ke arah penyelewengan. Bukan kita katakan anak Exco itu tidak boleh untuk nak menerima Bantuan MAIDAM kerana atas nama 'asnaf' atau 'fisabilillah' tetapi bila dilihat dari segi kewajaran, wajar atau tidak anak seorang Exco diberikan Bantuan MAIDAM untuk belajar di luar negara sedangkan mereka ini merupakan orang-orang yang mendapat pendapatan yang tinggi sebab itulah kita katakan ini di antara unsur-unsur penyelewengan yang berlaku di sekitar tahun 1999 - 2004 yang berlaku terhadap MAIDAM itu sendiri. Dan saya katakan bahawa dengan mengembalikan pindaan tersebut memberikan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik Ahli-ahli Majlis, sebenarnya untuk memastikan supaya MAIDAM itu sebenarnya tidak diperalatkan dalam konteks politik itu sendiri. Sebab itulah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat 2 minit lagi kalau panjang?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya cuba ringkaskan. Saya nak sebutkan di sini, apabila saya meneliti balik kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu Tahun 2001 yang berada di tangan saya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kebanyakannya ..... sebab itu saya mintak sebenarnya dilihat secara menyeluruh, kebanyakannya Enakmen ini pada tahun 2001 dibuat dengan meletakkan kuasa MAIDAM/Majlis itu sendiri antaranya saya nak sebutkan di sini ialah kuasa menyelenggara masjid, kuasa membuat sekatan terhadap penubuhan masjid dan seumpamanya, soal khutbah dan sebagainya ialah kuasa MAIDAM, sebab itu saya mintak tolong kepada Wakil-wakil Pembangkang selepas ini kalau kita nak bercakap soal kesepaduan, soal perpaduan, soal tak nak timbul pecah belah, kita mintak supaya Pembangkang pada hari ini hormatkan kepada Majlis, apabila kita hormat kepada Majlis ertinya kita hormat kepada Sultan sebenarnya. Kita tak nak lagi wujud masjid-masjid yang dibina yang mana sembahyang Jumaatnya dilakukan dalam satu mukim secara dua dan sebagainya punca politik, kerana kepentingan politik, sekiranya Pembangkang khususnya PAS menganggap bahawa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, penjelasan sikit Yang Berhormat. Soal masjid satu kampung, satu mukim lebih daripada satu, kawasan saya ada satu kampung dua masjid daripada dulu takdok masalah. Kampung Paloh ada dua masjid, Sungai Rengas ada dua masjid, takdok masalah apa-apa. Jangan duk jadi isu nak mengaitkan isu tersebut dengan nak cari pasal dengan kita padahal itupun masjid waktu Barisan Nasional, kita takdok masalah apa-apa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya takdok komen, masa saya pendek. Cuma saya nak sebutkan konsepnya di sini kita nak mengelakkan berlakunya banyak masalah dalam konteks kaedah *Usul Fiqh* itu sendiri *Dar-ul mafaasiq faqaddam alajalbbilmasaalih,* kita kena berusaha untuk mengelakkan berlakunya kerosakan-kerosakan lebih didahulukan daripada melakukan perkara-perkara kebaikan, soalnya di sini rosak itu cukup *malqalah* sebab itu dalam perbahasan Wakil Pembangkang semalam menyebut tentang soal di kalangan Wakil-wakil BN ini derhaka kepada Sultan. Kita sendiripun tak pernah mendengar pihak Sultan, pihak Istana mengatakan kita menderhaka, mereka menyebutkan kita menderhaka sebab itu saya nak sebutkan di sini, saya nak mencabar sekiranya betul Pembangkang adalah merupakan hero kepada Istana, yang dianggap tidak derhaka kepada Istana .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ayat akhir, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): .... saya mintak supaya hormatkan kepada MAIDAM yang mana induk kepada MAIDAM itu adalah Tuanku, justeru itu kita mintak supaya masjid yang mana mereka dakwa mereka dirikan sembahyang tanpa kebenaran itu hapuskanlah kerana yang tidak membenarkan membina masjid itu adalah MAIDAM dan bila tidak benarkan mendirikan tempat iaitu masjid itu MAIDAM adalah yang tidak membenarkannya adalah Tuanku, hormat serta berikan taat setia kepada Tuanku. Begitu jugak dalam soal yang lain, kita mintak khutbahpun macam yang disebutkan, baca, baca doa. Ini tidak, ada yang Khatib tak bacapun doa kepada Tuanku, ada di kalangan Khatib yang baca doa kepada Tuanku waktu masuk sahaja nak doa kat Tuanku, mula-mula angkat tangan berdoa kaum Muslimin, bila sampai kat Tuanku saja ada yang tak nak doa, letak tangan dan sebagainya, ini pernah berlaku. Sebab itu kita mintak kalau benar Pembangkang merupakan orang sebenar yang taat kepada Istana, taat kepada Tuanku tolong pastikan selepas ini soal-soal yang seumpama itu yang menjadi perpecahan dalam masyarakat tolong kita atasi bersama kerana ia merupakan suatu yang dikehendaki oleh pihak Tuan, pihak Istana sendiri. Cuma saya mintak sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berapa ayat tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya tak tahulah nak berapa ayat ni, sikit aje. Cuma saya mintak supaya selepas ini pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Isi terakhirlah, isi terakhir. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kerajaan bukan setakat untuk meminda seksyen ini sahaja, saya minta juga supaya selepas ini perlu dilihat Enakmen Pentadbiran 2001 ini secara keseluruhan kerana saya cukup sedih bila melihat tidak ada fungsi sebenarnya secara rasmi, secara undang-undang fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Dalam Enakmen Pentadbiran 1986, terdapat kenyataan fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, sebagai contohnya dalam seksyen 2 bila seksyen melibatkan soal tafsiran, bila disebutkan jabatan itu ertinya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu tetapi saya tengok dalam banyak undang-undang, enakmen yang ada, Enakmen Tahun 2001pun tak adapun menyebut tentang jabatan, yang hanya ada ialah tentang pelantikan Pesuruhjaya sahaja tetapi Pesuruhjaya tak tahu nak duduk dekat jabatan mana. Soal urusan masjid sudah duduk di bawah MAIDAM, soal yang lain semuanya duduk di bawah MAIDAM. Kalau dahulu MAIDAM adalah merupakan badan induk, Jabatan Agama adalah merupakan badan pelaksana tetapi melalui Enakmen Tahun 2001 ini yang menjadi badan induk dan menjadi badan pelaksana segala urusan, nak keluarkan tauliah apa semua Imam, hal zakat, hal apa semua, sekatan terhadap mendirikan masjid semuanya di bawah kuasa Majlis, MAIDAM tapi kuasa jabatan tidak ada. Saya menyebutkan di sini supaya kita perlu melihat kedudukan hari ini meskipun Jabatan Agama yang menjalankan kerja tapi saya bimbang kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Agama itu sebenarnya tidak mengikuti kehendak Undang-undang dan Enakmen yang ada kerana mereka sebenarnya tidak mempunyai fungsi dan bidang kuasa yang sebenarnya, yang ada fungsi dan bidang kuasa ialah Pentadbiran MAIDAM itu sendiri. Dan saya fikir mungkin perkara ini boleh dibincang di lain-lain masa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana masa yang tidak mengizinkan saya untuk berucap pada hari ini dan saya mohon untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya buat keputusan, saya nak tanya ramai lagi ke yang hendak berucap, cuba beritahu saya dengan angkat tangan? Ada dua, Yang Berhormat lain. Jadi kita ada dua ucapan lagi, kita dah lewat pukul 1.45 dah ni. Saya ingat insya Allah, kita sambung sebelah petang untuk menghabiskan

mesyuarat kita ini. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita tangguh mesyuarat untuk sementara waktu ini, saya ingin maklumkan satu, dua makluman iaitu seperti hari kelmarin jugak, pada hari ini jamuan kita sediakan, kelmarin Yang Amat Berhormat Menteri Besar belanja, hari ini Dato' Speaker belanja. Kita jemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan sekalian ke Tingkat 18, kepada Pemerhati semua ada jamuan kerana di Tingkat 18 tak berapa muat, kita sediakan di foyer/lobi Dewan kita ini. Kita jemput semualah hadir sebab kelmarin banyak makanan tak dihabiskan, membazir. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan mesyuarat kita ini kepada petang karang pukul 2.40 petang tepat.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.46 PETANG.

Pukul 2.40 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita teruskan Persidangan kita pada petang ini. Saya jemput Wakil Manir untuk berucap. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Saya meminta maaf kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengganggu sedikit masa Ahli-ahli Yang Berhormat dan jugak tuan-tuan, puan-puan sekalian. Dan saya tidak sangka Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan akan menangguhkan Dewan untuk berehat maka saya cuba untuk mencapaikan sedikit pandangan saya berkaitan dengan pindaan Undang-Undang, berkaitan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu yang dipinda pada tahun 2008 ini. Pada keseluruhannya sebagaimana yang dibentangkan pindaan ini adalah bertujuan bagi memberi kuasa budibicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Sultan untuk menentukan dan melantik mana-mana orang menjadi anggota Majlis Agama Islam Dan Adat-adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Pertama sekali yang seksyen 8 yang berkaitan dengan keanggotaan Majlis. Di sini nombor baru yang diadakan iaitu 8(1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut iaitu seorang Yang Dipertua. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, saya masih ingat beberapa perubahan yang berlaku di dalam negeri ini khususnya berkaitan dengan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan ataupun kedudukan Yang di-Pertuan Agong yang mana pada suatu ketika pernah berlaku di peringkat Pusat. Perubahan ataupun pindaan kepada Perlembagaan untuk menghadkan kuasa Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kuasa Yang di-Pertuan Agung yang mana kita tahu bahawa salah satu daripada keanggotaan Parlimen itu ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mana-mana Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menjadi undang-undang ialah untuk mendapat persetujuan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan yang akhirnya dipinda dijadikan Yang di-Pertuan Agong sama ada bersetuju atau tidak satu-satu Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberi tempoh selama sebulan walaupun Yang di-Pertuan Agong tidak bersetuju tapi Rang Undang-Undang itu menjadi undang-undang. Perkara ini melarat kepada negeri dan ada negeri-negeri dan saya rasa banyak negeri yang tidak dapat dipinda dan dalam banyak negeri-negeri itu ialah Negeri Terengganu yang telah berlaku pindaan untuk menghadkan kuasa Duli Yang

Maha Mulia Sultan Terengganu dan pada masa itu sama ada usaha untuk menarik/menghadkan kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ataupun Sultan ialah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sama ada peringkat Pusat atau Negeri Terengganupun adalah atas usaha Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO. Pada masa itu PAS memberi peringatan kepada pihak Istana bahawa pindaan ini adalah suatu langkah untuk menarik sebahagian daripada kuasa-kuasa yang dimiliki oleh Yang di-Pertuan Agong dan juga oleh Raja-Raja Melayu di peringkat negeri-negeri. Itu sejarah Kerajaan Terengganu telah meminda Perlembagaan yang mana Duli Yang Maha Mulia Sultan sama ada setuju, tidak bersetuju dalam masa satu bulan satu Rang Enakmen bila telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri maka akan menjadi undang-undang. Ekoran daripada itu ialah satu pindaan jugak dibuat tentang Pentadbiran Hal Ehwal Agama yang selama ini ialah Hal Ehwal Agama ini dikuasai, dimiliki kuasa sepenuhnya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan tapi bertukar menjadi bahawa Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu itu dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu sebelum daripada tahun 1999. Dan bila Kerajaan berubah pada tahun 1999 sehingga 2004 perkara itu tidak dipinda dan dikekalkan walaupun berlaku pindaan terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Negeri Terengganu tetapi yang itu masih dikekalkan di mana yang menjadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam Adat Melayu itu ialah Menteri Besar dan maka dengan pindaan ini saya nampak diberi kuasa sepenuhnya Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik keanggotaan, keanggotaan itu termasuk Yang Dipertua, apakah Yang Dipertua itu jugak berubah dalam Enakmen baru memansuhkan bahawa Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu itu yang dipengerusikan atau yang di Yang Dipertuakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan itu satu penjelasan yang saya mintak?

Yang keduanya, semua ini berlaku bukan orang PAS buat, yang berlaku itu ialah di bawah Kerajaan yang lalu di bawah pimpinan UMNO. Saya nak mengingatkan kepada Ahli-ahli Dewan, yang baru masuk Dewan supaya tidak mengambil kesempatan ini untuk menyalahkan suasana dan keadaan mungkin berubah, Kerajaan baru ini membuat satu pindaan dan saya tidak tahu pindaan ini bertolak daripada krisis yang berlaku sebelum pelantikan atau dalam usaha melantik Menteri Besar Negeri Terengganu selepas Pilihan Raya Umum Yang Ke-12 maka berlakunya ini. Cuma saya nak mengambil kesempatan supaya peluang ini tidak diambil kesempatan oleh sesetengah orang untuk membincang perkara-perkara lain yang menuduh PAS tidak hormati Istana, tak baca doa kepada Sultan dan sebagainya. Sepanjang empat tahun pemerintahan PAS di Negeri Terengganu ini, kita boleh rujuk balik teks-teks Khutbah yang diedarkan ke seluruh negeri ada ke tidak doa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Dan kalau ini tidak ada boleh dibuktikan maka satu perkara yang boleh kita sama-

sama bincangkan tapi kalau tidak ada tidak sepatutnya kesempatan ini menerang semata-mata dengan tidak menoleh dan tidak melihat perkara yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Manir, memanglah pada waktu PAS mengambil alih pemerintahan atas nama masjid-masjid yang berada di bawah tadbiran khususnya Jabatan atau Majlis itu sendiri memanglah adanya teks-teks Khutbah itu adanya doa kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas nama Kerajaan yang memerintah. Yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi ialah berkaitan dengan tempat-tempat, masjid-masjid yang memang orang PAS duduk berjumaat. Sebagai contohnya saya sebutkan, Masjid di Batu 6, Masjid di Pengkalan Berangan, ini bukan masjid hak Kerajaan ni, memang takdokpun dia baca doa kepada Tuanku, bahkan hak masjid Kerajaanpun yang ada bacaan doa kepada Tuanku ada di kalangan makmum pengikut PAS ketika mana doa kepada Tuanku dibacakan tidak angkat tangan pada waktu itu, turun balik dengan menyebutkan bahawa tak perlu berdoa kepada Tuanku, Tuanku entah-entah baik ke tak baik, doa kepada Muslim cukuplah, ini yang berlaku yang dibawa oleh kepimpinan dan jugak pengikut-pengikut PAS yang ini saya sebutkan dalam soal ini dengan pindaan ini kita harapkan supaya kepimpinan PAS mesti bertanggungjawab terhadap Khutbah Jumaat dan sebagainya di masjid-masjid mereka dan kedudukan berjumaat yang ada di masjid-masjid mereka sama ada mereka buat itu atas dasar ikut atau tidak kehendak MAIDAM dan kalau tak ikut ertinya tak ikut MAIDAM dan tak ikut kepada kehendak Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, isu ini berapa kali dah saya jawab dalam Dewan tapi budak Tepoh ini dia cuba 'ngap' mungkin nak kempen untuk boleh bertanding sekali lagilah dalam pilihan raya akan datang. Saya dah jawab berapa kali dah, berjela-jela dengan hujah tapi saya rasa saya tidak perlu ulang supaya Dewan kita ini tidak berjalan dengan tidak ada manfaat dan faedah. Kita jangan tuduh orang saja, zaman kita PAS memerintahpun ada orang UMNO yang diri yang buat masjid yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan tapi saya pada masa itu diamanah menjadi Pengerusi Hal Ehwal Agama, di antaranya kawasan tu kawasan DUN Batu Rakit .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mintak celah sikit ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu saya tak bagi lagi ni. Saya takdang cakap lagi, duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Jangan duk sebut-sebut sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang sebut tu jadi kawan saudara yang menyebutnya kalau tidak saya tak nak sentuh. Masjid Gelung Gajah, Masjid Padang Kemunting dengan Gelung Gajah dekat tu aje. Gelung Gajah tu surau, asalnya rumah orang buat surau dia buat masjid buat Sembahyang Jumaat, kita tak ambil tindakan kita pergi menyiasat. Saya pergi sendiri, saya ukur kawasan itu sejauh mana, ada sebatu lebih kurang. Dia kawal walaupun Kerajaan dulu tidak iktiraf dia nak buat jugak, dia selesa nak sembahyang di situ, kita usahakan mintak Jabatan Hal Ehwal Agama supaya menyiasat dan seterusnya meluluskan untuk Sembahyang Jumaat di situ, takdok masalah. Masjid di kawasan Jabi, Tok Dat dengan masjid yang sebelumnya, jadi pentadbiran dulu tidak meluluskan Masjid Tok Dat kerana dikatakan berdekatan dengan masjid yang sedia ada sebelum tu, saya tak ingat nama apa Wakil Jabi boleh membantu saya mengingatkannya. Bila kita pergi siasat dia boleh, dalam Islam boleh, dekat lagipun boleh, jadi kita benarkan dia sembahyang. Jadi supaya tidak berlakunya adanya masjid sembahyang dengan tidak adanya keizinan Jabatan Hal Ehwal Agama di bawah pentadbiran MAIDAM, kita kena fleksibel dalam perkara ini sebab kitapun kita rajin pergi jalan ke luar negeri jugak. Kita tengok di Mesir, Masjid Al-Azhar di sebelah kiri jalan, Masjid Hussain di sebelah kanan jalan, dia Sembahyang Jumaat takdok apa-apapun. Lepas itu kita pergi Madinah .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya takmboh beri jalan kat dia. Takmboh beri sebab acap dah, pilihan raya dulu dia cakap dah, saya dah beri jawapan. Saya takmboh beri jalan hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Takut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya takmboh beri bukan takut, takut apa Wakil tu, saya tahu dah setara mana. Saya dari tahun '80 duduk dalam Dewan dari tahun Dato' Seri Wan Mokhtar, saya tak takut lawan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak marah ke tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, dok marah, saya cerita aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, memang niat baik kita ada nak serah balik kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagaimana dulu-dulu diserah dan ditinggalkan zaman penjajah dulu kita nak beri balik. Sepatutnya Duli Yang Maha Mulia Sultan diberkuasa lebih lagi bukan kuasa agama sahaja, kalau kita bagi kuasa agama kat dia, dunia tak beri, makna apa? Erti tiada pemisahan agama dengan politik benda-benda ini, kita orang Islam takdok. Agama tidak ada pemisahan, dia agama Islam tu dia ada semua, bahagian pentadbiran ibadat seperti Haji, puasa dan sebagainya, ada bahagian kewangan, bahagian pentadbiran dan sebagainya. Jadi apa salahnya kalau nak beri, kita buat satu perubahan besar, kita pahat lagi sejarah Negeri Terengganu. Kita pahat lagi satu sejarah baru, Duli Yang Maha Sultan yang memerintah negeri ini dengan segala kadaulatannya tetapi dalam waktu yang sama dia boleh budibicara menurunkan kuasanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepada Exconya. Apa salahnya, kita buat pindaan perlembagaan. Pengalaman sayanya sebelum daripada Menteri Besar menjadi Pengerusi kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu ini segala pelantikan Imam, pelantikan jenis yang berkaitan dengan agama, masjid ini semua atas nama Duli Yang Maha Mulia Sultan. Nak pecatpun atas nama Duli Yang Maha Mulia Sultan: "Duli Yang Maha Mulia Sultan perkenan untuk memberhentikan/ menamatkan perkhidmatan sekian, sekian ..." semua guna Sultan supaya tidak ada orang yang nak pertikaikan. Saya bimbang yang Sultan tak tahupun, masa itu bila berlaku pemecatan, banyak Duli Yang Maha Mulia Sultan ni dia kata ditamatkan perkhidmatan ini, tengok-tengok orang Pas, tengok-tengok orang Pas, macam mana orang Umno panjang umur sangat perkhidmatan dia, orang Pas mudah pendek umur tapi semua atas nama Duli Yang Mulia Sultan. Saya tak kata Duli Yang Maha Mulia Sultan yang buat, dia atas nama takut atas nama, syarat orangpun nak lantik, sebarang orang, sebarang orang ni almaklumlah, adakah satu enakmen yang lain yang menerangkan syarat-syarat nak jadi Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu, kita bimbang jugak Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu ada orang tak pernah mengikuti Pengajian dan Pentadbiran Islam secara yang formal tiba-tiba dia jadi Ahli Majlis, ini banyak berlaku kalau zaman dulu. Saya takmboh cakap, kalau saya cakap jadi banyak cerita, Ahli Majlis sendiri yang dipertanggungjawabkan untuk jadi Pentadbir Zakat umpamanya resit zakatpun hilang, kita takmboh jadi macam tu. Jadi benda-benda ini saya kena

ambil perhatian, jangan atas nama sewenang-wenang atas nama Duli Yang Maha Mulia Sultan maka pemecatan berlaku, pindaan terhadap pelantikan berlaku dan sebagainya, semua atas nama Sultan, akhirnya nama Sultan jugak..... Jadi bila rakyat nak marah dia kata kenapa pecat? Dia kata Sultan. Inipun satu usaha jugak yang halus untuk menjadikan ramai orang atau menyebabkan beberapa orang yang berasa terkilan dengan Sultan. Selama ini tak terkilan dengan Sultan, rakyat tak terkilan sebab itulah siapa yang kata tadi, bila Sultan balik ramai pergi tunggu, pada masa itu ada orang dok berahi ke Sultan, ada yang tak setuju dengan Sultan, tak senang hati dengan Sultan jadi rakyat yang bawah ini mesti tunjukkan, dia memang mematuhi, menghormati Duli Yang Maha Mulia Sultan. Ramailah orang pergi, ada setengah tu daripada Pas, saya tak tahulah daripada Pas, daripada siapa tapi ramai orang pergi dan ramai jugak orang tak pergi. Ada kain medang tu saya tak tahu siapa, saya sebut sekali lagi sampai tangga tu: "Kami nak ni .....", ada kalimah tu benda apa saya tak berapa faham "natang" ke apa saya tak tahu dia guna dan sampai sekarang tak tahu lagi siapa yang buat. Siapa yang melempar batu dan menyembunyikan tangan saya tak tahu. Kita takmboh jadi peringkat itu, jadi oleh sebab itu Pas bukan nak jadi jaguh tapi kita mahu mengembalikan hak kepada yang empunyanya, yang sebenarnya, memang Sultan dia jaga negeri ini, dia bertanggungjawab bukan soal agama sahaja, segala-galanya mesti bertanggungjawab. Dan saya rasa Kerajaan Negeri Terengganu yang baru ini mungkin lebih prihatin sikit, mungkin ada benda-benda yang mustahak dia nak buat dalam negeri ini, kertas-kertas Exco yang mustahak yang penting sepatutnya dilapor dulu kepada Istana, mendapat pandangan daripada Istana. Saya bimbang takut jadi macam Kerajaan yang lalu kasih kepada Sultan dia nak buat apapun dia tak peduli, Duli Yang Maha Mulia Sultan setuju ke tak setuju, dia buat sebab dia kata dia mendapat majoriti, dia mewakili rakyat, dia boleh buat apa satu dan sebagainya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, itu saja yang nak diberi perhatian Kerajaan baru ni dengan Enakmen Pindaan ini kita setuju, saya setuju pindaan ini tapi jangan mengguna kesempatan dengan pindaan ini menindas, menekan orang-orang yang tidak sebulu dengan orang-orang yang mempunyai kepentingan tertentu di dalam negeri kita ini. Sekian, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Manir. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tadi bila saya mintak diberitahu hanya dua orang yang akan berucap iaitu Yang Berhormat Manir dan Batu Burok, Batu Burok telah berjumpa saya kerana beliau ada urusan penting, jadi saya rasa kita beri peluang kepada pihak Kerajaan untuk menggulung dua ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi jika ada.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato'

Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati yang dihormati sekalian.

Saya cuma nak gulung sikit sahaja. Kita telah dengar dengan panjang lebar perbahasan dari Wakil Kerajaan yang menyebut tujuan dan juga apa yang akan diperolehi hasil daripada pindaan yang akan kita buat ini. Dan kita lihat dalam perbahasan yang dibuat oleh Pembangkang tadi, Wakil Manir tadi, dia cuba putar belit sikit. Kita cakap tentang dan kalau benarlah orang Pembangkang menjunjung tinggi, menghormati Institusi Diraja, jadi sudah tentulah orang PAS sepatutnya dia doa pada Sultan tapi dia *corner* duk cara hal masjid. Saya tidak nafikan Padang Kemunting, Gelung Gajah tu masjid tu dibuat dalam zaman PAS tapi idea asalnyapun adalah orang penyokong PAS yang suruh buat tu, saya boleh sebut namanya kalau nak, baik dengan saya sebab saya mengajar di surau itu dan orang kampung saya. Dialah yang kata kita buat masjidlah di sini, daripada surau kecil buat surau besar dia yang kata kita buat masjid sini. Tak apalah kita bincang, kebetulan PAS kalah buat masjid sungguh dan dari segi syarat dan kitapun macam orang PAS jugak fleksibel. Mana ada kita rombak masjid orang PAS, mana ada kita buat tu. Kalau orang Pas kata dia lak Masjid Gelung Gajah untuk buat Jumaat kitapun lak gitu jugak. Bahkan di Kampung Banggul Setiu dekat lagi, kalau ikut dok munasabah tapi orang PAS buat Jumaat. Zaman PAS pergi temuduga Tok Imam di situ baca Fatihah tak lulus, Mufti ada lantik orang PAS tukang temuduga. Nak khabar bahawa kita jangan tak memperalatkan agama kita buat molek. Dan satu lagi disebut Pembangkang, dia bimbang takut kita guna nama Sultan guananya kita yang pinda daripada dulu jawatan Yang Dipertua MAIDAM ni telahpun tersedia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar automatik Yang Dipertua MAIDAM, Exco Agama Timbalannya, lepas tu ada ahli-ahli tertentu kemudian berapa orang yang akan dipilih. Hari ini kita pinda beri ke Sultan belaka dah, kita pinda ini kuasa budibicara mutlak. Jadi makna kalau zaman dulu berlaku dah benda ini, sekarang ni lebih lagi, yang kita tengok sekarang, hari ini Pembangkang yang banyak guna nama Sultan bila dia tengok ada krisis di antara pihak Kerajaan, diapun mula angkat bendera kuning, berhimpunlah dia, doa tak bacapun ke Sultan. Kalau ada hormat ke Sultan apa salahnya doa kepada Sultan, duk takwil pulak mungkin Sultanpun macam orang lain jugak macam yang disebut, saya takmboh sebutlah di sini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang penting ialah kita ikhlas, yang penting ialah kita buat kerja dengan baik dan memanglah sesuai pindaan ini kerana bidang kuasa agama sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan ialah bidang kuasa bawah Sultan. Maka ini adalah merupakan suatu pindaan yang mengembalikan semula hak Sultan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya tujuan Rang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2008 iaitu suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 iaitu melibatkan Seksyen 8 bagi memberi kuasa untuk melantik dan budi bicara yang mutlak kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bagi seksyen-seksyen lain akan dikaji satu persatu selepas ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat. Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2008. Sekarang saya buka kepada undian –

> Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

> Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.
>
> RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001.
>
> DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti berikut:
>
> 1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)(Pindaan) 2008.
>
> (2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan menjadi **Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)(Pindaan) 2008.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selama 4 hari kita bersidang. Sebelum kita bersurai, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana sidang ini merupakan sidang yang pertama Penggal yang pertama di dalam Dewan Undangan Negeri Kedua Belas, saya percaya banyak pengalaman terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru ke Dewan ini menimba pengalaman, kepada yang sudah lama saya percaya jugak meneruskan pengalaman. Jadi peranan kita semua bukan sekadar untuk berada di sini tapi seterusnya apabila kita berucap sama ada di pihak Ahli Yang Berhormat atau di pihak Kerajaan kita meneruskan tindakan-tindakan seterusnya, apa yang kita tuturkan di sini untuk kepentingan negeri dan rakyat.

Izinkan saya Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, melaporkan dua-tiga perkara demi untuk melihat kredibiliti kita di masa yang akan datang. Yang pertama, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita anggap di Dewan kita ini sebagai *Report Card* dengan izin, ataupun laporan kita kepada rakyat. Kemudian kita juga untuk berada di sini mestilah pada masa akan datang berucap dengan penuh fakta-fakta dan mestilah tepat. Saya juga nampak dalam perbincangan kita sepanjang dua hari, kita berjanji akan melihat kepada kemiskinan rakyat Terengganu dan kita menjadikan tajuk utama peperangan ataupun jihad kita pada masa akan datang. Begitu jugak dibangkitkan mengenai penyampaian Kerajaan terutamanya soal-soal tanah dan juga keperluan rakyat pada masa kini terutama dalam bidang-bidang pembangunan pertanian dan pembangunan ekonomi. Akhir sekali, sebagai Pemerhati saya mendapat maklum balas daripada rakyat daripada dua perkara, ada sebutan yang tidak berapa kena contohnya Ahli-ahli Yang Berhormat kenalah *up-to-date* kita punya pengetahuan contohnya Jabatan Pendidikan ia telahpun ditukar kepada Jabatan Pelajaran. Yang kedua Yang Berhormat, ini untuk Ketua-ketua Jabatan kita saya mendapat *SMS* jugak daripada rakyat semasa sidang ini dilangsungkan di seluruh dunia melalui website kita apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, kita tak sedar disuluh begitu maka rakyat kita nampak di luar sana, ada Ketua-ketua Jabatan yang mungkin tidak tidur tetapi terlena. Jadi kita haraplah pada masa akan datang kalau berasa dok segar, Ketua-ketua Jabatan kita harap bangun

dan pergi menyegarkan diri dan kita masuk semula ke Dewan ini kerana kita tidak mahu melihat Dewan kita ini dilaporkan sebagai tidak bermaya dan sebagainya. Ini satu peringatan kepada kita semua untuk peringatan daripada rakyat secara ikhlas. Ahli-ahli Yang Berhormat saya percaya kita semua ingin melihat yang terbaik daripada sumbangan kita semua.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan kita ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sebelum kita bersurai, sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr mudah-mudahan kita mendapat penuh keuntungan daripada selama kita berada di sini.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.15 PETANG.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 5, 6, 7 DAN 8 MEI 2008

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7, DAN 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah usahawan tani yang berjaya dibantu oleh Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah bermula Januari 2007 sehingga Mac 2008?

JAWAPAN : **JABATAN PERTANIAN**

Bilangan usahawan tani yang berjaya dibantu oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu bermula dari Januari 2007 hingga Mac 2008 mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

BIL.	DAERAH	BIL. USAHAWAN TANI	JENIS KOMODITI
1.	Besut	i. 19 orang ii. 13 orang	Buah-buahan/ Keledek Industri Asas Tani
2.	Setiu	i. 8 orang ii. 3 orang	Buah-buahan Industri Asas Tani
3.	Kuala Terengganu	i. 13 orang ii. 29 orang	Sayur, Buahan, Padi, Fertigasi Industri Asas Tani

4.	Marang	i. 63 orang ii. 22 orang	Sayur, Buahan, Padi Industri Asas Tani
5.	Hulu Terengganu	i. 19 orang ii. 19 orang	Cili Hybrid Industri Asas Tani
6.	Dungun	i. 6 orang ii. 26 orang	Sayuran/ Fertigasi Industri Asas Tani
7.	Kemaman	i. 16 orang ii. 8 orang	Sayuran/Buahan Industri Asas Tani
JUMLAH		**264 ORANG**	

JAWAPAN : **JABATAN VETERINAR**

1. Senarai usahawan Industri Asas Tani Jabatan Veterinar Negeri Terengganu (Kategori Produk Makanan)

Bil.	Daerah	Jumlah Usahawan Industri Asas Tani Yang Dibantu
1.	Kuala Terengganu	9 pengusaha
2.	Kemaman	5 pengusaha
3.	Marang	8 pengusaha
4.	Besut	1 pengusaha
	JUMLAH =	**23 pengusaha**

2. Senarai usahawan Industri Asas Tani Jabatan Veterinar Negeri Terengganu (Kategori Produk Bukan Makanan)

Bil.	Daerah	Jumlah Usahawan Industri Asas Tani Yang Dibantu
1.	Dungun	3 pengusaha
2.	Marang	1 pengusaha
3.	Kemaman	1 pengusaha
4.	Kuala Terengganu	2 pengusaha
5.	Hulu Terengganu	1 pengusaha
	JUMLAH =	**8 pengusaha**

3. Kategori pengeluaran ternakan lembu dan kambing

BIL.	DAERAH	USAHAWAN TANI	
		Lembu	Kambing
1.	Kemaman	16,577	4,378
2.	Marang	12,664	3,913
3.	Dungun	10,583	2,705
4.	Setiu	10,740	3,021
5.	Besut	21,819	5,243
6.	Hulu Terengganu	12,565	2,224
7.	Kuala Terengganu	12,444	6,302
	JUMLAH	**97,392**	**27,786**

** Catatan: - Lembu meningkat sebanyak 4.38%
- Kambing meningkat sebanyak 20.60%

4. Kategori pengeluaran ternakan unggas (ayam, itik dan puyuh)

BIL.	DAERAH	AYAM	ITIK	PUYUH
1.	Kemaman	8	-	2
2.	Marang	33	5	5
3.	Dungun	13	2	-
4.	Setiu	18	2	4
5.	Besut	49	1	3
6.	Hulu Terengganu	22	-	-
7.	Kuala Terengganu	48	8	8
	JUMLAH	**191**	**18**	**22**

: **JABATAN PERIKANAN**

Bilangan Usahawan Perikanan Yang Berjaya Dibantu Oleh Jabatan Perikanan Pada Tahun 2007

DAERAH	PERIKANAN TANGKAPAN	PERIKANAN PEMPROSESAN	AKUAKULTUR
Besut	10	2	10
Setiu	4	3	80
Kuala Terengganu	5	4	31
Marang	6	3	60
Dungun	1	3	70
Kemaman	6	3	70
Hulu Terengganu	-	-	100
JUMLAH	**32**	**18**	**421**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah kawasan yang akan menjadi tumpuan kerajaan untuk menyediakan bekalan air bersih dan pembinaan tangki air yang baru mengikut pecahan daerah di Negeri Terengganu bermula 2008?

JAWAPAN :

1. Pemasangan paip retikulasi baru seluruh negeri yang dianggarkan sepanjang 24.45 km. Senarai mengikut daerah sebagaimana lampiran - rujuk sheet SUK.

2. Pemasangan paip dari Teluk Kalong ke Pasir Panjang, Pulau Redang sepanjang 6 km dan pembinaan tangki air dengan kapasiti 4.55 juta liter.

3. Pemasangan paip dari Kumpal ke Bukit Besi sepanjang 17.3 km.

LAMPIRAN A

CADANGAN SENARAI PROJEK PEMASANGAN PAIP AIR BARU/RETIKULASI TAHUN 2008 PERUNTUKAN P33/06606

BIL.	NAMA PROJEK	PANJANG KM	ANGGARAN KOS	CATATAN
1.	**KUALA TERENGGANU** Pulau Sekati, Kuala Terengganu	0.5	300,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
2.	Kg. Padang Takir, Seberang Takir	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
3.	Kg. Pak Pa, Wakaf Mempelam	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
4.	Jalan Hj. Samat, Gelong Gajah	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
5.	Kg. Pengkalan Setar ke Sg. Pinang	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
6.	Depan Masjid Kg. Kesom ke Pdg. Bola Kesom	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
7.	Rezab JPS Kg. Teluk Pasu	0.3	60,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
8.	Jalan Hj. Salleh ke Kg. Pujuk, Manir	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
9.	Jalan Sungai Derhaka	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
10.	Lrg. Titian Bulat, Binjai Bongkok, Bukit Payong	0.3	60,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
11.	Kg. Gong Tepas, Seberang Marang	0.3	60,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
12.	Tapak Perumahan berdekatan Sek. Keb. Medan Jaya, Marang	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
13.	Kg. Mak Kemas, Bukit Payong, Marang	0.7	140,000	Permohonan dari JKKK
14.	Lubuk Pinang, Kg. Padang Kabar, Marang	0.4	80,000	Permohonan dari JKKK
15.	Kg. Bukit Wan Lingai	0.5	100,000	Permohonan dari penduduk
			1,600,000	

	SETIU			
1.	Kg. Bukit (Bukit Geliung)	0.5	100,000	Permohonan dari JKKK
2.	Sekitar Bukit Putera	0.6	120,000	Permohonan dari JKKK
3.	Sekitar Kg. Gong Terap	1	200,000	Permohonan dari JKKK
4.	Penempatan PPRT Bukit Aman – Bkt. Lawang	1	200,000	Permohonan dari JKKK
5.	Jalan Telaga Papan (Pantai)	0.7	140,000	Permohonan dari penduduk
			760,000	
	DUNGUN			
1.	Jalan Bkt. Marhom, Pulau Serai	0.3	60,000	Permohonan dari JKKK
2.	Jln. Blkg. Sek. Men. Sains Dungun	1	200,000	Permohonan dari JKKK
3.	Kg. Sura Hujung	0.4	80,000	Permohonan dari JKKK
4.	Kg. Paya Dusun	1.3	260,000	Penempatan baru
5.	Kg. Alor Tempoyak	0.8	160,000	Permohonan dari JKKK
			760,000	
	BESUT			
1.	Jalan Pondok Paku ke SMK Jabi, Besut	1.8	396,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
2.	Jalan Rumah PPKT di Kg. Gaung, Besut	0.5	100,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
3.	Jalan Layout Padang Tapong, Besut	1.2	240,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
4.	Jalan Kubang Kuching, Alor Keladi, Besut	0.8	160,000	Permohonan dari ADUN/JKKK
			896,000	

	KEMAMAN			
1.	Jalan Kg. Mak Chili, Kemaman	1	200,000	Permohonan dari penduduk
2.	Jalan Kg. Pengkalan Pandan Luar, Kemaman	0.5	100,000	Permohonan dari penduduk
			300,000	
	HULU TERENGGANU			
1.	Kg. Kuala Akob	1.2	200,000	Permohonan dari JKKK
2.	Kg. Machang, Ajil	1.5	300,000	Permohonan dari JKKK
3.	Kg. Landas	1.35	270,000	Permohonan dari penduduk
			770,000	
JUMLAH:		**24.45**	**5,126,000**	

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5 HINGGA 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH
WAKIL PAKA

SOALAN 1 : Sejauh manakah sambutan pelabur-pelabur di kawasan Perindustrian Kerteh yang dikenali Lot Q?

Apakah jenis-jenis pelaburan yang telah diluluskan dan berapakah jumlah peluang-peluang pekerjaan dari pelaburan berkenaan?

JAWAPAN : Sambutan pelabur-pelabur dalam kawasan perindustrian Lot Q atau dikenali sebagai Taman Industri Plastik Kertih (Kertih Plastics Park) amat menggalakkan. Setakat ini, pelabur yang telah diluluskan ialah:-

i. FMD Polypipes Industry Sdn. Bhd.
ii. Hi-Essence Cable Sdn. Bhd.
iii. EPMS Networking (K.Trg) Sdn. Bhd.

Jenis pelaburan dan peluang pekerjaan yang diluluskan dalam kawasan berkenaan adalah:-

Pelaburan	**Jenis Pelaburan**	**Peluang Pekerjaan**	**Jumlah Pelaburan (RM Juta)**
FMD Polypipes Industry Sdn. Bhd.	Kilang Berasaskan paip plastik (MPVC)	100	46

Hi-Essence Cable Sdn. Bhd.	Pengeluaran kabel	100	50
EPMS Networking (K. Trg.) Sdn. Bhd.	Perusahaan kilang paip plastik	51	4.23

SOALAN 2 : Kerajaan Negeri telah menyediakan 1,000 ekar di kawasan Tok Arun Santong, Paka untuk dijadikan Tapak Industri berasaskan Petroleum dan Gas. Sejauh manakah sambutan yang telah diberikan oleh PETRONAS atau pelabur berkait?

JAWAPAN : Setakat ini, PETRONAS telah menggunakan kawasan seluas 468 ekar di kawasan Tok Arun Santong, Paka untuk membangunkan Loji Pemprosesan Gas 5 dan 6.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5 HINGGA 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan kos asal dan kos sebenar pembinaan Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man serta kerja-kerja berkaitan dan sila senaraikan kontraktor tempatan yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja tersebut beserta dengan jumlah harga yang ditawarkan.

JAWAPAN :

a) Kos Asal dan Kos Sebenar Pembinaan TTI, Pulau Wan Man.

Kos Asal Pembangunan	: RM249,304,390.00
Kos Sebenar Pembangunan	: RM259,251,847.16
(Tambahan kos pembinaan jalan masuk)	: RM9,947,457.16

b) Pakej dan pengagihan kontrak kerja

Pemaju projek ini adalah Taman Tamadun Sdn. Bhd. yang telah menawarkan pakej kerja kepada 64 sub-kontraktor. Dari jumlah tersebut, 36 (56.25%) adalah sub-sub kontraktor/ pembekal tempatan dan 28 (43.75%) adalah sub-kontraktor / pembekal luar. Tiada butiran harga bagi setiap tawaran kerja yang melibatkan antara kontraktor utama dan sub-kontraktornya.

Kontraktor Tempatan : 36 kontraktor melalui 147 pakej kerja.

Kontraktor Luar : 28 kontraktor melalui 83 pakej kerja

Senarai Sub-Kontraktor / Pembekal Tempatan (36 orang).

1. Bintang Cabin S/B
2. Babena Pile S/B
3. Dacing Sempurna S/B
4. WRA Services S/B
5. Pelantar Komponen S/B
6. NAS Enterprise S/B
7. Seni Naluri S/B
8. Sa Fairuz S/B
9. Kejuruteraan Letrik LB S/B
10. Hj. Embong S/B
11. GP Glass S/B
12. SHK Enterprise S/B
13. Bumi Pile S/B
14. Permint Suterasemai S/B
15. Soong Hoe Engineering S/B
16. Noble Palm S/B
17. Hampar Bina S/B
18. Two-Y Communication S/B
19. Babena Trading S/B
20. GPQ S/B
21. EB Granite & Marble S/B (Etika Bakti)
22. Pakatan Nadiwangsa
23. Data Panji
24. Golden Panji
25. GP Doors
26. Hawa Teknik
27. Pioneer Process
28. Habibah Enterprise
29. MZA Bakti
30. Prime Top Dev & Constr.
31. Emarcon
32. Syarikat Pembuat Kusyen
33. Teguh Cabin & Services
34. Weng Cheong Aluminium
35. Paka Kitchen Equipment
36. Kejuruteraan Telemek LNS

Senarai Sub-Kontraktor / Pembekal Luar (28 orang).

1. Sedia Bina S/B
2. Facade Treatment S/B
3. Environvest S/B
4. Kejuruteraan Nagatron S/B
5. Kejuruteraan Semarak Bina S/B
6. Allied Food Service Equipment S/B
7. Net Tiling S/B
8. Megafood Corporation S/B
9. Fast Flow Siphonic S/B
10. Shaman May
11. Carpetraya
12. MACC Builttrend
13. Ceiling Technologies
14. U-Minas
15. Kristal Vision
16. Design Tex
17. Asuwaris
18. Central Regal
19. Park World
20. Keyline
21. Alfo Gallery
22. Richard Lighting
23. Ultimate Circle
24. Kejuruteraan Hua
25. Glass Fibre Reinforced Concrete
26. GFRC
27. Tensys
28. World Equipment

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Nyatakan apakah usaha-usaha kerajaan untuk meramaikan lagi bilangan pemandu pelancong serta meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka supaya mereka menjadi pemandu pelancong yang bertaraf antarabangsa terutamanya di Daerah Hulu Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia, PERHILITAN, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu dan TESDEC sentiasa mengadakan latihan secara berterusan sehingga ke peringkat persijilan bagi menambah bilangan pemandu pelancong sama ada pemandu pelancong alam semula jadi (nature guide) dan pemandu pelancong bandar (city guide).

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu turut menyediakan beberapa kursus jangka pendek yang turut disasarkan kepada pemandu pelancong sebagai nilai tambah kepada kumpulan ini. Antara kursus-kursus yang bersesuaian adalah Kursus Mesra Malaysia, Kursus Tourism English, Kursus Etika, Komunikasi dan Penampilan, Seminar Pengurusan Krisis dan Kursus Pembangunan Produk Pelancongan dan Pemasaran berkesan.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7, DAN 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah tenaga kerja tempatan dan asing yang diambil oleh hypermarket GIANT dan MYDIN mengikut pecahan jawatan dan kewarganegaraan (untuk pekerja asing).

JAWAPAN :

Statistik tenaga kerja dan peluang pekerjaan di Hypermarket MYDIN

- 363 orang tempatan atau 73.04% telah bekerja dalam pelbagai bidang di Hypermarket MYDIN di mana 38 orang atau 11.69% dalam bidang pengurusan.

- Bilangan Buruh Asing pula adalah seramai 134 orang atau 26.96% daripada India dan Nepal.

Statistik tenaga kerja dan peluang pekerjaan di Hypermarket GIANT

- 99% atau 180 orang daripada tenaga kerja pelbagai bidang di Hypermarket GIANT adalah daripada tenaga kerja tempatan.

- Manakala tenaga asing yang bekerja di Hypermarket GIANT berjumlah 14 orang atau 7.22% daripada Nepal.

SOALAN 2 : Berapakah kos untuk mengadakan program yang dicatatkan di dalam Malaysia Book of Records bagi:

a) Jom Bersih (2006)
b) Melukis Jalur Gemilang di dasar laut (2006) dan
c) Majlis Khatam Al-Quran Pelajar Tadika (2006 dan 2007).

JAWAPAN : Kos yang terlibat untuk mengadakan program yang dicatatkan di dalam Malaysia Book of Records bagi:-

a) Jom Bersih (2006) adalah sebanyak RM482,974.84 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Empat dan Sen Lapan Puluh Empat Sahaja).

b) Melukis Jalur Gemilang di dasar laut (2006) adalah sebanyak RM60,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu Sahaja).

c) Bagi Majlis Khatam Al-Quran Pelajar Tadika Tahun 2006, Yayasan Islam Terengganu telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM173,567.25 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Enam Puluh Tujuh dan Sen Dua Puluh Lima Sahaja) dengan bilangan kanak-kanak yang khatam Al-Quran seramai 937 orang.

Manakala bagi tahun 2007 pula adalah RM450,520.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus Dua Puluh Sahaja) dengan bilangan kanak-kanak yang khatam Al-Quran seramai 2,010 orang.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5 HINGGA 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Apakah usaha-usaha yang telah dirancang dan akan diambil untuk memperdalamkan muara Sungai Dungun.

JAWAPAN : Kerajaan sedar bahawa semua muara sungai di Terengganu mengalami masalah pemendapan pasir termasuk Sungai Dungun.

Di antara faktor yang menyebabkan pemendapan yang agak serius di muara Sungai Dungun ialah pembinaan tembok penahan sementara Jambatan Pintasan (yang dibina semasa pembinaan jambatan tersebut) yang telah disiapkan akhir 2007.

Kerja-kerja merobohkan tembok penahan sementara sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan ini akan memberi kesan yang baik terhadap aliran sungai dan akan mengurangkan masalah mendapan.

Walaupun masalah pemendapan di muara Sungai Dungun telah dikategorikan sebagai keutamaan peringkat kedua berbanding dengan lain-lain muara sungai, JPS Negeri telah memanjangkan masalah ini kepada JPS Malaysia untuk diambil tindakan seterusnya.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7, DAN 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu bagi menampung anak-anak Terengganu melanjutkan pelajaran ke IPT dalam dan luar negeri?

JAWAPAN : Jumlah pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu bagi menampung anak-anak Terengganu yang sedang mengikuti pengajian di IPT dalam dan luar negeri sehingga April 2008 adalah seperti berikut:

Pinjaman:

IPTA	- RM	13,079,200.00
IPTS	- RM	4,175,530.00
KEMAHIRAN (MLVK)	- RM	8,832,122.00
LUAR NEGARA	- RM	8,112,428.00

Biasiswa:

A-LEVEL	- RM	494,489.77
Bantuan Persediaan	- RM	15,962,600.00
Jumlah :		**RM50,656,369.77**

SOALAN 2 : Berapakah jumlah sekolah-sekolah baru yang telah dibina di Negeri Terengganu sejak tahun 2004 dan perincikan jumlahnya mengikut daerah?

JAWAPAN : Jumlah sekolah-sekolah baru yang dibina sejak tahun 2004 mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BIL. SEKOLAH
1.	BESUT	1
2.	DUNGUN	2
3.	HULU TERENGGANU	3
4.	KEMAMAN	2
5.	KUALA TERENGGANU	1
6.	MARANG	1
7.	SETIU	1
JUMLAH:		**11**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 5, 6, 7 DAN 8 MEI 2008

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 9.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Berapakah kos asal dan kos sebenar pembinaan Pasar Kedai Buloh dan bilakah dijangka siap?

JAWAPAN : Pasar Kedai Buloh dilaksanakan secara dua fasa.

(i) Fasa 1 adalah kerja-kerja membekal dan menambun tanah. Harga kontrak asal adalah sebanyak RM1,206,713.50 manakala kos muktamad adalah RM1,284,798.20 selepas pengiraan kuantiti sebenar dilakukan. Kerja fasa pertama ini telah siap pada 17 Februari 2007.

(ii) Fasa 2 adalah kerja membina pasar baru. Harga kontrak asal adalah sebanyak RM8,775,254.50. Sehingga sekarang tidak ada kerja tambahan diberikan. Kerja pembinaan berjalan lancar dan dijangka siap sepertimana tempoh kontrak asal iaitu pada 17 November 2008 ini.

SOALAN 2 : Setakat manakah proses pembesaran jalan antara Bukit Payong ke Chendering dalam usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang agak terdesak pada masa sekarang?

JAWAPAN : Projek ini telah dipohon di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 dan keputusan mengenainya masih belum diterima.

SOALAN 3 : Apakah status tanah yang dibina bangunan Universiti College Sedaya International (UCSI) di Bukit Kor, Marang sama ada melalui pemberian Kerajaan Negeri Terengganu atau pembelian pihak Universiti dan berapakah kosnya?

JAWAPAN : Status tanah yang dibina Bangunan Universiti College Sedaya International (UCSI) di Bukit Kor, Marang adalah tanah milik UCSI Education Sdn. Bhd. Asalnya tanah ini merupakan tanah kerajaan seluas 16.19 hektar yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada UCSI Education Sdn. Bhd. melalui keputusan mesyuarat MMKN Kertas Bil. 166D/2006 bertarikh 15 Februari 2006. Premium tanah yang dikenakan adalah berjumlah RM40,000.00 satu lot iaitu 10% daripada nilaian pasaran semasa (RM400,000.00 satu lot). Kadar tersebut juga telah dipersetujui dikenakan ke atas tanah-tanah di kawasan yang sama (Bukit Kor Mukim Rusila) bagi tujuan pusat pendidikan yang telah diluluskan.